



# PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU  
MESYUARAT PERTAMA  
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
KEEMPAT BELAS**

Pada

PADA 1, 2, 3 DAN 4 JULAI 2018

*bersamaan*

17, 18, 19 DAN 20 SYAWAL 1439

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU  
MESYUARAT PERTAMA  
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
KEEMPAT BELAS**

Pada  
PADA 1, 2, 3 DAN 4 JULAI 2018

*bersamaan*

17, 18, 19 DAN 20 SYAWAL 1439

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu

# **DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS**

*daripada:*

**SETIAUSAHA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU**

**MESYUARAT YANG PERTAMA  
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS**

**KANDUNGAN**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>AHAD, 1 JULAI 2018</b>		
1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Perisytiharan.	5
3.	Pemilihan Yang Dipertua Dewan.	8
4.	Yang Dipertua Dewan Mengangkat Sumpah.	9
5.	Upacara Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan.	9
<b>ISNIN, 2 JULAI 2018</b>		
1.	Nama Ahli-ahli.	13
2.	Doa.	17
3.	Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu.	17
<b>SELASA, 3 JULAI 2018</b>		
1.	Nama Ahli-ahli.	26
2.	Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.	30
3.	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.	33
4.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
4.1.	Soalan-soalan Bertulis.	34
4.2.	Soalan-soalan Lisan.	36

5.	Usul Yang Telah Diberi Notis:	
-	Usul Merafak Sembah Ucapan Penghargaan Dan Menjunjung Kasih.	60
-	Ucapan Perbahasan Ke Atas Usul Merafak Sembah Ucapan Penghargaan Dan Menjunjung Kasih	60

**RABU, 4 JULAI 2018**

1.	Nama Ahli-ahli.	117
2.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
-	Soalan-soalan Lisan.	121
3.	Usul Merafak Sembah Ucapan Penghargaan Dan Menjunjung Kasih.	
-	Sambungan Perbahasan.	146
4.	Pelantikan Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri.	216
5.	Pelantikan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) Negeri.	217
6.	Pelantikan Ahli Dewan Negara.	218
7.	Tangguhan.	221
8.	Lampiran [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]	222

---

**PERSIDANGAN**

**PADA HARI AHAD, 1 JULAI 2018**

---

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR:**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Haji Yahaya bin Ali, PJC

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,  
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman

**WAKIL KOTA PUTERA**

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
**WAKIL TEPOH**

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi  
**WAKIL BATU BUROK**

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
**WAKIL SURA**

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
**WAKIL BULUH GADING**

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
**WAKIL MANIR**

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
**WAKIL RANTAU ABANG**

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong  
**WAKIL PENGKALAN BERANGAN**

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed  
**WAKIL BANDAR**

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim  
**WAKIL AIR PUTIH**

Yang Berhormat Maliaman bin Kassim  
**WAKIL AJIL**

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili  
**WAKIL KEMASIK**

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.  
**WAKIL SEBERANG TAKIR**

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
**WAKIL KIJAL**

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.  
**WAKIL TELEMONG**

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Dato' Halim bin Jusoh  
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji A. Rahman bin Yahya, DPMT.,AMZ.,KMN.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Haji Wan Mohd bin Wan Ibrahim, DPMT.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

### PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Marilah kita sama-sama memulakan majlis ini dengan membaca Ummul Kitab, Al-Fatiyah.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Majlis Pelantikan Yang Dipertua Dewan dan Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas pada pagi ini akan dimulakan dengan – **Membaca Perisytiharan Memanggil Mesyuarat dan diikuti dengan Pemilihan Yang Dipertua Dewan serta Upacara Mengangkat Sumpah Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan. Selepas itu akan diadakan Upacara Mengangkat Sumpah Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri.**

Sekarang saya akan teruskan dengan membaca **PERISYTIHARAN:**

### **PERISYTIHARAN**

Oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat DiRaja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.), Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.), Darjah Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.U.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. (Perlis)), Darjah Kerabat Johor

Yang Amat Dihormati (D.K. (Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. (Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K. (Perak)), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. (Negeri Sembilan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. (Kedah)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. (Kelantan)), Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati (D.K. (Selangor)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala Jajahan Takluknya.



xxx t.t. xxx

.....  
Sultan Terengganu

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal 44(1) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) bahawa BETA hendaklah dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri bermesyuarat:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat DiRaja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.), Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.), Darjah Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.U.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. (Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. (Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. (Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K. (Perak)), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. (Negeri Sembilan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. (Kedah)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. (Kelantan)), Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati (D.K. (Selangor)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala Jajahan Takluknya, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada BETA sebagaimana yang tersebut, ADALAH DENGAN INI memanggil Dewan Undangan Negeri bermesyuarat dan menetapkan 1 haribulan Julai 2018 bersamaan dengan 17 haribulan Syawal 1439 pada pukul 9.30 pagi sebagai tarikh dan masa bagi Mesyuarat Pertama dalam Penggal Pertama bagi Dewan Undangan Negeri Keempat Belas yang akan diadakan di dalam Dewan Undangan Negeri di Kuala Terengganu.

Dikurniakan di Istana Badariah, Kuala Terengganu,  
pada 27 haribulan Mei 2018 bersamaan  
dengan 11 haribulan Ramadan 1439

[SUK.TR.637/(C) BHG.6]

Yang Menjunjung Titah Perintah  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia,

xxx t.t. xxx

.....  
DR. AHMAD SAMSURI BIN  
MOKHTAR  
*Menteri Besar, Terengganu*

### **PEMILIHAN YANG DIPERTUA DEWAN**

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menurut Fasal 27A Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) dan mengikut Fasal 1 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri, Majlis Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas pada hari ini akan diteruskan dengan memilih seorang Yang Dipertua Dewan.

Saya telah menerima satu surat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar bertarikh 20 Jun 2018 memberitahu cadangan Yang Amat Berhormat hendak mengemukakan calon untuk dipilih sebagai Yang Dipertua Dewan dan calon yang dicadangkan itu juga telah memberikan kesanggupan berkhidmat sekiranya beliau dipilih. Ini adalah

menepati dengan kehendak Fasal 2(1) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Oleh yang demikian, saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk mengemukakan cadangan.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan hormatnya memohon membuat cadangan seperti berikut:

**Bahawa saya cadangkan Yang Berbahagia Tuan Haji Yahaya bin Ali mengambil tempat di dalam Dewan ini sebagai Yang Dipertua Dewan.**

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menyokong cadangan itu.

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian, menurut Fasal 2(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri, saya dengan ini memasyhurkan bahawa **Yang Berbahagia Tuan Haji Yahaya bin Ali** dipilih sebagai Yang Dipertua Dewan.

Saya dengan ini mempersilakan **Yang Berhormat Haji Yahaya bin Ali** untuk mengangkat sumpah dan mengambil tempatnya sebagai Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu Darul Iman.

**YANG BERBAHAGIA HAJI YAHAYA BIN ALI SEBELUM MENGAMBIL TEMPAT YANG DIPERTUA DEWAN, MENGANGKAT SUMPAH MEMEGANG JAWATAN YANG DIPERTUA DEWAN DI HADAPAN SETIAUSAHA DEWAN.**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana telah memberi kepercayaan untuk diberi amanah sebagai Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas.

Sebelum Upacara Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Yang Berhormat dimulakan, saya mohon izin untuk menangguhkan sekejap Dewan ini.

**BENTARA MESUARAT, SETIAUSAHA DEWAN DAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN BERARAK KELUAR DEWAN DAN MASUK SEMULA**

**DIDAHULUI DENGAN BENTARA MESYUARAT  
MEMBAWA COKMAR.**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, majlis disambung semula.

**UPACARA MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI DEWAN**

Sekarang saya akan mulakan **UPACARA MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU**. Bagi memulakan upacara ini, saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Wakil Rhu Rendang, Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar tampil ke hadapan. Sementara itu Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sila bersedia mengikut giliran susunan tempat duduk:-

Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat  
(Wakil Paka)

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
(Wakil Bukit Tunggal)

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
(Wakil Bukit Payong)

Y.B. Dr. Azman bin Ibrahim  
(Wakil Jabi)

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar  
(Wakil Ladang)

Y.B. Ariffin bin Deraman  
(Wakil Alur Limbat)

Y.B. Haji Hanafiah bin Mat  
(Wakil Cukai)

Y.B. Wan Sukairi bin Abdullah  
(Wakil Wakaf Mempelam)

Y.B. Dr. Haji Mamad bin Puteh  
(Wakil Kuala Berang)

Y.B. Haji Nurkhuzaini bin Ab. Rahman  
(Wakil Kota Putera)

Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
(Wakil Tepoh)

Y.B. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi  
(Wakil Batu Buruk)

Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
(Wakil Sura)

Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim  
(Wakil Buluh Gading)

Y.B. Haji Hilmi bin Harun  
(Wakil Manir)

Y.B. Haji Alias bin Harun  
(Wakil Rantau Abang)

Y.B. Sulaiman bin Sulong  
(Wakil Pengkalan Berangan)

Y.B. Ahmad Shah bin Mohamed  
(Wakil Bandar)

Y.B. Ab. Razak bin Ibrahim  
(Wakil Air Putih)

Y.B. Maliaman bin Kassim  
(Wakil Ajil)

Y.B. Ir. Saiful Azmi bin Suhaili  
(Wakil Kemaskik)

Y.B. Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman  
(Wakil Seberang Takir)

Y.B. Dato' Seri Haji Ahmad bin Said  
(Wakil Kijal)

Y.B. Dato' Haji Rozi bin Mamat  
(Wakil Telemong)

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad  
(Wakil Hulu Besut)

Y.B. Haji Roslee bin Daud  
(Wakil Bukit Besi)

Y.B. Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof  
(Wakil Jertih)

Y.B. Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor  
(Wakil Langkap)

Y.B. Haji Bazlan bin Abd. Rahman  
(Wakil Batu Rakit)

Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman  
(Wakil Kuala Besut)

Y.B. Datuk Abd. Halim bin Jusoh  
(Wakil Permaisuri)

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita telah selesai mengadakan Majlis Mengangkat Sumpah Seluruh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu. Semoga majlis kita pada pagi ini mendapat barakah dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan ini, saya ingin tangguhkan Persidangan ini kepada hari esok , 2 Julai 2018, jam 9.30 pagi. Sebelum kita bersurai, ada sedikit pemakluman iaitu selepas pada ini ada Sesi Bergambar untuk semua Ahli-ahli Yang Berhormat bersama dengan Anggota Pentadbiran Kerajaan. Yang kedua, saya ingin menjemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menikmati jamuan ringan di Damai Lounge. Manakala bagi ketua-ketua jabatan di Perkarangan U2 di luar sana.

Marilah sma-sama kita tangguh majlis ini dengan membaca Tasbih Kafarah dan Suratul 'Asr.

Saya tangguhkan mesyuarat kita. Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.00 PAGI.**

---

**PERSIDANGAN**  
**PADA HARI ISNIN, 2 JULAI 2018**

---

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR:**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Haji Yahaya bin Ali, PJC

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,  
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman

**WAKIL KOTA PUTERA**

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
**WAKIL TEPOH**

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi  
**WAKIL BATU BUROK**

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
**WAKIL SURA**

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
**WAKIL BULUH GADING**

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
**WAKIL MANIR**

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
**WAKIL RANTAU ABANG**

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong  
**WAKIL PENGKALAN BERANGAN**

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed  
**WAKIL BANDAR**

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim  
**WAKIL AIR PUTIH**

Yang Berhormat Maliaman bin Kassim  
**WAKIL AJIL**

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili  
**WAKIL KEMASIK**

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.  
**WAKIL SEBERANG TAKIR**

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
**WAKIL KIJAL**

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.  
**WAKIL TELEMONG**

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Dato' Halim bin Jusoh, DPSM.  
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji A. Rahman bin Yahya, DPMT.,AMZ.,KMN.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Haji Wan Mohd bin Wan Ibrahim, DPMT.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

#### PUKUL 10.20 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah sama-sama kita membaca Ummul Kitab, Al-Fatihah. ....[ Al-Fatihah ] .....

Perkara pertama dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

#### **DOA**

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN KELUAR  
DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMOHON PERKENAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN DAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH  
TERENGGANU UNTUK BERANGKAT KE MAJLIS DEWAN  
UNDANGAN NEGERI.

**TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SULTAN TERENGGANU**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil Alamin, Wabihi Nastain.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang BerhORMAT Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, Yang BerhORMAT Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan rahmat-Nya dapat Beta dan Sultanah hadir untuk menyempurnakan Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Keempat Belas Tahun 2018 pada pagi yang bersejarah ini.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Solallahu 'Alaihi Wasallam dan sekalian ahli keluarga, para sahabat serta seluruh umat Baginda.

Alhamdulillah, Beta bersyukur kerana Pilihan Raya ke-14 telah berlangsung dengan aman dan selamat. Rakyat negeri ini telah melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan dalam memilih kerajaan untuk mentadbir Negeri Terengganu bagi Penggal ke-14 ini.

Sehubungan dengan itu, adalah menjadi hasrat Beta agar Kerajaan ini dapat merangka, merancang dan melaksanakan program-program meningkatkan tahap sosio-ekonomi dan kemakmuran Negeri. Kerajaan baharu juga diharap dapat meneruskan kesinambungan pentadbiran Kerajaan terdahulu dengan penambahbaikan bagi memastikan matlamat untuk menzahirkan negeri maju dan berpendapatan tinggi dicapai selaras dengan slogan Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera.

Beta dimaklumkan kadar KDNK Negeri Terengganu mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.9 peratus pada tahun 2017 berbanding 3.1 peratus pada tahun 2016. Peningkatan KDNK tersebut disokong oleh pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan, pembinaan dan pertanian.

Peningkatan kadar pertumbuhan ekonomi sektor perkhidmatan disumbangkan melalui peningkatan aktiviti perdagangan, borong dan peruncitan serta komunikasi dan perhotelan. Peningkatan sektor pembinaan pula disumbangkan oleh pertambahan pelaburan swasta dalam aktiviti projek perumahan dan perniagaan di samping perbelanjaan Kerajaan dalam pembangunan infrastruktur seperti pembinaan jalan dua lorong dari Kuala Terengganu ke Kemaman. Manakala peningkatan dalam sektor pertanian pula disumbangkan melalui aktiviti komoditi utama dalam perladangan getah dan kelapa sawit.

Beta berharap, dengan iltizam untuk terus maju dan perancangan pembangunan yang lebih jitu, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan utama dalam menarik pelaburan di sektor pembuatan dan perkilangan melalui pelaburan tempatan dan pelaburan langsung asing (FDI). Dengan ini adalah diharapkan senario ekonomi negeri akan terus mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan bagi tahun-tahun hadapan.

Beta berharap pentadbiran Kerajaan Negeri dapat memastikan pengurusan kewangan diuruskan secara berhemat dan perbelanjaan Negeri dipantau dengan teliti. Tumpuan hendaklah dijuruskan kepada program dan projek yang dapat mengatasi masalah rakyat dalam suasana ekonomi yang mencabar pada hari ini. Adalah besar harapan Beta agar anggaran hasil untuk tahun 2018 sebanyak RM1.815 bilion dapat dicapai dan mampu diurus dengan baik melalui perancangan belanjawan yang memberi impak positif kepada negeri dan rakyat.

Keutamaan haruslah diberikan bagi merangka dan merancang program-program bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat dan seterusnya menyumbang ke arah kesejahteraan hidup rakyat Beta. Projek dan program yang memberi impak secara langsung kepada rakyat mestilah diteruskan dan ditambah baik setelah mengambil kira kemampuan kewangan negeri.

Pada pandangan Beta, Kerajaan Negeri juga perlu memberi tumpuan dalam usaha merangka dan merancang program-program untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dengan meningkatkan hasil pendapatan negeri, mengatasi masalah peningkatan kos sara hidup, menambah peluang-peluang pekerjaan bagi mengurangkan kadar pengangguran dan membina lebih banyak rumah kediaman terutama kepada golongan B40.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta dimaklumkan Kerajaan Negeri telah menujuhan Jawatankuasa Hasil Negeri bagi merancang langkah-langkah untuk meningkatkan pendapatan hasil negeri. Selain itu, ianya juga bagi mencari kaedah untuk mengurangkan

kebergantungan Kerajaan Negeri kepada royalti minyak dan gas semata-mata kerana disebabkan ketidaktentuan harga minyak mentah dunia yang bermula pada tahun 2016, jumlah pendapatan hasil negeri telah berkurang sehingga sekitar 40 peratus setiap tahun.

Oleh yang demikian, Beta berharap Jawatankuasa tersebut membuat kajian dan mengambil langkah-langkah agresif dan inovatif dalam menambah dan meningkatkan kutipan hasil negeri seperti kajian kadar fi urusniaga tanah, cukai galian dan batuan, caj air mentah dan caj khusus bagi penginapan di hotel. Jawatankuasa juga boleh mengkaji mekanisma yang telah digunakan di negeri-negeri lain untuk dilaksanakan di negeri ini mengikut kesesuaian ke arah meningkatkan hasil negeri di samping melaksanakan dasar berbelanja secara berhemat.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga boleh mengeksplotasi keindahan alam semulajadi, pantai dan pulau seperti Setiu Wetland, Pulau Redang, Pulau Perhentian, Pulau Kapas dan Tasik Kenyir bagi menarik pelancong asing dan tempatan untuk menggiatkan ekonomi setempat.

Penubuhan Majlis Petroleum Terengganu (TPC) pada Mei 2017 bertujuan untuk memastikan kedaulatan Negeri Terengganu sebagai pengeluar minyak dan gas yang utama di Semenanjung Malaysia dapat dilindungi hak dengan sewajarnya demi kepentingan rakyat dan negeri.

Beta berharap dengan penubuhan TPC, Kerajaan Negeri Terengganu dapat menggunakan sebagai platform dalam menangani urusan yang berkaitan royalti dan tuntutan hak Telaga Minyak Bertam, menambah peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat Beta dalam industri minyak dan gas.

Adalah menjadi harapan Beta agar Kerajaan Negeri dapat merangka lebih banyak program dan aktiviti bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat di samping mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan. Beta percaya hubungan yang rapat di antara keduanya dapat mengukuhkan hubungan dua hala, seterusnya memberi banyak manfaat kepada Kerajaan Negeri dalam memacu pembangunan Terengganu.

Beta difahamkan Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti pemberian air percuma 20 meter padu kepada rakyat miskin dan merancang untuk memperkenalkan Kad Sejahtera yang bernilai RM500 setahun bertujuan untuk memberikan kemudahan rawatan di klinik-klinik swasta terpilih. Kerajaan juga telah menghidupkan semula perkhidmatan bas henti-henti menerusi perkhidmatan MyBas di samping beberapa inisiatif lain yang dirancang bertujuan meringankan bebanan dalam menangani peningkatan kos sara hidup kepada rakyat terutama kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Alhamdulillah, mudah-mudahan nasib golongan ini terbela dan kita semua diberkati Allah Subhanahu Wata'ala.

Beta amat bersyukur kerana MAIDAM juga memainkan peranan penting dalam menguruskan tanah-tanah wakaf dan agihan zakat bagi membantu rakyat miskin dalam menangani peningkatan kos sara hidup. Manfaat wakaf dan zakat ini kemudiannya dapat diagihkan kepada golongan asnaf melalui bantuan sara hidup, bantuan bulanan, bantuan bina/baiki rumah, bantuan perubatan dan lain-lain.

Justeru itu, Beta menyeru agar supaya semua pihak sama ada individu maupun agensi termasuk anak syarikat Kerajaan Negeri supaya dapat sama-sama menunaikan tanggungjawab kewajipan berzakat. Ini bagi memastikan asnaf di dalam Negeri Beta mendapat hak dan dijaga kemaslahatan melalui bantuan zakat.

Kerajaan Negeri perlulah mengambil langkah-langkah proaktif bagi menarik lebih banyak pelaburan daripada syarikat asing dan domestik dalam pelaburan yang berintensifkan modal dan berteknologi tinggi seperti bidang bioteknologi, petrokimia, perindustrian besi keluli serta silika dan pertanian bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Beta.

Untuk itu, Beta berharap Kerajaan Negeri dapat mewujudkan lebih banyak tenaga kerja berkemahiran tinggi di pelbagai sektor dengan memperkasa dan memperbanyakkan program latihan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja semasa melalui institusi pendidikan dan latihan di bawah Kerajaan Negeri seperti Terengganu Advanced Technical Institute (TATI), Terengganu Timber Industry Training Centre (TTITC), Terengganu Skills Development Centre (TESDEC) dan Terengganu Safety Training Centre (TSTC).

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga perlu meningkatkan inisiatif kepada golongan belia untuk menceburi sektor pertanian seperti mengusahakan tanaman Melon Manis Terengganu dan "*Terengganu Golden Corn (TGC)*" serta melibatkan diri dalam industri pengusahaan lebah madu secara komersial. Beta juga menyeru kepada rakyat Beta agar menceburi dan meneroka produk-produk pertanian baharu yang mempunyai potensi pada masa hadapan. Adalah amat baik Kerajaan mempelbagaikan usaha untuk menjadikan sektor pertanian sebagai sektor yang diminati oleh golongan belia.

Selain daripada itu, Beta melihat bahawa dunia keusahawanan moden mendapat permintaan yang semakin meningkat. Seajar dengan Revolusi Industri 4.0, Beta menyeru kepada rakyat Beta agar meneroka bidang-bidang perniagaan baharu yang berpotensi untuk menjana pendapatan yang lumayan seperti jualan dan

perkhidmatan *online* yang menjadi gaya hidup masa kini. *Car boot sale* dan *food truck* juga dilihat semakin popular di kalangan masyarakat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta juga berharap Kerajaan Negeri memberi penekanan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dengan menyediakan lebih banyak projek-projek perumahan bagi memastikan setiap rakyat memiliki rumah sendiri.

Beta berasa amat gembira kerana pelbagai usaha murni telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah melalui Program Perumahan Terengganu Sayang (PPTS). Beta dimaklumkan pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM32 juta untuk membina atau membaikpulih rumah melalui program tersebut. Beta berasa amat sukacita kerana Kerajaan Negeri merancang untuk memperuntukkan sebanyak RM50 juta melalui Tabung Pinjaman Perumahan Rakyat bagi membantu rakyat yang berpendapatan rendah membuat pinjaman perumahan.

Beta turut dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sedang melaksanakan Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air Bukit Sah, Kemaman yang berkapasiti 225 juta liter sehari dan Projek Membina Loji Bekalan Air Kuala Terengganu Utara dengan kapasiti 120 juta liter sehari. Kedua-dua loji ini bertujuan untuk menampung keperluan bekalan air bagi kegunaan industri dan domestik di Daerah Kemaman dan Daerah Kuala Nerus.

Projek ini akan memberi manfaat yang besar kepada rakyat Negeri Terengganu terutamanya dalam membekalkan air terawat yang mencukupi serta meningkatkan tekanan air di beberapa kawasan yang terjejas sebelum ini. Dengan terlaksananya dua buah projek utama ini, permintaan bekalan air bersih di Negeri Terengganu akan terjamin sekurang-kurangnya sehingga ke tahun 2050.

Di dalam apa juu keadaan, kesejahteraan rakyat adalah keutamaan. Justeru itu, Beta amat berharap Program Bandar Selamat termasuklah aktiviti meningkatkan keceriaan dan keindahan bandar-bandar diperluaskan ke seluruh kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan.

Tiada yang lebih penting bagi sesebuah negeri melainkan diberitakan tentang kehidupan rakyat yang selesa dan sejahtera. Beta turut berbangga dengan

pencapaian Pihak Berkuasa Tempatan di peringkat negeri dan nasional. Ini menunjukkan bahawa pelbagai usaha dan inisiatif telah diambil bagi menyediakan kemudahan asas kepada rakyat.

Beta juga berasa amat sukacita atas usaha Kerajaan Negeri yang tidak pernah jemu dalam memastikan syiar Islam sentiasa bersinar di bumi Darul Iman ini. Beta difahamkan pada tahun ini sebanyak 16 buah masjid baru sedang dalam pembinaan manakala kos penyelenggaraan bagi masjid-masjid sedia ada turut diperuntukkan.

Sebagai pusat pengembangan ilmu, Beta penuh yakin bahawa masjid mampu diperkasakan lagi fungsinya dengan lebih berkesan. Pengajian kelas-kelas bersiri melalui program Dai'e, Muallim, Takmir, serta penceramah-penceramah jemputan adalah salah satu medium untuk melahirkan masyarakat Islam berilmu dalam melaksanakan amalan sehari-hari mereka.

Beta turut berbangga apabila sistem pengajaran dan pembelajaran, penyampaian khutbah serta hebahan-hebahan menggunakan sepenuhnya teknologi dan multimedia yang dibekalkan kepada masjid. Dengan cara ini, ilmu dan maklumat dapat disampaikan dengan lebih cepat dan tepat selari dengan peredaran dunia tanpa sempadan.

Satu lagi platform ilmu yang melonjakkan fungsi masjid adalah pengwujudan kelas-kelas Sijil Pengajian Islam Terengganu dalam bidang-bidang pengajian Tauhid, Feqah, Tasawuf dan yang berkaitan dengannya secara sistematik dan strategik mengikut tempoh-tempoh pengajian yang telah ditetapkan.

Inisiatif begini perlu sentiasa dikekalkan di Negeri Terengganu bagi memastikan masjid dan surau sebagai tempat yang paling relevan dalam penyatuan ummah. Semoga usaha-usaha yang dijalankan ini akan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya mengekalkan Terengganu Darul Iman sebagai sebuah Negeri yang maju berteraskan Islam.

Beta juga difahamkan Kerajaan Negeri telah menubuhkan Madrasah Moden bagi menampung ketidakmampuan sekolah-sekolah agama arus perdana dalam menyediakan peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang keagamaan. Beta dimaklumkan, pelajar-pelajar yang sedang menuntut ini telah pun mendapat kepercayaan masyarakat setempat untuk mengetuai majlis-majlis keagamaan seperti tahlil, marhaban, khatam Al-Quran, berzanji, aqiqah dan lain-lain. Beta menaruh harapan yang tinggi kepada lepasan madrasah moden ini nanti agar menjadi golongan muda dan pelapis yang dapat memberi manfaat secara lebih berkesan kepada institusi masjid dan surau di samping menjadi tempat rujukan masyarakat setempat.

Beta berbangga dengan usaha Kerajaan Negeri dalam meneruskan kecemerlangan pendidikan dan pembangunan modal insan di Terengganu. Legasi kecemerlangan ini diteruskan melalui pencapaian cemerlang UPSR 2017 yang telah mencatatkan peningkatan yang cukup memberangsangkan. Jumlah murid yang mendapat 6A ialah 560 orang berbanding tahun 2016 seramai 271 orang. Terengganu sekali lagi mencipta sejarahnya yang tersendiri melalui Keputusan SPM 2017 dengan Gred Purata Negeri 4.90.

Beta juga maklum akan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri melalui pemberian Dana Bantuan Persekolahan, Saguhati Kecemerlangan dan Bantuan Persediaan Melanjutkan Pelajaran setiap tahun bagi meringankan beban para ibu bapa dari golongan berpendapatan rendah. Begitu juga langkah membangunkan I-Kelas dan Program Tuisyen *Online* diharap dapat memberi kemudahan kepada pelajar untuk mengulangkaji pelajaran tanpa had waktu dan tempat. Kerjasama erat daripada pelbagai jabatan, agensi negeri, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta lain-lain lagi amat penting bagi memastikan agenda kecemerlangan tercapai. Semoga lebih banyak lagi program-program sedemikian dapat dirancang agar generasi masa depan menjadi insan yang cemerlang duniawi dan ukhrawi.

Beta berasa amat sukacita apabila tiga pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut telah mengharumkan nama Negara dan Negeri Terengganu khasnya. Mereka telah dinobatkan sebagai Juara Program Pembangunan Sumber Manusia Untuk Tenaga Nuklear anjuran Agensi Tenaga Atom Antarabangsa di Gyeongju, Korea Selatan pada 29 Mei 2018 yang lalu. Lebih membanggakan apabila pasukan ini telah berjaya menewaskan 520 murid mewakili 188 pasukan dari 30 negara termasuk negara-negara maju lain seperti Amerika Syarikat, Hungary, Jepun dan Korea Selatan. Tahniah dan syabas Beta ucapan kepada para pelajar dan guru-guru yang terlibat.

Beta menyeru kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan, agensi dan badan berkanun dipereratkan lagi, bagi memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara. Beta berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat tanpa mengira fahaman politik akan bekerjasama dan bersatu hati dalam memajukan Negeri yang tercinta ke arah Terengganu Maju dalam segala bidang serta diberi keberkatan agar rakyat hidup sejahtera. Beta juga menyeru semua anggota perkhidmatan awam agar senantiasa berpegang teguh kepada Piagam Perkhidmatan Awam dan melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab dengan penuh amanah, berintegriti, neutral dan bersikap profesional dalam segala tindakan.

Beta berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar sentiasa memberi rahmat dan hidayah-Nya kepada rakyat dan Kerajaan Beta di bawah pimpinan Memanda Menteri Besar, Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar.

Beta juga mengucapkan terima kasih kepada semua anggota perkhidmatan awam dan anggota keselamatan yang telah memberi perkhidmatan cemerlang dalam menegakkan Amar Ma'aruf Nahi Munkar, bagi menjamin kesejahteraan rakyat di Negeri Beta.

Semoga semua usaha murni ini mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan lafaz yang mulia, Bismillahir Rahmani Rahim, Beta dengan sukacitanya merasmikan Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Keempat Belas Tahun 2018. Selamat Bersidang.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA DAN KEBAWAH DULI  
YANG MAHA MULIA SULTANAH TERENGGANU DIIRINGI  
OLEH YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN  
BERANGKAT KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA MASUK SEMULA KE  
DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi memberi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat membuat persediaan bagi perbahasan, saya tangguhkan dahulu Persidangan Dewan ini sehingga hari esok, 3 Julai 2018 jam9.30 pagi.

Sebelum kita tangguh, marilah kita sama-sama membaca Tasbih Kafarah dan Surah Al-'Asr. Wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.20 PAGI.

---

**PERSIDANGAN**  
**PADA HARI SELASA, 3 JULAI 2018**

---

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR:**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Haji Yahaya bin Ali, PJC

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,  
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman

**WAKIL KOTA PUTERA**

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
**WAKIL TEPOH**

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi  
**WAKIL BATU BUROK**

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
**WAKIL SURA**

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
**WAKIL BULUH GADING**

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
**WAKIL MANIR**

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
**WAKIL RANTAU ABANG**

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong  
**WAKIL PENGKALAN BERANGAN**

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed  
**WAKIL BANDAR**

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim  
**WAKIL AIR PUTIH**

Yang Berhormat Maliaman bin Kassim  
**WAKIL AJIL**

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili  
**WAKIL KEMASIK**

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.  
**WAKIL SEBERANG TAKIR**

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
**WAKIL KIJAL**

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.  
**WAKIL TELEMONG**

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Dato' Halim bin Jusoh  
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji A. Rahman bin Yahya, DPMT.,AMZ.,KMN.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Haji Wan Mohd bin Wan Ibrahim, DPMT.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

### PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan pada pagi ini, marilah sama-sama kita membaca ummu Al-Quran, Al-Fatihah. [Al Fatihah dibaca].

### **UCAPAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Alhamdulillahir Rabbil Alamin. Wassalatu wassala mu'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajmain. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Alhamdulillah saya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufik dan hidayahNya kita dapat berada pada sidang pada hari ketiga, Mesyuarat Pertama Bagi Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas.

Kita telah selesai pada hari pertama dengan Majlis Angkat Sumpah seluruh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu diikuti pada hari kedua kelmarin, Pembukaan Penggal Dewan Undangan Negeri Terengganu oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Terlebih dahulu sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh Ahli-ahli Dewan yang telah memberi kepercayaan kepada saya sebagai Yang Dipertua Dewan dan seterusnya memimpin Dewan Undangan Negeri Terengganu ini. Saya yakin dengan kerjasama yang baik daripada semua pihak sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat Kerajaan dan juga Ahli-ahli Yang

Berhormat Pembangkang kita dapat melaksanakan amanah rakyat dengan berkesan dalam Dewan yang mulia ini.

Suka saya peringatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah mewakili Badan Legislatif iaitu badan yang berautoriti menggubal, meminda dan memansuhkan undang-undang setakat yang dibenarkan dalam Sistem Federalisme negara kita. Badan Legislatif merupakan sebahagian daripada cabang sesebuah Kerajaan selain daripada Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman. Walaupun secara idealnya sistem yang diamalkan dalam negara dan negeri kita tidak mempunyai pemisahan kuasa yang jelas di antara ketiga-tiga badan ini, sesebuah Kerajaan yang berkesan dan bertanggungjawab adalah Kerajaan yang menghormati bidang kuasa masing-masing untuk melaksanakan amanah Allah sebagai Khalifah Allah di atas muka bumi ini. *Iqomatuddin wasiyasatu duniabih* menegakkan agama dan mentadbir dunia ini dengan agama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dengan zaman yang semakin maju ini rakyat bukan saja mahu melihat seorang Wakil Rakyat yang baik sentiasa turun ke bawah membantu rakyat dengan tugas-tugas kebajikan tetapi mereka juga ingin melihat seorang ADUN dalam Badan Legislatif yang sentiasa mengikuti perkembangan semasa. Mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan banyak membuat kajian-kajian tentang masa depan negeri kita dalam pelbagai isu serta mampu bercakap dan berbahas untuk diterjemahkan dalam Dewan yang mulia ini. Dan Ahli Yang Berhormat juga sebagai anggota Badan Legislatif seharusnya berperanan untuk semak dan imbang *check and balance* dengan izin perjalanan pihak Eksekutif.

Sebagai Yang Dipertua sudah tentulah saya amat mengalu-alukan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang bernalas dan kritikan-kritikan yang konstruktif untuk kemajuan Negeri Darul Iman yang sama-sama kita cintai ini. Dalam Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu ataupun Perlembagaan Negeri Terengganu Fasa 3(A) sudah cukup jelas memperuntukkan Al-Quran, As-Sunah, Ijmak dan Qias sebagai sumber asas dan sumber rujukan yang utama Perundangan Syariah negeri kita.

Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai seorang Islam dan yakin kepada Islam sebagai sesuatu sistem hidup yang lengkap hendaklah menggunakan sumber kekuatan ini bagi memajukan negeri kita dalam pelbagai bidang untuk menjadi negeri maju, berkat dan sejahtera.

Akhirnya saya mengharapkan setiap Ahli-ahli Dewan dapat mematuhi Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan, Standing Rules And Orders Of The Legislative Assembly dengan izin, yang telah dibekalkan kepada setiap Ahli-ahli Yang Berhormat supaya perjalanan sidang atau mesyuarat kita dapat berjalan dengan lancar dan juga licin. Kita mungkin berbeza pendapat tapi jangan sampai ke peringkat mengganggu perjalanan mesyuarat yang mempunyai agenda yang telah ditetapkan dengan masa yang diperuntukkan.

Sebagai Yang Dipertua Dewan, insyaAllah saya akan berusaha untuk memberikan keadilan kepada semua pihak dan akan menggunakan kuasa saya

sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Dan Perintah Tetap Dewan sekiranya berlaku sebarang pertikaian.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk mesyuarat pada hari ini kita akan mulakan dengan Soalan-soalan Lisan dalam tempoh lebih kurang satu jam. Dewan telah menerima sebanyak 43 Soalan-soalan Lisan dan 33 Soalan-soalan Bertulis. Mana-mana Soalan-soalan Lisan yang tidak sempat dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dijawab secara bertulis. Soalan-soalan tambahan dibenarkan tetapi saya terpaksa hadkan kepada tiga soalan sahaja memandangkan masa yang sangat terhad. Kemudian selepas rehat kita akan pindah kepada Tertib Pekerjaan, Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Diraja dan perbahasan ke atas usul tersebut. Setelah selesai Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya, ialah Usul Pelantikan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan. Usul Pelantikan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri, Public Account Committee dengan izin, serta Usul Pelantikan Ahli Dewan Negara.

Akhir kata selamat bersidang. Semoga Allah memberikan barakah dan rahmat kepada kita sekalian khususnya sepanjang sidang ini berjalan. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalmu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

## **KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Kertas-kertas Kerja Dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Penyata Kewangan Tahun 2016 Yayasan Islam Terengganu.

(D.U.N. Bil.1/2018)

2. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Siri 2.

(D.U.N. Bil.2/2018)

3. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil.3/2018)

**SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS  
SOALAN-SOALAN BERTULIS  
[LAMPIRAN]**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan yang dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
(Wakil Tepoh)
2. Y.B. Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman  
(Wakil Seberang Takir)
3. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
(Wakil Sura)
4. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman  
(Wakil Kuala Besut)
5. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim

(Wakil Buluh Gading)

6. Y.B. Haji Hilmi bin Harun  
(Wakil Manir)
7. Y.B. Haji Alias Harun  
(Wakil Rantau Abang)
8. Y.B. Sulaiman bin Sulong  
(Wakil Pengkalan Berangan)
9. Y.B. Ahmad Shah bin Mohamed  
(Wakil Bandar)
10. Y.B. Ir. Saiful Azmi bin Suhaili  
(Wakil Kemasik)

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sebelum saya meneruskan kepada sesi Soalan-soalan Lisan saya ingin mengalu-alukan kehadiran Pemerhati-pemerhati pada hari yang terdiri daripada:

Majlis Tindakan DUN Sura.

Wakil Dewan Muslimat PAS Negeri Terengganu.

Pejabat DUN Ladang.

Pejabat DUN Wakaf Mempelam.

Pejabat DUN Kota Putera.

Pejabat DUN Bandar.

Pejabat DUN Chukai.

Pejabat DUN Ajil.

Pejabat DUN Manir.

Pejabat DUN Jabi.

Pejabat DUN Rhu Rendang.

PETRONAS Wilayah Pantai Timur.

Pejabat DUN Pengkalan Berangan.

## **SOALAN-SOALAN LISAN**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Berikut adalah ahli-ahli yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada hari ini, 3 Julai 2018:

- |                            |   |
|----------------------------|---|
| 1.                         | Y.B. Haji Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim<br>(Wakil Tepoh)    |
| 12.                        | Y.B. Mohd Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman<br>(Wakil Kuala Besut)      |
| 2.                         | Y.B. Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman<br>(Wakil Sabahan) |
| 13.                        | Y.B. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi<br>(Wakil Pengkalan Berangan)   |
| 3.                         | Y.B. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi<br>(Wakil Pengkalan Berangan)   |
| 14.                        | Y.B. Mohamed Bin Mohamed<br>(Wakil Bandar)                          |
| 4.                         | Y.B. Haji Nawi bin Mohamad<br>(Wakil Sura)                          |
| 15.                        | Y.B. Suhaili bin Suhaili<br>(Wakil Kemasik)                         |
| 5.                         | Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik<br>(Wakil Sura)                   |
| 6.                         | Y.B. Haji Roslee bin Daud<br>(Wakil Bukit Besi)                     |
| YAN<br>G                   | 7. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim<br>(Wakil Buluh Gading)             |
| BER                        | 8. Y.B. Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof<br>(Wakil Jerteh)      |
| HOR                        | 9. Y.B. Haji Hilmi bin Harun<br>(Wakil Manir)                       |
| MAT                        | 10. Y.B. Haji Bazlan bin Abd Rahman<br>(Wakil Batu Rakit)           |
| YAN<br>G                   | 11. Y.B. Haji Alias bin Harun<br>(Wakil Rantau Abang)               |
| DIPE                       |   |
| RTU                        |   |
| A:<br>Seka<br>rang<br>saya |   |

persilakan Yang Berhormat Wakil Tepoh untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Assalamu'alaikum warahmatulahi wabarakatuh. Tuan Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

*Pohon dinyatakan perincian lengkap projek-projek kerajaan yang terdahulu yang telah menggunakan konsep Public Private Partnership (PPP) dan menggunakan kaedah pembayaran secara bertangguh?*

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Wakil Tepoh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatulahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, semua ketua-ketua jabatan dan Pemerhati sekalian. Bagi menjawab Soalan 1 ini yang berbunyi: Pohon dinyatakan perincian lengkap projek-projek kerajaan terdahulu yang telah menggunakan konsep Public Private Partnership (PPP) dan menggunakan kaedah pembayaran secara bertangguh?

Sebenarnya terdapat dua kaedah pembayaran bagi projek Public Private Partnership (PPP) ini iaitu dengan kaedah bayaran tertangguh ataupun *deferred payment* dan kaedah bayaran berjadual atau *schedule payment*. Kesemua projek-projek tersebut ada enam. Saya suka nyatakan di sini *deferred payment* untuk projek-projek yang pertama ialah yang melibatkan Logi Rawatan Air di Bukit Sah, Kemaman yang kos projeknya berjumlah RM686.878 juta dan tempoh bayarannya adalah 6 tahun. Keduanya ialah Skim Bekalan Air Kuala Terengganu Utara. Projek air juga yang melibakan kos projek RM1305.891 juta ataupun RM1.3 bilion yang tempoh bayarannya adalah selama 13 tahun. Projek yang ketiga iaitu *schedule payment* ialah Pusat Pentadbiran Daerah Kuala Nerus, ini pentadbiran baru yang melibatkan kos projek sebanyak RM600 juta dan tempoh bayarannya adalah 8.5 tahun. Projek yang keempat yang melibatkan muara Sungai Kuala Terengganu kos projeknya adalah sebanyak RM90.240 juta dan tempoh bayarannya ialah 5 tahun. Kelimanya ialah melibatkan asrama atlet Majlis Sukan Negeri Terengganu kos projeknya ialah RM95.499 juta dan perlu dibayar dalam tempoh 5 tahun. Dan yang terakhir iaitu yang keenam, Pembangunan Bandar Baru Kijal Fasa 2. Ini melibatkan kos RM250 juta yang perlu dibayar dalam tempoh 5 tahun. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan saya yang pertama. Daripada jumlah kos keseluruhan yang saya jangka sekitar RM3 bilion kaedah yang digunakan ini. Berapakah jumlah bayaran setiap tahun yang perlu dilunaskan oleh pihak Kerajaan untuk projek-projek yang dinyatakan ini?

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Memanglah kosnya melibatkan RM3,027.84 juta ataupun RM3 bilion lebih yang perlu kita bayar secara ansuran.

Pertamanya, saya suka sebutkan di sini ialah pada tahun 2016 kita perlu bayar RM70 juta. Tahun 2017 juga RM70 juta. Tahun ini 2018 sebanyak RM101.2 juta. Tahun 2019 RM290.8 juta. Tahun 2020 RM348.1 juta. Tahun 2021 RM382.2 juta. Tahun 2022 RM371.418 juta. Tahun 2023 RM339.6 juta. Tahun 2024 RM248.1 juta. Tahun 2025 sehingga tahun 2031 iaitu selama 7 tahun RM761.6 juta dalam masa 7 tahun iaitu lebih kurang RM108.8 juta setahun sehingga 2032, hak ni akhir dah ni RM45.3 juta, kalau kita tak buat hutang lagi lah. Itu saja.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tuan Yang Dipertua, adakah pihak Kerajaan akan meneruskan projek pembangunan dengan konsep seperti yang telah dibentangkan ini bagi projek-projek yang mendatang? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Kaedah pembayaran secara PPP ini kita umpamakan seperti orang baru kahwin lah ataupun orang baru graduate. Graduate ni lepas tu nak kerja, nak naik kereta. Gajinya kita bagi contoh bubarlah RM2,000. Lepas tu nak pergi kerja tak dapat kerana tidak ada kenderaan. Nak naik basikal tak jadilah. Jadi, ada pro dan kontra dia. Projek PPP ini ada pro dan kontra dia, baik dia kita boleh beli kereta dulu, secara ansuran kita bagi ke bank, beri kemudahan pinjaman kita bayar ansuran RM500 sebulan ke cukuplah dengan gaji kita RM2,000 tu. Jadi, baiknya kita boleh pergi kerja dengan kereta yang agak selesa dan kita kena ingat di sana bayar tiap-tiap bulan. Ada komitmen yang perlu kita bayar tiap-tiap bulan. Sebaliknya kalau kita baru graduate, lepas tu ada kad kredit banyak, *apply* kad kredit, ini kemudahan kad kredit lepas tu berjoli ke sana ke sini dengan kad kredit tu girlfriend pulak pegang sekeping jadi belanja berlebihan. Akhirnya tak dapat nak bayar nak jelaskan kemudahan kad kredit tadi dan akhir-akhir sekali jadi muflis. Jadi kerajaan pun begitu juga iaitu kita kena buat kajian setahun-setahun kita boleh bayar berapa banyak, berapa juta. Jangan terlebih hutang yang menyebabkan kerajaan tidak dapat membayar balik segala hutang.

Jadi projek ini secara kaedah pembayaran ini, kita harus terima dan kita akan lakukan insyaAllah tetapi kena hati-hati di dalam berhutang.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat kahwin dulu macam tu juga ke?

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Hak yang kedua dok lagi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya saya .....

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menambah satu soalan daripada jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Kuala Berang tadi. Berasaskan kepada jawapan-jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Kuala Berang tadi. Kita melihat projek-projek yang sedang berjalan itu adalah satu projek yang mega yang agak besar kosnya. Soalan saya ialah: Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan projek-projek yang sedang berjalan ini ianya tidak berulang sebagaimana kegagalan projek-projek yang telah lalu yang sebahagiannya kita lihat menjadi projek gajah putih yang menyebabkan kerugian kepada Negeri Terengganu dan rakyat Terengganu secara umum. Sekian.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Wakil Batu Buruk. Kalau kita lihat setakat yang kita ada daripada enam projek tadi tidak ada satu pun yang siap lagi. Jadi, kalau kita ambil projek-projek lain sebagai contoh misalnya berkaitan dengan Taman Ilmu, pelancongan di Kenyir dan sebagainya ini projek yang tidak melibatkan PPP itu tadi. Jadi yang terlibat dengan PPP itu hanya enam projek yang masih belum siap dan yang paling penting di sana ialah berkaitan dengan bekalan air terutamanya di Kemaman dan juga di Terengganu Utara. Jadi dua projek ini yang melibatkan lebih RM2 bilion. Satu projek yang besar yang perlu disegerakan tetapi kita tiada kewangan yang mencukupi dan kita tahu masalah air ini masalah yang penting kepada rakyat kita. Jadi saya rasa itu saja jawapan saya. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Batu Burok untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Apakah perancangan atau langkah-langkah Kerajaan untuk mengembalikan institusi pendidikan tinggi khusus untuk rakyat negeri Terengganu seperti kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (Kusza).*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (WAKIL PAKA) : Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan juga ketua-ketua jabatan serta Pemerhati sekalian. Wakil Batu Burok

bertanya: Apakah perancangan atau langkah-langkah Kerajaan untuk mengembalikan Institusi Pendidikan Tinggi khusus untuk rakyat Negeri Terengganu seperti Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA).

Untuk makluman Kerajaan Negeri memang memberikan komitmen untuk melaksanakan janji manifesto pada pilihan raya yang lalu. Kita telah meletakkan dalam manifesto PAS Terengganu bahawa Kerajaan Negeri akan mewujudkan semula Institusi Pengajian Tinggi Islam yang akan menjadi milik Kerajaan Negeri untuk menggantikan KUSZA. Dan insyaAllah kita akan berusaha untuk melaksanakan apa yang kita janjikan itu. Kita telah meninjau beberapa tempat yang agak sesuai dan akan memilih tempat-tempat yang sesuai untuk mewujudkan kolej ini insyaAllah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Seberang Takir untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat dan juga ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan serta Pemerhati yang dihormati sekalian. Soalan saya adalah soalan nombor satu -

*Apakah dasar dan perancangan Kerajaan Negeri untuk mengekalkan kebitaraan Negeri Terengganu sebagai Negeri yang hebat dalam bidang pendidikan, berikutan banyaknya cerita kejayaan pendidikan Terengganu dalam bidang kurikulum dan ko-kurikulum, baik di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa?*

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, Wakil Seberang Takir bertanya: Apakah dasar dan perancangan Kerajaan Negeri untuk mengekalkan kebitaraan Negeri Terengganu sebagai Negeri yang hebat dalam bidang pendidikan, berikutan banyaknya cerita kejayaan pendidikan Terengganu dalam bidang kurikulum dan ko-kurikulum, baik di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa?

Untuk makluman Kerajaan Negeri setakat ini sentiasa memberi sokongan dan juga apa-apa yang memberikan kebaikan kepada rakyat insyaAllah Kerajaan Negeri akan terus komitmen memberi sokongan berterusan dan apa-apa yang kita rasa perlu penambahbaikan dan insyaAllah Kerajaan Negeri Terengganu akan memberi penambahbaikan. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD RAHMAN** (Wakil Seberang Takir): Soalan saya yang pertama, sebab dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ada merakamkan setinggi-tinggi kepada tiga pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut yang dinobatkan sebagai Juara Program Pembangunan Sumber Manusia untuk tenaga – agensi tenaga atom antarabangsa di Korea Selatan pada 29 Mei 2018 yang lalu. Jadi saya bagi pihak seluruhlah kepimpinan yang terdahulu nak merakamkan setinggi ucapan tahniah kepada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan juga kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut serta pelajar-pelajar yang terlibat yang telah berjaya menewaskan 520 murid mewakili 188 pasukan daripada 30 negara termasuk juga negara-negara maju. Jadi, soalan saya di sini apakah insentif yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri kerana saya dimaklumkan pada 27 dan 28 haribulan ini ketiga-tiga pelajar serta seorang guru telah dijemput ke Rusia bagi menghadiri dan memberi syaranan berkenaan projek mereka di Youth Congress. Di mana kos pelajar dan guru pengiring ditanggung oleh penaja tetapi di dalam media baru-baru ni saya terbacalah nyatakan bahawa PIBG yang diketuai oleh Yang Berhormat Kuala Besut, dan saya ucap tahniahlah kepada Yang Berhormat Kuala Besut yang telah melancarkan tabung untuk membawa kos seorang guru pengiring serta juga kos-kos yang lain. Jadi, soalan saya di sini apakah tindakan dan juga insentif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri? Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT** (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, terima kasih penjelasan yang diberikan oleh Wakil Seberang Takir macam Kerajaan lagi nampaknya...(ambil gelak).... Untuk makluman Sidang Dewan, insyaAllah hari Khamis akan ada satu majlis dan kita mengundang pelajar-pelajar ini bersama gurunya dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sudi memberi insentif buat mereka. Dan insyaAllah pada hari sebelum keberangkatan mereka ke Rusia kerajaan juga akan memberikan insentif khas kepada pihak mereka ini, insyaAllah. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD RAHMAN** (Wakil Seberang Takir): Dan satu lagi soalan daripada saya, adakah betul pemberian Bantuan Baucer Komputer sebanyak RM500 untuk persedian ke IPT untuk pelajar-pelajar telah ditiadakan? Terima kasih.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat ini dah lari dari soalan asal ni.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT** (Wakil Paka): Tak apalah Yang Berhormat Yang Dipertua, biar dia nak tanya apa yang dia nak tanya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ini juga berkait dengan insentif kejayaan pendidikan negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih Wakil Seberang Takir. Yang Berhormat Yang Dipertua, untuk makluman Yayasan Terengganu telah meneruskan seperti biasa insentif kepada mereka-mereka yang mendapat peluang untuk menyambung pengajian peringkat yang lebih tinggi dan kita insyaAllah lepas daripada ini kita akan maklum balik keputusan yang melibatkan pemberian komputer ini. Kita tak pernah sebut kita batalkan. Cuma kita buat berperingkat, kita selesaikan dulu yang melibatkan pelajar-pelajar yang nak masuk ke universiti ini dulu, insyaAllah. Perkara itu dalam makluman dan kita akan ambil perjalanan oleh pihak Yayasan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Sura kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

*Apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri dalam memajukan kawasan pelancongan pesisir Sungai Dungun?*

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat ): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli EXCO dan Pegawai-pegawai Kerajaan serta Pemerhati. Soalan satu yang ditanya oleh ADUN Paka: Apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Mintak maaf pembetulan sikit Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Eh, mintak maaf Wakil Sura, Wakil Paka jadi EXCO dah. Apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri dalam memajukan kawasan pelancongan pesisir Sungai Dungun. Kerajaan Negeri bercadang untuk membina "Dungun Riverfront Esplanade" dengan kos RM10 juta serta pembinaan jeti pelancongan ke Pulau Tenggol di mana lokasinya terletak berhampiran dengan Jeti LKIM sedia ada dengan anggran kos berjumlah RM2 juta termasuk beberapa kemudahan sokongan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Soalan tambahan yang pertama. Berapakah luas kawasan yang dianggarkan untuk dibuat atau untuk dibangunkan Kawasan Pelancongan Pesisiran Sungai Dungun

ataupun berapa panjang kilometernya pesisiran Sungai Dungun tu akan digunakan untuk projek pelancongan ini?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat ): Terima kasih kepada ADUN Sura. Soalan tambahan: Panjangnya pantai untuk pembangunan kawasan tarikan pelancongan sebenarnya terletak di Pantai Teluk Lipat melibatkan.....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Saudara, bukan pantai ya, pesisir sungai.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Lokasi pesisir Sungai Dungun yang dikenalpasti yang akan dijadikan kawasan tarikan pelancongan ialah bermula daripada Jeti LKIM Kuala Dungun sehingga ke jambatan lama Sungai Dungun manakala panjang dia ke pantai pula untuk pembangunan kawasan tarikan pelancongan melibatkan kawasan sepanjang 5.76 kilometer bermula dari Kampung Tanah Lot sehingga ke Sura Hujung. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Soalan tambahan yang kedua: Apakah bentuk ataupun projek yang akan dilaksanakan di kawasan yang telah disebutkan tadi. Maksudnya aktiviti-aktiviti yang berbentuk pusat-pusat perniagaan ataupun aktiviti-aktiviti lain yang kita nak bangunkan di kawasan yang dinyatakan tadi? Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Perancangan yang akan dibangunkan di sebagaimana yang saya sebutkan tadi ialah bagi Rancangan Pembangunan Pelancongan di Sungai Dungun ini ialah yang pertama sekali ialah promenade ialah menaik taraf parking, arca dataran, pondok rehat dan laluan pejalan kaki. Dan yang kedua, membangun jeti memancing, parking, restoran, pintu masuk *fishing deck*, kawasan sukan dan riadah serta mini park. Pembangunan Sungai Dungun bermula sebagaimana saya sebut tadi tu daripada Jeti LKIM ke Sungai Nibong iaitu dari jambatan lama. Yang ketiga, Esplanade menaik taraf sebagaimana promenade juga. Kemudian yang keempat, Rumah Api Teluk Bidara. Untuk Pantai Teluk Bidara menaik taraf kawasan rekreasi, perabot taman, kawasan penginapan, kios dan arca. Sekian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya soalan nombor dua -

*Bilakah Kerajaan Negeri Terengganu akan melantik JSR atau*

*J3K di seluruh Negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua Wakil Rakyat dan semua pegawai yang hadir. Soalan nombor dua ni berkaitan dengan bilakah Kerajaan Negeri Terengganu akan melantik JKKK atau J3K di seluruh Negeri Terengganu. Soalan tu bilakah Kerajaan nak lantik? Senarai cadangan JKKK atau J3K kita pakai nama tu jugak kegilah J3K akan dihantar ataupun telah dihantar kepada Kerajaan pada 20 Jun tahun ni dan proses pelantikan sedang dibuat sekarang ini.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan Yang Berhormat Yang Dipertua, Wakil Ladang tadi bagitahu menggunakan JKKK boleh tak saya katakan JKKK ini dengan JSR ini lebih baik JKKK. Pasal Kerajaan yang ada hari ini nak lantik JKKK. Jadi, maknanya JKKK ini lebih Islam daripada JSR atau macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Guana, lebih Islam? Apa faktor yang menyatakan bahawa dari segi Islam tu lebih baik tu macam mana pula?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya tanya tadi pasal JKKK ni dulu UMNO yang buat. JSR, PAS yang buat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): UMNO ke kerajaan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kerajaan UMNOlah. Kalau saya dengar ceramah di kampung-kampung ni saya dengar UMNO ni tak berapa Islam tapi nak pakai JKKK pulak ni lagu mana?

YANG BEHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Bila UMNO Islamnya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): ...(Sambil gelak) .... Tak, apa benda isunya di situ tu? Ada isu ke tentang JKKK, JSR. Sepatutnya sokong kitalah dah kita nak pakai JKKK, bukan sebagai JKKK tapi sebagai J3K pulak. Itu beza sikit tu. Hak tu ler jer.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Benda sama saja JKKK dengan J3K.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kalau sama takpelah, kita pakai haktulah.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya tanya tu Yang Dipertua.....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Biar kemas sikit gok sikit soalan tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Tapi baik pakai JSR, comel sikit nampak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Haa, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Pelik, orang UMNO kata dok comel JKKK ni. Jadi terbalik ni.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dok, saya nak tahu. Dulu dalam Dewan ni ke, dalam mana-mana ke ceramah PAS ni di kata JKKK ni 'Jom Kuca Kampung'. JSR moleknya dia kata. Lepas tu hari ini kata nak guna JKKK pulok. Dah, hak mana hak moleknya?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, mungkin dia macam buat tak nampak, dia mungkin berkaitan dengan apa nama ni akaun dan sebagainya. Perlu, perlu dinilai daripada tahap ikut.....

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Biar Exco jawablah.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BINTI CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Haa.... tak jadi Exco lagi biar dulu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya ingat isu yang ditimbulkan sudah tidak berbangkit, apabila dijawab oleh Wakil Ladang tadi ialah Kerajaan menggunakan J3K, jadi soal JSR tidak berbangkitlah. Dah selesai dah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHRI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, begini .....

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Maknanya Kerajaan yang ada hari ini .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHRI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sekejap, sekejap, dulu Saidina Umar Nur Khattab, sebelum masuk Islam nama dia Umar

Nur Khattab, pahtu dia masuk Islam, nama dia Umar Nur Khattab jugak, yang penting dia mengucap dia masuk Islam. Itu jer.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Doklah maknanya Kerajaan yang ada hari ini mengatakan JKKK lebih baik dari JSR lah maknanya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dia, nanti dulu, soalan yang ke berapa dok tahu ni doh, tambahan ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ini dah lebih daripada apa yang dibenarkan.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Jadi ini menunjukkan bahawa yang dibuat oleh Kerajaan dulu memang molek dan ditiru oleh Kerajaan sekaranglah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah molek-hudoh tapi yang ke berapa dah dok tahu ni? Boleh jawab lagi?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ladang, jawab yang terakhirlah, saya dah bagi lebih dari 3 soalan tambahan dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tadi dia kata bila Kerajaan nak tubuh? Kita pun jawab bila, tubuh dah ni, itu soalan asalnya. Lepas tu tanya pulok JKKK ke JSR ke, kita kata JKKK. Dah benda isu di situnya? Molek-hudoh kita orang pilih, terima ajelah seadanya. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Wakil Buluh Gading.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan saya soalan nombor satu -

*Apakah usaha dan perancangan Kerajaan dalam memperkasakan perlaksanaan syariah di Negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, Wakil Buluh Gading bertanya: Apakah usaha dan perancangan Kerajaan dalam memperkasakan peranan pelaksanaan syariah di Negeri Terengganu?

Sebagaimana kita sedia maklum, Kerajaan Negeri telah mewartakan Rang Enakmen Hudud, Qisas dan Takzir pada tahun 2002. Dan insyaAllah pihak Kerajaan Negeri akan sentiasa memberi komitmen ke arah untuk memperkasakan perlaksanaan apa yang telah diwartakan itu.

Untuk melaksanakan secara keseluruhan, dan sebahagian besarnya melibatkan Hudud dan Qisas itu memerlukan kepada kelulusan Pindaan 355, RUU 355 di peringkat Parlimen. Tetapi bidang kuasa yang ada insyaAllah kita akan memanfaatkan bagi penggunaan Takzir yang telah diluluskan pada tahun 2001. Dan insyaAllah pihak Kerajaan Negeri yang pertamanya insyaAllah kita akan memohon khususnya pada tahun depan bajet khusus yang melibatkan ke arah pelaksanaan syariah ini yang tidak diberikan khusus, pencaknaan yang khusus kepada pelaksanaan syariah ini sebelum daripada ini. Dan insyaAllah kita juga akan membuat semakan dan membuat penambahbaikan kerana masih ada lagi ruang-ruang ataupun berdasarkan semasa waktu sekarang ini untuk menggunakan konsep 356 itu iaitu 3 tahun jel, RM5,000 dan juga 6 kali sebanyak yang masih lagi enakmen yang ada di peringkat minimum. InsyaAllah kita akan boleh mempertingkatkan lagi berdasarkan keperluan semasa.

Pihak kerajaan negeri juga telah membuat pengasingan bahagian pendakwaan dari Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dan telah dinaikkan taraf menjadi sebuah jabatan. InsyaAllah komponen-komponen seperti ini akan memperkasakan lagi pelaksanaan syariah di Negeri Terengganu Darul Iman ini, insyaAllah. Pihak Kerajaan Negeri juga akan meneliti dan membuat gubahan enakmen dan juga kaedah-kaedah bagi Negeri Terengganu yang berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang diizinkan oleh perlombagaan di bawah Jadual Ke-9, antaranya seperti melibatkan Hibah, Wasoya, Wasiat dan lain-lain. InsyaAllah ini semua akan memperlengkapkan keperluan ke arah kesempurnaan pelaksanaan syariah yang lebih baik daripada masa ke semasa.

Kita juga dalam usaha untuk memperkasakan Jabatan Penguatkuasaan Syariah kerana hari ini kita melihat kepada kakitangan yang ada rakyat Terengganu 1.1 juta tapi Penguatkuasa Syariah hanya sekadar lebih kurang 100 orang seluruh Negeri Terengganu. Jadi kita melihat perkara ini perlu kepada penambahbaikan dan insyaAllah kita akan mempertingkatkan sehingga kepada peringkat kampung dan sebagainya yang memerlukan sukarelawan termasuk di peringkat kampung, di peringkat DUN dan sebagainya untuk memberi kerjasama sebab masyarakat kita kadang-kadang sedia maklum mereka berlumba-lumba untuk membuat masjid kerana mereka menganggap ini merupakan ibadah tetapi dalam hal seperti ini kita perlu mendidik rakyat supaya rakyat semua juga turut sama melibatkan diri bukan hanya ke arah amal makruf, tetapi juga melibatkan nahi mungkar, ianya juga merupakan ibadat yang meletakkan umat Islam itu sebagai 'kuntum khairul ummah' sebagai umat yang terbaik, insyaAllah.

Kita juga dalam usaha mewujudkan pusat seperti rehibilisasi, melibatkan akidah dan juga akhlak kerana sebahagian umat Islam tidak sesuai untuk melibatkan penjara, melibatkan Peraturan Kesalahan Jenayah Syariah ini jadi mungkin kita meneliti, insyaAllah kita akan teliti dan juga membuat pertimbangan untuk mewujudkan pusat-pusat seperti ini ke arah membimbing mereka kepada pemulihan, kepada melibatkan akidah mahupun melibatkan jenayah-jenayah syariah. Dalam masa yang sama kita juga meneliti insyaAllah untuk membuat penambahbaikan melibatkan fizikal sama ada Mahkamah Syariah mahupun Jabatan Penguatkuasaan dan juga Jabatan Pendakwaan dari segi fizikal, pembangunan, infra, kakitangan dan sebagainya ke arah yang lebih baik, insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Exco ada menyebut berkaitan dengan Enakmen Kesalahan Takzir 2001, yang merupakan antara Enakmen yang dilaksanakan sekarang ini. Cuma saya nak mengambil kesempatan di sini untuk mendapat penjelasan lanjut apakah terdapat dalam Enakmen Kesalahan Takzir 2001 sekarang ini, peraturan yang berkait dengan etika berpakaian seorang muslim baik lelaki atau perempuan ketika, khususnya di ketika di khayalak, etika pakaian yang menurut syariat dari sudut batas-batas aurat dan sebagainya. Adakah ada peruntukan, penguatkuasaan dalam perkara tersebut? Begitu juga dalam isu berkait dengan pengusaha kedai gunting rambut. Apakah terdapat peraturan yang menetapkan kedai gunting rambut yang diusahakan oleh kaum lelaki menghadkan pelanggan lelaki sahaja atau sebaliknya yang perempuan hanya menerima pelanggan daripada perempuan sahaja. Jadi adakah perkara ini disebut dan dimasukkan dalam Kesalahan Takzir 2001 dan jika tidak ada, adakah Kerajaan mempunyai usaha dan perancangan ke arah tersebut? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Terengganu yang ada sebagaimana yang sering disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita meletakkan ke arah asas rahmah, mawaddah dan bukan hasrat dan juga matlamat Kerajaan Negeri untuk menghukum tetapi lebih kepada *ta'dip* untuk memberi pendidikan adab, mendidik masyarakat.

Kita melihat mutakhir ini 20 tahun selepas kita merdeka sehingga ke hari ini, kita melihat masyarakat kita lebih mula mempraktikkan amalan-amalan praktikal Islam ini termasuk juga berpakaian dan sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat khususnya wanita-wanita dan juga lelaki-lelaki Islam kita yang nampak lebih banyak, lebih biasa mengamalkannya. Dulu kalau kita tengok orang pakai purdah ni, orang kata hantu kum-kum, sekarang ni dah normal dah. Jadi itulah proses yang kita rasa kita akan memberi keutamaan kepada

pendidikan. InsyaAllah selepas pada ni kita akan merancakkan kempen-kempen menutup aurat dan sebagainya supaya dianya timbul daripada kesedaran masyarakat itu sendiri dan saling memperingatkan antara satu sama lain.

Walau macamanapun, sebagaimana yang ditanya oleh Yang Berhormat Buluh Gading, dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Terengganu 2001, ada Seksyen 34, melibatkan Enakmen Perbuatan Tidak Sopan Di Tempat Awam dan masalah pendedahan aurat ini masuk di bawah Seksyen ini yang boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjara tidak melebihi 6 bulan ataupun kedua dua sekali. Tetapi sebagaimana kita sebut tadilah, kita insyaAllah selepas pada ni, akan merancakkan usaha-usaha untuk memberi kesedaran kempen semua peringkat daripada sekolah, jabatan-jabatan, masyarakat, orang awam dan sebagainya supaya timbul kesedaran daripada mereka sendiri dan juga kesedaran daripada masyarakat dan institusi-institusi dalam masyarakat, masjid dan sebagainya untuk turut sama menggalakkan ke arah ibadah ini.

Berkait dengan gunting rambut, jadi memanglah jika sekiranya kita dapat pengasingan itu digalakkan, dan ini ke arah yang lebih baik. Dan kita tengok hari ini pun dari kalangan ramai lelaki-lelaki dah banyak kedai-kedai gunting rambut yang kadang-kadang eksklusif dan sebagainya yang menempatkan untuk orang lelaki sahaja. Tetapi kita sedia maklum jenayah undang-undang syariah ini hanya melibatkan orang muslim sahaja. Jadi kedai-kedai non-muslim yang melibatkan gunting rambut itu kita tidak boleh memaksakan dalam melibatkan Enakmen Syariah ini. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Wakil Bukit Besi mengemukakan soalan.

**YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD** (Wakil Bukit Besi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

*Sejauh manakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk merealisasikan hasrat mewujudkan Tabung Pinjaman Usahawan sebanyak RM10 juta setahun sebagaimana dalam Perkara 9 manifesto PAS baru-baru ini?*

**YANG BERHORMAT HAJI NURKUZAINI BINTI AB. RAHMAN** (Wakil Kota Putera): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan seterusnya Pemerhati Dewan yang mulia ini.

Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Bukit Besi, soalannya berbunyi: Sejauh manakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk merealisasikan hasrat mewujudkan Tabung Pinjaman Usahawan sebanyak RM10 juta setahun sebagaimana dalam Perkara 9, Manifesto PAS baru-baru ini?

Tuan Yang Dipertua, untuk bagi jawapan ini, adalah memanglah Kerajaan Negeri mewujudkan Tabung Pinjaman Usahawan yang berjumlah RM10 juta ini dan pihak Portfolio Jawatankuasa Keusahawanan, Sumber Manusia, Industri Mikro dan Hal Ehwal Pengguna telahpun mengadakan satu mesyuarat dan memutuskan untuk mengambil tanggungjawab untuk memastikan tabung ini dilaksanakan. Cuma sekarang ini agak terlalu awal untuk dinyatakan perkara-perkara pelaksanaan kerana melibatkan satu bajet kewangan. Dan insyaAllah di bawah portfolio ini kita akan pastikan tabung ini direaliasasikan sepertimana dijanjikan dalam manifesto. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih, soalan tambahan. Sebelum tu memang tabung ini akan adalah, insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI NURKHUZAINI BINTI AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): Ya, insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): InsyaAllah. Alhamdulillah, jadi soalan tambahan saya, apabila peruntukan ini ada, adakah dana ini akan difokuskan kepada peniaga kecil ataupun usahawan IKS? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NURKHUZAINI BINTI AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, terima kasih kepada soalan tambahan. Berkenaan dengan ke manakah fokus yang akan disalurkan, saya telah melihat mekanisme yang ada di dalam YPU sendiri, satu mekanisme yang agak baik di mana banyak penyaluran-penyaluran yang boleh kita kemukakan. Untuk pengetahuan Dewan sehingga sekarang ini, saya dimaklumkan peruntukan untuk keusahawanan ini yang paling tinggi diterima oleh YPU hanya RM3 juta sahaja. Sebab itu keusahawanan kita nampak macam tak berapa nak hidup. Dan insyallah dengan inisiatif ataupun janji manifesto yang dibuat oleh Kerajaan ini dengan jumlah yang hampir ataupun lebih tiga kali lebih besar daripada sebelum-sebelum ini, kita dapat perkasan dan kita boleh menyalurkan kepada banyak-banyak sektor.

Dan sebagaimana yang telah saya perincikan, sekarang ini kita akan mengklasifikasikan beberapa segmen keusahawanan itu sendiri. Dan saya melihat sebelum daripada ini bantuan kepada yang memulakan usahawan itu

tidak ada, kebanyakannya prosedur-prosedur diberi kepada usahawan-usahawan yang perlu buat dulu, sedangkan ramai usahawan-usahawan kita yang datang *jema* Kerajaan ini nak minta pemula. Jadi insyaAllah dalam pelaksanaannya nanti saya akan memudahkan, memudahcarakan dan memastikan usahawan-usahawan yang nak mulakan ni kita beri keutamaan dan kita permudahkan urusan dia. Dan banyak lagilah dua tiga segmen lagi yang telah kita kenalpasti dan insyaAllah kita akan kemukakan dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey, pada saya soalan yang saya kemukakan tu tak berapa, nampak mendatar gitu. Tapi walau bagaimanapun Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya merasakan bahawa usahawan ini perlu diberi penekanan yang baik dalam menjana ekonomi rakyat, tetapi saya nak tanya satu soalan lagiilah kepada Wakil Jabi dok? Kota Putera. Sektor yang akan diberi keutamaan, sektor manakah yang akan diberi fokus dan keutamaan kepada usahawan-usahawan ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NURKHUZAINI BINTI AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): Saya dah menjawab sebenarnya soalan tu tadi bahawa kita tengah, sedang melihat segmen-segmen, segmen tu sebenarnya sektorlah yang perlu diberi keutamaan. Cuma saya setuju dengan pandangan awal Yang Berhormat Bukit Besi, usahawan ini perlu diberi keutamaan dan cuma saya nak bangkitkan pada masa yang lalu walaupun benda ini menjadikan keutamaan tetapi pelaksanaan itu saya tidak melihat, menjadi keutamaan contohnya tempat-tempat usahawan ini bergiat saya boleh beri contoh, satu ataupun dua contoh macam KUT, Kompleks Usahawan Terengganu, ataupun dan Kota Putera Square, di Kota Putera. Ini tempat usahawan bergiat, tetapi lima, enam tahun kalau KUT tu, lima, enam tahun dah siap, tidak ada satu usaha untuk menggembangkan usahawan bergiat di situ, hanya sekadar siap bangunan, lima enam tahun tidak digunakan. Jadi sekarang ini kita nak, biarlah kita ambil bekas orang pun takpe tapi kita nak isikan, roh keusahawanan di dalam bangunan-bangunan tersebut. Bangunan-bangunan tersebut alhamdulillah telah disediakan oleh kerajaan yang lalu dan saya tengok KUT pun sampai sekarang tidak ada usaha ke arah membangunkan usahawan di situ. Dan Kota Putera Square, dua tahun masih lagi kosong dan tidak ada lagi apa ni, *tenant-tenant* yang boleh bergiat di situ, kalau ada pun jadi hidup segan mati tak mahu, tidak ada satu program Kerajaan yang membangunkan dan *encourage* dengan izin, usahawan itu datang memanggil orang untuk membantu keusahawanan itu sendiri. Jadi sektor-sektor ini ataupun segmen-segmen ini yang saya nak lihat dulu, nak pakai benda yang ada dan isikan dan pastikan usahawan boleh masuk dulu di tempat itu dan kita akan wujudkan program-program untuk membantu usahawan ini sendiri. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Tuan Yang Dipertua, ada se. Cara jawab tadi bukan macam Kerajaan lagi

tu. Okey, soalan saya Tuan Yang Dipertua, sebelum kita merangka suatu manifesto ataupun janji ataupun perancangan kita, kita mesti mempunyai satu anggaran ataupun perancangan jadi dalam Manifesto PAS yang lepas, iaitu untuk mewujudkan Tabung Pinjaman Usahawan sebanyak RM10 juta, jadi boleh tak bagi pencerahan kepada kita, kepada Ahli Dewan dan juga perwakilan, Pemerhati sekalian bahawa RM10 juta setahun ni, boleh melibatkan berapa ramai usahawan khususnya kita di Negeri Terengganu, boleh bantu berapa ramai usahawan kita di Terengganu, perancangan yang negeri kita dibuat sebelum kita melancarkan manifesto. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI NURKUZAINI BINTI AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Besut. Tuan Yang Dipertua, anggaran untuk RM10 juta tu kita mengambilkira apa yang telah ada di dalam pelaksanaan sebelum ini. Dan kita boleh pertingkatkan dengan memberi pinjaman-pinjaman ataupun mungkin boleh diberi dalam bentuk geran akan dibincangkan di peringkat nanti. Contohnya, sekarang ni YPU telah memberikan pinjaman sebanyak 71 peminjam sehingga pertengahan tahun ini berjumlah RM643,000.00 jadi kalau kita nak tingkatkan dalam segmen ini, kita boleh tambahkan peminjam itu kepada jumlah yang signifikan dengan jumlah yang akan diperuntukkan nanti. InsyaAllah, bukanlah RM10 juta itu pergi kepada satu pinjaman sahaja. Dan apa ni, dari segi apa ni, kita akan wujudkan juga keusahwan-keusahawanan setakat ni berkenaan dengan perniagaan melalui media, media baru ni, pun mempunyai satu peruntukan yang kita akan kemukakan di peringkat jawatankuasa untuk, untuk memastikan benda tu terlaksanalah.

Dan, begitu juga dalam sektor latihan, sektor latihan untuk pembangunan usahawan ini, kita perlukan satu bentuk mentor dan menti dan di situ kita akan segmenkan satu peruntukan khusus kepada golongan ini, insyaAllah. Dan saya tak berhasrat untuk perincikan sepenuhnya. Itu beberapa contoh yang kita, langkah yang kita ambillah untuk memastikan RM10 juta ini berjaya disalurkan dalam Tabung Usahawan itu nanti. Sekian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sekarang saya jemput ADUN Manir untuk kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Soalan saya yang pertama -

*Berapakah bilangan pelajar Negeri Terengganu yang ditaja oleh Kerajaan dari Januari 2014 hingga Disember 2017?*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, ADUN Manir ingin tahu berapakah bilangan pelajar

Negeri Terengganu yang ditaja oleh Kerajaan dari Januari 2014 hingga Disember 2017?

Dalam tempoh 4 tahun, Kerajaan Negeri Terengganu menaja seramai 3,137 orang. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Wakil Jertih untuk kemukakan soalan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan saya soalan pertama -

*Adakah Kerajaan Negeri masih bercadang untuk meneruskan pembinaan stesen bas di Bandar Jertih, Besut?*

**YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, terima kasih. Soalan dari Wakil Jertih tadi iaitu soalannya berbunyi: Adakah Kerajaan Negeri masih bercadang untuk meneruskan pembinaan Stesen Bas di Bandar Jertih, Besut.

Ringkasnya jawab: Ya, kerajaan Terengganu yang baru ni akan meneruskan. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):** Soalan tambahan Yang Berhormat Yang Dipertua. Saya bagi pihak warga Jertih ingin mengucapkan terima kasihlah kerana ini sebenarnya merupakan janji kita, janji saya, bila saya kata kalu menang saya, menang Barisan Nasional, kita akan bina Stesen Bas Jertih kerana selama ini stesen bas Jertih menggunakan kanopi 20 x 20. Jadi saya berterima kasih kerana juga ditanya oleh pengundi, kalau Barisan Nasional kalah, adakah ianya juga akan dibuat. Tetapi hari ini jelas dijawab oleh pihak Kerajaan yang mana Kerajaan akan meneruskan perancangan untuk membina stesen bas di Jertih. Cuma saya nak ajukan soalan tambahan: Bilakah agaknya projek ini akan bermula? Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Terima kasih. Kita mengamalkan politik matang dan sejahtera, dan kasih sayang antara satu sama lain ....(Tepukan sokongan).... Sekiranya ada keperluan dan mendesak, kita akan buat, insyaAllah. Saya pergi lihat baru-baru ni, di Bandar Jertih inilah, kalu banding dengan Stesen Bas Kuala Berang saya rasa, molek hok Kuala Berang. Selama ini, Wakil Jertih ni pun dah lama memerintah ... (sambil tersenyum)...

Jadi kita lihat di sana memang ada keperluan untuk rakyat. Stesen bas yang tidak ada bumbung, hanya padang begitu saja dan insyAllah kita akan bawa perkara ini ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Ekonomi Negeri supaya dibuat dengan segeralah. Kesian jugok, rakyat kita berhujan, berpanas di stesen bas tersebut. Jadi mungkin keperluan ini sekitar RM16 juta tetapi mungkin kita tak beri RM16 jutalah, pasal kita tengok dari segi kajian dia, dan jugak dari segi pembinaan dia di sini agak canggih, kalau RM16 juta mungkin kita boleh kurangkan sikit, kita akan kaji baliklah dari segi pembinaan stesen bas secara bersepadu, bukan stesen bas sahaja bahkan stesen teksi juga dan lengkap dengan kaunter tiket ke, tandas dan keperluan-keperluan yang lain. InsyaAllah. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF** (Wakil Jertih): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan yang ke berapa dah? Okey betullah kita dah lama, tetapi sebenarnya kita membangunkan Bandar Jertih peringkat berperingkat yang mana untuk kita nak membina stesen bas, kita terpaksa menyiapkan projek yang sekarang ini yang sedang dalam pembinaan, iaitu dari segi parking bawah tanah dan juga tapak perniagaan baru.

**YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN** (Wakil Manir): Macam Kerajaan pulok jawab tu.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF** (Wakil Jertih): Ni untuk penerangan kerana takut salah tafsiran apabila disebut lama memerintah tak buat, PAS memerintah baru nak buat.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Saya ingat Yang Berhormat, terus kepada soalan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF** (Wakil Jertih): Okey, sebab ada pencelahan tadi.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Maksud Soalan Lisan ni untuk dapat penjelasan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF** (Wakil Jertih): Soalan tambahan saya: Adakah yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Berang tadi secara bersepadu dengan mengambil kira selain daripada stesen bas itu, iaitu laluan masuk ke Jertih, kerana kita tengok laluan masuk ke Jertih menggunakan jalan yang sangat kecil. Ada perancangan yang telah dibuat supaya pihak Kerajaan mengambil balik tanah untuk tujuan pembesaran jalan ataupun laluan untuk masuk dan keluar ke Pusat Bandar Jertih? Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Saya rasa hok tu hok lain pulok tu. Cadangan ni saya pergi jumpa Majlis Daerah di Besut, memang adalah paper berkaitan dengan cadangan tersebut iaitu sebuah Cadangan Merekabentuk Dan Membina Semula Terminal Bersepadu Bas Dan Teksi di atas sebahagian daripada Lot 112 di Bandar Jertih, yang melibatkan kawasan sekitar 3 ekar sahaja. Jadi berkaitan jalan laluan masuk ni, hok ni projek lain pulok. Hok ni tak termasuklah di dalam membina semula Terminal Bersepadu itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih, masa untuk Soalan Lisan telah tamat. InsyaAllah, bagi memberikan keadilan, mana-mana Ahli Yang BerhORMAT yang tak sempat dijawab soalan pada hari ini akan diberikan keutamaan untuk mengemukakan Soalan Lisan pada hari esok.

Yang Amat BerhORMAT Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang BerhORMAT sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 11.15 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.00 PAGI.

#### PUKUL 11.10 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Amat BerhORMAT Menteri Besar, Ahli-ahli Yang BerhORMAT sekalian, mesyuarat disambung semula.

#### **USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:-

*"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakam dan merafak sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kerana menyampaikan Titah Diraja mengenai dasar-dasar Kerajaan bersempena Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri Keempat Belas dan bersetuju merafak sembah ikrar taat setia Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan bersedia memberi kerjasama yang erat kepada pentadbiran negeri supaya dasar-dasar Kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna demi kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya."*

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul tersebut.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan. Saya persilakan Yang Berhormat Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahir rabbil alamin. Assalatu wassalamu'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajmain. Amma ba'd.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah kita merakamkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang telah memberikan keizinan kepada kita bagi menghadiri Sidang Dewan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas.

Alhamdulillah dikesempatan yang diberikan kepada saya pada hari ini, izinkan saya untuk merakam dan menyembahkan Ucapan Penghargaan Dan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang telah bertitah menyentuh dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah kita maklumi, kita telah menjalani Pilihan Raya Umum Keempat Belas tempoh hari yang telah menyaksikan perubahan yang besar di dalam peringkat negara kita sendiri daripada

pemerintah yang sebelum ini di bawah Barisan Nasional beralih kepada Kerajaan yang baru di bawah Pakatan Harapan. Saya mengambil kesempatan ini juga untuk menyentuh berkenaan dengan peralihan Kerajaan Negeri di bawah Negeri Terengganu daripada Kerajaan Barisan Nasional dalam PRU Ke-14 akhirnya kita telah bertukar pemerintah kepada Kerajaan PAS yang mengambil alih.

Beberapa kesempatan yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar membawa suatu gagasan yang cukup besar untuk dihayati oleh seluruh rakyat Negeri Terengganu. Peralihan ini bukan peralihan untuk membalaas dendam. Peralihan ini adalah peralihan untuk kita memakmurkan negeri, memajukan negeri dan dalam masa yang sama berusaha gigih untuk memastikan kesejahteraan rakyat bakal diperolehi melalui usaha secara bersama di antara semua ahli-ahli parti yang telah bergelanggang dalam PRU Yang Ke-14.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak bercadang untuk menyentuh isu pilihan raya dengan secara panjang lebar dalam kesempatan perbahasan ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan telah menyentuh banyak perkara mengenai Kerajaan Negeri Terengganu. Tuan Yang Dipertua, izinkan saya memberikan fokus dalam beberapa perkara. Terdahulunya saya memulakan ucapan perbahasan ini dengan memetik Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Al-Quran Nul Karim: "*A'uzubillahi minasyaitannir rajim. Innallaha la yughayyiru ma bi quomin, hatta yughayyiru ma bi anfusihim*". Maksudnya: "Sesungguh Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehinggalah kaum tersebut itu sendiri yang telah melakukan perubahan".

Saya yakin panduan inilah yang menjadi nukleus penting untuk kita menjayakan impian Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera. Ia bermula dari atas hingga ke bawah, bermula daripada pemimpin utama sehingga sampai kepada seluruh rakyat jelata, kita akan gagal menjayakan semua impian ini seandainya agenda perubahan tidak dapat dilakukan. Sebenarnya perubahan besar yang dituntut adalah *mindset change* dengan izin, perubahan minda yang mesti dibentuk dan *educate* kepada seluruh rakyat di Negeri Terengganu. Lebih besar agendanya ialah perubahan minda yang positif kepada ajaran Islam yang selama ini kita memandang ajaran Islam tidak memungkinkan kita maju dan terus bertapak kukuh ke depan, *mindset change* perlu dilakukan oleh kita bahawa kita mesti positif dengan perubahan melalui agenda yang dibawa oleh Pusat. Perubahan untuk kita lakukan ini mestilah meletakkan keyakinan, pendekatan dan pengamalan Islam dalam seluruh kehidupan kita akan memberikan kekuatan untuk memacu Negeri Terengganu sebagai sebuah negeri yang maju, negeri yang memiliki keberkatan dan negeri yang memiliki kesejahteraan.

Tuan Yang Dipertua, kembali menyentuh penekanan yang dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dalam Titah Ucapan kelmarin. Pada halaman kelapan, berkenaan dengan kedaulatan Negeri Terengganu disentuh

berkenaan dengan royalti minyak dan juga Telaga Minyak Bertam. Sebenarnya Terengganu telah berjaya memiliki khazanah anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang cukup besar dan cukup bererti semenjak sekian lama. Saya sempat mengikuti satu transkrip Ucapan Belanjawan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat, ketika itu bergelar Dato' Haji Wan Mokhtar Ahmad pada 26 Disember 1978 dalam mempertegaskan royalti petroleum adalah hak milik Terengganu. Saya mohon izin untuk membaca teks ini supaya ia ada di dalam rakaman Dewan melalui Ucapan Perbahasan yang saya sampaikan:

"Tidak satu sen pun daripada tambahan pendapatan hasil bagi tahun ini adalah melalui kenaikan kadar hasil cukai atau lesen. Punca hasil yang terbesar bagi tahun 1979 ialah perolehan daripada petroleum dan gas iaitu yang dianggar sebanyak RM52 juta. Pendapatan tersebut merupakan kadar 5% daripada nilai petroleum dan gas yang dikeluarkan dari dasar laut berhadapan dengan Negeri Terengganu mengikut perjanjian yang telah dimeterai antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Petronas. Tahun 1979 adalah tahun kedua bagi Negeri Terengganu menikmati hasil daripada punca yang baharu ini dalam tahun pertama iaitu semenjak dasar laut Terengganu mula memuntahkan minyak pada 13 Mac 1978. Anggaran hasil yang dipinda sehingga akhir tahun ialah sebanyak lebih kurang RM25 juta."

Inilah di antara teks yang telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada waktu itu dalam menegaskan royalti minyak adalah milik Negeri Terengganu. Tetapi malangnya ia mula dinafikan pada tahun 2000 setelah PAS mengambil alih Negeri Terengganu. Ianya sejarah, saya ulangi sekadar untuk memberikan gambaran penting ini supaya mampu dirakamkan di dalam Dewan yang mulia ini, saya tidak berhasrat untuk panjangkan persoalan ini apatah lagi prinsip yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar begitu jelas untuk jadikan Terengganu sebagai '*the much better state*'. Oleh kerana itu kita tidak akan mengimbas sejarah dalam bentuk secara berterusan, cukup ia sebagai suatu rakaman, sebagai suatu lembaran yang pernah dilalui oleh Negeri Terengganu.

Pun begitu demi menguruskan kepentingan rakyat tentu sekali kita semua mengharapkan pulangan royalti minyak 5% yang perlu diuruskan oleh pihak Kerajaan Negeri. Komitmen Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia untuk memulangkan kembali terus melalui Kerajaan Negeri adalah suatu perkara yang sangat dialu-alukan. Saya suka merakamkan pengharapan rakyat Terengganu melalui Dewan Undangan Negeri ini, pengharapan seluruh rakyat untuk melihat kembali royalti kembali ke Negeri Terengganu melalui Kerajaan Negeri Terengganu sendiri yang menguruskan.

Tuan Yang Dipertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan menyentuh secara jelas berkenaan dengan Majlis Petroleum Terengganu ataupun disebut sebagai TPC pada Mei 2017, berperanan untuk mengembalikan kedaulatan Negeri Terengganu sebagai pengeluar minyak dan gas yang utama di Semenanjung Malaysia. Ia dapat dilindungi hak dengan sewajarnya demi kepentingan rakyat dan negeri. Ada dua perkara utama yang sangat perlu diberi perhatian melalui ucapan yang disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Perkara yang pertama adalah menangani urusan berkaitan royalti. Perkara yang kedua ialah tuntutan hak ke atas Telaga Minyak Bertam. Semenjak ditubuhkan Mei 2017, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Kerajaan apakah usaha yang telah dirintis TPC dalam menjayakan agenda tersebut semenjak ia ditubuhkan. Lebih mengejutkan peranan penting yang mesti dimainkan TPC menurut apa yang dititahkan oleh Tuanku Sultan adalah mengembalikan hak Telaga Minyak Bertam PM 307. Seolahnya memberikan gambaran Telaga Minyak Bertam PM 307 sebenarnya sudah tergadai kepada negeri yang lain. Apakah benar ini dilakukan oleh pihak Kerajaan Pusat yang terdahulu dan Kerajaan Negeri pula pada waktu itu mendiamkan diri sahaja dengan isu ini. Kita berharap penjelasan ini dapat dikemukakan dalam Dewan Undangan Negeri yang mulia ini. Justeru, saya berharap pihak Kerajaan dapat membentangkan usaha dan hasil yang telah diterokai oleh TPC dalam menjayakan semua isu-isu kedaulatan negeri ini.

Tuan Yang Dipertua, ramai yang berbicara tentang kebergantungan hasil Negeri Terengganu terhadap sumber petroleum semata-mata. Hasrat untuk meningkatkan hasil negeri melalui sumber yang lain seringkali menjadi madah bicara pemimpin Kerajaan Negeri sebelum ini. Saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri memperkasakan usaha untuk menjana hasil negeri dengan lebih rancak, lebih serius. Jawatankuasa Hasil Negeri perlu dioptimumkan sebaik mungkin. Unit Pelaburan yang berada di bawah UPEN perlu dijadikan sebagai *task force* yang mampu untuk membawa pulangan pelaburan asing dalam Negeri Terengganu. Saya difahamkan Unit Pelaburan hanya ada seorang kakitangan, mana mungkin untuk kita meraih pelaburan yang lumayan dalam keadaan kita tidak memiliki satu ketumbukan yang kuat untuk memastikan kita dapat mencapai dan juga meraih sokongan pelabur-pelabur daripada luar.

Sekadar bermuhasabah dalam penggal yang lepas, kita didendangkan dengan 13 projek *low hanging fruits* pada tahun 2016 dengan jumlah pelaburan yang mencecah RM3.5 bilion dan dengan peluang pekerjaan mencecah 6,795 buat rakyat Negeri Terengganu. Saya kemukakan contoh yang paling hampir dalam kawasan saya ialah Projek Aviation Maintenance Repair and Overhaul yang diringkaskan sebagai MRO dengan jangkaan pelaburan sebanyak RM229 juta dan peluang pekerjaan yang dijangka sebanyak 600 peluang. Inilah yang tercatat di dalam Buku Bajet seperti mana yang telah dibentangkan suatu ketika dahulu. Apakah kita benar-benar serius dan meneliti tawaran yang dibuat oleh pelabur

sehingga kita berjaya korbankan Lapang Sasar Menembak Gong Kuin yang telah mengakibatkan perbelanjaan hampir RM6 juta untuk sistem perparitan sebagai syarat untuk Pembangunan Kompleks MRO. Apakah nasib pelaburan MRO yang telah dicanang selama ini? Ini sekadar satu contoh, belum lagi membilang keseluruhan perkara yang disenaraikan.

Saya kembali untuk menarik perhatian Dewan, perancangan untuk menjana hasil negeri perlu dilakukan secara serius agar Terengganu mampu menjadi negeri yang berdaya saing, bersifat dinamik malah tidak keterlaluan andainya disebut Terengganu sebagai sebuah negeri yang tahan lasak berdepan dengan sebarang cabaran.

Anggaran pendapatan negeri melalui Hasil Cukai dan Bukan Cukai dianggarkan sebanyak RM270.35 juta yang mencakupi Hasil Cukai sebanyak RM66.42 juta. Hasil Bukan Cukai sebanyak RM203.93 juta. Sepertimana yang telah dibentangkan dalam Ucapan Bajet 2018, anggaran ini perlu untuk Kerajaan Negeri meneliti apakah kita tidak mampu lonjakan hasil sehingga mencecah RM1 bilion dengan memanfaatkan seluruh kelebihan dalam Negeri Terengganu. Apakah kita masih lagi teruja hanya dengan royalti ataupun kita menerima royalti dalam masa yang sama kita mampu lonjakan pendapatan Negeri Terengganu. Ya, benar. Saya mengakui ia adalah suatu perkara yang sukar tetapi ia merupakan suatu perkara yang mesti disambut oleh kita untuk bergelar negeri yang lebih dinamik dan berdaya saing di hari yang mendatang ini. Jangan menunggu tahun mendatang untuk merancang tapi mulakanlah pada tahun ini demi merangka suatu bentuk perancangan berjangka masa panjang untuk melihat Negeri Terengganu yang diimpikan.

Tuan Yang Dipertua, bukan sahaja dalam aspek mencari hasil malah cara berbelanja juga perlu diperhalusi secara saksama. Pembangunan adalah suatu perkara yang penting dalam mengekalkan kestabilan kehidupan rakyat pun begitu cara dan kaedah menyusun pembangunan itu amat perlu dinilai.

Saya ingin menyentuh kembali Soalan Lisan yang saya kemukakan di sebelah pagi tadi terdapat 6 projek yang dibiayai melalui kaedah PPP (Public Private Partnership) yang jumlah keseluruhan mencecah RM3 bilion. Tahun ini sahaja kita akan memulakan pembayaran sejumlah RM101.2 juta. Tahun depan kita akan memulakan pembayaran sebanyak RM290.8 juta. Menyingkap pada tahun 2020, kita akan mulakan pembayaran sebanyak RM348.1 juta sehingga berakhir pada tahun 2032. Walaupun kita dapat menyaksikan kita boleh membayar secara ansuran, kita perlu insaf dan kita perlu sedari bahawa konsep seperti ini boleh membunuh harapan yang dibawa oleh pihak rakyat Negeri Terengganu. Kenapa saya katakan demikian? Saya pernah mengemukakan suatu pandangan yang dikemukakan oleh pihak PAC Parlimen pada penggal yang lepas. Inisiatif PFI gagal tepati klausa, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara

berpandangan inisiatif pembiayaan swasta yang diperkenalkan Kerajaan dalam usaha mendapatkan dana bagi membiayai aktiviti pembangunan projek-projek yang dikenal pasti tidak menepati konsep sebenar program. Malahan menurut pandangan PAC, program ini adalah pinjaman Kerajaan yang *off budget*.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana itu saya memohon jasa baik supaya kita meneliti dengan penuh kesaksamaan, Loji Air Bukit Sah Kemaman dan Loji Air Kuala Terengganu Utara semenjak dahulu telah dilaporkan kita akan berdepan dengan krisis air pada masa yang mendatang. Ertinya Kerajaan telah mengetahui kita akan berdepan dengan krisis air suatu ketika nanti, kita boleh untuk mengemukakan jumlah bajet yang sesuai daripada masa ke semasa tanpa perlu untuk kita menggandakan bayaran kepada pihak kontraktor yang terlibat di dalam PPT ini, sebagai suatu contoh Loji Air Kuala Terengganu Utara yang membelanjakan sebanyak RM700 juta. Kita terpaksa pulangkan balik sehingga mencecah RM1.3 bilion. Ertinya gandaan yang cukup besar untuk dibayar oleh rakyat di atas apa yang telah dilakukan dalam pembangunan ini. Kita tidak manafikan loji air itu penting, perlu pada waktu skala dan kita pejam mata untuk menyaksi ia perlu terus dibangun tetapi perlu diingat jangan beramal dengan perbelanjaan seperti ini kerana ia akan memberikan pulangan yang negatif terhadap masa depan rakyat Negeri Terengganu.

Tuan Yang Dipertua, justeru perancangan teliti pembangunan negeri secara berjangka masa panjang hendaklah diteliti secara menyeluruh dengan memanfaatkan peranan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Pihak Berkuasa Tempatan, seluruh agensi yang terbabit hendaklah memainkan peranan untuk membawa cadangan berjangka masa panjang dalam pembangunan Negeri Terengganu. Saya percaya semua gagasan ini telah ada. Tinggal lagi kesungguhan pemimpin Kerajaan untuk menyambut dan melaksanakan agenda pembangunan.

Tuan Yang Dipertua, sebagai akhir, izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan dengan sukan. Dalam suasana menuju SUKMA 2018 yang akan berlangsung pada 12 - 22 September pada tahun ini di Negeri Perak, insyaAllah kita berharap Kontinen Negeri Terengganu akan muncul sebagai Juara SUKMA 2018. Cabarannya tidak sedikit, kesungguhan pihak Majlis Sukan Negeri Terengganu dan atlet amat wajar dihargai. Dan tidak salah jika sekiranya saya mengambil kesempatan di dalam Ucapan Perbahasan saya ini untuk memberikan sedikit pulangan penghargaan buat usaha gigih bekas Exco Pelan Pembangunan Belia dan Sukan Negeri Terengganu yang lepas di dalam membangunkan sukan di negeri ini iaitu Yang Berhormat Telemong. Penghargaan ini ikhlas daripada saya meskipun Yang Berhormat Telemong nampak runsing dengan nasib pasukan Jerman yang tidak menentu sekarang ini. ....(Dewan gelak) .....

Isu sukan bukan sahaja dalam SUKMA, ia meliputi bola sepak, TSG dan pelbagai sukan yang lain dan isu yang paling besar adalah kewangan. Secara kebetulan di Negeri Terengganu kita memiliki satu tabung khas tentang Pembangunan Sukan iaitu Tabung Pembangunan Sukan Negeri Terengganu. Mutakhir ini dilihat tidak begitu mendapat tempat di kalangan GLC, syarikat swasta termasuk penjawat awam ataupun penjawat swasta. Tabung ini perlu diperkasakan semula, saya mencadangkan supaya ia memiliki pengurusan sendiri untuk menyusun KPI dalam meraih sasaran kewangan yang diperlukan tanpa meletakkan kebergantungan kepada bajet pihak Kerajaan semata-mata.

Tuan Yang Dipertua, dengan beberapa aspek yang saya sempat menyentuh dan meninggalkan sebahagiannya kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain untuk mengupas, maka saya mohon menyokong Titah Ucapan Tuanku. Terima kasih. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat Tepoh. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Batu Buruk.

**YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):** Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, wassalatu wassalamu'ala rasulillah. Ammaba'd. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, hadirin-hadirat yang dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala sekalian.

Menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin yang telah menyempurnakan Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Ke-14 tahun 2018. Saya mulakan ucapan perbahasan ini dengan Firman Allah Subhanahu Wata'ala: "*Waiz qalarobbuka lilmala iqati inni jaa ilun filardil khalifah. Ila akhiril ayah*". "Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat-malaikat, sesungguhnya Aku ingin jadikan di atas muka bumi ini seorang khalifah." Para ulama menyebut definisi al-Khilafah ialah '*Iqomatuddin Was Siyasahduniawi*.' Bermaksud: 'Menegakkan agama dan mentadbir dunia ini dengannya.' Mentadbir dunia dalam konteks Negeri Terengganu Darul Iman ialah dengan melaksanakan dasar berdasarkan kepada dengan izin, '*Adhoru al khamis*', keperluan-keperluan lima perkara asas dalam kehidupan manusia. Yang pertama ialah keperluan ataupun asas agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, berdasarkan kepada lima perkara yang disebutkan tadi maka ia menjadi satu tanggungjawab dan kewajipan yang sangat besar kepada amanah yang dipikul oleh Kerajaan baharu ini untuk

memastikan ianya dapat dilaksanakan untuk membina Negeri Terengganu dengan mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam ayat yang saya bacakan tadi menyentuh berkait dengan mentadbir dan mengurus dunia dalam konteks di sini ialah Negeri Terengganu. Saya suka untuk menyentuh beberapa prinsip asas kepada pentadbiran yang berteraskan kepada Islam. Yang pertama ialah keredhaan Allah, ketaqwaan yang seterusnya akan menghasilkan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Yang kedua, keadilan dan kebajikan kepada rakyat. Dan yang ketiga ialah prinsip musyawarah. Sesuatu keputusan dibuat bukan sahaja daripada pihak Kerajaan bahkan ianya dibincang dengan semua peringkat, dengan pegawai-pegawai dan juga rakyat yang berada di bawah sana. Hilangnya ketiga-tiga asas ini ataupun salah satu daripadanya menjadi penyebab kepada kegagalan kerajaan-kerajaan yang mengurus dalam pemerintahan-pemerintahan daripada dulu sehingga ke hari ini.

Kita berharap Kerajaan baharu yang dipilih oleh rakyat menggantikan Kerajaan dahulu mengambil iktibar daripada apa yang telah berlaku untuk membina kembali Negeri Terengganu supaya ianya mendapat keredhaan daripada Allah dalam masa yang sama memberikan kebajikan kepada rakyat. Kesalahan-kesalahan dan kesilapan-kesilapan di masa yang lampau bukan sahaja untuk diteliti, dijadikan muhasabah tetapi perlu pihak Kerajaan untuk mengambil langkah-langkah supaya ianya dijadikan iktibar kerana pengurusan dan pentadbiran yang telah lalu itu perlu dilihat dan dinilai keuntungan dan kerugiannya kepada rakyat Negeri Terengganu kerana itulah matlamat yang paling utama Kerajaan yang dipilih oleh rakyat ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya suka untuk menyentuh ungkapan Titah Ucapan yang disampaikan oleh Sultan Mizan Abidin semasa perasmian semalam. Di antara apa yang dinyatakan ialah Kerajaan baharu juga diharap dapat meneruskan kesinambungan pentadbiran Kerajaan terdahulu dengan penambahbaikan bagi memastikan matlamat untuk menzahirkan negeri maju dan berpendapatan tinggi dicapai selaras dengan slogan 'Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera'.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Mizan Zainal Abidin yang telah menyatakan perkara ini menunjukkan bahawa Kerajaan baharu yang dipilih ini adalah satu Kerajaan yang insyaAllah, sedang dan akan mengamalkan satu budaya politik baharu di dalam Negeri Terengganu dan juga Malaysia secara umumnya iaitu budaya politik matang dan sejahtera. Sudah cukup kita berpolitik pada musim pilihan raya sekarang adalah masa untuk kita bekerja bagi kita memastikan kita bersama-sama membina Negeri Terengganu ini dengan berteraskan kepada slogan 'Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera'.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya suka juga di sini suka untuk menyentuh beberapa perkara yang berkait dengan pentadbiran Kerajaan yang baharu dipilih ini yang sama-sama kita harap ia perlu diberikan perhatian. Yang pertamanya ialah sektor perdagangan. Perkara ini juga disebut di dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan menyatakan bahawa bagaimana kadar KDNK Negeri Terengganu mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.9% pada tahun 2017 berbanding 3.1% pada tahun 2016. Walaupun begitu, sektor perkhidmatan khususnya daripada aktiviti perdagangan perlu dilonjakkan dengan lebih baik. Begitu juga sektor pembuatan industri yang tumbuh perlahan sekitar 3.8% berbanding 7.3% pada tahun 2016 mestilah diberikan perhatian yang serius sepanjang penggal pentadbiran ini supaya Negeri Terengganu dikenali di antara dengan izin, '*the most attractive trading states in Malaysia*'.

Sektor-sektor perdagangan sedia ada seperti perniagaan borong, runcit, perhotelan, restoran, kewangan dan perkhidmatan perlu dimantapkan. Manakala subsektor baru perlu diteroka sesuai dengan perkembangan negara hari ini terutama dalam bidang e-Dagang dan bioteknologi. Sementara itu, Kerajaan Negeri perlu memastikan peluang pekerjaan yang lebih luas dapat ditawarkan kepada rakyat tempatan khususnya dalam bidang berkemahiran tinggi.

Di sini saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengoptimumkan keberkesanan pusat-pusat perniagaan dan pusat perbandaran di setiap wilayah supaya aktiviti perdagangan dapat berjalan dengan lebih rancak sehingga memberikan kesan gandaan kepada sosio ekonomi penduduk. Penyusunan semula pusat perniagaan yang tidak teratur perlu dilakukan supaya ia dapat menarik pengunjung khususnya di kawasan-kawasan utama negeri.

Sektor yang kedua yang ingin saya sentuh ialah sektor perindustrian di Negeri Terengganu ini. Tugasan utama yang perlu diberikan perhatian dalam sektor perindustrian kecil dan sederhana serta berat adalah meneliti semula secara kritikal sumbangan semua kawasan industri yang mencakupi lebih 3,000 hektar yang telah dibangunkan di seluruh daerah di Negeri Terengganu. Penelitian semula ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan melakukan beberapa penyesuaian sejajar dengan perkembangan hari ini terutamanya setelah pengangkutan LPT2 telah dapat diakses dengan baik.

Struktur perkilangan perlu dikaji supaya aspek diversifikasi akan terus digiatkan dengan kluster industri yang lain berbanding dengan industri petrokimia dan industri kecil dan sederhana (IKS) sahaja. Sektor IKS perlu dimodenkan dan penggunaan teknologi tinggi perlu dimanfaatkan untuk meneroka pasaran dengan lebih luas. Di samping itu, penawaran guna tenaga mahir mesti segera di atasi untuk memenuhi keperluan industri tersebut.

Suka saya memberi contoh apabila saya menyebut tadi berkait dengan industri kecil dan sederhana. Di dalam kawasan saya DUN Batu Buruk adalah di antara kawasan yang sedang pesat membangun industri kecil dan sederhana ini seperti industri tekstil, penenunan songket, batik, kraftangan dan industri makanan keropok lekor yang rata-rata wujud di Negeri Terengganu ini. Ekoran itu saya berharap agar pihak Kerajaan turut memberikan perhatian dengan mengaplikasikan strategi lokalisasi khas untuk mengaktifkan pengusaha-pengusaha IKS dengan suntikan insentif yang lebih menarik, galakan-galakan yang lebih segar perlu disuntik agar para pengusaha khususnya dari golongan muda lebih berminat untuk menceburi dalam bidang perniagaan IKS di Negeri Terengganu.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN HAJI HADI** (Wakil Batu Buruk): Akhirnya saya mohon menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Mizan Zainal Abidin yang telah selesai memberikan ucapannya semalam. Sekian, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih. Saya nak bagi peluang kepada Yang Berhormat di sebelah sini. Sila Yang Berhormat Wakil Bukit Besi.

**YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD** (Wakil Bukit Besi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Alhamdulillahir Rabbil Alamin. Segala puji bagi Allah yang maha berkuasa, maha mendengar lagi maha mengetahui akan apa yang terang dan yang tersembunyi dalam hati-hati manusia. Selawat dan salam kepada Junjungan Besar Rasulullah dan kekasih Allah, Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam yang menjadikan teladan membawa rahmat ke seluruh alam. Rahmatan bil'alamin.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, izinkan saya memulakan ucapan dengan satu peringatan untuk diri saya dan semua yang hadir dalam Dewan yang mulia ini. Tentang kemuliaan seperti Firman Allah Subhanahu Wata'ala, mafhumnya: "Wahai orang-orang yang beriman penuhi serta sempurnakanlah segala perjanjian yang kamu buat." (Surah Al-Maidah ayat 1).

Terlebih dahulu saya melafazkan syukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya dan inayah-Nya saya selaku Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Kawasan Bukit Besi dengan penuh rasa tanggungjawab berdiri di sini untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin merasmikan Pembukaan Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri Terengganu Bagi Kali Yang Ke-14.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua kerana memberikan kesempatan dan peluang kepada saya untuk membahaskan usul tersebut. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu Ke-15, Yang Amat Berhormat Dr. Ahmad Samsuri dan semua barisan EXCO Kerajaan yang baharu dipilih dengan harapan dapat merealisasikan janji-janji gagasan sejahtera 'Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera'.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya amat menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Mizan yang telah menitahkan agar Kerajaan yang baru supaya meneruskan kesinambungan pentadbiran sebelum ini dan pada masa yang sama akan dapat melakukan penambahbaikan bagi menzahirkan matlamat menjadikan Terengganu negeri maju dan berpendapatan tinggi.

Sesungguhnya telah banyak usaha dan kejayaan yang telah dicapai oleh Negeri Terengganu dan keseluruhannya bagi rakyat Negeri Terengganu pada masa pemerintahan sebelum ini. Justeru itu, adalah menjadi harapan saya agar dalam mentadbir negeri nanti janganlah pula segala kisah-kisah kejayaan yang telah dicapai, yang telah dilakukan oleh Kerajaan yang terdahulu dan program-program yang bermanfaat kepada sosio ekonomi negeri kita akan terus dipolitikkan. Perlu diakui ekonomi telah berkembang pesat dan adalah menjadi lebih wajar untuk Kerajaan Negeri menambahbaik pelaksanaan yang telah dirancang sebelum ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebenarnya keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu kepada keharusan merangka program-program bagi mengurangi beban kos sara hidup rakyat memerlukan perancangan yang lebih berkesan. Kami dan rakyat ingin mengetahui bilakah program bantuan sebanyak RM300 untuk mendapatkan Lesen Motosikal dilaksanakan dan bagaimanakah mekanismenya? Begitu juga diharapkan Kerajaan menjelaskan lebih terperinci Bantuan Percuma Wad Kelas 3 bagi rakyat dan Penubuhan Pusat Asuhan Kanak-Kanak di pejabat.

Secara umumnya, saya mengambil pandangan positif akan janji pihak Kerajaan ini namun kami merasakan bahawa penjelasan bagaimana mekanisme dilakukan harus dijelaskan. Apakah masih perlu diwujudkan Taska seperti yang dicadangkan sedangkan Yayasan Pembangunan Keluarga iaitu YPK sendiri memiliki Taska di setiap daerah dengan kos yuran yang amat berpatutan. Adakah Pusat Asuhan Kanak-kanak yang dicadangkan ini adalah percuma Kerajaan baru?

Saya juga difahamkan Kerajaan juga berhasrat mewujudkan Kad Sejahtera bernilai RM500 setahun untuk penduduk berpendapatan rendah dan usaha ini dilihat satu usaha yang molek sebenarnya. Bagi pihak kita, kalau benar usaha ini dapat dilakukan ianya suatu usaha yang cukup baik kepada rakyat Negeri Terengganu. Dan juga difahamkan Kad Sejahtera ini laku di mana-mana klinik swasta. Di sini saya juga ingin menyarankan agar pihak Kerajaan menjelaskan mekanisme pelaksanaan cadangan ini yang kini menjadi tanda tanya kepada rakyat Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, menarik perhatian saya apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut memberikan pandangan terhadap dunia keusahawanan khususnya perkembangan revolusi industri 4.0 sebagaimana sedia maklum Kerajaan terdahulu telah berjaya menyediakan infrastruktur bagi menggalakkan anak-anak muda terlibat secara langsung dalam Keusahawanan Digital dengan tertubuhnya TD1303 di bangunan Tok Pelam Ladang. Justeru itu, adalah menjadi harapan dan juga persoalan apakah perancangan Kerajaan terhadap TD1303 ini dan bagaimana usaha itu dapat menarik galakan serta mewujudkan peluang keusahawanan digital atau keusahawanan yang seiringan dengan revolusi industri 4.0 ini.

Pada saya, saya juga ingin mendapat kepastian apakah inisiatif-inisiatif terbaru yang dirancang untuk memastikan perkembangan perniagaan *food truck* terus tumbuh dengan lebih teratur. Kami harus menyedari bahawa usahawan tempatan masih lagi majoriti ditahap usahawan kecil dan mikro. Oleh hal yang demikian, saya mengharapkan usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan usahawan dapat diteruskan sebagaimana Kerajaan terdahulu lakukan.

Sebelum saya mengakhiri Ucapan Menjunjung Kasih Atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia marilah kita sama-sama memahami seruan dan harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk melihat Terengganu maju dan rakyat sejahtera. Justeru itu, saya menyatakan ikrar di Dewan yang mulia ini untuk terus memberi komitmen bagi menjalankan amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan. Kami menolak sekeras-kerasnya politiknya kebencian yang sering digunakan oleh pihak-pihak tertentu apatah lagi ketika pada Pilihan Raya Yang Ke-14. Saya juga menyambut baik hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang menyatakan untuk membawa agenda perkongsian ekonomi dengan rakyat kerana ekonomi yang dijana oleh Kerajaan Negeri dengan pelbagai cara sekiranya tidak diatur dengan berkesan makanya ia tidak akan sampai kepada rakyat. Dalam hal ini saya pada hari ini turut menyokong. Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Bukit Besi. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap? Sila Yang Berhormat Wakil Bandar.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahir Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassala mu'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihia wa ashabihi ajmain. Ammaba'd.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, pada hari ini kita dapat bersama-sama berada di dalam Dewan yang mulia ini setelah kita melalui Pilihan Raya Yang Ke-14, rakyat telah memilih Ahli-ahli Yang Berhormat semua bagi mewakili mereka dan memperjuangkan hak mereka di dalam Dewan ini. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada seluruh Wakil-wakil Rakyat yang telah terpilih. Sesungguhnya amanah yang telah dibebankan kepada kita semua ini sangat besar yang sudah pasti kita akan dipersoalkan bukan sahaja oleh rakyat bahkan kita akan dipersoalkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di hari akhirat kelak.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil kesempatan pada hari ini di dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di dalam perkara yang berkait dengan harapan baginda untuk melihat Kerajaan baru yang memerintah Negeri Terengganu menitik berat dan menekankan soal yang berkait dengan menaik taraf kehidupan rakyat. Khususnya yang berkait dengan memperbanyak, menyediakan projek perumahan yang boleh menampung keperluan rakyat Negeri Terengganu.

Tuan Yang Dipertua, umum mengetahui bahawa hari ini kos sara hidup yang amat tinggi telah membebankan sebahagian besar daripada rakyat. Mungkin di kalangan kita ada yang berpendapatan yang tinggi tidak merasainya tetapi sebahagian besar daripada rakyat khususnya di Negeri Terengganu dan amnya di Malaysia bercakap tentang kos sara hidup yang tinggi. Bebanan ini berkait rapat dengan pendapatan mereka yang kecil apatah lagi apabila berkait dengan untuk mendapat rumah yang sudah pasti memerlukan sokongan pendapatan yang lebih untuk memiliki rumah.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menarik perhatian keperluan untuk memiliki rumah sekarang ini mengikut data yang kita dapat daripada Kerajaan Tempatan Dan Perumahan. Permohonannya sudah mencecah lebih daripada 111,000 iaitu Rumah Mampu Milik (RMM). Jumlah 111,000 ini bukan satu jumlah yang kecil yang terkumpul sehingga hari ini sedangkan rekod kita mencatat Kerajaan dan juga jabatan sebelum ini menyatakan kita hanya mampu menyediakan 1,000 unit setahun. Jadi kalau tuan-tuan Ahli-ahli Yang Berhormat melihat pada angka-

angka ini, ini adalah suatu cabaran yang sangat besar pada Kerajaan baru di dalam memenuhi hasrat menyediakan Rumah Mampu Milik kepada rakyat.

Saya begitu tertarik dengan penegasan dan penekanan daripada Tuanku Sultan supaya Kerajaan benar-benar fokus kepada isu ini. Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita yakin persoalan perumahan Rumah Mampu Milik akan diusahakan dengan lebih berfokus dengan kita melihat bagaimana sejumlah RM50 juta telah diperuntukkan untuk Tabung Pinjaman Perumahan bagi membolehkan rakyat yang kurang berkemampuan memiliki rumah dengan membuat pinjaman kepada tabung ini. Ini suatu tindakan dan juga suatu cara yang sangat bijak yang perlu kita sama-sama sokong. Dan di samping itu, sejumlah RM32 juta juga telah diperuntukkan untuk membaik pulih rumah-rumah rakyat yang uzur yang perlu kita bantu.

Tuan Yang Dipertua, sekiranya semua pihak berganding bahu bukan sahaja yang melibatkan jabatan yang terbabit, pihak swasta, NGO, parti Kerajaan dan Pembangkang sama-sama berganding bahu untuk merealisasikan harapan dan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan, saya yakin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar persoalan Rumah Mampu Milik ini kita akan dapat sebahagian besarnya boleh diselesaikan.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin merujuk kepada bagaimana untuk meningkatkan pendapatan hasil negeri. Di dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu bagaimana Kerajaan perlu mengeksplorasi alam semulajadi Negeri Terengganu yang begitu indah. Ahli-ahli Dewan yang mulia sekalian, alhamdulillah, Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan Negeri Terengganu ini tempat yang begitu cantik, pulau yang cantik, pantai yang indah dan tasik yang menarik, memang tidak dinafikan. Tetapi kemungkinan kita terlepas pandang kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala ini tidak dapat kita maksimumkan penggunaannya yang boleh menjana pendapatan yang banyak. Sepanjang pantai Negeri Terengganu pasirnya putih berbanding dengan sebahagian daripada negeri-negeri yang lain pantainya bergelut dengan selut. Begitu juga sungai dan muara Sungai Terengganu yang boleh menjana pelancongan ini juga patut diberi penekanan yang serius. Tuan Yang Dipertua, kita melihat negeri lain seperti Melaka, mereka boleh menjana duit yang begitu banyak melalui aktiviti-aktiviti pelancongan, walhal sungai mereka jauh tak sama dengan sungai kita. Tetapi mungkin dengan idea, dengan perancangan juga tindakan yang serius bukannya sahaja negeri menjana pendapatan yang tinggi tetapi juga rakyat merasai limpah pendapatan hasil daripada pelancongan.

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Dewan yang dimuliakan. Oleh yang demikian, saya amat berharap apa yang dititah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu itu menjadi suatu pemangkin dan semangat untuk Kerajaan dan juga jabatan serta Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melihat dengan secara yang

serius industri ini. Seperti mana yang disebut dan yang dititah pergantungan pendapatan hasil negeri jangan sekadar disandar kepada hasil petroleum.

Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Perkampungan Dan Industri Tradisional di Kampung Tanjung. Kita mengetahui bahawa Kampung Tanjung sebelum ini ialah perkampungan yang menghasilkan alat-alat atau barang tradisional seperti barang tembaga, keris dan sebagainya. Tetapi setelah berlakunya pengambilan tanah secara besar-besaran, industri yang begitu hebat ini sudah hilang yang tinggal hanya beberapa sahaja dan yang telah luput banyak. Jadi oleh kerana itu di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mengambil kesempatan supaya kita melihat secara serius industri tradisional ini yang menjadi bukan sahaja lambang kepada Perkampungan Tanjung itu sendiri tetapi lambang orang Melayu. Pembuatan barang-barang kraftangan, keris dan sebagainya adalah berkaitan dengan lambang Kemelayuan. Oleh yang demikian, adalah suatu perkara yang bijak sekiranya pihak Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat semua berusaha untuk berfikir dan bagaimana kita nak menjana balik industri yang memang nostalgia ini yang boleh bukan sahaja menarik pelancong daripada dalam negeri bahkan pelancong daripada luar negeri. Saya yakin sekiranya industri ini diberi nafas baru insyaAllah, negeri kita bukan sahaja boleh dilihat sebagai sebuah negeri yang mempunyai pendapatan daripada hasil petroleum, ia juga dapat menjana pendapatan daripada industri-industri tradisional dan juga pelancongan.

Tuan Yang Dipertua .....

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MUHAMED** (Wakil Bandar): Takdok dah, sikit jer lagi. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk memaklumkan bahawa kita di dalam Parlimen Kuala Terengganu baru-baru ini telah melancarkan Kempen Terengganu Bersih yang kita mulakan di dalam Parlimen Kuala Terengganu. Langkah pertama kita ialah kita turun di pantai di belakang Masjid Terapung. Alhamdulillah selepas pada itu, kita melihat reaksi rakyat bagaimana mereka menyokong tindakan ini untuk melihat negeri kita cantik dan bersih. Seterusnya, dia tidak berhenti di situ, kita telah melalui satu lagi program yang sama di Pantai Batu Buruk. Bersih dan sihat ni dia sinonim, apabila bersih maka boleh jadi sihat. Kalau tidak ada bersih maka tidak ada sihat.

Jadi Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin merujuk sedikit kes yang sekarang ini berlaku di Terengganu. Kita sekarang di lokasi Drawbridge yang sekarang ini menular wabak Denggi. Setakat hari ini, rujukan kita daripada Pengarah Kesihatan Negeri, semalam ada satu kes baru dan kita sekarang sudah mencatat 14 kes di sekitar Drawbridge sahaja. Di Kuala Terengganu kita dah ada 34 kes dan keseluruhan Negeri Terengganu sudah mencapai 102 kes sehingga akhir

Jun. Jadi kita perlu kepada kempen kesedaran untuk menyedarkan rakyat, menyedarkan masyarakat, pihak Kerajaan, semua Ahli Yang Berhormat untuk berganding bahu memberikan kesedaran supaya negeri kita bersih bebas daripada tempat pembiakan nyamuk dan insyaAllah menjadikan persekitaran yang sihat.

Tuan Yang Dipertua, sekadar itulah ucapan saya, saya mohon menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Assalamu'alaikum warahmatullah.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Bandar. Ada sesiapa lagi Yang Berhormat yang hendak bercakap? Saya persilakan Yang Berhormat Rantau Abang.

**YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, Pemerhati-pemerhati, seterusnya tuan-tuan, puan-puan yang dirahmati Allah sekalian.

Alhamdulillah, syukur kita kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala. Kita masih dalam Ucapan Kebawah Duli Tuanku dan saya mengambil kesempatan untuk sama-sama berkongsi pandangan untuk kita manfaatkan di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, izinkan saya untuk meneruskan ucapan saya ini. Pertama, alhamdulillah, sejak 1999 sehingga 2004 semasa PAS memerintah Negeri Terengganu suatu usaha yang amat terbaik sekali telah kita capai semasa pemerintahan itu. Di mana Tuanku telahpun merestui dan menandatangani suatu Enakmen Syariah sebagai ibu Perlembagaan Negeri Terengganu. Alhamdulillah, pada 27.10.2003 ianya telah diwartakan sebagai Enakmen dan menjadi ibu Perlembagaan dan mestilah dilaksanakan dengan sesungguhnya mengikut keupayaan yang dibenarkan dalam Perlembagaan Negeri Terengganu. Dan alhamdulillah, hari ini setelah Pilihan Raya Ke-14, PAS telah diberi mandat oleh rakyat untuk memerintah Negeri Terengganu, alhamdulillah. Dan sebagai orang Islam sudah tentulah perkara ini menjadi perkara utama untuk kita meneruskan pelaksanaan segala titah perintah Allah kerana apa sahaja yang kita nak selesaikan mestilah penyelesaian Islam: "al Islamu ya'lū wala yu'lā alaih" (bermaksud): Islam itu tinggi tidak ada yang lebih tinggi. Siapa yang nak meninggikan Islam, kitalah orang Melayu yang mengaku Islam yang mengambil tanggungjawab memikul amanah yang berat ini untuk kita memperkasakan, memertabatkan syiar Allah di atas muka bumi ini kalau tidak seperti yang telah dimaklumkan oleh sahabat-sahabat tadi menjadi tanggungjawab yang besar bukan sahaja kita nak menjawab kepada sesama manusia tetapi yang lebih besarnya bagaimana setelah kita dipanggil oleh Allah dan di Mahsyar nanti kita akan diperhitungkan segala gerak kerja kita untuk kita

nak jawab dengan apa yang telah diperintahkan oleh Allah dan kita sebagai pemegang amanah ini sama-sama lah kita memikul.

Oleh itu, saya mengharapkan apa sahaja agenda Kerajaan sekarang ini terutama sekali dalam nak melaksanakan syiar Allah ini, saya benar-benar mengharapkan semua golongan masyarakat sama ada daripada Yang Berhormat di sebelah sana ataupun Kerajaan dan juga kepada pegawai-pegawai yang memikul tanggungjawab ini memberi perhatian dan memberi kerjasama yang sebenar-benarnya supaya apa yang nak dilaksanakan ini dapat kita capai hasrat ini. Saya takut dalam kita nak merancang, melaksana ada di kalangan orang yang mengaku Islam juga yang membantah, yang memberi kelainan pandangan yang tidak sama sekali mengikut pandangan syariat Allah. Jadi saya memohon dengan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini, kita mengharapkan kerana Tuanku telahpun menandatangani pada tahun 2003 lagi tetapi ianya tidak diperkasakan. Ini perkara utama yang saya nak tarik perhatian kepada diri saya yang telah diamanahkan untuk melaksanakan perkara utama kita ini dan nak mengajak semua yang ada sama ada dalam Dewan ini mahupun kepada rakyat umum.

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, perkara yang menjadi rungutan selain daripada kos sara hidup yang tinggi yang paling juga menarik perhatian kami ialah berkaitan dengan tingginya pengangguran di kalangan rakyat di Negeri Terengganu sendiri. Walaupun, Negeri Terengganu kalau kita lihat daripada apa yang telah kita adakan seperti kita mengadakan tempat-tempat latihan kemahiran yang tinggi dan anak-anak tempatan kita telahpun mendapat kemahiran-kemahiran ini tetapi peluang pekerjaan kepada mereka dari hari ke hari sudah tidak ternyata. Oleh itu, ini merupakan sasaran kita dengan manifesto yang kita keluarkan sebelum pilihan raya ini salah satu daripadanya ialah nak menambah tenaga kerja, 20,000 peluang pekerjaan selama 4 tahun berperingkat-peringkat untuk kita memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan supaya mereka dapat meringankan kos sara hidup mereka yang terbeban daripada dulu hingga sekarang ini. Kita mengharapkan peluang-peluang pekerjaan ini perlulah kita hayati betul-betul supaya apa yang telah berlalu terdahulu terutama sekali apabila kita mempelawakan pelabur-pelabur daripada luar kita tidak sangat mengambil suatu sikap tegas berkaitan dengan kuota pengambilan tenaga kerja. Dan insyaAllah, ini merupakan perjuangan kita untuk kita teruskan supaya kuota pengambilan tenaga kerja daripada pelabur-pelabur merupakan syarat untuk kita letakkan supaya anak-anak tempatan yang berkemahiran yang ada ini supaya mereka jugak diberi peluang pekerjaan untuk menyara hidup mereka.

Perkara yang kedua, yang saya nak sentuh ini ialah berkaitan dengan apa yang ada yang Allah kurniakan kepada kita selain daripada gas dan petroleum. Di tempat saya iaitu di DUN Rantau Abang, saya telahpun bangkit beberapa kali

tetapi saya juga nak mengambil peluang ini supaya hasil bumi daripada silika ini hendaklah menjadi target utama kepada Kerajaan Negeri di mana hasil yang keluar sekarang ini bukan kata tidak ada hasil tetapi pulangan kepada Kerajaan Negeri begitu minimum. Perlu ada suatu kajian dan insyaAllah, saya rasa perkara ini telahpun kita kemukakan dahulu dan ini merupakan perjuangan kita untuk kita wujudkan kilang kalau tidak di Bari, di Rantau Abang ataupun di tempat-tempat lain yang sesuai yang berdekatan yang boleh kita bangunkan supaya apabila industri wujud sudah tentulah peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dapat kita perbanyakkan. Jadi silika yang terdapat di Bukit Senyamuk di Rantau Abang ini mutunya adalah mutu yang terbaik jika dibanding daripada silika-silika di tempat lain, sama ada di Setiu ke ataupun di tempat-tempat lain tetapi silika yang dikeluarkan sekarang ini berlori-lori telah diangkut keluar daripada Rantau Abang ke luar negeri daripada Negeri Terengganu. Kenapa tidak, kita mengambilkan ini sebagai suatu daya usaha untuk kita majukan Negeri Terengganu ini dan salah satu daripadanya ialah industri silika kerana hasil daripada industri silika ini akan terbentuknya industri hiliran kerana mutu pengeluaran silika ini untuk dijadikan sebagai pembuatan kaca panel solar, tv lab, LCD dan komponen-komponen elektronik. Ianya begitu memberi masa depan yang baik kepada Negeri Terengganu untuk kita sungguh-sungguh memperjuangkan supaya industri dapat dibina di tempat kita.

Perkara yang ketiga ialah berkaitan dengan Rumah Mampu Milik yang menjadi Titah Ucapan Tuanku sebagai perkara utama juga untuk kita mengambil perhatian. Rumah Mampu Milik ini yang saya nak kongsinya ialah yang telah dibina dan telah siap tetapi masih ada lagi kekosongan yang tidak dimiliki oleh pemohon-pemohon. Kalau saya dengar tadi daripada ADUN Bandar 111,000 pemohon sekarang ini tetapi rumah yang telah siap terutama sekali di Batu 7 masih ada lagi kekosongan. Dan yang kita takutnya ialah apabila kita turun ke rumah-rumah yang telah siap tidak didiami yang terjadinya ialah rumah-rumah ini telahpun makin hari semakin mengalami kerosakan atapnya, tingkapnya mungkin kita tak tahu siapa yang melakukannya tetapi kita minta supaya rumah-rumah ini perlulah dipenuhi oleh sebahagian daripada permintaan terutama sekali permintaan daripada anak-anak tempatan. Jangan pula kita ambil daripada yang jauh sebab menyusahkan mereka. Anak-anak tempatan pun masih kekurangan daripada memiliki rumah ini. Itu perkara yang ketiga.

#### **YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat?**

**YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):** Sikit lagi. Perkara terakhir ialah berkait dengan penempatan. Penerokaan tanah walaupun selalu disebut-sebut tetapi perkara ini tidak dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Saya mohonlah kepada pegawai-pegawai berkenaan supaya selesaikan penempatan ini terutama sekali kepada anak-anak tempatan generasi kedua, ketiga yang masih tinggal bersama-sama dengan keluarga mereka.

Kesian mereka daripada kecil sampailah ke dewasa masih tinggal dengan keluarga kerana mereka tidak mendapat peluang untuk ditempatkan di tanah-tanah yang masih kekosongannya terlalu banyak. Dan saya mengharapkan perkara-perkara ini perlulah mendapat pertimbangan yang sewajarnya di kalangan pegawai-pegawai. Terima kasih kepada pegawai selama ini yang membantu Kerajaan dan kita juga mengharapkan berilah komitmen yang sedia ada kepada Kerajaan yang baru memerintah ini supaya kita dapat memanfaatkan rakyat kerana motto PAS ialah kita nak Terengganu Maju, kita nak Terengganu Berkat dan kita nak Rakyat Sejahtera.

Sekadar itu daripada saya. Saya mohon menyokong Titah Ucapan Tuanku. Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Rantau Abang. Sila Yang Berhormat Telemong.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT** (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillahir Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamu'ala asyofil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihu wasahbihi ajmain.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Dan juga saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua atas pelantikan sebagai Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu pada kali ini.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan seterusnya kepada para Pemerhati yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala pada hari ini kita dapat menunaikan tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah diberi mandat oleh rakyat pada Pilihan Raya Yang Ke-14 baru-baru ini.

Saya juga bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana masih lagi berdiri di dalam Dewan yang mulia ini untuk sama-sama memikul tanggungjawab dan insyaAllah saya akan cuba sedaya upaya saya akan memberi dan juga menunaikan tanggungjawab yang telah diberi amanah ini dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang saya kasihi sekalian. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk sama-sama

merafakkan sembah dan juga menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin yang telah menitahkan Ucapan Perasmian Pembukaan Penggal Yang Ke-14 Dewan Undangan Negeri pada kali ini.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang saya hormati sekalian. Pada Pilihan Raya Yang Ke-14 baru-baru ini kita telah melihat satu perubahan yang cukup besar dalam negara kita dan juga dalam negeri kita yang mana kita semua sedia maklum bahawa satu perubahan tampuk kepimpinan bagi Kerajaan dan juga merupakan satu titik sejarah kepada negara kita yang mana perubahan dari segi pentadbiran kepada Kerajaan Pusat di bawah Kerajaan Barisan Nasional pada masa dahulu kepada sebuah Kerajaan Pakatan Harapan yang pertama kali sejak dari kita merdeka sehingga hampir 60 tahun lebih ianya menjadi satu perubahan dalam negara kita.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada rakan-rakan saya yang di sebelah parti Pembangkang, eh... parti Kerajaan.... (sambil gelak kecil) .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terbalik tu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tersalah tu Yang Berhormat sebab biasa duduk balik nun.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab lama dah memerintah, biasa dia dah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Haa..haa..haa... (Gelak).

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tersasul sekali sekala.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ya, tersalah. Tak apalah selepas ni takut musing pulak.....(sambil gelak).... Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, minta maaf. Jadi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah berjaya membentuk sebuah Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Kerajaan Negeri PAS dalam Negeri Terengganu ini. Dan saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan dan juga merasa amat berbangga dengan slogan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera. Saya berharap apa yang telah diungkapkan itu akan dilaksanakan dengan penuh jiwa dan raga demi untuk kebaikan rakyat Negeri Terengganu. Kita bagi pihak Pembangkang pada kali ini, saya tidak suka dan tidak selesa menggunakan Pembangkang sebenarnya dan saya yakin dan percaya bahawa jiwa-jiwa kami ini daripada semua rakan-rakan saya pun kita lebih suka

mendengar dan hasrat kita adalah kepada ‘Penegur Yang Setia’ kepada Kerajaan. Dan insyaAllah, kita akan menasihat dan juga menegur Kerajaan di mana apa yang betul kita akan kata betul dan apa yang tidak betul kita akan kata tidak betul. Kita tidak akan jadi Pembangkang yang kita akan membangkang segala-galanya, apa yang Kerajaan buat itu tidak betul, kita bangkang segala-galanya, buat jambatan dok betul, buat menatang tu ....(Dewan gelak) .... Buat benda ni dok betul, tidak. InsyaAllah, kita tidak akan jadi seperti itu dan untuk kebaikan dan juga kesejahteraan rakyat Negeri Terengganu ini, insyaAllah.

Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):  
Laluan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ada pulak!  
Sila, sila. Pesengan kasar jugak ni..... (sambil gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):  
Terima kasih Yang Berhormat Telemong atas laluan yang diberikan. Adakah  
Yang Berhormat bersetuju Pembangkang penggal yang lepas juga mengambil  
sikap yang hampir sama seperti yang disebut oleh Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak  
apalah Yang Berhormat Pembangkang dah mula kan, Yang Berhormat tahu dah,  
tak apalah.

Yang Berhormat Yang Dipertua, dikesempatan ini juga saya ingin meneruskan  
satu-dua perkara lagi. Yang pertamanya, saya berharap Kerajaan Negeri supaya  
menitikberat dan juga memberikan perhatian khususnya Pembangunan di Tasik  
Kenyir. Saya ni Wakil Rakyat Telemong, Kenyir tu kawasan saya. Waktu dulu-  
dulu kita pernah mendengar bahawa banyak tohahan daripada semua pihak  
yang menyatakan pelaburan Kerajaan Negeri ini merupakan suatu pembaziran  
kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Saya nak beritahu dan juga ingin  
menegaskan di sini bahawa di kawasan Telemong ini khususnya di Hulu  
Terengganu ianya tidak ada sumber selain daripada kemudahan dan juga  
pembangunan daripada pelancongan. Kita tidak ada kawasan industri yang  
besar-besar. Oleh sebab itu, saya rasa pelaburan Kerajaan Negeri terdahulu  
yang membuat pelaburan yang begitu besar di Tasik Kenyir ini merupakan  
pelaburan jangka masa panjang. Memanglah kalau kita nak tengok dalam  
jangka masa pendek sudah tentu pelaburan dan juga pulangan dalam bentuk  
kewangan dalam masa yang singkat sudah tentu tidak akan tercapai. Oleh  
sebab itu, kita melihat ianya dalam jangka masa yang cukup panjang. Walaupun  
pelaburan itu terpaksa dibuat secara besar-besaran dalam tempoh yang singkat  
iaitu untuk mengejar kepada pembangunan yang telah lama tertinggal di Hulu

Terengganu. Oleh sebab itu, saya berdiri di sini ingin menegaskan dan juga merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri pada hari ini selaku yang bertanggungjawab untuk meneruskan kesinambungan ini demi mempastikan pembangunan dan apa jua yang memberi manfaat kepada rakyat itu dapat diteruskan pada masa akan datang.

Dalam soal peruntukan dan juga masalah kewangan tak usah ceritalah, hak ni kita faham belaka. Masalah pithi ni tidak akan cukup sampai bila-bila. Dalam diri kita sendiri pun berkaitan dengan kewangan ni, ianya sentiasa tidak mencukupi tapi saya yakin dan percaya atas kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai orang yang berpengalaman dan juga profesional, beliau akan berjaya mengatasi masalah ini. Dan juga akan dapat menyelesaikan masalah-masalah ini dengan cara yang terbaik demi kesejahteraan rakyat Negeri Terengganu dan juga orang Hulu Terengganu.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan projek-projek pembangunan yang harus diteruskan di Hulu Terengganu. Pertamanya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Kuala Berang sebagai Exco yang bertanggungjawab dalam bidang ini dan saya melihat projek-projek seperti Kompleks Sukan di Kuala Berang itu sendiri yang juga harus diteruskan. Begitu juga dengan Bandar Baru Kuala Ping juga saya berharap ianya akan diteruskan. Kesemua ini adalah pembangunan yang akan memberi impak ekonomi yang besar kepada rakyat kawasan setempat dan insyaAllah di masa-masa yang akan datang. Juga ia akan menaikkan taraf ekonomi masyarakat di kawasan tersebut daripada bergantung 100% kepada pertanian sebelum pada ini akan bertukar kepada mereka-mereka yang berniaga dan juga mencari pendapatan dalam bentuk yang lain sedikit selepas daripada pembangunan ini diteruskan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menekankan berkaitan Pembangunan Sukan di Negeri Terengganu. Saya dan juga rakan-rakan di sebelah sini telah berusaha sedaya upaya untuk menaikkan martabat dan juga nama Negeri Terengganu dalam bidang sukan di negara ini dengan berbagai-bagai cara dan kaedah. Saya yakin dan percaya dengan kepimpinan Exco Belia dan Sukan dan juga Timbalannya sekarang ini yang saya lihat dan saya berkeyakinan dengan kepimpinan ini Yang Amat Berhormat boleh diteruskan cuma bantuan dan juga sokongan daripada Kerajaan Negeri cukup-cukup diperlukan. Sebab saya juga sangat faham bahawa peruntukan untuk belia dan sukan ini terlalu besar sebenarnya. Dan kalau kita juga mengharapkan pulangan yang awal memang ianya tidak nampak kerana Pembangunan Belia Dan Sukan ini adalah berbentuk pembangunan kepada insaniah, pembangunan dalaman, pembangunan fizikal dan sebagainya. Oleh sebab itu, saya memohon supaya diberi prioriti yang utama oleh Kerajaan Negeri sebab kalau kita lihat dalam pembangunan belia dan sukan ini ianya tidak nampak dalam bentuk pulangan

'value for money' dengan izin Tuan Yang Dipertua dalam masa yang singkat tapi ianya akan memberi satu *rebranding* yang baik untuk Negeri Terengganu dalam bidang sukan ini. Kalau kita tengok negara-negara maju sekalipun, mana ada negara-negara maju yang tidak kuat sukan. Kalau kita tengok Negara Jepun contohnya, mereka kuat. Kita tengok Negara Korea, kuat. Kalau kita tengok negara-negara di sebelah Eropah pun mereka kuat dalam bidang sukan ini dan ianya sudah tentu menuntut kepada satu pelaburan yang besar daripada Kerajaan Negeri. Dan insyaAllah dengan pembentukan perlumbaan negara-negara yang maju ini untuk memajukan sukan mereka sudah tentu mereka tahu akhirnya pulangan untuk negeri dan juga negara itu cukup besar dalam jangka masa yang panjang. Sebab itu pada tahun-tahun yang sudah, pada penggal-penggal yang lepas kita juga menyediakan peruntukan yang agak besar sebenarnya dalam pembangunan belia dan sukan ini walaupun kita dikritik dan juga kita dihamburkan dengan pelbagai tohmahan, kita tetap dengan pendirian kita dan kita yakin dan percaya bahawa belia ini merupakan aset yang sangat penting kepada negeri dan juga negara kita.

Oleh sebab itu, dengan pembangunan kita di Terengganu ini dengan pembangunan basikal profesionalnya, dengan penyediaan atlet SUKMAnya, dengan penyediaan hoki profesionalnya dan sebagainya. Dan saya dengan secara ikhlas dan jujurnya, saya memberitahu bahawa saya bersedia untuk membantu dan saya sentiasa berhubung dengan Yang Berhormat Exco dan Timbalan Exco Belia dan Sukan untuk membantu menaikkan sukan Negeri Terengganu demi untuk rakyat dan juga belia-belia di Negeri Terengganu ini.

Jadi wallahu wa'alam. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Saya mohon menyokong dan merafak sembah di atas ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada semalam. Sekian, terima kasih.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat Telemong dengan satu sikap yang cukup positif, insyaAllah. Sekarang kita sudah melebihi 1.00 tengah hari dan saya berhasrat untuk menangguhkan sidang kita ini. Sebelum itu, saya nak memanjangkan jemputan ke Jamuan Makan Tengah Hari yang dihoskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu. Ahli-ahli Yang Berhormat di Damai Lounge manakala ketua-ketua jabatan di Perkarangan Dewan Undangan Negeri.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara dan disambung semula pukul 2.30 petang.

**DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.05 TENGAH HARI.**

**PUKUL 2.30 PETANG**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum pada itu saya nak tahu berapa ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap? Sila angkat tangan. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamu'asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alih wa asyhabih waman tabi'ahum bi ihsani ila yaumiddin. Ammaba'd.

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, seluruh Pemerhati yang berada dalam Dewan yang mulia ini dan yang mengikuti siaran secara langsung pada sesi petang kali ini.

Saya mengambil kesempatan kali ini untuk mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita diberi keizinan olehNya untuk sama-sama berhimpun dalam Dewan yang mulia ini bagi menyampaikan Ucapan Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan yang telah sudi untuk mencemar duli bagi menyampaikan titah sempena Perasmian Persidangan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Kali Yang Keempat Belas.

Apa yang telah dititahkan oleh Tuanku Al-Sultan, pada pagi kelmarin menjelaskan hasrat dan hala tuju yang perlu digerakkan oleh kepimpinan Kerajaan bagi memastikan dan menterjemahkan Kerajaan dan juga rakyat ke arah satu pemerintahan dan pentadbiran yang bukan sahaja berjaya di dunia bahkan ia juga berjaya di akhirat.

Saya juga ingin mengambil peluang dan kesempatan ini untuk menyampaikan Ucapan Tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Haji Yahaya bin Ali di atas pelantikan sebagai Speaker bagi Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Keempat Belas. Saya mendoakan agar Yang Berhormat Yang Dipertua diberi kekuatan oleh Allah dalam menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah dan saksama.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang telah terpilih menduduki kerusi Ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan masing-masing. Dan rasanya masih belum terlambat untuk juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bekas Menteri Besar berserta Ahli Majlis

Mesyuarat Kerajaan yang lalu yang telah mengemudi Kerajaan Negeri pada sesi yang lalu dan sekarang ini disambung oleh Kerajaan kepimpinan yang baru.

Tuan Yang Dipertua, kemenangan Parti Islam dalam Pilihan Raya Umum Yang Keempat Belas sehingga mampu untuk membentuk Kerajaan dengan motto ataupun slogan ‘Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera’ adalah merupakan aspirasi rakyat yang ingin melihat satu perubahan dan pembaharuan. Dalam membentuk negeri dan juga masyarakat yang aman di bawah lembayung rahmat dan juga keampunan Allah. Pertukaran kepimpinan Kerajaan adalah merupakan perkara biasa yang berlaku di mana-mana negara yang beramal dengan sistem demokrasi. Kerajaan yang dilantik memegang amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh rakyat melalui peti undi berdasarkan kehendak aspirasi dan kesedaran tinggi rakyat untuk melihat dan menikmati perubahan ke arah kehidupan yang lebih baik, berkualiti berdasarkan kepada objektif dan manifesto daripada parti pilihan masing-masing.

Rakyat Negeri Terengganu sudah bersuara dan membuat keputusan untuk memilih Parti Islam SeMalaysia (PAS) sebagai peneraju bagi kedaulatan dan peradaban bangsa berasaskan Al-Quran yang menjadi teras dan juga perjuangan Parti Islam SeMalaysia (PAS).

Tuan Yang Dipertua, saya ingin merujuk kepada Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ingin melihat Terengganu kini dapat ditadbir dan dapat membangunkan

pembangunan sama ada dari sudut pembangunan madani ataupun pembangunan negeri dan juga pembangunan insan dalam rangka yang selari dan selaras. Jadi antara yang ditekankan oleh Tuanku Al-Sultan ialah berkaitan dengan peluang ataupun industri pelancongan yang disebut berkenaan dengan kita mempunyai kawasan-kawasan ataupun pulau-pulau yang cantik, pulau-pulau yang menarik yang boleh dibangunkan.

Jadi saya pada hari ini suka untuk mencadangkan, di samping kita memberi fokus kepada tempat-tempat yang sudah dikenal pasti sebagai kawasan-kawasan industri pelancongan sama ada Pulau Redang, Pulau Perhentian dan lain-lain pulau lagi. Ada suatu perkara yang perlu untuk kita beri perhatian ialah berkenaan dengan Pembangunan Kampung Melayu Tradisi yang perlu diberi perhatian untuk dijadikan sebagai pakej atau perkara yang perlu diberi perhatian dalam kita memastikan industri pelancongan ini dapat menjadi penjana yang utama hasil kepada negeri selepas daripada hasil petroleum.

Jadi saya mohon untuk mencadangkan pada Dewan yang mulia ini untuk kita melihat bagaimana kalau kaum Cina mereka boleh dan berupaya untuk membina kampung tradisi mereka dan kita ucapkan tahniah kepada Kerajaan, agensi Kerajaan, NGO dan persatuan-persatuan yang telahpun membangunkan

Kampung Cina ini sebagai satu kampung yang dipelihara dari sudut tradisinya, dipelihara dari sudut tradisionalnya dan alhamdulillah dia menjadi satu pakej pelancongan pada hari ini. Jadi saya nak mencadangkan supaya Kerajaan Negeri melihat bagaimana di kawasan Bandar Kuala Terengganu ini ada beberapa tempat yang sudahpun diambil alih untuk dimajukan dengan projek-projek pembangunan, dengan kedai-kedai dan seumpamanya. Di dalam masa yang sama kita mengharapkan supaya pihak Kerajaan dapat melihat supaya dikekalkan satu kampung atau beberapa buah kampung dalam Bandar Kuala Terengganu untuk dijadikan ‘Kampung Melayu Tradisi’ dengan mengekalkan elemen-elemen tradisional Melayu merangkumi pembangunan persekitaran serta produk yang perlu diberi perhatian.

Yang Berhormat Bandar ada menyebut berkenaan dengan industri tembaga, berkenaan dengan industri songket, keris dan seumpamanya. Jadi kita nak cadangkan supaya industri tembaga, batik, songket, keris, makanan tradisional ia berada di Kampung Tradisi Melayu ini yang diberi perhatian khusus oleh Kerajaan Negeri untuk terus berada di tengah bandar bukan sahaja untuk kita kekalkan kampung tradisi itu tetapi juga ia merupakan satu pakej pelancongan yang boleh menjana pendapatan.

Kita sedang mencari dan kita sedang mewarwarkan bahawa kalau nak maju kita kena bina bangunan yang besar-besar, bangunan yang tinggi-tinggi tetapi kita lupa bahawa masa sekarang, hari ini, kemajuan yang ada kadang-kadang mengakibatkan manusia itu menjadi satu masalah pula kepada mereka. Apa kata Kerajaan yang baru ini, di samping kita nak kejar kemajuan, kita membina satu indeks baru Indeks Kesejahteraan Warga yang berada di Terengganu. Kita bina indeks ini dan kita gerakkan indeks ini supaya kemajuan yang kita nak capai, kita jugak mengambil kira keperluan-keperluan masyarakat, keperluan rakyat dan keperluan penduduk. Dan kita cadangkan supaya dibina Kampung Melayu Tradisi ini untuk memberi ruang kepada orang Melayu yang masih lagi berada di Bandar Kuala Terengganu ini untuk mereka rasa selesa, untuk mereka terus berada di situ menjalankan aktiviti-aktiviti dengan pantauan daripada Kerajaan atau agensi-agensi yang berkaitan untuk memastikan mereka rasa selesa dengan kehidupan mereka dan mereka boleh menjana dengan peluang pekerjaan di tempat kelahiran mereka.

Tuan Yang Dipertua, menyahut apa yang dititahkan oleh Tuanku Al-Sultan, pada hari kelmarin, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini untuk kita memberi perhatian berkenaan dengan pusat-pusat pelancongan yang ada yang dulu telah beroperasi tapi hari ini ia seolah-olah macam orang kata ‘hidup segan mati tak mahu’. Hah, payah juga nak sebut tu pasal ada rasa berdebar juga sikit ni. Jadi ‘hidup segan mati tak mahu ni’, contohnya saya boleh sebut, pada tahun 1998 rasanya, kita telahpun memperkenalkan Pakej Pelancongan Menyusuri Sungai Marang. Tahun 2006 kita telah masukkan pakej ini dalam Kalender

Pelancongan Negeri dan pada tahun 2018 di manakah pakej ini? Tahun 2018 pakej ini seolah-olah tidak ada dalam kalendar pelancongan yang perlu untuk kita nilai balik dan perlu untuk kita lihat balik kerana menyusuri Sungai Marang ini bukan sahaja untuk kita melihat suasana Sungai Marang itu tetapi di sana ada nilai-nilai yang perlu untuk kita tanam kepada generasi baru yang hari ini mereka membesar dengan teknologi yang ada, mereka membesar dengan handphone, mereka membesar dengan dunia mereka yang akhirnya mereka tidak membicarakan lagi berkenaan dengan masalah ataupun berkenaan dengan perkara yang menjadi tradisi pembesaran kita pada suatu masa dahulu. Jadi saya suka untuk menarik perhatian menyusuri Sungai Marang ini, di samping kita boleh melihat haiwan-haiwan yang ada, kita juga perlu mendedahkan kepada anak-anak kita khususnya mereka yang menjadi perantau, berhijrah, berada di Kuala Lumpur, membesar di Kuala Lumpur ataupun kepada pelancong-pelancong asing yang mungkin tidak mengenali cara hidup masyarakat Melayu tradisi, di sana kita boleh mempersembahkan suatu yang menarik.

Menyusuri Sungai Marang itu dia akan jumpa Kampung Jenang. Saya nak fokus Kampung Jenang pasal Jenang duduk dalam Pengkalan Berangan. Jenang ni dia ada beberapa perusahaan tradisi. Yang pertama, kita boleh tonjolkan kepada generasi muda yang tidak terdedah dengan kehidupan kampung ini, mereka boleh melihat bagaimana masyarakat kampung berinteraksi dengan alam. Mereka boleh melihat bagaimana bebasnya ayam, bebasnya itik, bebasnya lembu, kambing berkeliaran dalam suasana kampung yang boleh kita dedahkan kepada anak-anak generasi muda untuk mereka menghayati dan juga untuk menikmati keindahan alam.

Yang kedua, di Jenang ini ada dua perusahaan. Yang pertama, perusahaan untuk buat manisan (nissang) daripada air tuak, orang luar panggil air nira. Kalau orang Terengganu pulak panggil nissang kerek. Manisan di Jenang ni adalah antara manisan yang asli yang perlu dipersembahkan ataupun perlu dipamerkan kepada masyarakat. Dan saya rasa cukup yakin bahawa ia mampu untuk menggamit, menarik pelancong untuk melihat secara langsung bagaimana usaha, bagaimana pengusaha itu melakukan kerja bermula dari naik pokok nyior, orang Terengganu panggil *khabak pokok nyior*. Kalau pokok rendah tak apa tapi kalau pokok yang tinggi 20 hingga 30 kaki, maka kita boleh lihat bagaimana kesusahannya. Ini merupakan satu perkara yang kita rasa ada nilai yang cukup untuk menggamit pelancong untuk menikmati suasana ini. Begitu jugak boleh tengok bagaimana cara dan kaedah untuk membuat manisan. Dan di samping itu, di Jenang ini juga ada tempat perusahaan menganyam atap nipah. Jadi ini adalah elemen-elemen tradisional yang perlu untuk diberi perhatian bagi memastikan pelancong ataupun orang luar boleh untuk datang melawat ke tempat kita dan kita kena bina dia punya infra, kita kena promosi dan kita kena tarik mereka untuk mari ke kampung kita. Dengan demikian kita Kerajaan secara tidak langsung akan menjana pendapatan dan juga memberi peluang

pekerjaan kepada rakyat sebagaimana yang telah diwarwarkan dalam manifesto 20,000 tawaran pekerjaan dalam masa empat tahun kita memerintah.

Tuan Yang Dipertua, sebelum akhirnya, saya juga suka untuk menarik perhatian berkenaan dengan satu perkara yang dikemukakan dalam soalan dan kalau ikut notisnya telahpun terlepas pada hari ini iaitu berkenaan dengan Lembah Kaprima Tanjung Gaduh. Lembah Kaprima Tanjung Gaduh ini adalah projek yang dilaksanakan dan ia telahpun siap cuma sekarang ini tidak mempunyai pengusaha untuk mengusahakan ternakan kambing di Lembah Kaprima Tanjung Gaduh. Jadi kita mengharapkan supaya Kerajaan yang baharu ini dapat memberi perhatian dan kecaknaan untuk memastikan infra yang ada itu dapat digunakan bagi memastikan ia tidak berlaku padanya pembaziran yang mengakibatkan duit Kerajaan ataupun perbelanjaan Kerajaan menjadi tidak bernilai. Jadi kita mengharapkan supaya Lembah Kaprima Tanjung Gaduh dan lembah-lembah kaprima yang lain dapat diberi perhatian khusus oleh Exco yang berkenaan untuk menyelesaikan masalah yang ada ini.

Jadi saya dengan ini mohon untuk menyokong. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan. Ada sesiapa lagi yang nak bercakap? Wakil dari Permaisuri. Sila.

**YANG BERHORMAT DATUK ABDUL HALIM BIN JUSOH** (Wakil Permaisuri): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan Pemerhati yang saya hormati.

Menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang mencemar duli berangkat dan bertitah di Istiadat Pembukaan Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri yang Keempat Belas.

Terima kasih Yang Dipertua kerana mengizinkan saya untuk membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan tahniah juga saya ucapan kepada Yang Dipertua Dewan dan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah terpilih untuk menerajui kepimpinan Negeri Terengganu Darul Iman untuk Penggal Yang Keempat Belas.

Menjunjung kasih Tuanku Sultan kerana dalam titahnya menyebut secara spesifik Setiu Wetland sebagai destinasi pelancongan. Yang Dipertua Dewan, Setiu Wetland adalah merupakan satu kawasan yang telah lama dibangunkan tetapi pembangunannya adalah secara berperingkat-peringkat dan terlalu

perlahan. Sebenarnya Setiu Wetland adalah merupakan satu destinasi pelancongan yang jarang-jarang ada di tempat-tempat yang lain di negeri kita maupun di negeri-negeri yang lain.

Jadi saya mencadangkan supaya inisiatif yang lebih ekstensif sepatutnya diambil untuk membangunkan Setiu Wetland sebagai destinasi pelancongan dan ianya juga sepatutnya diberi peluang kepada universiti-universiti untuk menjadi pusat penyelidikan ekosistem yang berkaitan dengan wetland ini. Dengan adanya inisiatif ini ianya akan menjana pendapatan kepada penduduk setempat yang mana merupakan terdiri daripada golongan nelayan yang mana termasuk dalam golongan B40 ataupun Below 40.

Pembahasan sebelum ini banyak menyebut tentang pembangunan dalam Negeri Terengganu dalam pelbagai aspek tetapi tidak ramai yang membahaskan tentang kemajuan pendidikan Negeri Terengganu. Secara spesifik juga Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam titahnya menyebut tentang kejayaan 3 orang murid Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut yang telah berjaya mengharumkan nama negara dan juga nama negeri di peringkat antarabangsa. Ini menunjukkan bahawasanya anak-anak luar bandar jika dididik dengan sempurna dan diberikan tempat pendidikan yang sempurna dan dijaga dengan baik oleh pendidik-pendidik mereka, mereka bukan sahaja mampu mencapai kejayaan di peringkat negara malah mereka juga akan mampu berjaya di peringkat antarabangsa.

Saya di sini ingin menyebut kepada Dewan bahawasanya kita mempunyai sistem pendidikan yang baik, yang rapi dan juga telah mencapai banyak kejayaan di tahun-tahun sebelum ini. Cuma saya memohon kepada Dewan supaya Sekolah Menengah Elit yang sebelum ini tidak diberi perhatian yang berfokus supaya difokuskan semula supaya Sekolah Menengah Elit yang kita telah buat sejak 10 tahun yang lalu dapat dipulihkan semula. Sekolah Menengah Elit ini perlu diberi bajet yang cukup, perlu diberi perhatian yang cukup sama ada melalui JPN dan juga Kerajaan Negeri untuk dijadikan ataupun diberi suntikan yang cukup sebagai Sekolah Berasrama Penuh. Jika Sekolah Menengah Elit ini diberi suntikan yang cukup maka ianya akan boleh memberi tempat kepada mungkin lebih kurang 2,000 pelajar sekolah rendah yang tidak berpeluang untuk belajar di sekolah-sekolah menengah asrama penuh yang ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi Sekolah Menengah Elit ini konsep asalnya ialah merupakan sekolah berasrama iaitu berasal dari sekolah harian tetapi melalui suntikan bajet oleh Kerajaan Negeri ianya boleh dinaiktaraf sebagai sekolah berasrama penuh maka anak-anak kita yang tidak berapa berjaya dalam peperiksaan UPSR sekolah rendah boleh di tempat di sini. Maka mereka insya Allah akan menjadi pelajar-pelajar yang berjaya sebagaimana 3 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut tadi.

Kita juga ada Sekolah Menengah IMTIAZ, alhamdulillah di seluruh daerah dalam Negeri Terengganu. Saya ingin menegaskan di sini supaya Sekolah Menengah IMTIAZ ini dikekalkan konsepnya. Sekolah Menengah IMTIAZ bukannya sekolah agama tetapi Sekolah Menengah IMTIAZ adalah merupakan Sekolah Menengah Sains yang melahirkan Hafiz dan Hafizah. Jadi konsepnya hendaklah dikekalkan supaya Negeri Terengganu akan melahirkan generasi saintis yang bukan sahaja mahir dalam bidang teknologi dan sains tetapi mereka adalah merupakan Hafiz dan juga Hafizah yang akan memberikan keberkatan kepada negeri kita, Negeri Terengganu.

Tuan Yang Dipertua Dewan, Daerah Setiu tidak lagi bergelar Daerah Bongsu seperti sebelum ini. Bongsu Daerah Setiu telah diambil alih oleh Daerah Kuala Nerus tetapi dari segi kemajuan Daerah Setiu dilihat agak terbantut kerana Daerah Setiu memerlukan penduduk yang cukup untuk menjana ekonomi Daerah Setiu. Tanpa kuasa beli yang baik di Daerah Setiu maka Bandar Permaisuri tidak akan menjadi sebuah bandar yang boleh *sustain* ataupun boleh menjana ekonomi dan memberi peluang perniagaan serta pekerjaan kepada penduduk-penduduk setempat. Untuk mempastikan Daerah Setiu dan juga Bandar Permaisuri mempunyai penduduk yang cukup untuk menjana ekonomi setempat maka saya mencadangkan supaya projek-projek Perumahan Mampu Milik diadakan secara ekstensif di kawasan sekitar Bandar Permaisuri untuk memberi peluang pemilikan rumah bukan sahaja kepada orang Permaisuri tetapi untuk diduduki oleh pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas di Daerah Setiu. Untuk makluman Dewan juga, setakat ini penjawat awam yang bertugas di Daerah Setiu tidak dapat tinggal di kawasan Daerah Setiu kerana kita tidak mempunyai rumah yang setaraf dengan mereka untuk mereka bukan sahaja bekerja tetapi menetap ataupun duduk di Daerah Setiu.

Tuan Yang Dipertua Dewan, akhirnya kita terlepas pandang bahawasanya satu-satunya lagun yang berada di Semenanjung Malaysia adalah di Daerah Setiu. Laguna Setiu ini pada suatu peringkat dahulu telah menjana hasil perniagaan sejumlah lebih kurang RM20 juta setahun iaitu hasil daripada pemuliharaan dan hasil jualan ikan siakap. Tetapi tidak ada satu inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memulihara Laguna Setiu ini supaya lebih banyak kawasan di kawasan Laguna Setiu ini boleh digunakan untuk memelihara ikan siakap dan juga ikan kerapu hibrid. Kalau kita dapat menggunakan keseluruhan kawasan Laguna Setiu ini, saya yakin dan percaya ianya dapat mengeluarkan ramai lagi orang miskin yang ada di sekitar Kuala Setiu dan juga di Daerah Setiu kerana mereka akan berpeluang untuk menggunakan Laguna Setiu ini untuk memelihara bukan sahaja ikan siakap tetapi juga ikan kerapu hibrid yang mana peluangnya ianya boleh menjana pendapatan dalam daerah yang mungkin akan sampai kepada jumlah lebih kurang RM60 juta insyaAllah pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, itulah sahaja yang dapat saya bahaskan pada hari ini untuk saya maklumkan kepada Dewan dan untuk saya menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Permaisuri mohon menyokong. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada Wakil Permaisuri. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang hendak bercakap? Sila Yang Berhormat Kemasik.

**YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik):** Bismillahir Rahmani Rahim. Alhamdulillahir Rabbil Alamin. Assalatu wassala mu'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihu wasahbihi ajmain. Alhamdulillah, terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian.

Bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah memberi keizinan kepada kita untuk menghadiri Sidang Dewan Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas ini. Yang Berhormat Yang Dipertua, di kesempatan yang diberikan kepada saya pada hari ini, izinkan saya untuk merakamkan dan menyembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang telah bertitah menyentuh dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas kali ini.

Menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan beberapa perkara yang telah disentuh. Antara lainnya adalah berkenaan dengan; peningkatan tahap sosio ekonomi dan kemakmuran negeri; menarik pelaburan dalam dan luar negeri; pengurusan kewangan; pelancongan dan lain-lain. Semua ini menunjukkan rasa keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan ke atas kepentingan rakyat, kasih baginda kepada rakyat dan cinta baginda kepada rakyat.

Kami berkeyakinan Kerajaan baharu Terengganu yang diterajui oleh kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar sedang dan akan terus merancang, merangka dan melaksanakan program-program yang akan meningkatkan tahap sosio ekonomi dan kemakmuran negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu turut bertitah dan menyentuh berkenaan pengurusan kewangan yang perlu diurus secara berhemah dan perbelanjaan negeri yang perlu dipantau dengan teliti. Budaya integriti dan akauntabiliti yang tinggi perlu diperkasa dan diteruskan pada setiap kerja yang dilakukan dan tanggungjawab yang diamanahkan. Jauhi korupsi, jauhi kronisme, jauhi nepotisme, kleptokrasi dan

segala yang mungkar yang akan mendorong kepada turunnya keberkatan kepada negeri kita. Kerjasama baik di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan, agensi dan Badan-badan Berkanun serta semua Ahli Yang Berhormat diyakini akan mampu meneruskan, malah meningkatkan lagi keupayaan dalam meneraju dan memajukan Negeri Terengganu yang tercinta ini. Seterusnya, saya yakin kita sama-sama bersetuju bahawa kemajuan Negeri Terengganu yang kita bina dengan bantuan keberkatan Allah sudah pasti akan melahirkan kesejahteraan kepada rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang Dipertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan turut bertitah dan menyatakan beberapa harapan baginda kepada pembentukan Majlis Petroleum (TPC). Terdahulu Yang Berhormat Tepoh membentangkan berkenaan dengan royalti. Saya mungkin mengambil sedikit tajuk ini bagi membincangkan ataupun untuk mempersempahkan bagaimana perlu kita menggunakan sepenuhnya platform yang ada ini bagi mengenalpasti potensi-potensi baharu yang dalam usaha menarik lebih ramai pelabur-pelabur dari syarikat-syarikat asing dan juga domestik. Dengan langkah-langkah yang lebih proaktif dalam usaha untuk menambah pendapatan negeri juga meningkatkan peluang-peluang pekerjaan di Kemaman dan juga Negeri Terengganu. Justeru TPC perlu lebih kuat dalam mengenalpasti ruang dan peluang baharu ini dan sudah pasti ia memerlukan kepada kalangan orang yang mahir dalam perniagaan minyak dan gas untuk mengetuainya. Sebagaimana kita sedia maklum, TPC ini dinaungi oleh Sultan dalam memastikan setiap kepentingan minyak dan gas di Negeri Terengganu kita. Pelbagai kaedah ataupun pendekatan-pendekatan baru yang perlu kita kenal pasti, antara lain bagaimana untuk kita mengambil pegangan saham dan ekuiti terutama sekali di sektor-sektor ataupun di company-company, sebagai contoh Terengganu Tank Truck Loading Rack (TTLR), Kertih Terminal dan lain-lain lagi yang kita yakin dan percaya dengan adanya kita di dalam syarikat-syarikat tersebut ia dapat membantu negeri dalam menambah pendapatan.

Tuan Yang Dipertua, untuk Kemaman sudah pasti industri ataupun sumber pendapatan yang terbesar kepada rakyatnya juga kepada ekuitinya adalah berkenaan ataupun meliputi kerja-kerja minyak dan gas. Kita perlu secara infrastrukturnya lengkap ataupun lebih baik bagi memastikan pelabur-pelabur ataupun pembangunan kepada peniaga-peniaga ataupun kepada pelabur-pelabur tersebut lebih kondusif. Sebagai contoh yang saya boleh sebut berkenaan dengan kepentingan adanya infra-infra yang lebih baik di kawasan Kemaman yang kita yakin dan percaya dia merupakan satu tempat yang menjadi sumber pendapatan yang besar kepada negeri itu sendiri. Infrastruktur ataupun keperluan-keperluan asas sebagai contoh private hospital, kebanyakan pekerja-pekerja yang bekerja di Kemaman mereka mempunyai kelayakan untuk menerima rawatan di private hospital. Di Kemaman malah di Terengganu sendiri barulah di Kuala Terengganu ada, sebelum ni takdok menyebabkan mereka

keluar daripada Terengganu dan pergi ke Kuantan untuk mendapatkan rawatan-rawatan tersebut.

Justeru, saya yakin dan percaya prasarana ataupun infra lain, sebagai contoh, di Kemaman kekangan tempat-tempat berehat walaupun pantainya cantik tetapi infranya tidak dibangunkan dengan baik menyebabkan pekerja-pekerja yang saya yakin dan percaya hari minggunya mereka perlu mencari tempat untuk berehat, mereka mampu tetapi oleh kerana keadaan infranya yang tidak baik sebagai contoh di kawasan saya di DUN Kemasik. Kita ada pantai yang cantik, Pantai Kertih dan Pantai Kemasik namun tiada pembangunan yang sewajarnya dibuat di sana menyebabkan hari minggu kalau kita tengok di Kertih dan di Kemasik boleh dikatakan tidak ramai orang malah takdok orang, mereka semua ke Kuantan, ke Baserah malah ada yang terus ke Kuala Lumpur untuk mereka berehat juga berbelanja. Justeru itu, bagi menyokong saya yakin dan percaya dalam usaha kita menyokong pembangunan perlu kita menyediakan berusaha memastikan prasarana-prasarana yang sewajarnya perlu kita beri kepada kawasan Kemaman terutama sekali DUN Kemasik.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan turut menitahkan berkenaan mewujudkan lebih banyak tenaga kerja berkemahiran tinggi dipelbagai sektor dengan memperkasakan pusat-pusat latihan kemahiran yang telah sedia ada. Saya ambil jugalah satu lagi tempat yang saya yakin dan percaya mengeluarkan banyak tenaga-tenaga mahir, antaranya adalah Ruane TATI dan beberapa lagi tempat ataupun institusi dalam membentuk ataupun dalam membina tenaga kerja mahir. Keadaan kita lihat sekarang suasana dan keadaan pembangunan TATTIUC itu sendiri kita lihat semakin malap dan semakin berkurangan. Tenaga-tenaga mahir yang terdahulu sudah pasti berada di Kertih kerana ekonomi yang sedikit merosot telah keluar ke negeri-negeri sebagai contoh, Johor, Pengerang dan sebagainya menyebabkan kita kekurangan ataupun kelopongan tenaga-tenaga mahir. Kelopongan tersebut perlu diganti atau perlu dipenuhi oleh tenaga-tenaga mahir baharu yang sudah pasti memerlukan kepada Kerajaan Negeri itu sendiri menyediakan tempat yang baik untuk mereka, insyaAllah.

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah berkenaan dengan tenaga kerja ini yang kita perlu sediakan dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 yang berjalan. Kehadiran Revolusi Industri 4.0 yang menekankan pembinaan teknologi realiti maya tanpa banyak menggunakan tenaga manusia pasti memberi kesan terhadap pelbagai aspek kehidupan. Kumpulan Menengah Rendah adalah golongan yang menjadi kumpulan paling terjejas kerana secara perlahan menjadi kelompok yang tidak diperlukan dalam ekonomi. Kumpulan Menengah Rendah ini mudah diganti dengan robot dan sistem kerana mereka tidak mempunyai *tactics knowledge* yang boleh ditawarkan kepada majikan dan ekonomi secara keseluruhannya. Akibat diganti dengan peralatan komputer dan

komunikasi digital lain, kumpulan ini akhirnya akan terpinggir dalam sistem ekonomi baru nanti.

Berbeza dengan kumpulan berpendapatan rendah, meskipun status sama dengan kumpulan berpendapatan sederhana tetapi tetap mempunyai perbezaan positif kebanyakan mereka mengekalkan pekerja masing-masing. Pekerja-pekerja pertengahan akan nanti kita kena kenal pasti apakah solusi supaya mereka terus berdaya saing dalam menghadapi Revolusi Industri itu nanti, insyaAllah.

Saya rasa itulah serba sedikit yang saya boleh bawa untuk perbahasan pada kali ini. Semoga kita terus bersama Kerajaan baharu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam membina Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Terima kasih. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Kemasik. Sila Wakil Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahillazi la yadurru ma'asmihi syaiun fil ardi wala fissama' wa huwassami'ul alim. Rabisyrahli sadri wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafkauhu qauli. Amin.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil ketua jabatan, sidang Pemerhati sekalian, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang *ambo* sayangi sekalian.

Terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang Dipertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi perbahasan pada petang ini. Walaupun petang ini agak mengantuk tapi kita mengambil tanggungjawab kita untuk sama-sama membahaskan pelbagai isu dan perkara khususnya melibatkan Titah Ucapan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan semasa sesi Istiadat Pembukaan Penggal semalam bagi kita membincangkan kesejahteraan dan juga kemakmuran negeri kita khususnya rakyat di Negeri Terengganu dan rakyat di kawasan masing-masing.

Sukacita saya ingin memetik dan merujuk, *straight to the point* dengan izin, saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dalam muka surat empat Buku Titah Ucapan ini yang mana Titah Tuanku menyarankan, izinkan saya

membaca petikannya: "Kerajaan baharu juga diharap dapat meneruskan kesinambungan pentadbiran Kerajaan terdahulu dengan penambahbaikan bagi memastikan matlamat untuk menzahirkan negeri maju dan berpendapatan tinggi dapat dicapai selaras dengan slogan Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera".

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati dan dikasihi sekalian. Saya juga ingin menyentuh perkara yang dititahkan oleh Tuanku juga merujuk kepada KDNK Negeri Terengganu. Kalau mengikut tahun 2017, kita mendapat 5.9% berlaku kenaikan sebanyak 2.8% daripada KDNK Negeri Terengganu pada tahun 2016. Ini menunjukkan kecemerlangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan terdahulu yang perlu diteruskan kesinambungan kecemerlangan tersebut oleh Kerajaan pada masa kini. Jadi marilah kita pakat berusaha agar peningkatan KDNK yang telah dilaksanakan, yang telah dijayakan oleh Kerajaan yang terdahulu dapat ditingkatkan oleh Kerajaan baharu yang ada pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, perkara yang berikut yang saya ingin sentuh adalah merujuk kepada muka surat lapan, Buku Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku iaitu Tuanku memohon supaya Kerajaan Negeri terus mengeksplorasi keindahan alam semulajadi pantai dan pulau seperti Setiu Wetland, Pulau Redang dan termasuklah Pulau Perhentian di Kuala Besut, Pulau Kapas, Tasik Kenyir bagi menarik pelancong asing dan juga tempatan untuk menggiatkan lagi ekonomi setempat. Sebab kita semua sedia maklum bahawa kesan positif daripada industri pelancongan bukan sahaja memberi kesan kepada pembangunan ataupun ekonomi negeri secara langsung tetapi juga memberi kesan pembangunan ekonomi yang sangat positif kepada masyarakat kerana ianya mempunyai rantaian kesan ekonomi yang positif kepada masyarakat khususnya melibatkan golongan B40 dan juga peniaga-peniaga kecil yang berada di kampung daripada sekecil-kecil peniaga sampailah kepada syarikat-syarikat besar dan juga pemborong-pemborong. Jadi kita memohon supaya pihak Kerajaan pada masa kini meneruskan lagi, memperkasakan lagi industri pelancongan yang ada di negeri kita kerana kita dapat lihat sekarang ini kerana saya di Kuala Besut apabila kita berada di Jeti Kuala Besut dan kadang-kadang apabila kita naik kapal terbang di Airport Pengkalan Chepa kita dapat lihat ramai pelancong daripada luar negara yang turun, yang *landing* di Airport Pengkalan Chepa, Kota Bharu, bila kita tanya nak ke mana, sebahagian besar daripada mereka khususnya pelancong-pelancong asing nak mari ke Pulau Perhentian, nak mari bawa duit, nak mari melabur, nak mari berbelanja di Negeri Terengganu yang kita sayangi ini. Jadi saya mohon supaya pihak Kerajaan terus dan terus memperkasakan industri pelancongan dengan memperkasakan dan memperbanyak lagi dengan membaikpulih dan mempertingkatkan lagi khususnya infrastruktur dan juga promosi yang telah diadakan oleh Kerajaan terdahulu. Ini kerana impak positif atau kesan yang sangat positif hasil promosi yang agresif yang dilaksanakan oleh mantan Menteri Besar dan juga kepimpinan

terdahulu, kita dapat lihat dah masa lening ramai dah pelancong-pelancong yang mari kerana hasil promosi yang diadakan oleh Kerajaan terdahulu.

Tuan Yang Dipertua dan Sidang Dewan yang mulia sekalian. Begitu juga dengan agenda pembangunan di kawasan setempat. Apabila kita bercakap tentang kesejahteraan rakyat, apabila kita bercakap tentang kemakmuran rakyat, kita tidak boleh lari bercakap tentang pembangunan infrastruktur. Ini kerana kalau infrastruktur tidak lengkap maka rakyatpun akan rasa tidak selesa. Sebagai contohnya, saya ada Soalan Lisan pada hari ini tetapi tidak sempat nak tanya Y.B. Exco kerana masa telah tamat iaitu mengenai pembangunan infrastruktur di Negeri Terengganu khususnya termasuklah pembangunan infrastruktur di kawasan saya di kawasan Kuala Besut. Ini adalah kerana sebagaimana soalan saya pada pagi tadi yang sepatutnya berbunyi: Apakah perancangan pihak Kerajaan untuk menangani isu-isu banjir kilat? Kerana di Terengganu ataupun di Kuala Besutlah secara khususnya di mana kita mempunyai empat jenis banjir. Yang pertama, banjir akibat limpahan air sungai. Melibatkan banjir dalam lembangan sungai. Yang kedua, banjir akibat daripada kesan berlakunya banjir kilat. Air sungai tidak melimpah lagi, air longkang melimpah dan masuk ke dalam rumah orang dan boleh membanjiri dan melimpahi masuk ke dalam rumah-rumah khususnya di taman-taman perumahan. Yang ketiga, banjir yang melibatkan air pasang besar. Kita yang duduk di Kuala Besut juga mengalami air pasang besar dan boleh membanjiri kawasan-kawasan yang rendah di tepi-tepi sungai dan juga di tepi-tepi pantai kesan daripada *backflow* dengan izin, ataupun kesan limpahan ombak besar dan sebagainya. Yang keempat, banjir di Kuala Besut dan termasuk di kawasan rakan saya di Batu Rakit iaitu melibatkan banjir di pulau-pulau. Kita lama dah tak dengar banjir di pulau ni tapi kita mohon supaya pihak Kerajaan supaya menitikberatkan juga tentang pembangunan sistem longkang ataupun sistem saliran di pulau kerana akibat pesatnya pembangunan chalet-chalet dan juga resort-resort di pulau-pulau kita menyebabkan berlakunya keadaan banjir kilat yang mana meresahkan, menyukarkan pergerakan khususnya pelancong dan juga penduduk di Pulau Perhentian dan juga di Pulau Redang. Jadi mohon pihak Kerajaan menitikberatkan perkara tersebut.

Ada satu perkara lagi apabila kita bercakap tentang banjir kilat, saya di Kuala Besut difahamkan oleh jabatan-jabatan berkenaan saya difahamkan secara lisan telah ada kelulusan tentang untuk mengurangkan kesan banjir di Kampung Pacakan, Kampung Kayu Kelat, Kampung Pekan Baru, Kampung Gertak Seratus, Kampung Teluk Bayu dan juga melibatkan Taman Sri Intan. Di mana apabila kita gabung kampung-kampung yang saya sebutkan tadi boleh melibatkan 2,000 orang penduduk. Jadi saya difahamkan oleh jabatan teknikal di Besut khususnya telah ada perancangan untuk membina satu pembetung ataupun culvert yang besar merintangi jalan utama iaitu daripada Kuala Besut menuju ke Kelantan, ke Pasir Putih. Sekiranya culvert tersebut dibina, insyaAllah boleh mengurangkan kesan banjir yang melibatkan 2,000 orang penduduk di kawasan yang saya

sebutkan tadi. Jadi saya mohon pihak Kerajaan memberi pencerahan dalam sesi penggulungan nanti.

Tuan Yang Dipertua dan Sidang Dewan yang saya hormati sekalian. Perkara berikut iaitu perkara yang keempat adalah patik mewakili masyarakat Kuala Besut menzahirkan Ucapan Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di atas Titah Tuanku yang mana telah memberi ucapan tahniah dan juga syabas dan penghargaan kalau kita rujuk muka surat 16 - 17. Ucapan tahniah dan juga syabas ini ditujukan kepada para pelajar dan guru Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut, sebuah sekolah menengah harian luar bandar dan juga duduk di perkampungan nelayan. Seorang daripadanya Syazwan adalah anak kepada seorang Cikgu. Anuar ialah seorang anak nelayan dan yang ketiga, Nabihah merupakan anak seorang di mana ibunya seorang peniaga di pasar dan ayahnya sakit dan memang seorang yang susah dan berada dalam kelompok keluarga yang kurang berkemampuan.

Walaupun begitu, kesan daripada program-program yang dilancarkan oleh pihak jabatan dan pelbagai aktiviti yang diusahakan oleh guru dan juga inisiatif yang diambil oleh Kerajaan sendiri, mereka daripada KuBest Innovation Team Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut pada 29 Mei 2018 yang lalu di Gyeongju, Korea Selatan telah mengharumkan bukan sahaja nama Kuala Besut tapi juga nama Negeri Terengganu Darul Iman dan juga Negara Malaysia yang telah menjadi Juara Dunia. Telah menjadi Juara Peringkat Antarabangsa dengan mengalahkan negara-negara yang mempunyai tenaga nuklear dan telah lama dalam industri nuklear tetapi kita telah mengalahkan mereka dengan mengalahkan negara seperti Amerika Syarikat, Hungary, Jepun dan juga Korea Selatan. InsyaAllah pada akhir bulan 8 nanti, mereka dijemput untuk memberi syarahan di hadapan Sidang Perwakilan dalam Washington Youth Congress di St. Petersburg Rusia nanti.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Wakil Seberang Takir yang membangkitkan dalam Soalan Lisan tadi di mana saya juga selaku YDP PIBG di mana kita mempunyai sumber yang agak kekurangan. Jadi kita mohon kepada pihak Kerajaan untuk membantu pelajar-pelajar tersebut demi kesinambungan dan kecermerlangan mereka agar perbelanjaan mereka ke Rusia nanti dapat ditampung kerana pihak penganjur hanya memberi tanggungan kepada tiga orang pelajar dan seorang guru sahaja. Sedangkan saya difahamkan Pekeliling Kementerian Pendidikan Malaysia, bila ada pelajar wanita maka ia memerlukan seorang guru pengiring wanita. Jadi kita memerlukan sokongan oleh pihak Kerajaan untuk membawa mereka ke sana, mereka bukanlah sahaja merupakan juara negeri, bukannya juara kebangsaan tetapi mereka merupakan juara di peringkat dunia yang mana telah membuka banyak mata-mata daripada khususnya daripada negara-negara yang mempunyai industri nuklear yang telah lama lagi daripada kita.

Tuan Yang Dipertua, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Kejayaan ini bukan sahaja kejayaan pelajar dan guru-guru tersebut tetapi kejayaan ini juga adalah kerana program-program yang dirancang oleh Kerajaan terdahulu iaitu program yang dipanggil dengan izin, Program ETA ataupun English Teaching Assistant Programme. Kita dapat melihat pelajar-pelajar daripada sekolah menengah harian biasa di luar bandar, di peringkat kampung ni boleh bercakap dalam Bahasa Inggeris dengan begitu lancar dan begitu hebat sekali.

Tuan Yang Dipertua, tuan-tuan dan puan-puan Sidang Dewan yang saya hormati dan dikasihi sekalian. Perkara yang berikutnya dan yang akhirnya, merujuk kepada Buku Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan pada muka surat enam dan juga merujuk kepada Soalan Bertulis saya yang mana soalan yang kelima saya iaitu: Apakah peranan Kerajaan dalam usaha memenuhi keperluan perumahan kepada golongan muda dan juga B40 tapi malangnya soalan ini ditolak oleh pihak Kerajaan. Saya dah baca Peraturan Tetap Dewan iaitu berdasarkan klausa 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Jadi kalau saya baca klausa ini macam tak ada masalahpun dari segi soalan ini tapi tak apalah ditolak oleh pihak Kerajaan. Cuma yang menjadi persoalan .....

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat boleh rujuk perkara 26(2) ada 17 sebab kenapa soalan itu ditolak. Tapi ini bukan untuk perbahasan, saya cuma mengingatkan sahaja. Tak apa, sila teruskan.

**YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):** Cuma yang menjadi persoalannya, soalan yang saya tanya tersebut melibatkan keperluan perumahan kepada golongan muda dan juga B40 telah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, merujuk kepada muka surat enam, Buku Titah Ucapan iaitu saya memetik kata-kata Tuanku: Pada pandangan beta Kerajaan Negeri juga perlu memberi tumpuan dalam usaha merangka dan merancang program-program untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dengan meningkatkan hasil pendapatan negeri mengatasi masalah kos peningkatan sara hidup, menambah peluang-peluang pekerjaan bagi mengurangkan kadar pengangguran dan membina lebih banyak rumah kediaman terutama kepada golongan B40. Jadi macam soalan saya jugak ni. Jadi saya mohon pihak Kerajaan dalam sesi penggulungan nanti memberi pencerahan agar saya dan juga rakan-rakan yang lain dapat memberi pencerahan yang lebih jelas lagi kepada penduduk khususnya di kawasan saya di Kuala Besut.

Dan yang akhirnya, yang betul-betul akhirnyalah Tuan Yang Dipertua dan Sidang Dewan, saya ingin menyentuh pada muka surat 17, Buku Titah Ucapan Tuanku

juga, saya baca petikannya: Beta menyeru kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan, agensi serta Badan-badan Berkanun untuk mempereratkan lagi bagi memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara dan beta berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat tanpa mengira fahaman politik, khasnya daripada sebelah sini dan juga di sebelah sana bekerjasama dan bersatu hati dalam memajukan negeri yang tercinta ke arah Terengganu Maju dalam segala bidang serta diberi keberkatan agar rakyat hidup sejahtera selaras dengan slogan Kerajaan sekarang ini iaitu 'Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera'. Dan apabila kita nak tengok rakyat kita sejahtera maksudnya kalau boleh dari segi bajet dan juga peruntukan pembangunan dan apa-apa jua bajet dapat kita agihkan sama rata sebelah sana dan juga di sebelah sini.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong. Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kuala Besut. Sebelum saya nak tangguh ni, lepas ni ada tak lagi yang hendak bercakap? Ada ya. Tak apa saya akan bagi peluang selepas tangguhan ini.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 4.00 petang. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUH PADA PUKUL 3.45 PETANG.

#### PUKUL 4.10 PETANG

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap? Saya persilakan Wakil Jertih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan serta hadirin-hadirat sekalian. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya dengan penuh hormat dan takzim merafak sembah penghargaan menjunjung setinggi-tinggi terima kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu semalam sempena Istiadat Pembukaan Perasmian Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Terengganu Keempat Belas.

Sebelum terlupa, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri. Saya juga turut berterima kasih kepada pengundi-pengundi daripada Jertih yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk mewakili beliau bagi Dewan Undangan Negeri Jertih.

Pertamanya, saya rasa syukur kerana proses peralihan Kerajaan telah berjalan dengan baik, dengan sempurna tanpa berlaku apa-apa masalah. Dan kita melihat bahawa pertukaran Kerajaan ini tidak berlaku dengan cara sebagaimana berlaku semasa peralihan Kerajaan tahun 1999. Jadi nampak ada satu

perubahan yang agak baiklah mungkin kerana mengamalkan politik matang? Ya, politik matang dan sejahtera. Terima kasih.

Saya melihat ini adalah suatu pembaharuan yang telah dibuat yang mana masing-masing rasa ada tanggungjawab untuk kepentingan rakyat. Dan saya memohon supaya ada satu cadangan Yang Berhormat Yang Dipertua, iaitu semasa proses menjelang pilihan raya yang lalu ada bajet daripada Federal yang sepatutnya bajet ini adalah untuk melaksanakan lebuh raya ataupun Jalan Keruak ke Gunung Bongsu. Tetapi disebabkan bajet ini tidak cukup sebagaimana yang diperlukan maka menjelang pilihan raya Kerajaan Federal telah bersetuju sebenarnya untuk mengganti projek tersebut dengan membina Flyover di Jertih bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang mana hari ini bukan sahaja berlaku menjelang hari-hari perayaan tetapi kita tengok hari ini walaupun hari cuti-cutি biasa malah pada hari Khamis pun telah berlaku kesesakan yang menggelisahkan rakyat. Jadi sepanjang pengetahuan saya, saya diberitahu bahawa designnya telahpun siap, bengkel antara Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Federal telahpun dibuat iaitu di Kota Bharu iaitu dari segi pelaksanaan di mana bengkel ini untuk difinal dari segi design, costing dan sebagainya telah pun siap. Cuma untuk kita nak meneruskan politik matang ini, saya harap supaya kesinambungan antara negeri dan Federal ini kita kena teruskan demi untuk kepentingan rakyat tanpa kita mengambil kira perbezaan politik. Flyover ini adalah merupakan kehendak rakyat yang telah sekian lama bukan sahaja untuk di Daerah Besut sebenarnya, bukan sahaja di Jertih malah untuk mereka yang di Negeri Kelantan juga kerana semakin hari bilangan kenderaan semakin bertambah, rakyat juga bertambah dan kalau ianya tidak kita *follow-up* maka bagi saya amat rugi sekalilah. Dan *follow-up* itu tentu sekalilah ia memerlukan suara daripada Kerajaan dengan Kerajaan.

Okey seterusnya, saya tengok dalam muka surat 11, ada dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam iaitu, saya baca sebahagian petikannya: Di samping itu, Kerajaan Negeri juga perlu meningkatkan inisiatif kepada golongan belia dan seterusnya beta menyeru kepada rakyat untuk menceburi, meneroka produk-produk pertanian yang baru yang mempunyai potensi pada masa hadapan. Dan adalah baik untuk mempelbagaikan usaha untuk menjadikan sektor pertanian sebagai sektor yang diminati oleh golongan belia. Yang mana saranan oleh Duli Yang Maha Mulia ini adalah merupakan satu perkara yang sangat menarik dan berketerpadatan dengan program yang kita buat dulu iaitu SKB (Sumber Kekayaan Baru) kerana kita melihat hari ini ramai daripada mereka yang susah untuk nak mencari kerja. Dan bidang pertanian ini dan sektor pertanian tidak begitu sebenarnya digemari oleh golongan belia. Mungkin disebabkan oleh bidang tersebut ataupun mereka tidak nampak pendapatan yang akan diperolehi. Jadi kalau ada inisiatif ataupun kita wujudkan pelbagai usaha untuk nak jadikan sektor ini menjadi minat kepada golongan-golongan belia selain dari kita untuk nak menjanakan ekonomi negeri ianya akan memberi

satu peluang untuk kita nak menyelesaikan masalah dari segi peluang pekerjaan kepada golongan-golongan baru ini. Kerana kita sebenarnya melalui Kementerian Pertanian sama ada peringkat Pusat ataupun Negeri telah sebenarnya banyak mengenalpasti projek-projek yang berimpak tinggi yang boleh kita kategorikan di bawah Program Sumber Kekayaan Baru ini kerana hari ini ada beberapa produk yang kalau kita buat dengan cara yang sistematik, rupanya produk-produk ini boleh memberi pulangan pendapatan yang sangat tinggi kepada mereka yang menceburi bidang ini. Cuma mengikut pengalaman kita, yang mana ada sesetengah daripada kalangan belia-belia ini mungkin mereka telah ada sedikit ilmu ataupun mungkin mereka sudah ada minat untuk menceburi bidang ini tetapi melalui tabung-tabung yang boleh membantu sumber kewangan mereka iaitu contohnya TEKUN, Agrobank ataupun di bawah Exco Usahawan Dan Koperasi iaitu Tabung Usahawan sebenarnya tidak menjadi satu tabung yang berfokus untuk membantu sektor pertanian ini.

Jadi saya mencadangkan untuk mengatasi masalah sumber modal awal kepada golongan belia untuk menceburi sektor pertanian ini adalah baik untuk kita mewujudkan satu tabung khas yang berlainan dengan tabung yang diwujudkan oleh usahawan tadi iaitu tabung untuk golongan petani sahaja. Jika kita tengok contohnya pada bulan puasa baru-baru ini lada solok harganya sampai RM17 satu kilo dan kita tengok banyak hari ini sesetengah produk-produk pertanian yang kalau boleh kita atur pengeluarannya mengikut musim-musim tertentu rupanya memang harganya tinggi dan pendapatannya sangat lumayan. Jadi dengan sebab itu, saya rasa ini adalah merupakan salah satu usaha yang boleh diteruskan oleh Kerajaan di bawah Program SKB untuk kita nak supaya golongan-golongan muda ini, golongan-golongan belia ini menceburkan diri dalam sektor pertanian.

Dan saya sebenarnya tidaklah berhasrat untuk nak bercakap kerana Kerajaan hari ini baru dua bulan sahaja yang diberi peluang untuk menerajui negeri maknanya tak ada banyak isu lagi tetapi kita lihat semasa kempen pilihan raya agak banyak janji yang telah dibuat dalam manifesto. Manifesto ini adalah merupakan janji kepada rakyat dan kita harapkan supaya demi untuk kepentingan rakyat, janji-janji ini diharapkan dapat ditunaikan. Kita tidak nak sebagaimana pantun dua kerat orang-orang tua dahulu, Siakap Senohong..... Senohong ni ikan ke dok Yang Dipertua? Ikan ke? Ada orang kata ikan.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Kumpulan dialah tu.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF** (Wakil Jertih): Siakap, Senohong, Gelama, Ikan Duri, Bercakap bohong lama-lama jadi ..... Tapi ada juga dalam siber orang duk bercakap 'Siakap, Senohong, Gelama, Ikan Duri. Bercakap bohong lama-lama jadi menteri'. Ada juga ....(sambil gelak)....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):  
Kebetulan jatuh belaka dah hak tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):  
Saya tidak bermaksudlah kepada siapa-siapa, cuma saya harapkan supaya kerana manifesto ini adalah merupakan satu janji dan menjadi harapan rakyat supaya ianya dapat ditunaikan untuk kita usahakan sedaya upaya kita demi untuk kepentingan rakyat. Dan di bawah peneraju kita Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kebetulan nama Ahmad ni menjadi Menteri Besar. Ahmad Said, Ahmad Razif dan kini Dr. Ahmad Samsuri, rupanya bertuah nama Ahmad ni. Dan kita doakan supaya di bawah teraju Yang Amat Berhormat Dr. Ahmad Samsuri selaku Menteri Besar yang berslogarkan: 'Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera' dapat memberi manfaat kepada keseluruhan rakyat Negeri Terengganu dan juga hak-hak Negeri Terengganu dapat terpelihara.

Jadi saya ingat itu sahaja Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Saya daripada Jertih mohon menyokong Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan semalam. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam. Terima kasih wakil daripada Jertih. InsyaAllah, kita sama-sama tengok semua parti-parti yang menang yang mengemukakan manifesto masing-masing itu menunaikan janji masing-masing, insyaAllah. Saya persilakan lagi? Sila Wakil Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pejawai Kerajaan, para Pemerhati dan semua yang hadir.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Exco di atas pelantikan dan saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Dalam Titah Ucapan itu merangkumi ada tiga perkara yang diperingatkan kepada kita semua. Pertama, meningkatkan tahap sosio ekonomi dan kemakmuran negeri. Yang kedua, mengurangkan kos bebanan sara hidup ke arah kesejahteraan rakyat. Dan yang ketiga, mengurangkan kebergantungan Kerajaan Negeri kepada royalti minyak dan gas.

Dan dari sini, ketiga-tiga ini selari dengan Manifesto PAS yang hendak mewujudkan 20,000 peluang pekerjaan dalam masa empat tahun. Kita mengharapkan ini semua akan menjadi kenyataan tetapi dari mana, sektor mana, bahagian manakah untuk kita mewujudkan 20,000 pekerjaan ini. Sudah tentu kita perlu mewujudkan kerja-kerja baru, usaha-usaha baru untuk menampung peluang pekerjaan ini bagi meningkatkan tahap sosio ekonomi dan mengurangkan beban kos sara hidup kepada rakyat.

Di samping itu juga saya nak mengingatkan sebagaimana sahabat saya kata tadi tentang manifesto, janji-janji yang telah dibuat semasa pilihan raya dan saya nak ingatkan kepada Kerajaan PAS yang telah berjanji bahawa:

1. Setiap rakyat yang berumur 21 tahun ke atas mendapat 1 lot tanah.
2. Mengecualikan Cukai Pintu Rumah Kediaman.
3. Mengurniakan Pencen Rakyat setiap bulan.
4. Menambahkan keluasan Tanah Rezab Melayu daripada 118 hektar kepada 1,000 hektar.
5. Mengadakan Tabung Biasiswa kepada pelajar cemerlang RM5 juta setahun. Cuma apakah perbezaan yang ada sekarang ini iaitu Biasiswa Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

Inilah di antara sebahagian daripada janji-janji manifesto semasa pilihan raya. Dan dalam soalan saya pada hari ini yang tidak sempat dijawab yang mengenai Dana Raya. Kerajaan terdahulu memberi Dana Raya sebanyak RM300 dan RM400 tetapi Kerajaan sekarang memberi RM250 dan tujuannya ialah untuk lebih ramai rakyat yang akan dapat. Tetapi berapa ramaikah jumlah rakyat yang menerima Dana Raya ini?

Dan saya juga mengambil kesempatan ini untuk berbalik ke DUN Batu Rakit kot-kot orang dah terlupa soal hakisan ini. Saya berharap Kerajaan yang baru ini dapat menguruskan untuk mengatasi masalah hakisan di Batu Rakit ini sepanjang pantai di Batu Rakit ini sebab saya tengok di akhir-akhir ini tidak ada kerja-kerja yang telah dilaksanakan dan dihentikan. Selain daripada itu, dalam perancangan kita dulu yang sudah sampai ke tahap perbincangan terakhir iaitu Pembinaan Masjid Mengabang Lekor. Yang kedua, Pembinaan Masjid Padang Kemunting. Dan yang ketiga, Baik Pulih Masjid Maras. Ketiga-tiga masjid ini sangat uzurlah. Kita sudah melaksanakan di peringkat perbincangan terakhir dan saya berharap Kerajaan yang baru ini dapat meluluskan usaha yang telah kita laksanakan dahulu.

Saya ingat setakat dulu. Terima kasih. Batu Rakit mohon menyokong.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Batu Rakit. Sila Ketua Pembangkang, kita takut tak sempat esok. Sila Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan, rakan-rakan media, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudara dan saudari-saudari sekalian

Pertamanya, saya nak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan di atas pelantikan beliau. Dan juga tahniah kepada Kerajaan baru kerana telah diberi mandat oleh rakyat terutama Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Dan saya juga nak mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada rakan-rakan saya tadi kerana saya melihat sepanjang perbahasan ini nampaknya bahawa dalam politik matang yang kita mulakan sebelum ini nampaknya diteruskan dan nampaknya semakin erat dan kita berharap bahawa hubungan yang sebegini akan dapat kita teruskan demi kita nak menjamin kepada kepentingan dan juga kepada kebijakan rakyat yang perlu kita utamakan. Soal sekarang ini apa yang perlu kita buat kita di pihak Pembangkang sudah pasti tidak boleh membangkang sembrono tetapi kita akan pastikan bahawa kita akan membangkang berasaskan kepada fakta dan juga kita menjadi sebagai penasihat dan juga untuk kita dapat bersama-samaalah untuk kita nak bangunkan Negeri Terengganu Darul Iman yang kita cintai ini.

Yang Berhormat Yang Dipertua, sudah pasti saya 10 orang ini dan juga rakan-rakan saya yang lain yang sebelum ini merupakan Kerajaan yang duduk di sebelah sana tetapi hari ini kena duduk di sebelah sini ni jadi kekok sedikitlah sebab dulu tulis tangan kanan, ni nak tulis tangan kiri. Jadi sudah pastilah bahawa sedikit sebanyak kita akan memastikan penyesuaian itu akan kita dapat laksanakan dengan sebaik-baiknya. Dan yang paling penting adalah kita akan dapat menjalankan tugas dan kerja kita dengan sebaik-baiknya.

Tetapi yang utama di sini, saya berharaplah Kerajaan yang baru di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan terus melaksanakan segala apa perancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan sebelum ini. Saya nak ucapkan terima kasih dan tahniah sebab saya melihat bahawa apa yang telah kita laksanakan sebelum ini banyak diteruskan dan sudah pasti bahawa apa yang

telah kita rancang sebelum ini adalah memang baik dan demi untuk kepentingan rakyat. Sudah pasti bahawa sikap bekerjasama seperti ini perlu kita manfaatkan dengan sebaik-baiknya dan kalau ada perkara-perkara yang boleh pihak kami bantu, insyaAllah kita akan bantu kerana kami menerima dengan hati yang terbuka dan kami berpendirian bahawa segala apa yang berlaku adalah kehendak dan ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala.

Memanglah kami akui bahawa keadaan yang kami hadapi sekarang ini adalah satu keadaan yang baharu kerana bukan mudah kepada pihak Pembangkang di sebelah sini walaupun kami sebelum ini dalam tahun 1999 pernah menjadi Pembangkang tetapi situasinya sangat berbeza kerana Kerajaan Negeri orang lain, Pembangkang orang lain, Kerajaan Pusat pun orang lain. Jadi keutamaan kami 10 orang ini sebagai Pembangkang yang ada ialah untuk berkhidmat sebaik mungkin kepada rakyat khasnya di kawasan DUN masing-masing. Yang pasti kami akan berusaha menjadi Pembangkang yang berkesan dan Pembangkang yang matang.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ingin merafak sembah, menjunjung kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Titah Ucapan tersebut sangat baik yang boleh kita jadikan panduan agar semua pihak dapat bersama-sama membangunkan rakyat dan Negeri Terengganu. Terdapat banyak cerita kejayaan Negeri Terengganu dalam Titah Ucapan tersebut. Salah satu yang menarik perhatian saya yang disebut oleh Wakil Kuala Besut tadi ialah tentang kadar pertumbuhan atau KDNK Negeri Terengganu yang melonjak begitu tinggi daripada kadar 3.1% pada tahun 2016 kepada 5.9% dalam tahun 2017. Hal ini tertera dalam muka surat empat teks Titah Ucapan tersebut. Lonjakan ini sudah pasti sangat menakjubkan kerana yang pertama kadar pertumbuhan ini sama dengan kadar pertumbuhan yang tinggi di peringkat nasional. Dan yang kedua, kadar ini melonjak dengan mendadak. Saya masih ingat lagi apabila dalam beberapa Sidang Dewan Undangan Negeri yang lepas, Kerajaan Negeri pada ketika itu ditegur oleh pihak Pembangkang yang sekarang dah jadi Kerajaan ini kerana pertumbuhan ekonomi ketika itu hanyalah sekitar 3.1%. Jadi, maka di kesempatan ini saya nak merakamkan ucapan terima kasih kepada Pembangkang yang kini menjadi Kerajaan kerana sudah pasti melalui teguran yang telah dibuat dahulu kita berjaya tingkatkan kadar KDNK kita dengan cukup hebat iaitu 5.9% dalam tahun 2017. Ia juga adalah kejayaan yang hebat bukan hanya terhasil daripada kepimpinan tetapi sudah pasti di atas kerja kuat dan kebijaksanaan para pegawai dan kakitangan awam kita khasnya baik di peringkat Kerajaan Negeri mahupun di peringkat Kerajaan Pusat. Jadi saya bagi pihak diri saya dan juga rakan-rakan saya yang lain dan juga kepimpinan yang dahulu nak mengambil peluang dan kesempatan ini untuk merakamkan setinggi ucapan terima kasih kepada semua pegawai yang telah bertungkus lumus dan bekerja dengan begitu kuat sekali sehingga kita dapat mencipta kejayaan yang telah saya sebut tadi. Jadi dengan ini membuktikan bahawa dengan kerjasama yang begitu baik, dengan kerjasama yang erat yang

sebegini siapa sangka daripada 3.1% itu kita boleh melonjak sampai 5.9%. Saya berharap dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana Kerajaan Negeri terdahulu kita target, kita memang menjangkakan dan kita sedang menuju pada tahun 2020 untuk kita mencapai KDNK kita 8.0%. Dan insyaAllah, saya yakin dan percaya kalau kita terus dapat bekerjasama dengan sebegini dengan kerja kuat daripada pegawai-pegawai, saya yakin dan percaya tidak mustahil 2020 kita boleh mencapai KDNK sebanyak 8.0%.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya sendiri sebenarnya terkejut dengan angka ini dan tertanya-tanya apakah punca kenaikan yang cukup hebat ini? Jadi apabila saya semak, saya selidik barulah saya tahu bahawa kenaikan dalam sektor-sektor ini adalah dari sektor perkhidmatan, pembinaan dan juga pertanian. Dan kalau dilihat dengan lebih *detail* lagi melalui siaran kenyataan dalam Laman Jabatan Statistik Malaysia ataupun DOSM ada disebut begini dengan izin: "Sektor pembinaan melonjak kepada 38.7%, 2016 – 2.0% disumbangkan oleh subsektor Kejuruteraan Awam dan Bangunan Kediaman." Jadi ini jelas menunjukkan untuk kita nak meningkatkan dari segi KDNK kita yang lepas adalah berasas kepada peningkatan kemudahan perumahan untuk rakyat yang ternyata berjaya sehingga bukan sahaja rakyat yang memerlukan mendapat rumah kediaman, ekonomi kita juga dapat dijanakan dengan pelaburan hasil daripada pelaburan sektor awam ini. Dan kalau dilihat daripada peningkatan mendadak dalam sektor-sektor perkhidmatan dan pertanian juga ia sedikit sebanyak menunjukkan usaha kita yang terdahulu untuk menangani Agenda 3P iaitu untuk menangani kos peningkatan sara hidup, kos menangani masalah pekerjaan dan perumahan ternyata membawa hasil.

Justeru di kesempatan ini sekali lagi saya nak ucapkan tahniah dan syabas kepada semua penjawat awam khasnya yang telah melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dengan cukup baik. Jadi saya juga nak menyeru kepada Yang Amat Berhormat dan juga di pihak Kerajaan agar dapat meneruskan perancangan yang telah dibuat sebelum ini iaitu meneruskan Agenda Menangani 3P ini. Saya yakin dan percaya 3P ini adalah agenda untuk rakyat bukannya untuk agenda politik.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, di kesempatan ini juga saya ingin memohon kepada Kerajaan Negeri yang baharu untuk meneruskan kerja-kerja baik untuk rakyat yang telah dilaksanakan dahulu khasnya dalam bidang pendidikan kerana Negeri Terengganu mencatatkan begitu banyak kejayaan dalam bidang pendidikan bukan sahaja dari sudut akademik malah juga dari kurikulum. Jadi sepertimana yang saya sebut pagi tadi berkait dengan soalan saya tentang kejayaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut dan banyak lagi perkara-perkara yang telah mengharumkan nama negeri dan negara kita. Jadi di kesempatan ini juga saya nak mengucapkan tahniah kepada Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu, kepada semua pegawai-pegawai (PPD) juga

syabas kepada guru-guru, ibu bapa, murid-murid dan semua yang terlibat termasuk Kerajaan Negeri. Saya berharap bantuan dan juga insentif akan diteruskan demi menjamin kecemerlangan dan kegemilangan anak-anak kita di masa akan datang. Dan saya ucapan tahniah dan terima kasih kepada Wakil Paka selaku Exco yang telah menyatakan pada hari Khamis ini bahawa akan dipanggil anak-anak daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut yang telah mengharumkan nama negara dan negeri kita sewaktu pertandingan di Korea Selatan baru-baru ini.

Saya juga ingin menyatakan bahawa kami di pihak Pembangkang bersedia bekerjasama dengan Kerajaan yang baharu dalam melaksanakan kerja-kerja yang baik untuk rakyat. Sepanjang 5 tahun ini biarlah rakyat melihat kesatuan daripada kita semua dari segi melakukan amal ma'ruf nahi mungkar sehingga manfaatnya dirasai dan terima oleh rakyat. Kalau kita terlalu banyak berpolitik ianya akan meletihkan dan membazir masa, wang, tenaga dan emosi.

Jadi sekali lagi saya ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat dan juga daripada Kerajaan yang saya melihat mengambil langkah yang berhati-hati tidak sepetimana yang pernah berlaku pada tahun 1999 dan apa sahaja saya nampak tindakan-tindakan yang diambil nampaknya begitu berhalus dan juga nampak tidak menganiayakan kepada sesiapa. Jadi saya ucapan tahniah, terima kasih dan saya mohon kepada Kerajaan Negeri akan dapat mempraktikkan dengan cara yang sama supaya jangan nanti ada pihak yang akan menjadi mangsa sedangkan mereka ini sebenarnya berasaskan kepada dengan izin '*Government of the Day*', mereka bekerja atas dasar sebagai taat kepada Kerajaan dan apabila bertukarnya Kerajaan sudah pasti ketaatan mereka akan berubah kepada Kerajaan yang baharu. Jadi kerana itu saya pohon supaya apa-apa tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan perlu melihat dan perlu memastikan bahawa tiada siapa yang teraniaya, tiada siapa yang diambil tindakan tanpa ada usul periksa dan tanpa ada apa-apa siasatan yang terperinci yang perlu dilaksanakan.

Saya berharap Negeri Terengganu akan boleh menjadi contoh kepada negeri-negeri yang lain dalam pelaksanaan di antara pihak Pembangkang dengan Kerajaan dalam kita memberi sokongan dan juga bekerjasama kerana apa yang kita laksanakan ini adalah demi untuk kebaikan untuk negeri dan juga untuk rakyat kita semua.

Jadi saya juga nak mengambil kesempatan pada hari nak mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pegawai-pegawai sewaktu saya sebagai Menteri Besar dan juga sebagai Kerajaan bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain, saya nak mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih di atas kerjasama, bantuan dan kerja keras tuan-tuan dan puan-puan sekalian sehingga Kerajaan Negeri sampai

ke tahap sebegini. Maka berilah sokongan yang padu kepada Kerajaan yang baharu ini sepetimana yang diberikan kepada kami sebelum ini supaya apa yang penting hari ini adalah kita nak melihat Negeri Terengganu kita ini akan maju, akan sejahtera dan akan memastikan bahawa untuk kita nak mencapai Negeri Terengganu sebagai negeri maju menjelang 2020 ataupun dalam dua atau tiga tahun selepas ini.

Jadi sekali lagi saya ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua dan saya mohon menyokong Usul Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat Wakil Seberang Takir dan juga selaku Ketua Pembangkang di atas perbahasan ke atas usul tadi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini sehingga esok hari, Rabu, 4 Julai 2018 jam 9.30 pagi. Sebelum kita tangguh, marilah kita sama-sama membaca Tasbih Kafarah dan Suratul A'sr. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.45 PETANG.

---

**PERSIDANGAN**  
**PADA HARI RABU, 4 JULAI 2018**

---

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR:**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Haji Yahaya bin Ali, PJC

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,  
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman

**WAKIL KOTA PUTERA**

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
**WAKIL TEPOH**

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi  
**WAKIL BATU BUROK**

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
**WAKIL SURA**

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
**WAKIL BULUH GADING**

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
**WAKIL MANIR**

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
**WAKIL RANTAU ABANG**

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong  
**WAKIL PENGKALAN BERANGAN**

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed  
**WAKIL BANDAR**

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim  
**WAKIL AIR PUTIH**

Yang Berhormat Maliaman bin Kassim  
**WAKIL AJIL**

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili  
**WAKIL KEMASIK**

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.  
**WAKIL SEBERANG TAKIR**

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
**WAKIL KIJAL**

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.  
**WAKIL TELEMONG**

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Dato' Halim bin Jusoh  
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji A. Rahman bin Yahya, DPMT.,AMZ.,KMN.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Haji Wan Mohd bin Wan Ibrahim, DPMT.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

## PUKUL 9.30 PAGI

### **SOALAN-SOALAN LISAN**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah sama-sama kita membaca Ummul Quran bagi memberkati Persidangan kita ini. ....[Al-Fatihah] ...

Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Berikut adalah Ahli - ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada hari ini, 4 Julai 2018:

1. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
(Wakil Tepoh)
2. Y.B. Dato' Seri Ahmad Razif bin Abd. Rahman  
(Wakil Seberang Takir)
3. Y.B. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi  
(Wakil Batu Burok)
4. Y.B. Haji Nawi bin Mohamad  
(Wakil Hulu Besut)
5. Y.B. Haji Wan Hafandi bin Wan Nik  
(Wakil Sura)

6. Y.B. Haji Roslee bin Daud  
(Wakil Bukit Besi)
7. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim  
(Wakil Buluh Gading)
8. Y.B. Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof  
(Wakil Jertih)
9. Y.B. Haji Hilmi bin Harun  
(Wakil Manir)
10. Y.B. Haji Bazlan bin Abd. Rahman  
(Wakil Batu Rakit)
11. Y.B. Haji Alias bin Harun  
(Wakil Rantau Abang)
12. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman  
(Wakil Kuala Besut)
13. Y.B. Sulaiman bin Sulong  
(Wakil Pengkalan Berangan)
14. Y.B. Ahmad Shah bin Mohamed  
(Wakil Bandar)
15. Y.B. Ir. Saiful Azmi bin Suhaili  
(Wakil Kemasik)

Untuk memberi keadilan sebagaimana yang saya janjikan dalam ucapan saya, saya tidak mengikut susunan sebagaimana yang saya baca tadi, saya hanya nak sambung mana-mana Yang Berhormat yang belum sempat bertanya pada hari semalam. Oleh sebab itu saya persilakan Y.B. Wakil Rantau Abang untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

*Senaraikan bilangan Pusat Komuniti Ibu Tunggal  
yang ditubuhkan di Terengganu mengikut daerah?*

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Yang Amat Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan.

Soalan yang pertama daripada Wakil Rantau Abang berbunyi: Senaraikan bilangan Pusat Komuniti Ibu Tunggal yang ditubuhkan di Negeri Terengganu mengikut daerah?

Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu telah menyediakan 2 buah Pusat Komuniti Ibu Tunggal :-

- i) Bangunan Ibu Tunggal di Serdang Baru, Kuala Nerus.
- ii) Kompleks Ibu Tunggal Chendering, Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan pertama: Dimaklumkan bahawa Kompleks Ibu Tunggal Chendering bakal menjadi Pusat Aktiviti Warga Ibu Tunggal Secara Berpusat yang utama di Negeri Terengganu. Mohon dimaklumkan berapakah kos keseluruhan pembinaan kompleks ini dan apakah fokus-fokus utama pembangunan kompleks ini kepada rakyat Negeri Terengganu, khusus ibu-ibu tunggal?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih, Rantau Abang. Kos pembinaan Bangunan Ibu Tunggal Chendering adalah berjumlah RM4,425,500.00. Fokus utama yang pertama ialah bimbingan untuk bimbingan ekonomi dan kemahiran. Fokus yang kedua, bimbingan perundangan. Fokus yang ketiga, bimbingan kekeluargaan manakala fokus yang keempat, bimbingan kesihatan dan kemasyarakatan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan saya yang kedua: Dalam membantu memperkasakan ekonomi ibu-ibu tunggal di Negeri Terengganu, menerusi Yayasan Pembangunan Keluarga, telah diwujudkan Program Pinjaman Jaya Diri bagi memberikan kemudahan dan bantuan secara langsung kepada ibu-ibu tunggal yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Soalan saya ialah mohon penjelasan sehingga 2018, kini berapakah bilangan pinjaman dan kos yang telah diperuntukkan Kerajaan Negeri menerusi Program Pinjaman Jaya Diri ini?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Dato' Yang Dipertua, Pinjaman Projek Jaya Diri ini majoritinya dibuat oleh golongan ibu tunggal yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Bidang yang diceburinya rata-rata bidang kecantikan, pakaian dan perusahaan makanan. Bagi tahun 2018 sehingga berakhir Jun 2018, jumlah pinjaman bagi Program Jaya Diri Ibu-ibu Tunggal bagi seluruh Negeri Terengganu adalah seramai 52 orang, meliputi pinjaman sekitar RM474,000.00. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan saya yang ketiga: Mohon dinyatakan jumlah terkini bilangan ibu tunggal di seluruh Negeri Terengganu mengikut daerah? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Tuan Yang Dipertua, soalan yang ketiga ialah bilangan-bilangan ibu tunggal seluruh daerah Negeri Terengganu. Kuala Terengganu 3,925 orang, Kemaman 5,279 orang, Dungun 4,182 orang, Besut 4,768 orang, Hulu Terengganu 2,987 orang, Marang 4,305 orang, Setiu 3,307 orang, Kuala Neris 3,658 orang. Jumlah keseluruhan ibu tunggal seluruh Negeri Terengganu ialah 32,411 orang.

Manakala kalau dipecahkan mengikut DUN, boleh dikatakan majoritinya setiap DUN hampir 300 orang, 300 orang lebihlah kalau mengikut DUN. Kalau mengikut umur di Besut, kurang daripada umur 20 tahun - 3 orang, 21 hingga 30 tahun - 316 orang, 31 hingga 40 tahun - 740 orang, 41 hingga 50 tahun - 894 orang, 51 hingga 60 tahun - 1,523 orang, lebih pada 61 tahun 1,292 orang.

Di Setiu, kurang daripada umur 20 tahun - 4 orang, 21 hingga 30 tahun - 234 orang, 31 hingga 40 tahun - 546 orang, 41 hingga 50 tahun - 657 orang, 51 hingga 60 tahun - 1,059 orang, lebih pada 61 tahun - 807 orang.

Di Kuala Neris, bawah pada 20 tahun - 6 orang, 21 hingga 30 tahun - 202 orang, 31 hingga 40 tahun - 533 orang, 41 hingga 50 tahun - 679 orang, 51 hingga 60 tahun - 1,066 orang, lebih pada 61 tahun - 1,172 orang.

Kuala Terengganu, kurang daripada umur 20 tahun - 1 orang, 21 hingga 30 tahun - 150 orang, 31 hingga 40 tahun - 546 orang, 41 hingga 50 tahun - 701 orang, 51 hingga 60 tahun - 1,244 orang, lebih pada 61 tahun - 1,275 orang.

Marang, kurang daripada umur 20 tahun - 4 orang, 21 hingga 30 tahun - 241 orang, 31 hingga 40 tahun - 579 orang, 41 hingga 50 tahun - 821 orang, 51 hingga 60 tahun - 1,112 orang, lebih pada 61 tahun - 1,458 orang.

Hulu Terengganu, kurang daripada umur 20 tahun - 2 orang, 21 hingga 30 tahun - 165 orang, 31 hingga 40 tahun - 465 orang, 41 hingga 50 tahun - 577 orang, 51 hingga 60 tahun - 844 orang, lebih pada 61 tahun - 933 orang.

Dungun, kurang daripada umur 20 tahun - 2 orang, 21 hingga 30 tahun - 328 orang, 31 hingga 40 tahun - 377 orang, 41 hingga 50 tahun - 1,082 orang, 51 hingga 60 tahun - 1,025 orang, lebih pada 61 tahun - 1,188 orang.

Dan yang terakhirnya di Kemaman, lebih daripada umur 20 tahun - 5 orang, kurang daripada 20 tahun - 5 orang, 21 hingga 30 tahun - 366 orang, 31 hingga 40 tahun - 997 orang, 41 hingga 50 tahun - 1,095 orang, 51 hingga 60 tahun - 1,503 orang, lebih pada 61 tahun - 1,313 orang. Jumlah keseluruhannya ialah 32,411 orang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: *Detail* Yang Berhormat jawab, bab ibu tunggal ni... (Dewan gelak)... Saya harap isu ibu tunggal ini bukan saja soal Kerajaanlah, tanggungjawab bersama, insyaAllah. Seterusnya saya jemput Wakil daripada Batu Rakit untuk kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan. Soalan saya soalan nombor satu -

*Apakah usaha-usaha yang akan dilakukan oleh kerajaan untuk mempelbagaikan sumber ekonomi supaya tidak terlalu bergantung kepada hasil minyak?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dipertua, Yang Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan, Wakil Rakyat dan pegawai yang hadir pada pagi ini. Soalan daripada Batu Rakit ni berkenaan dengan.... Saya bacalah: Apakah usaha usaha yang akan dilakukan oleh Kerajaan untuk mempelbagaikan sumber ekonomi supaya tidak terlalu bergantung kepada hasil minyak?

Yang semua kita tahu bahawa hasil negeri ini, yang banyak ialah hasil minyak. Itu semua kita tahu, lebih kurang kalau tahun ni 85% daripada hasil negeri adalah daripada hasil minyak. So, cara mana kita nak dapatkan hasil-hasil daripada sumber-sumber lain. Pertamanya, kerajaan telah, kerajaan dulu lagilah telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji cara-cara untuk menambahkan hasil negeri dan jawatankuasa itu sedang berjalan. Tumpuannya ialah kepada penyemakan semula peraturan-peraturan dan enakmen-enakmen yang ada berkenaan dengan fees yang kita caj kepada rakyat untuk mendapatkan hasil. Mungkin ramai tidak tahu bahawa, walaupun kita ada mineral banyak sepatutnya bila mineral silika dan juga yang lain tu patutnya dapat hasil banyak, tetapi rupa-rupanya hasil yang kita dapat, hasil negeri yang kita dapat daripada contoh daripada silika, kalau di silika tu dia RM1.50 jer setan, kita caj. Makna kalau ada 1,000 tan kita boleh hanya RM1,500, itu tak patut. Dan ini telah berlarutan dan kita tahu bahawa deposit silika banyak di Negeri Terengganu sedangkan hasil kepada negeri tak seberapa. Itu sedang dikaji.

Contoh lagi ialah tentang, tentang transaksi yang berlaku untuk urusan tanah. Urusan tanah ni, hasil dia untuk daftar saja, untuk daftar pindah milik contoh, walaupun dia harga sejuta, harga seribu, pindah milik tu kita caj RM40. Tak patut jugok. Patutnya bila harga mahal, kita caj mahal, yang banyak kita bayar dalam *transaction* tanah ialah bayaran dia panggil stamp fees, stamp duty yang itu boleh ke Federal, tidak boleh ke kita.

Jadi itulah antaranya perkara yang kita sedang buat untuk melihat kembali fees-fees yang dikenakan oleh Kerajaan dalam transaksi yang berbagai ini. Jadi kalau kita baiki itu mungkin kita boleh tambah lagi fees.

Kemudian, untuk mendapatkan hasil juga ialah tentang kita nak dapatkan hasil daripada penubuhan kilang-kilang atau industri-industri di seluruh negara, di seluruh negeri dan kita sedang rancak sebenarnya untuk menggalakkan mereka datang ke Terengganu untuk melabur. InsyaAllah, daripada hasil pelaburan itu kita boleh caj sebanyak benda lagi, termasuk penggunaan air. Dan juga kita sedang juga meneliti caj yang boleh dikenakan kepada penggunaan air oleh agensi agensi misalnya FELDA guna air, FELCRA guna air, yang agensi ni guna air, air tu air dalam tanah Terengganu pun kita nak caj jugak, untuk menambahkan hasil ini.

Tapi saya ingat, untuk setahun dua ni, untuk tahun ni saya ingat hasil negeri masih tidak berkurang sebab Federal dah janji nak beri balik pitih tu, nak teruskan bayaran royalti tu, insyaAllah takdok masalah lagilah setakat ni, tapi usaha memang berjalan untuk meningkatkan hasil negeri melalui perkara-perkara yang saya sebut tadi. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD, RAHMAN (Wakil Batu Rakit):** Soalan tambahan saya: Apakah keadaan prestasi pelaburan terkini?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Dia...yalah kalau nak kira dia dok berapa kait sangat dengan pelaburan ni dol? Tapi takpelah. Pelaburan ni, keadaan sekarang ni alhamdulillah. Kita merupakan negeri yang banyak menerima pelaburan yang dan telah diluluskan oleh MIDA ni banyak, kita yang tertinggi sekarang ni. Dapat kelulusan untuk pelabur yang dilulus untuk datang ke Malaysia sekarang ni, tahun ni 2018 ni, yang paling tinggi di sini. Dan memang kita melabur, memang kita menggalakkan pelabur datang, dan sebenarnya pada dulu memang ada satu *task force* yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri yang dipanggi T-Invest, zaman dulu. Tujuan dia untuk mencari pelabur dan T-Invest tu sekarang ni telah ditangguhkan dulu perjalanan mereka dan kita ada tubuh pulak U-Tent yang bekerjasama dengan MIDA dan semua agensi yang terlibat untuk mencari pelabur untuk menggalakkan pelabur datang ke Terengganu.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap):** Apakah strategi Kerajaan untuk menarik pelabur daripada luar negeri. Strategi, bagaimana langkah-langkah?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Saya fikir strategi ni, kita kekal lagi yang dulu dan kita akan ada penambahbaikan untuk menarik pelabur dan sebagaimana biasa kita sediakan

segala kemudahan yang ada, dan memang sekarang pun boleh dikatakan setiap minggu pelabur datang untuk buat pelaburan, cuma kita berhati-hati, betul ke dok mari ni. *So, bila kita tanya, tanya, tanya tu kadang-kadang dia dok jadi, dok jadi mari sebab napok dok sungguh mana.* Tapi memang kita bersungguh-sungguh menarik, memberikan apa saja inisiatif yang boleh untuk menarik mereka datang ke sini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, sila, sila hok mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Boleh pakai lagi ko strategi Kerajaan hok lamo?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Strategi Kerajaan dulu untuk menarik pelabur, jadi bila .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Strategi hok Kerajaan sekarang ni, hok kerajaan sekarang ni, apa strategi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Doh dua-dua gitu nok jawab hok mana, duduklah dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Jawab hok saya dululah, hok tu bangun saja ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Besut, duduk dulu...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Baru 50 hari.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Jawab hok cakap dulu, hok ni dia bangun cacang gini jah ni, sajo dio jah ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Langkap, baru 50 hari, sungguh benor.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): ....(Sambil gelak)...Tak apalah. Kita pakai apa yang baik, hok dok berapa molek tu kita fikir semula, hok molek kita teruskan, takdok masalah, kalu nak bantu kita lagi pun kita terima. Kalau ada idea-idea baru yang lebih baik, *khabor kita, kita wak sama.*

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Se lagi soalan Yang Berhormat deh, tadi pencelahan tadi. Okey nak tanya pihak Kerajaan, dimaklumkan sakning tentang usaha-usaha yang dibuat oleh pihak Kerajaan melibatkan hasil tanah, mende apa lagi tadi.... mineral silika belaka tadi dok dan bahan galian semua tu. Nak tanya ada tak, dalam perancangan pihak Kerajaan, sebab mesyuarat Exco buat doh, strategi lain, hasil kot lain pulok, kot pelancongan ke..perikanan ke...ataupun hasil strategi lain selain daripada sumber minyak dikatakan sebelum ni kita 85% pendapatan Kerajaan Negeri adalah daripada sumber minyak. Takut ada selain daripada dalam perancangan, dalam kepala pihak Kerajaan untuk kita mencari, mendapatkan hasil-hasil lain seperti daripada lain lagi daripada yang dirancang oleh Kerajaan dahulu, yang difikirkan oleh Kerajaan pada masa ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kerajaan *dok sapa* 100 hari lagi Yang Berhormat. Sila.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Nok tanya perancangan tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Macam yang saya sebut tadi tu...

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABD. KARIM (Wakil Tepoh): Saja nak sebut, Speaker sebelum ni dok pernah beri lebih daripada tiga tapi terima kasihlah Tuan Speaker kita.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Dia pagi ni baik sikit kot.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak payah tambahlah biar dia jawab. ....(Dewan gelak)....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dia ...merancang ni sesuatu yang berterusan. Dia...mana yang baik dan kalau ada Yang Berhormat ada idea-idea yang lebih baik takdok masalah khabor jer kita. Setakat ni kita berjalan dengan baik, banyak lagi perancangan yang sedang dilaksanakan, insyaAllah akan kita laksanakan dengan baik. Dan sebagaimana yang saya sebut tadi sumbernya bukan hanya daripada minyak, daripada kilang, daripada pelaburan-pelaburan besar termasuk juga daripada perusahaan ikan kalau ada, ikan, pertanian, apa-apa sahaja yang boleh kita dapatkan pendapatan lebih kita akan teruskan, insyaAllah. Macam nak tanam perkara-perkara yang telah ditanam dulu, kita akan tanam lagi, insyaAllah. Kalau macam disebut dulu tanaman jagung yang tidak berapa jadi sebab *takdok* tanah,

tanah di Setiu tu katanya banyak dah bila tengok atas pelan tanah Kerajaan, tapi bila masuk dalam tu, atah tanah habis diambil orang belaka doh. Dan, ambil tu maknanya secara tidak betul, itupun nak kena kaji balik. Dan kita sedang berunding dengan pihak KPTG sebab ada tanah besar di Hulu Terengganu untuk orang Hulu ni, ada lebih kurang 5,000 ekar tanah yang kita akan berunding dengan pihak Persekutuan supaya tanah ini diberikan kepada kita untuk digunakan untuk tanaman..... Bakpe padam, habis dah? Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, saya persilakan Yang Berhormat Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT ENCIK SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan nombor satu -

*Apakah status pembinaan Projek Sekolah Menengah  
Imtiaz, Marang di Kampung Tok Muchong?*

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan wakil dan semua Pemerhati, muslimin dan muslimat sekalian. Soalan nombor satu pagi ini dari Wakil Pengkalan Berangan. Terima kasih. Yang ingin tahu berkaitan dengan muara Sungai Merchang. Soalannya berbunyi: Apakah bentuk penyelesaian .....

YANG BERHORMAT ENCIK SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Dipertua, saya rasa soalan 4hb tu. Status pembinaan projek Sekolah Menengah Imtiaz, Marang, hak tu untuk 3hb tapi kalu nak jawab dua, kita alu-alukan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Balik pada soalan asallah Yang Berhormat. Soalan berkenaan status projek Sekolah Menengah Imtiaz, Marang di Kampung Tok Muchong.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat...(sambil gelak)... Ke Yang Berhormat Kuala Berang nak jawab?

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dah guaner dua-dua bangun ning?

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Soalan banyak, sabar, sabar.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD, RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bagus terik ning, berebut nak jawab.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Yang Dipertua, ni baru lagi, dokleh kata ke dia jugok, nok kata guaner, babah lagi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Base dia doh.....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): InsyaAllah, esok moleklah. Baru Exco etek tu...

YANG BERHORMAT ENCIK SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Tuan Yang Dipertua, soalan saya perlu dijawab oleh Yang Berhormat Exco Infrastruktur - Status pembinaan.

YANG BERHORMAT DR HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Okey, terima kasih. Jadi semalam pun ada juga soalan yang kita masih belum jawab. Hari ni soalannya berbunyi: Apakah status projek pembinaan Sekolah Menengah Imtiaz, Marang di Kampung Tok Muchong, Wakaf Tapai dalam kawasan DUN Pengkalan Beranganlah. Jadi untuk makluman Wakil Pengkalan Berangan, status projek ini masih ditangguhkan lagi memandangkan masalah kewangan pada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih pada Yang Berhormat Exco. Untuk makluman Dewan yang mulia, Sekolah Menengah Imtiaz, Marang ini, sekarang ini menumpang untuk PMP di Sekolah Kebangsaan Wakaf Tapai, dan untuk asrama di Sekolah Menengah Wakaf Tapai. Jadi persoalannya ialah berapakah kapasiti yang boleh menampung tempat yang digunakan untuk PMP dan jugak asrama dan yang keduanya ialah sampai bilakah harus menumpang?

YANG BERHORMAT DR HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Buat masa ini pelajar-pelajar memanglah tinggal di Asrama Sekolah Menengah Wakaf Tapai dan mereka belajar di Sekolah Kebangsaan Wakaf Tapai yang lama, yang baru ada sebelah. *So*, kapasiti dia hanya setakat untuk 300 orang pelajar sahaja dan buat masa ini mereka ada seramai 113 pelajar merangkumi tingkatan 1 dan tingkatan 2. Jadi tahun depan kita jangka 100 pelajar yang baru akan masuk dan kita akan menghadapi masalah tahun 2020, kerana ruang belajar tak cukup. Jadi sementara ini kita buat gitu dululah. Kita mungkin ambil tindakan yang lainlah apabila mengizinkan pada tahun depan atau dua tahun lagi. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang saya persilakan.... Ada lagi tak?

YANG BERHORMAT ENCIK SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):  
Ada se.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, sila.

YANG BERHORMAT ENCIK SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):  
Kita sedia maklum bahawa pendidikan ini merupakan satu perkara yang perlu menjadi keutamaan untuk membina tamadun bangsa dan jugak rakyat. Jadi soalannya ialah berapakah anggaran kos yang perlu untuk membina Kompleks Pendidikan Imtiaz di Marang ini dan ianya perlu diberi perhatian yang serius kerana pendidikan merupakan satu perkara yang utama yang perlu diberi perhatian.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Kita memang dah ada tanah, yang telah diambil daripada tanah orang milik individu, kemudian Kerajaan telah ambil tanah tersebut seluas hampir 16 hektar kawasan yang agak luas di Tok Muchong itu. Kemudian, kita jangka kewangan atau kos yang terlibat ialah sebanyak RM60 juta, melibatkan sekolah, kantin, asrama dan lain lain yang berkaitan. Jadi memang kita mengutamakan pendidikan ini tetapi oleh kerana kewangan kita ni masih tidak mengizinkan kita *hold* dulu dan yang untuk penyelesaian jangka pendek mungkin kita boleh tempatkan pelajar-pelajar yang seharusnya diletakkan di Wakaf Tapai ini, kita letaklah tempat-tempat lain dulu, Sekolah-sekolah Imtiaz yang lain dulu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Wakil Kuala Besut untuk kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Tuan Yang Dipertua, soalan saya nombor dua.

*Apakah perancangan dan program pembangunan  
belia Negeri Terengganu khususnya kepada warga  
belia yang tidak dapat melanjutkan pengajian ke  
IPT/IPTS?*

Terima kasih.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Besut, yang telahpun mengemukakan soalan yang berbunyi:

Apakah perancangan dan program pembangunan belia Negeri Terengganu khususnya kepada warga belia yang tidak dapat melanjutkan pengajian ke IPT/IPTS?

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan telahpun melaksanakan perancangan dan program-program pembangunan kepada mereka yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke IPTA dan IPTS melalui pusat-pusat kemahiran yang sedia ada, sama ada yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri mahupun yang dimiliki oleh Kerajaan Pusat. Di antaranya ialah melalui institusi ataupun agensi TATI Universiti Kolej. Yang keduanya melalui Terengganu Skill Development Centre. Yang ketiga melalui Yayasan Pembangunan Usahawan. Yang keempatnya melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Bahagian Sosial Ekonomi. Yang kelima melalui Timber Terengganu Industry Training Centre. Dan yang keenam melalui Yayasan Terengganu. Adapun melalui agensi Pusat, pusat kemahiran yang sedia ada seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN Wakaf Tapai), Institut Kemahiran Belia Negara (Kemasek), Giat Mara Negeri Terengganu dan Institut Latihan Perindustrian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Soalan tambahan saya yang pertama, Yang Dipertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Exco menjawab soalan tersebut. Cuma nak mendapatkan penjelasan dan juga pencerahan daripada pihak Kerajaan, perancangan yang lebih spesifik, sebagai contohnya kita berada di negeri Terengganu dan betullah yang dijawab oleh Yang Berhormat Exco tadi. Kita masukkan ke Pusat Kemahiran dan sebagainya, ada tak perancangan yang lebih spesifik, sebagai contohnya kita di Terengganu ni, kita terkenal dengan industri pelancongan, memang banyak tempat-tempat tarikan pelancongan. Ada tak perancangan supaya belia-belia kita yang tidak dapat masuk ke IPT dan juga IPTS ni, kita memberi pengkhususan dalam bidang untuk kita melahirkan mereka ni, sebagai contoh sebagai Tourist Guide ke, ataupun sebagai Pemandu Pelancong ataupun sebagai apa-apa yang terlibat dalam industri pelancongan yang boleh memberi pulangan jugak kepada pihak Kerajaan secara tidak langsung dan juga kepada golongan belia itu sendiri jugak. Okey, terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Besut atas soalan tambahan yang pertama. Untuk makluman baru baru ini, sebelum pada raya baru ni, portfolio saya telahpun mengadakan sesi percambahan minda ataupun brain storming dengan izin, dan beberapa program tambahan selain daripada apa yang telahpun saya jawab pada awal tadi khusus untuk belia-belia dan belianis Negeri Terengganu yang tercicir ataupun yang tidak dapat memasuki ataupun melanjutkan pelajaran ke IPT dan IPTS ini. InsyaAllah pihak portfolio saya akan

bekerjasama dengan portfolio daripada Pertanian contohnya dan jugak daripada Pembangunan Usahawan dan Pelancongan untuk kita menyediakan latihan-latihan dan juga kemahiran-kemahiran kepada belia-belia kita untuk menceburi bidang pertanian sepetimana yang disebut oleh ADUN Bukit Besi kelmarin yang menggesa supaya belia juga menceburi ataupun menjadi usahawan di bidang pertanian. Itu adalah di antara pelan tindakan yang telahpun kita selesaikan dan kita bersetuju dan insyaAllah kita akan laksanakan apabila tiba pada masanya, insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Okey, terima kasih Tuan Yang Dipertua, se lagi soalan. Terima kasih di atas perancangan yang agak proaktif sebagaimana disebut oleh pihak Yang Berhormat Exco tadi. Soalan saya yang kedua: Di kawasan Kuala Besut, kawasan sayalah ni, ada satu kumpulan belia yang agak proaktif jugak yang telah mewujudkan satu kumpulan, kumpulan belia yang tidak dapat masuk U manapun ni, dia duduk kampung, duk jaga orang tua dia ni jugok, telah wujudkan satu kumpulan, kumpulan yang lebih bersifat keusahawanan niaga ni, dia niaga ada dekat 100 orang, dia mewujudkan kita panggil satu 'downtown' di Kuala Besut, tepi sungai, di belakang Stesen Bas Kuala Besut tu yang mana telah menarik minat rakan-rakan yang lain untuk membuatkan 'downtown' ini lebih besar lagi, golongan belia ni. Jadi ada tak perancangan oleh pihak Kerajaan khususnya di bawah portfolio belia ni untuk membantu mereka, agar memberi sokongan kepada mereka ni agar kumpulan ini akan lebih besar lagi, dan dapat berdiri dengan lebih teguh lagi dan memberi sokongan sekaligus dapat mewujudkan peluang perniagaan kepada kumpulan usahawan belia dalam Kumpulan Downtown Kuala Besut ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Besut. InsyaAllah saya rasa kita akan mengadakan perjumpaan, perbincangan dengan pihak belia yang berkenaan dan sekiranya ianya adalah satu idea yang baik saya rasa tidak salah untuk kita berkongsi idea tersebut dengan rakan-rakan di daerah-daerah yang lain untuk menjamin belia-belia kita yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ini juga mendapat tempat di lapangan yang berbeza tetapi berjaya dalam kehidupan mereka di dunia ni. Terima kasih pada ADUN Kuala Besut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya saya mempersilakan Wakil Bandar untuk kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, soalan saya, soalan nombor dua -

*Kesan-kesan yang dijangka timbul akibat dari*

*pembinaan "Draw Bridge" terhadap ekonomi sekitar  
dan terhadap ekosistem alam sekitar?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan nombor dua daripada Bandar ni bertanya tentang: Kesan-kesan yang dijangka timbul akibat dari pembinaan "Draw Bridge" terhadap ekonomi sekitar dan terhadap ekosistem alam sekitar?

Pembangunan "Draw Bridge" ini masa dibuat tu telah diambil kira dan telah diluluskan oleh JPS dan juga Alam Sekitar. Jadi setelah diambilkira dan dibina dan dijangka apabila pembinaan ini siap, dia akan menarik, dia akan merancakkan aktiviti pelancongan di sekitar itu dan juga Bandar Kuala Terengganu ini kerana jarak perjalanan daripada Lapangan Terbang Sultan Mahmud ke Kuala Terengganu lebih dekat, lebih cepat. Kemudian oleh kerana dia, jambatan ini yang pertamanya di Asia agaknya, jadi merupakan ikon tarikan pelancong, pelancong mari nak tengok bridge tu. Di Asia Tenggara, dia yang pertama. Dan di atas Draw Bridge itu katanya akan ada ruang, dua ruang niaga akan dibina di atas menara Draw Bridge. Kemudian hasil daripada Draw Bridge ini ada di *north* ataupun di utara dan selatan, tanah itu akan dapat digunakan untuk berbagai perkara dan dijangka akan menarik pelaburan, dijangka, jangkaan lebih kurang RM5 bilion. Dan kemudian akan mewujudkan peluang pekerjaan lebih kurang 10 ribu orang. Jadi, yelah dia dok siap benar lagi kita tengoklah bila siap ni apa akan terjadi, mudah-mudahan yang dirancang itu terjadi dengan baik.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Soalan tambahan saya: Sejauh mana kebenaran paras air berbanding dengan ketinggian jambatan tersebut tidak mengganggu laluan bot-bot nelayan sebab kita melihat ada bot nelayan yang tiangnya tinggi, lepas ke tidak dengan tiang, dengan paras air....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, kalau ikut Peraturan Dewan, soalan-soalan berbentuk andaian-andaian, anggapan ni tidak dibenarkanlah, macamana pun terpulang pada pihak Kerajaan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah Yang Dipertua, sebabkan .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Baru-baru ni kan, andai-andai dulu sebelum dapat fakta sebenar. Terima kasih pada soalan tu. Terima kasih Yang Dipertua. Saya ada dapat

rungutan daripada orang bermiaga dalam ruang ini katanya bukan bot nelayan, yang bot ni yang membawa dia panggil 'change crew' yang nak bawa kru ke pelantar. Dulu daripada gas base sekarang ni banyak di dalam sini, dan nak bawa tu dan ada juga bot-bot besar katanya, yang mengatakan bot-bot besar, bot-bot besar mana saya pun dok tahu, dia ada mask, dia ada tiang, tiang tu kata dok lepas ketinggian, jadi tiang tu sakkok nak masuk. Hari tu saya ada dengar rungutan dan saya kata nak buat guaner, dok tahu lah dia kata, takkan nak rombak pulok bridge tu. Jadi dia terpaksa ubah suai, katanya dia akan kerat tu, supaya jatuh, pahtu lepas pada tu angkat balik. Setakat mana kebenaran tu, tapi itulah yang diberitahu kepada saya setakat ni.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Dipertua, saya mencelahlah, sebab itu dia dipanggil 'Draw Bridge', macam kat London tu, Yang Dipertua. Kan dia boleh buka kan, bila kapal besar, bukalah, janganlah dia tutup sokmo, tutup dokleh lalulah, dia boleh buka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dok..katanya....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Doh sakok natang pende pulok?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Katanya bukan, dia bukan jenis binatang tu.... dia (Dewan gelak)...

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Doh yelah...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dia jenis..dia jenis...

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Betullah sebab tu dia panggil Draw Bridge, saya ingat Exco Ladang lebih cerdik pada saya .....

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, soalan saya bukan cerita bab bot yang besar, persoalan saya bot nelayan yang keluar masuk...

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Ye dok sakok langsung nelayan, besar mana nelayan kita .....*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah itu andaian yang dibuat. Kita akan dapat maklumat jelas,

takdok masalah, kita akan dapat maklumat jelas tentang perkara ini, dari segi teknikalnya, dari segi bot kecil ke besar, kite khabor semulalah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya ingat cukuplah.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nak tanya se lah, patutnya Exco, sebelum beri jawapan tu, panggil JPS dulu sebelum ni, guaner status dia jambatan tu kan kita ada pegawai kan, tanyalah dulu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Nasihat Kerajaan nilah...

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Hor, nasihat Kerajaan, bukan sebelum beri jawapan tu kita panggil pegawai dapatkan jawapan, tanya JPS betul dok yang mana sakok ni, kan dia boleh buka, buka-tutup, buka tutup. Saya rasa ADUN Ladang kerek gi London dulu, dokkan dok tahu jugok, dokkan dok rajin naik Dato' Draw Bridge London.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nok gi pulok ni.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dia masalah bukan boleh buka-tutup, buka tutup tu memang boleh buka tapi boleh buka dokleh tutup masalah buat buat doh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): *Doh mugo tok siap lagi key...*

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Oh, doh tu dokleh lalu tu, kalu ngaku gitu mudah, dok siap lagi, dokleh pakai...

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Cukup...cukup.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Mintak, mintak Yang Dipertua, saya nok celah sikit.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sebab saya ingat banyak-banyak .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa ada sedikit rasa salah faham di sini, sebab isunya sebenarnya ialah kerana yang crews change itu, dia ada mohon buat sementara kerana apabila pembinaan itu, maka terpaksa ditutup dulu laluan itu, maka kerana itu permintaan daripada crews change untuk dia nak buat dulu dia punya port tu di luar daripada Draw Bridge itu Itu saya ingat salah faham tu jer, selepas siap semua, dia tak ada isulah, kerana Draw Bridge ini boleh buka

setinggi mana kapal pun dan sebagainya tak ada masalah dan tak ada isu. Cuma isunya sedikit ialah ketika ini yang kerana apabila pembinaan untuk tower yang kedua itu, mereka terpaksa tutup dulu, jadi laluan tak boleh, jadi crews change itu menimbulkan masalah, jadi kerana itulah permohonan crews change kepada Kerajaan Negeri dahulu untuk membina port dia di luar untuk sementara. Itulah untuk makluman kepada hadirin sekalian. Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA : Takpe...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, saya fikir betul tu, hok yang disebut oleh bekas Menteri Besar tu memang betul, sebab tu dia ada permohonan untuk di luar dan *south* bahagian selatan untuk tempat crews change. Jadi betullah yang disebut tadi sebab sementara ini memang tak boleh nak lalulah. Jadi dua-dua jawapan tu betul belakalah. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa cukup, cukup, saya tak benarkan. Yang Berhormat Seberang Takir sebab jambatan ni duduk dekat rumah dia, dia nampak, dia nampak lebih sikit kot. Okey, saya persilakan wakil daripada Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Yang Dipertua, soalan saya soalan nombor satu -

*Sejauh manakah pentadbiran dan pengurusan kewangan negeri mematuhi kehendak syariah ('Syariah Compliance') dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mempastikannya?*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahamanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Wakil Kemasik bertanya: Sejauh manakah pentadbiran dan pengurusan kewangan negeri mematuhi kehendak Syariah (*Syariah Compliance*) dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mempastikannya?

Yang Berhormat Yang Dipertua, Pentadbiran Dan Pengurusan Kewangan Negeri telah mengamalkan dan mematuhi kewangan berlandaskan kehendak Patuh Syariah. Ini juga berdasarkan tahap kesedaran rakyat terhadap instrument kewangan Islam yang semakin meningkat. Jadi antara langkah-langkah yang telah diambil seperti yang pertama memastikan pelaburan Kerajaan Negeri (fix

deposit) adalah dalam bentuk pelaburan Patuh Syariah ataupun yang melibatkan Pelaburan Al Mudharabah.

Kerajaan Negeri juga menyediakan Skim Pinjaman Pembiayaan Pinjaman Kenderaan Dan Pinjaman Computer Tanpa Faedah kepada Anggota Perkhidmatan Awam ataupun Pinjaman Al-Qardhul Hasan. Juga sumber kewangan perbankan Kerajaan Negeri adalah menggunakan bank yang berlandaskan Prinsip Syariah seperti Bank Muamalat, Bank Islam dan tidak menggunakan sistem kewangan konvensional. Dan kita juga insyaAllah, dari masa ke semasa akan memperluaskan Patuh Syariah ini yang melibatkan pengurusan kewangan ini, melibatkan syarikat-syarikat GLC selepas pada ini supaya menggunakan konsep Patuh Syariah. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI** (Wakil Kemasik): Soalan tambahan pertama saya: Bagaimana pula untuk bidang pelancongan, dalam kita juga memastikan ia juga mematuhi kehendak syariah?

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT** (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, kita juga sedia maklum Negeri Terengganu Darul Iman ni merupakan sejarahnya sendiri, dengan penemuan Batu Bersurat, dengan para ulama yang masyhur, Pusat Pendidikan Islam dan sebagainya yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa. Dan insyaAllah, kita cuba untuk menjadikan bidang pelancongan ini bukan sahaja sebagai satu industri yang dapat menarik masyarakat ke Terengganu dengan sumber-sumber kita yang sedia ada tetapi dalam masa yang sama insyaAllah kita cuba menawarkan kepada pelancong-pelancong yang hadir dengan pendekatan Kerajaan untuk memastikan insyaAllah, dengan pendekatan-pendekatan Patuh Syariah di dalam bidang pelancongan ini dapat diamal dan dipraktikkan lebih mesra muslim, insyaAllah. Khususnya, antaranya adalah untuk kita memastikan makanan halal supaya pelancong-pelancong yang hadir tidak merasa ragu dan bimbang apabila mereka datang ke Terengganu untuk membeli ataupun memakan makanan di Negeri Terengganu itu sendiri. Juga melibatkan kebersihan, melibatkan produk-produk yang sedia ada, contohnya kuliah, ulama, sejarah yang menggambarkan Negeri Terengganu yang masyhur dengan perkembangan Islam ini.

Juga kita akan, insyaAllah memanfaatkan ruang kesempatan masjid, surau, majlis-majlis keagamaan dan juga kita insyaAllah mengurangkan program-program yang melibatkan hiburan yang melampau dan juga alkohol, judi dan sebagainya dan insyaAllah kita merasakan lebih mesra kepada pelancong. Sekarang ni banyak negeri-negeri termasuk negara-negara luar khususnya hatta negara-negara yang bukan Islam, kadang-kadang memperkenalkan Konsep Patuh Syariah ini di hotel- hotel mereka dan sebagainya supaya pelancong yang hadir, yang menjadi kebimbangan mereka, dia nak makan tu halal ke dok, halal ke dok. Dan mereka memberi orang panggil ruang yang agak selesa kepada

pelancong-pelancong muslim untuk hadir kepada negara-negara bukan Islam itu. Dan kita Negeri Terengganu Darul Iman ini, Malaysia yang merupakan majoriti Negara Islam, Negara muslim, insyaAllah kita merasakan kita dapat menawarkan suasana yang lebih selesa untuk hadir, selamat dan sesuai untuk beribadat dan sebagainya untuk kita perkenalkan kepada pelancong-pelancong kita insyaAllah. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI** (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Berhormat Exco, soalan tambahan kedua adalah berkenaan dengan: Bagaimakah pula untuk kita memastikan juga tata tertib pemakaian juga kita dapat kawal ataupun kita dapat pastikan ia mematuhi kehendak syariah. Adakah kita ingin mengambil contoh apa yang dibuat di Kelantan antara lain adalah dengan mengenakan kompaun kepada mereka-mereka yang berpakaian tidak mematuhi syariah? Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT** (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, perkara ni insyaAllah kita masih lagi dalam perbincangan dan kita akan cuba menyediakan panduan untuk Patuh Syariah. Tapi sebagaimana biasa kita berjalan ke negara setengah tu seperti di Mesir dan sebagainya, bila orang non-muslim yang datang walaupun dengan skirt dan sebagainya nok masuk dalam masjid dia beri peraturan, sediakan pakaian yang menutup aurat dan sebagainya dan dia boleh masuk. Jadi kita perlu mendidik pelancong-pelancong supaya mereka doklah orang panggil salah faham. InsyaAllah pendekatan, kempen dan kita harap insyaAllah Exco Pelancongan akan ambil pendekatan-pendekatan seperti ini untuk lebih mesra pelancong khususnya kita untuk menarik pelancong-pelancong di sebelah Timur, Negara Jepun, Korea apa dan sebagainya yang mungkin hadir sini dan insyaAllah kita memberi penerangan, penjelasan tentang adat, budaya, masyarakat kita, termasuk juga apa yang menjadi peraturan-peraturan yang melibatkan Negeri Terengganu ni. Tapi bagi mereka yang muslim, mereka juga terikat dengan Enakmen Syariah ini sebagaimana kita sebutlah supaya pendekatan dakwah, penerangan, penjelasan sehingga semua mereka ni memahami, mengikut etika yang ada di negeri-negeri kita, bukan kita supaya tidak meliarkan orang panggil dan bidang pelancongan ni dengan masyarakat umum untuk hadir, mereka hadir seperti biasa di Negeri Terengganu tetapi menjadikan itu sebagai orang panggil tarikan pelancongan ke Negeri Terengganu ini sendiri. Apapun yang melibatkan seperti kompuan, saman, kesalahan dan sebagainya itu merupakan bawah PBT dan insyaAllah akan diambil perjalanan seterusnya. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Tepoh untuk kemukakan soalan.

**YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM** (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

*Apakah pendirian pihak kerajaan dalam menangani projek mega seperti Pusat Bebas Cukai Tasik Kenyir. Sejauh manakah laporan dengan izin feasibility study projek ini memberi pulangan lumayan untuk rakyat Terengganu?*

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, soalan pertama daripada Yang Berhormat Tepoh berbunyi: Apakah pendirian pihak Kerajaan dalam menangani projek mega seperti Pusat Bebas Cukai Tasik Kenyir. Sejauh manakah laporan dengan izin, *feasibility study* projek ini memberi pulangan lumayan untuk rakyat Terengganu?

Jadi pucuk kepimpinan baharu Kerajaan Negeri sebenarnya akan meneruskan dasar menjadikan Tasik Kenyir antara produk utama pelancongan Terengganu. Walau pun Tasik Kenyir mempunyai tarikan alam semulajadi yang tersendiri, Kerajaan Negeri perlu mewujudkan aktiviti sokongan yang lain yang unik bagi merancakkan lagi pelancongan Tasik Kenyir. Kerajaan Negeri akan mencari kaedah yang terbaik bagi menguruskan aset berkenaan dengan mengenalpasti operator yang berpotensi dalam menguruskan Kawasan Bebas Cukai sebagai pemangkin tarikan pelancongan di Tasik Kenyir. Kerajaan Negeri juga telah melantik pihak Universiti Teknologi Malaysia untuk membuat Kajian Pembangunan Pulau Bayas. Antara hasil kajiannya adalah: Yang pertama; membantu dalam menaikkan imej Tasik Kenyir sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa dan destinasi wajib dilawati. Yang kedua, meningkatkan taraf pendapatan penduduk setempat dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Soalan tambahan saya yang pertama, Yang Berhormat Exco, berkenaan dengan: Pusat Bebas Cukai Tasik Kenyir yang difahamkan masih lagi dok siap, jadi dengan jumlah yang tidak siap itu, saya pohon penjelasan berapakah kos yang masih berbaki untuk siapkan Pusat Bebas Cukai di atas asas untuk kita meneruskan perjalanan Pusat Bebas Cukai di Tasik Kenyir? Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, status terkini kemajuan projek ataupun Zon Bebas Cukai Pulau Bayas sehingga 31 Oktober 2017, dia ada beberapa pakej, pertama sehinggalah ke 6 pakej.

Pakej 1 (Kerja Membina Dan Menyiapkan Bangunan Terminal Utama Jeti Penumpang, Jeti Servis Dan Kerja Berkaitan Di Pulau Bayas). Jadualnya 100%, sebenarnya 80.84%. Prestasi perbelanjaannya adalah RM58,892,300.

Pakej 2 (Kerja Membina Dan Menyiapkan Kompleks Membeli Belah Dan Kerja Untuk Pembangunan KTC Di Pulau Bayas). Dari segi fizikalnya sepatutnya dah selesai 100% tetapi yang siapnya 55.04%. Perbelanjaannya RM34,631,834.23.

Pakej 3 (Kerja Membina Dan Menyiapkan Pencawang Elektrik, Sistem Agihan Bekalan Tinggi & Rendah Dan Kerja Berkaitan Berkaitan Tasik Kenyir Trade Centre Di Pulau Bayas. Dari segi fizikalnya mengikut jadualnya 100%, tapi sekarang ni yang sebenarnya 50% dengan perbelanjaannya RM3,923,000.00.

Seterusnya Pakej 4 (Kerja Membina Jalan Servis, Laluan Pendaratan Bot, Hentian Rehat Bagi Stesyen, Bagi Lay Bay, Wakaf, Sistem Paip Air Kumbahan Dan Kerja-Kerja Berkaitan). Jadualnya 100%, sebenarnya 99.44%. Dengan prestasi belanjanya RM19,641,800.

Pakej 5 (Kerja-Kerja Membina Dan Menyiapkan Sistem Rawatan Air Dan Kumbahan Serta Kerja Berkaitan Untuk KTC Di Pulau Bayas). Sebenarnya, sepatutnya dari segi jadual fizikalnya 100%, sebenar 79.90%. Dengan prestasi belanja RM16,088,200.

Pakej 6 (Pembinaan Jalan Servis PPU Ke SSU Di Pulau Bayas, Tasik Kenyir). Fizikalnya sebenarnya siap dah 100% dengan peruntukan RM10,853,650. Peratus keseluruhannya 77%. Sepatutnya siap fizikalnya 100%. Sekarang ni Pulau Bayas dari segi sebenarnya 77.53% dengan peruntukan asalnya RM207,857,791.35. Prestasi sebenar sehingga sekarang 77.53% . RM144,030,784.23. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan saya yang kedua: Saya melihat pakej-pakej yang dibentangkan ini ada dua sahaja yang hampir 100%. Pakej yang ke 6, 100% dan Pakej ke 4, 99%. Adapun pakej-pakej yang lain nampaknya masih jauh untuk disiapkan dan membawa erti kita telah memberikan tempoh lanjutan masa yang begitu panjang kepada kontraktor-kontraktor ini untuk menyudahkan kerja di Pulau Bayas dan juga di Tasik Kenyir ini. Jadi soalan saya, apa justifikasi Kerajaan terdahulu yang telah menyebabkan *extension of time* ini dilanjutkan kepada semua kontraktor-kontraktor tersebut sehingga hari ini kita belum lagi dapat melihat komponen-komponen ini dapat disiapkan sepenuhnya? Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua dan juga ADUN Tepoh. InsyaAllah pihak Kerajaan Negeri akan mengkaji balik oleh kerana prestasi yang ada ni dia melebihi 50% dan sememangnya kami telah berbincang di pihak Exco dan akan menilai satu persatu projek khususnya di Pulau Bayas ini yang menelan belanja

yang besar serta projek-projek lain di Tasik Kenyir dan penilaian akan dibuatlah berdasarkan satu persatu khususnya pakej per pakej di Pulau Bayas. Dan kami merancang sebenarnya oleh kerana dia telah melepassi 50% dari segi pakejnya sebaiknya kita selesaikan keseluruhan projek, walau bagaimanapun kita akan buat kajian secara yang lebih terperinci. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Bersama-sama kita yang mengikuti sidang dewan ada senarai Pemerhati yang dimaklumkan:

1. Pelajar Pra Universiti SMK Tengku Lela Segara.
2. Majlis Tindakan DUN Sura.
3. Wakil Dewan Muslimat PAS Negeri.
4. Pejabat DUN Ladang.
5. Pejabat DUN Wakaf Mempelam.
6. Pejabat DUN Kota Putera.
7. Pejabat DUN Bandar.
8. Pejabat DUN Cukai.
9. Pejabat DUN Ajil.
10. Pejabat DUN Manir.
11. Pejabat DUN Jabi.
12. Pejabat DUN Rhu Rendang.
13. Petronas Wilayah Pantai Timur.
14. Pejabat DUN Pengkalan Berangan.
15. SMA Mahmudiah Kuala Berang.
16. Pelajar Pra Universiti SMK Sultan Sulaiman.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pukul 11.00 pagi.

DEWAN DITANGGUH PADA PUKUL 10.35 PAGI.

#### PUKUL 11.15 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nak berikan sedikit peluang lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat perbahasan ke atas Usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan kelmarin oleh kerana bangun serentak wakil daripada Ajil, jadi saya nak persilakan Wakil Ajil untuk membahaskan Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi wahdah, sadaqo wahdah, asyhadu alla ilaha illallah, wahdahula syarikaloh, wa asyhadu anna Muhammada abduhu wa rasuluh. Allahummas solli'ala Muhammad, wa'ala alihi wasohbihi ajmain. Ammaba'.

Yang BerhORMAT Yang Dipertua Dewan, Ahli-ahli Yang BerhORMAT, pegawai-pegawai kanan Kerajaan, para Pemerhati dan tuan-tuan dan puan-puan semua. Salam pengenalan dan Salam Mahabbah, Selamat Hari Raya kepada semua. Dalam kesempatan menjunjung Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, saya ingin menarik perhatian akan ketidakmampuan prasarana yang disediakan oleh pihak Kerajaan berkenaan dengan pendidikan di Terengganu kita ni. Jadi pendidikan di Negeri Terengganu kita tengok semacam tidak ada keseimbangan di antara Sekolah-sekolah Harian Biasa dengan Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri di Terengganu khususnya.

Saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan berkenaan dengan Sekolah-sekolah Menengah Agama di Terengganu yang ada lebih kurang sembilan buah, bukan lebih kuranglah, sembilan buah sahaja Sekolah Menengah Agama di Terengganu, berbanding dengan seratus lebih Sekolah Menengah Harian Biasa dan pertambahan Madrasah Moden sebanyak tiga buah di Kuala Nerus, di Besut dan di Hulu Terengganu masih lagi belum mampu untuk menampung kehendak dan keperluan masyarakat kepada Sekolah-sekolah Agama di negeri kita, Negeri Terengganu.

Pada tahun 2017, permohonan ke Sekolah Menengah Agama di Terengganu, 4,396 permohonan, yang diterima hanyalah 1,603 bermakna 2,792 ditolak permohonan mereka untuk masuk ke Sekolah Menengah Agama. Tahun 2018 4,550 permohonan dan 2,945 permohonan yang ditolak, yang diterima hanyalah 1,605 orang pelajar sahaja. Dengan pembukaan Madrasah Moden pun tidak dapat mampu lagi, masih lagi belum mampu untuk menampung keperluan masyarakat hasrat ibu bapa khususnya untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama dan kita tahu bahawa asas pendidikan agama merupakan keperluan asas yang utama untuk membangunkan modal insan di seluruh negara dan seluruh dunia khususnya kita lihat kepada negeri kita Terengganulah.

Dan satu lagi ketidakseimbangan di Hulu Terengganu, saya cuba menarik perhatian Ahli Dewan kepada pendidikan di Hulu Terengganu. Tahun 70an dulu, sekolah menengah ada dua buah sahaja, Sekolah Menengah Agama Mahmudiah dan Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan, Kuala Berang. Sekolah Menengah Harian Biasa dah bertambah kepada 11 buah dan Sekolah Agama Mahmudiah, duduk sebuah situlah jadi macam mandur tak bertambah, jadi kita nampak situ macam tidak seimbang antara Pendidikan Sekolah Agama dengan

Pendidikan Sekolah Menengah Harian Biasa. Dan tidak seimbang lagi bagi penduduk Ajil, saya mewakili suara penduduk Ajil. Saya ingin menarik perhatian Y.B. Exco Pendidikan dan juga Y.A.B. Menteri Besar nampak semacam tidak seimbang mercu pendidikan di Hulu Terengganu. Di Telemong kita ada TTITC di Teris, ada ABM (Akademik Binaan Malaysia) di Jenagor, dan sekarang di dalam proses pembinaan Politeknik di Kampung Kuala Jeneris. Di Kuala Berang ada Sekolah-sekolah SBP (Sekolah Berasrama Penuh), IMTIAZ dan juga SAHUT serta Sekolah Premier iaitu SMK Tengku Ampuan Intan, tetapi di Ajil ni takdok, kesian ke orang Ajil. Takdok, yang ada hanyalah Sekolah Menengah Biasa aje, Sekolah Menengah Biasa dengan Sekolah Rendah. Maknanya mercu tanda pendidikan di Ajil tidak ada berbanding dengan Kuala Berang dan jugak Telemong. Saya tak sebut Manir, sebab dia Manir orang bandar, tapi duduk di hulu.

Jadi saya mencadangkan kalau sekiranya ada dan saya harap akan ada perancangan dari pihak Kerajaan untuk membuka mana-mana mercu tanda pendidikan yang baru di Hulu Terengganu ataupun di Terengganu khususnya terutamanya Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan sama ada bawah SABK ataupun sebagainya supaya membina di Dewan Undangan Negeri Kawasan Dewan Undangan Negeri Ajil sebagai satu ucapan terima kasih kepada penduduk Ajil yang menyumbangkan satu kemenangan kerusi kepada kemenangan PAS dalam PRU baru-baru ini. ....(Tepukan sokongan)..... Terima kasih orang yang tepuk meja. Jadi saya mengharapkan pihak Kerajaan mengambil perhatian yang seriuslah dalam hal ini.

Dan itu sahajalah dari saya pada hari ini dan saya mohon menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan menjunjung kasih. Sekian, terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Wakil Ajil. Berapa orang lagi nak bercakap *sakning*? Sila Yang Berhormat Sura.

**YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK** (Wakil Sura): Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang Dipertua, yang saya hormati Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ketua ketua jabatan, para Pemerhati serta tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, pertamanya, marilah sama-sama kita melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana pada hari ini kita diketemukan dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Ke 14. Dan saya terlebih dahulu mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah di atas pelantikan Tuan Yang Dipertua juga kepada Menteri Besar Terengganu dan seluruh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang telah diberikan amanah dan kepercayaan dalam mengurus negeri kita selepas PRU Ke-14 ini.

Saya juga mengambil peluang untuk merakamkan Ucapan Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan pada Perasmian Istiadat Pembukaan Penggal Pertama DUN Ke-14. Dan seterusnya, saya juga mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu yang telah memberikan kepercayaan dan amanah kepada kepimpinan PAS Negeri Terengganu untuk menerajui dan mengurus tadbir Negeri Terengganu dan saya mengharapkan kepada kita semua yang telah diberikan amanah ini dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada kita dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang Dipertua, saya mengambil peluang untuk mengingatkan kepada diri saya dan seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada seluruh ketua-ketua jabatan bahawa kita adalah merupakan tenaga-tenaga, merupakan pekerja-pekerja kepada rakyat Negeri Terengganu yang mana sebagaimana kita faham bahawa amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita ini bukan sekadar ataupun berkisar di muka bumi ini sahaja malahan segala pertanggungjawaban itu akan dipersoalkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di hari akhirat nanti. Sebagaimana yang disebut: *لَكُمْ رِزْقٌ وَّكُلُّمُ مَسْنُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ* - Setiap kita adalah pemimpin, dan setiap kita akan dipertanggungjawabkan terhadap kepimpinan kita.

Tuan Yang Dipertua, saya jugak mengambil peluang untuk mengingatkan kepada Kerajaan Baru di bawah pimpinan PAS untuk memastikan tawaran-tawaran yang disebut dalam manifesto dalam PRU Ke-14 yang lalu dapat kita merelaisasikan, dapat kita melaksanakan bagi membantu dan memberikan kesejahteraan kepada kehidupan rakyat. Dan saya jugak ingin memohon kepada pihak Kerajaan untuk menyatakan pada kita, pada Sidang hari ini, setakat ini berapakah manifesto yang telah dapat kita laksanakan sebagaimana tawaran yang kita sampaikan kepada rakyat, sebanyak 20 janji-janji manifesto yang kita tawarkan. Dan saya mohon untuk diperjelaskan sehingga kini berapakah manifesto yang telah kita mampu laksanakan dan mungkin janji-janji dan manifesto itu akan dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan dan kemampuan yang ada di pihak Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, untuk melanjutkan perbahasan saya pada pagi ini, saya ingin menarik perhatian kepada para Pemerhati dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tentang peringatan Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Haj, ayat 41:

*الَّذِينَ إِنْ مَكَثُوكُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوكُمْ أَلْصَلَوَةَ وَإِنْ تَوْا إِلَزَكُوكُمْ وَأَمْرُوكُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاكُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ ۝ وَلَهُ عِبَادَةُ الْأُمُورِ*

Yang bermaksud: Mereka-mereka yang diberikan kekuasaan, dan memerintah di muka bumi ini, mereka mendirikan solat, mereka menunaikan zakat, mereka menyuruh menyeru kepada perkara makruf dan mereka mencegah perkara-perkara mungkar; dan kepada Allah kembali segala urusan.

Tuan Yang Dipertua, apa yang perlu kita mengambil nasihat dan pengajaran daripada ayat ini ialah yang juga menjadi satu tanggungjawab kepada pihak Kerajaan, yang pertama, untuk memastikan bahawa rakyat kita bukan sahaja kepimpinan kita, malahan seluruh rakyat kita menunaikan solat yang menjadi tanggungjawab kepada orang-orang Islam, orang-orang yang beriman. Solat ini adalah merupakan satu asas dalam agama kita dan menjadi benteng untuk melahirkan insan yang beriman, berilmu dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Maka sebab itu saya menyeru pihak Kerajaan khususnya kepada Exco yang berkaitan untuk kita memperkasakan, mengadakan kempen-kempen solat sebagaimana yang dilakukan jugak oleh Kerajaan Negeri Kelantan contohnya, Kempen Bulan Solat dan berbagai-bagai kempen lagi untuk kita memastikan rakyat kita ni, kalau tak 100% pun, mungkin mencapai tahap yang semaksimumnya adalah mereka-mereka yang mampu dan melaksanakan ibadah solat kerana ini merupakan jaminan Allah Subhanahu Wata'ala *إِنَّ الصَّلَاةَ تُنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ*. Sesungguhnya solat itu akan mencegah segala bentuk kemungkaran. Maka bila mana rakyat kita, kita dapat melahirkan rakyat yang menunaikan solat, insyaAllah kita akan secara tidak langsungnya akan mengurangkan gejala-gejala buruk, gejala sosial, masalah kes kes jenayah yang berlaku dalam masyarakat.

Yang kedua, Tuan Yang Dipertua, perintah menunaikan zakat yang mempunyai hubung kait dengan kehidupan manusia 'Hablu minannas'. Dalam konteks ekonomi di mana saya jugak menyarankan kepada pihak Kerajaan khususnya pihak berkuasa, Pejabat Agama, MAIDAM yang mendapat sumbangan daripada pengeluaran zakat ini supaya dapat melaksanakan suatu program yang dapat mengeluarkan rakyat kita daripada tahap kemiskinan kerana mengikut angka angka yang dimaklumkan sebelum ini, Negeri Terengganu kita ni masih ramai lagi golongan fakir, miskin setiap tahun. Maka saya merasakan perlu kepada satu usaha untuk mengeluarkan rakyat kita daripada tahap kemiskinan ini melalui wang zakat yang ada, tinggal lagi kita perlu mengadakan suatu penyusunan oleh pihak Kerajaan dalam memastikan wang zakat ini mampu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh umat Islam kita.

Dan seterusnya dalam perkara ketiga yang disebut ialah kita perlu setiap orang perlu melaksanakan kerja kerja menyuruh dan menyeru kepada perkara makruf. Ini bukan sahaja tanggungjawab kepada para alim ulama, para daie, para ustaz-ustazah kita, malahan menjadi tanggungjawab kepada kita semua bermula daripada kepimpinan dan seluruh rakyat perlu menghidupkan suasana menyuruh dan menyeru kepada perkara makruf ini.

Dan saya juga menyeru kepada pihak Kerajaan supaya kita dapat memperkasakan peraturan-peraturan yang ada dalam memperkasakan syariat undang-undang yang boleh melahirkan rakyat yang lebih mendekati kehidupan beragama sebagaimana yang disaran oleh Wakil Ajil sebelum daripada ini dan juga terdapat dalam manifesto pilihan raya yang lalu bahawa pihak PAS akan menubuhkan Sekolah- sekolah Menengah Agama di setiap kawasan dan Sekolah Rendah Agama di setiap DUN. Jadi ini satu usaha yang baik yang saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan yang baru dapat merancang, dapat berusaha untuk melaksanakan perkara ini secepat yang mungkin mengikut kemampuan yang ada. Inilah adalah di antara aset kita dalam melahirkan rakyat dan masyarakat yang akan mampu melahirkan golongan-golongan yang beriman dan beramal soleh.

Dan yang akhirnya dalam ayat ini adalah kita juga bertanggungjawab dalam usaha untuk mencegah segala bentuk kemungkaran yang berlaku. Jadi dua prinsip ini '*'al amru bil-ma'ruf wan nahu anil-munkar'*' adalah satu perkara yang tidak boleh dipisahkan, suatu perkara yang seiring yang perlu dilaksanakan maka saya jugak mengharapkan kepada Exco yang berkenaan untuk melihat perkara-perkara yang boleh kita bantu rakyat kita supaya dapat mengelakkan diri atau menghindarkan diri daripada gejala-gejala sosial yang berlaku yang kita lihat masih berterusan dan mungkin jugak disetengah-setengah tempat perkara-perkara seperti gejala dadah misalnya terus meningkat. Ini akan secara tidak langsung akan menimbulkan masalah bukan sahaja kepada masyarakat malahan menimbulkan masalah kepada pihak berkuasa khususnya pihak Kerajaan sendiri.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK** (Wakil Sura): Ada satu, dua lagi Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Dah takdok masa dah .....

**YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK** (Wakil Sura): Jadi, saya mengharapkan pihak Exco yang khususnya yang menyatakan bahawa kita ada Penguatkuasa seramai 100 orang yang saya rasa tidak mampu untuk mengawal gejala-gejala sosial yang tidak baik berlaku ini. Kita mencadangkan menubuhkan pasukan-pasukan sukarela yang disebut 'Pasukan Amal Makruf Nahi Mungkar' yang boleh kita wujudkan di setiap kawasan ataupun di setiap DUN dalam membantu usaha-usaha mencegah kemungkaran yang berlaku.

Dan seterusnya Yang Dipertua, saya kira apa yang saya nak sentuh ini Ucapan Titah Tuanku pada muka surat 6 dan 7 telah disebutkan sebelum ini, namun saya nak sebut secara sepantas lalunya iaitu Tuanku mengharapkan bahawa Kerajaan kita akan dapat mengatasi masalah kehidupan rakyat, bebanan sara hidup, yang disebutkan bukan sahaja oleh rakyat, malahan oleh kepimpinan kita.

Dan perkara-perkara seperti peluang-peluang pekerjaan yang disebut untuk menyediakan 20,000 peluang pekerjaan dengan sektor-sektor yang terlalu banyak yang ada di Negeri Terengganu kita, sektor pertaniannya, hasil hutannya, hasil galian, pelancongan, industri. Saya kira ini di antara sektor-sektor yang boleh menyumbang kepada pendapatan negeri untuk menjana segala program dan aktiviti yang dirancang oleh Kerajaan.

Satu lagi yang sering ditimbulkan oleh Wakil Rakyat kita ialah berkaitan dengan Rumah Kediaman Mampu Milik yang mana saya rasa setiap Y.B. akan sentiasa dikunjungi oleh rakyat, bertanya dan meminta, menaruh harapan agar mereka dapat memiliki rumah kediaman. Ini suatu perkara yang perlu diberikan keutamaan oleh Kerajaan Negeri dengan memperbanyakkan Rumah-Rumah Mampu Milik. Rakyat tidak berhajat untuk memiliki rumah RM200,000 - RM300,000 tetapi rakyat hanya mungkin sekadar rumah di bawah RM100,000 pun, boleh mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat dan akhir sekali .....

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Masa Yang Berhormat, secara ringkasnya.

**YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK** (Wakil Sura): Tuan Yang Dipertua, akhir dah. Akhir sekali saya ingin menyentuh isu-isu yang saya sering bangkit dalam Sidang yang lepas berhubung kait dengan kawasan Dungun, khususnya di DUN Sura iaitu masalah muara Sungai Dungun yang jugak saya timbulkan dalam Soalan Lisan dan jugak pasar borong yang masih tidak tersusun serta Industri Batu 7 yang tidak berkesudahan yang sudah melalui tiga Menteri Besar. Jadi saya mengharapkan dengan Kerajaan Baru dan Menteri Besar baru ini, insyaAllah akan dapat mengatasi isu-isu yang berlaku di kawasan Dungun khususnya di DUN Sura.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong Ucapan Titah Tuanku. Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Wakil Sura. Saya nak jemput yang terakhir, sila Wakil Manir.

**YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN** (Wakil Manir): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah wassalatu wassalamu'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alih wasahbihi ajma'in amma ba'ad. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Exco-Exco, Yang Berhormat- Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan Pemerhati sekelian.

Pertama sekali kita panjatkan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala kurniaan yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita.

Yang Berhormat Yang Dipertua, menjunjung kasih Titah Ucapan Baginda Al-Sultan di dalam muka surat 15, menyentuh tentang cerita kejayaan pendidikan ataupun pembangunan modal insan. Dalam memperbahaskan isu ini, kita mungkin akan melihat di antara kejayaan yang penting di dalam sistem pendidikan di dalam negara kita ialah pencapaian yang baik di dalam peperiksaan Sijil SPM. Mengikut carta pada tahun 2014, seramai 360 orang pada tahun 2015 seramai 348 orang, yang mempunyai, memperolehi straight A+ dan straight A. Pada tahun 2016 sebanyak 306, pada tahun 2017 seramai 278 orang. Tetapi di dalam memperkatakan tentang Kerajaan yang lalu telah memberikan satu tumpuan yang baik kepada pembangunan modal insan tetapi apa yang telah kita perolehi daripada data-data yang kita yakini bahawa pada tahun-tahun yang berikutnya itu pada tahun 2014, Yayasan Negeri Terengganu hanya berjaya menghantar pelajar-pelajar kita yang cemerlang ini, pada tahun 2014 hanya 67 orang. Daripada bilangan kecemerlangan 360, pada tahun 2015, Kerajaan Terengganu yang lalu baru hanya mampu menghantar 50 orang pelajar-pelajar cemerlang yang seramai 348 orang. Pada tahun 2016, Kerajaan di bawah Yayasan Terengganu hanya berjaya menghantar seramai 59 orang daripada jumlah kejayaan pelajar-pelajar kita, 306 orang. Dan pada tahun 2017, daripada keseluruhan pelajar-pelajar cemerlang ini seramai 278 orang, tetapi Kerajaan Negeri Terengganu yang lalu hanya mampu menghantar 35 orang sahaja. Inilah nilai yang sepatutnya Kerajaan Negeri pada kali ni jangan meneruskan tatacara ini kerana pembangunan modal insan ini adalah sesuatu yang sangat berharga, sangat berharga kepada negeri kita yang menjadi aset utama kepada pembangunan Negeri Terengganu. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya juga memperolehi beberapa maklumat terperinci dengan penghantaran-penghantaran pelajar-pelajar ini keluar negara, kalau dulu terkenal di negeri kita dengan pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Mesir, Al-Azhar sebagai contohnya, tetapi apa yang menyediakan pelajar-pelajar yang memperolehi tempat, pelajar-pelajar di Negeri Terengganu tidak diberi tawaran oleh Kerajaan Negeri yang lalu. Mengikut statistik yang saya dapat, pada tahun 2014 sebagai contoh saya ambil ke Mesir, hanya dihantar 2 orang pelajar. Pada tahun 2015, langsung tidak dihantar. Pada tahun 2016, juga tidak dihantar. Pada tahun 2017 dihantar seorang pelajar ke Mesir, yang mana terkenal di Mesir yang merupakan sebuah pusat pendidikan yang baik yang melahirkan cendikiawan-cendikiawan, ilmuan-ilmuan, dan inilah satu benda yang kita sebut dalam istilah pilihan raya baru-baru ini, '*Lok Koko Punoh*'. Inilah di antara benda-benda yang saya mampu bangkit pada pagi ini.

Yang Berhormat Yang Dipertua, di antara aspek yang disebut oleh yang dititahkan oleh Tuanku Al Sultan, ialah bagaimana kos sara hidup yang tinggi, yang kalau kita ambil contoh sebagai perkara yang mudah diperbicarakan ialah ada di antara kalau kita tengok kos sara hidup yang tinggi disebabkan bahan-bahan mentah yang mempunyai harga-harga yang jugak tinggi dan mahal. Sebagai contoh kita buat satu perbandingan kalau orang-orang kampung, orang-

orang biasa kita makan ikan selayang sebagai contoh. Kalau di pasar Terengganu ni, RM10 - RM14 sekilo ikan selayang, yang pada asalnya kalau kita tanya di peringkat Tok Peraih, dia hanya jadi mungkin macam di Kedah dan seumpamanya hanya peringkat RM5 - RM6 sekilo. Tapi bila sampai ke tempat kita, dia jadi kepada, mencecah kepada RM14 sekilo. Itu baru satu contoh dalam keadaan Terengganu yang mempunyai pesisiran pantai yang agak panjang, saya kira-kira dalam 244 kilometer, sepanjang Negeri Terengganu tetapi apa yang malangnya bagaimana Kerajaan dahulu menguruskan permasalahan ikan di Negeri Terengganu. Data yang kita perolehi daripada Lembaga Ikan Malaysia, keperluan ikan di Negeri Terengganu sahaja mengikut jumlah tahunan kita memerlukan sebanyak 45,000 tan setahun. Tetapi apa yang mampu disediakan oleh Negeri Terengganu, oleh Pelabuhan Negeri Terengganu hanya mencecah sekadar 21 tan metrik setahun sahaja. Dan inilah di antara sebab-sebab yang menyebabkan harga-harga ikan melambung, harga-harga ikan yang tinggi ini kerana terpaksa diambil dari luar, daripada Tok Bali, daripada Thailand, daripada Johor dan inilah sesuatu keperluan yang perlu diambil kira oleh Kerajaan Negeri yang baru ini.

Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau melihat kepada Buku Bajet Tahun 2017, pada muka surat 44, saya teruja dengan satu program yang telah diwar-warkan di dalam buku bajet. Mana doh buku bajet tadi .... Buku Bajet 2017 menyebut dengan jelas Program Akuapolitan Kuala Nerus. Dalam bajet tersebut kita juga menunggu apa yang berlaku tentang projek ini. Kalau dulu kalau sebelum semalam kita tengok Pembangkang menyentuh tentang manifesto-manifesto, ini yang ada dalam Buku Bajet, bukan dalam manifesto, ada dalam Buku Bajet, boleh tengok. Tetapi tidak ada kejayaan yang kita dengar, tetapi kalau kita dengar jauh-jauh, kita dengar kawan-kawan kita daripada UMT, kita dengar daripada pegawai-pegawai kita, ada peruntukan yang telah dikeluarkan tetapi ianya tidak ada apa-apa impak dan kesan ataupun apa-apa kejayaan daripada projek-projek yang seumpama ini. Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dato' Speaker...tadi Dato' Speaker khabor.....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya *dok* beri, masa *takdok*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagi laluan?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya dok beri laluan, duduklah.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dalam Dewan tak boleh ada andaian-andaian, dengar-dengar gitu, kena ada fakta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Andaian guaner, fakta ni, duk marah fakta tu sejak dulu, tak habis-habis. Yang Berhormat Yang Dipertua, melihat memperkatakan tentang perikanan. Masalah perikanan bila kita turun padang melihat sendiri beberapa aspek yang lain, kita jugak mempunyai lompang-lompang dari sudut keselamatan Perairan Negeri Terengganu, kalau dilihat daripada kelengkapan-kelengkapan yang ada bagi pihak yang mengawalselia Negeri Terengganu, perairan dan laut Negeri Terengganu, APMM, mereka mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang telah terlalu uzur, yang tidak melayakkan mereka untuk bertugas sebagai Pengawalkuasa di lautan kita. Dan inilah apa yang lahir daripada sungutan dan rungutan nelayan-nelayan kita, bila kita turun padang, kita pergi berjumpa dengan nelayan-nelayan ini, ada setengah tu menangis, mula-mula nampak berucap, lepas tu nak marah, tiba-tiba *bera air mata*, sebab apa? Sebab dia kata kita orang rakyat Negeri Terengganu, nelayan Negeri Terengganu, tetapi apabila kita sampai di tengah laut, nelayan-nelayan asing bertindak kurang ajar kepada kita seolah-olah kita pulak pendatang, bukan dia pendatang. Ini yang menjadi satu masalah kepada masyarakat nelayan di Negeri Terengganu. Yang Berhormat Yang Dipertua...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh ringkas sikit ya...

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang terakhir dah kan? Yang terakhir istimewa sikit Yang Dipertua. Yang Berhormat Yang Dipertua, permasalahan pukat tunda yang merosakkan ekosistem Taman Laut kita, yang merosakkan hasil tangkapan nelayan-nelayan kita, saya mencadangkan agar Lesen Iesen Pukat Tunda ini ditarik balik ataupun dibatalkan oleh pihak Federal dan saya mintak Kerajaan Negeri Terengganu yang baru ini dengan, dengan kapasiti yang ada membincangkan perkara ini dengan secara serius.

Yang Berhormat Yang Dipertua, di antara permasalahan atau isu yang dititahkan oleh Baginda Al-Sultan adalah berkenaan dengan isu pertanian yang merupakan suatu isu yang dipandang berat oleh Baginda Al-Sultan. Di antara yang disebut dengan jelas tentang tanaman Melon Manis Terengganu yang pada tahun, dalam Ucapan 2016, dalam Bajet Kerajaan Negeri Terengganu yang menyatakan bahawa ianya akan dieksport ke luar negara ke Singapura dan di Jepun. Saya tanya dalam Dewan yang sebelum tu, selepas daripada tu, saya tanya berapa tan dah eksport? Dia kata tak eksport lagi sebab tak berjaya lagi, haa... tak berjaya lagi. Apabila kita bertukar Kerajaan, saya turun dan bertanya kepada petani-petani, pengusaha-pengusaha dan jugak jabatan-jabatan yang berkaitan,

apa khabar dengan Melon Manis Terengganu. Saya mendapat perkhabaran yang menakutkan bahawa pihak FAMA tidak lagi mampu untuk membeli stok daripada Melon Manis ini, kerana tidak mempunyai pasaran, ataupun pasaran yang ada tetapi terlalu mahal. Inilah benda-benda yang sepatutnya kalau disebut tentang kejayaan yang sepatutnya dilihat kepada yang diperhalusi, kerana ia bukanlah satu perkara yang sebenar jika sekiranya kita lihat dengan perhalusi dia akan ada benda-benda yang sebenarnya disembunyikan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Manir. Alhamdulillah, kita telah selesai perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan ini. Saya mintak maaf di antara Yang Berhormat yang tak sempat untuk mengambil bahagian. Sekarang saya nak persilakan Wakil Kerajaan untuk membuat penggulungan. Saya jemput yang pertama Wakil Kota Putera.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):** Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi wahdah, sodaqo wa'dah, wannasoro 'abdah, wa a'azza jundahu wa hazamal ahzaaba wahdah. Asyhadu an laa illaaha illallah, wa asyhadu anna muhammadan abduhu wa rasulullah. Subhanakala ilmalana illama anlamtana inna ka'an tal'alimul hakim. Qalla, rabisy rahli sadri wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafkahu qauli. Qalallahu ta'ala fil kitabil aziz. Auzubillahi minasyaitanir rajim. Bismillahir Rahmanir Rahim. Wa ta'awantu alal birri wattaqwa walaa ta'awantu alal itsmi wal'udwan. Sadaqallahu'azim.

Yang dihormati lagi dikasihi Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Dihormati lagi dikasihi Yang Amat Berhormat Dr. Menteri Besar, barisan Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan seterusnya Pemerhati hadirin- hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Pertama tamanya marilah kita memanjatkan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dalam kesempatan ini kita diberi masa untuk sama-sama menyatakan persetujuan ataupun sokongan kepada Perbahasan Penggulungan Ucapan Usul Menjunjung Kasih Kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Jadi saya memulakan bicara saya mewakili pihak Kerajaan untuk menyentuh beberapa perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Ucapan Usul Menjunjung Kasih Tuanku. Ada beberapa persoalan ataupun perkara yang dibangkitkan di sini yang sempat dan insyaAllah saya akan sentuh satu persatu kepada beberapa Yang Berhormat antaranya Yang Berhormat Bukit Besi, Yang Berhormat Batu Burok, Yang Berhormat Kemasik berkenaan dengan portfolio yang ditanggungjawabkan di bawah saya iaitu Keusahawanan.

Antara soalan-soalan atau pun perkara-perkara yang dibangkitkan bertanya berkenaan dengan: Apakah, adakah Kerajaan akan meneruskan skim-skim program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan terdahulu? Mungkin dalam respon saya dalam jawapan lisan, saya telah menyatakan bahawa insyaAllah kita akan meneruskan perkara-perkara yang baik dan kita akan menilai dan kita akan perkasakan perkara-perkara yang dilihat yang boleh diperkasakan. Kerajaan akan meneruskan skim-skim dan menambah baik program-program sedia ada dengan wujudnya Tabung Usahawan. Dijangka had-had pinjaman mudah dan akan dinaikkan, beberapa inisiatif dan insentif baru keusahawanan akan diwujudkan contohnya kepada usahawan kecil dan sederhana, biotek dan usahawan produk hasilan pertanian seperti herba, kosmetik dan lain-lain. Kerajaan juga melalui YPU, Yayasan Pembangunan Usahawan mempunyai Skim Pinjaman Bisnes Online yang akan diteruskan bagi memanfaatkan usahawan-usahawan kita, insyaAllah.

Perkara yang kedua yang sempat saya catat, yang dibangkitkan adalah: Sejauh manakah tindakan Kerajaan untuk mendepani Revolusi Industri 4.0? Tuan Yang Dipertua, inisiatif usahawan digital boleh dirancang dengan wujudnya usahawan usahasama YPU dengan agensi-agensi di bawah Majlis MSPORT. Bagi maksud menyemarakkan lagi penggunaan TD1303, memandangkan Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pembangunan Usahawan iaitu YPU sendiri, mempunyai data pemain industri perniagaan internet dan bisnes online. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan Dana Usahawan Belia Sejahtera ataupun nama lamanya adalah Program Transformasi Belia Niaga. Kita telah perbaharui dengan nama baru, Dana Usahawan Belia Sejahtera iaitu geran kepada belia-belia yang terlibat dengan perniagaan online.

Persoalan yang dibangkitkan juga adalah: Adakah Kerajaan akan menyediakan inisiatif terbaru bagi Portfolio Keusahawanan? Sebahagian daripadanya telah dijawab dalam soalan satu tadi tapi bagi menyemarakkan lagi inisiatif kepada penjaja, Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan Skim-skim Bantuan Peniaga Kecil Untuk Usahawan Kecil Penjaja sama ada Street Micro Entrepreneur ataupun Penjaja Pasar Malam ataupun pasar basah dan kering khas. Bantuan modal peralatan dan latihan boleh dipanjangkan kepada golongan ini dan sebelum ini tiada keutamaan daripada Kerajaan yang lepas diperuntukkan dalam sektor mikro ini. Jadi insyaAllah, ini perkara baru yang kita akan perkenalkan bawah usahawan. Di samping itu, kita sedang merancang Program Ganti Gerai Baru, iaitu penyediaan kanopi atau gerai mudah alih yang seragam di setiap daerah khususnya kepada peniaga-peniaga jalan yang sedia ada dan mempunyai kelulusan PBT dengan anggaran peruntukan lebih kurang dalam RM2 juta.

Yang seterusnya, inisiatif baru yang kita kemukakan cadangan kepada pihak usahawan-usahawan kita adalah Bantuan Perniagaan Peniaga Kecil yang saya

sebutkan lebih kurang tadi, kadar maksimumnya RM5,000.00 dan peruntukan lebih kurang sebanyak RM1.6 juta. Seterusnya adalah Skim Bantuan Papan Tanda Perniagaan. Ini ditingkatkan sebagai kaedah mempromosikan dan mencantikkan perniagaan di kawasan setempat dan supaya dilihat dapat ada daya tarikan tersendiri, insyaAllah.

Dan yang seterusnya adalah inisiatif yang kita nak kemukakan kepada usahawan kita adalah mengaktifkan semula Skim Pinjaman Tanpa Faedah (SPTF) dengan had pinjaman daripada RM20,000 ke RM50,000. Dan insyaAllah, perkara-perkara ini kita akan sepertimana saya sebutkan semalam, kita akan turun ke daerah-daerah, kita akan adakan Hari Keusahawanan untuk mewarwarkan kepada usahawan-usahawan yang ada di kampung-kampung supaya mengambil inisiatif ini sebab sepanjang saya memegang portfolio ini, bertemu dengan *entrepreneur-entrepreneur* ataupun usahawan-usahawan mereka tertanya-tanya dan tidak tahu pun perkara-perkara seperti ini ada dicadangkan ataupun ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Yang Dipertua, soalan yang seterusnya yang dibangkitkan oleh Batu Burok tak silap saya adalah: Adakah Kerajaan akan menyediakan kawasan untuk kegiatan keusahawanan setempat? Sememangnya Kerajaan Negeri telah menyediakan kawasan untuk kegiatan setempat ini seperti kilang bimbingan di Pulau Serai dan Ajil, turut disediakan juga adalah TD 1303 untuk Usahawan Digital. Kerajaan telah dan akan meneruskan projek pembinaan rumah-rumah kedai, gerai serta kiosk-kiosk menggunakan peruntukan yang disediakan di kawasan desa serta di kawasan-kawasan yang difikirkan strategik di setiap daerah di Negeri Terengganu ini, insyaAllah. Segala pembangunan ini akan dirangka berdasarkan cadangan-cadangan pembangunan daripada pihak YPU serta Pejabat-pejabat Daerah yang meningkatkan lagi penglibatan masyarakat dalam bidang keusahawanan dan perniagaan.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya menamatkan ucapan saya, saya ada sedikit perkara yang nak dirangkumkan berdasarkan kepada hasil ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam ucapan-ucapan semalam dan hari ini. Yang pertama yang nak saya sentuh adalah rata-rata ucapan adalah daripada barisan Pembangkang ataupun Wakil Telemong semalam dia sebut, dia kata bukan Pembangkang, dia Penasihat. Agaknya inilah baru mereka sedar bahawa istilah Pembangkang tu tak sepatutnya ada kerana perkara ni telah lama kami di pihak PAS ni sedar bahawa kita bukanlah Pembangkang membuta-tuli, kita membangkang perkara-perkara yang dilihat tidak sesuai dan perlu penambahbaikan. Jadi apabila duduk sebelah sana tu baru dia rasa kan? Alhamdulillah lah. Cepat terasa menandakan hati kita masih lagi hidup untuk perubahan, insyaAllah. Dan rata-rata juga ucapan daripada pihak Pembangkang ataupun Penasihatlah saya mengambil, apa ni restu daripada perkataan yang dicadangkan itu, menyeru supaya Kerajaan baru meneruskan program-program

yang dibuat oleh Kerajaan lepas. Suka saya menarik perhatian Dewan, bahawa sebab itulah kita melancarkan Budaya Politik Matang Sejahtera kerana kita melihat apabila berlaku pertukaran Kerajaan pada tahun 2004, orang sebelah sana banyak tidak mengambil ataupun menjalankan projek-projek yang dijalankan oleh Kerajaan sebelumnya, tapi hari ni banyak bercakap untuk merayu untuk meneruskan. Adakah semasa 1999 dan 2004 dulu Kerajaan itu tidak pernah mengambil kebijakan rakyat, sehingga tanah-tanah yang telah dianugerahkan kepada rakyat dirampas semula dan tak cukup dengan tanah .....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bagi laluan dok?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Terima kasih Yang Dipertua. Sila buktikan berapa banyak lot tanah yang dirampas kerana semasa itu PAS memerintah dia hanya agihkan tanah tanpa melalui Pejabat Tanah. Tidak ada satu borang pun permohonan dikemukakan. Jangan cakap sedap jer.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): Okey, bukan cakap sedap. Kalau LMS yang telah dikenalpasti di peringkat Pejabat Tanah pun dibatalkan itu bukan bukti lagi ke Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Yang Dipertua, penjelasan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): Mintak maaf Yang Berhormat, saya tak benarkan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya pun tahu sebab saya kerja Pejabat Tanah. Jangan *ek* dengan sayalah, saya tahu undang-undang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): Dan saya jugak mendapat penjelasan daripada Pejabat-pejabat Tanah, nanti kita selesai, insyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dok betul, dok betul tu sebab tidak ada satupun. Kalau duit dah bayar, amanah dibayar Pejabat Tanah, Pejabat Tanah akan pulangkan kembali kepada pemohon. Ini

peraturan dia, kalau tidak diluluskan, dan LMS ini boleh dibatalkan bila-bila masa, sebut LMS, dia sementara.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sama-sama.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): Betullah boleh dibatalkan dia sementara tetapi niat kita telah diberi kepada penduduk-penduduk yang berkemampuan, yang sepatutnya, sepatutnya bolehlah tengok kalau nak mengambil, saya nak mengambil roh kepada ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang supaya meneruskan, saya nak mengambil roh itu, maknanya dulu tak pernah pun tengok apakah kecenderungan Kerajaan sebelumnya nak beri kebajikan kepada rakyat. Tapi pada Sidang kali ini mintak, boleh dikatakan semua yang bercakap memohon untuk meneruskan projek-projek ataupun program-program, itu maksud saya.

Saya bagi salah satu contoh, dan tak cukup dengan itu, sampai surau orang dah buat, dirikan surau, roboh di Kijal .....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD RAHMAH (Wakil Manir): Sebab dulu kita Kerajaan sebab tu kita mintak teruskan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, apabila nak kemukakan soalan tuju pada saya dulu, mintak laluan. Kalau diberi laluan baru jawab. Itu Peraturan Dewan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang Dipertua. Dan akhirnya Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nak menyentuh berkenaan dengan kadar pengangguran Negeri Terengganu. Yang terakhir tidak ada pun yang menyebut kadar pengangguran Negeri Terengganu. Kadar pengangguran Negeri Terengganu yang ditinggalkan oleh Kerajaan yang lepas adalah 4.4% dan kadar ini adalah lebih tinggi daripada kadar pengangguran negara. Jadi, ini adalah satu cabaran baru kepada Kerajaan yang baru ini iaitu untuk menangani pengangguran ini kerana walaupun sehebat Kerajaan BN pun, tak boleh nak menurunkan kadar pengangguran, kita rasa kaget jugaklah macam mana kita nak buat dengan kadar ini. Tetapi kegusaran itu terubat apabila saya melihat sedikit sejarah dan pada tahun 1999, ketika PAS, Kerajaan PAS mengambil alih tumpuk pemerintahan Kerajaan Negeri, pada ketika itu Kerajaan BN juga meninggalkan kadar pengangguran sebanyak 4.0%. Dan alhamdulillah selepas daripada kita memerintah sehingga 2004, kita dapat mengurangkan kadar tersebut kepada 3.3%. Jadi dengan pengalaman yang lepas dan ditambah dengan kepimpinan yang baru, insyaAllah kita berkeyakinan

untuk menurunkan kadar pengangguran ini kepada kadar yang seminima mungkin, insyaAllah. Sekian, wallahua'lam. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih, Wakil Kerajaan daripada Kota Putera. Saya persilakan Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ketua-ketua jawatan dan wakilnya, Pemerhati muslimin dan muslimat sekalian.

Saya dalam penggulungan ini, saya dapati ada lima daripada wakil-wakil yang membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Exco yang saya peganglah iaitu Infra. Pertamanya berkaitan dengan Public Private Partnership, ataupun berkaitan dengan bayaran secara tertangguh yang dibangkitkan oleh Wakil Tepoh. Yang Berhormat Tepoh telah mempersoalkan kenapa Kerajaan terdahulu melaksanakan 6 buah projek termasuk projek Bekalan Air Bukit Sah, Kemaman dan Skim Bekalan Air Kuala Terengganu yang menggunakan konsep bayaran secara Public Private Partnership yang mana kesannya akan membebangkan kewangan kepada Kerajaan. Memanglah di sana kita lihat bahawa terutamanya projek bekalan air ini, yang melibatkan di Kemaman dan Terengganu Utara yang mana dua projek ini saja pun memakan belanja yang besar sekitar RM2 billon dan pada tahun 2015, kita tahu bahawa harga minyak petroleum jatuh dan kewangan kepada Kerajaan Negeri tidak mencukupi untuk mengatasi masalah yang kritikal pada ketika itu iaitu masalah air di Negeri Terengganu kita ini. Jadi untuk segeranya mereka berbincang dan bersetujulah untuk dibuat bayaran kepada kedua-dua projek air tadi secara *differed project* yang mana *differed payment* ini mengambil perbelanjaan yang lebih besar jika dibandingkan dengan secara bayaran berjadual. Selepas pada tahun 2017 itu, empat projek tadi, selepas daripada projek air tadi yang lain-lain tu dibuat secara berjadual bayarannya. Jadi Bayaran Secara Berjadual ini adalah lebih baik kerana dia tidak mengambil, kita kata macam bungalah '*interest*' daripada projek tersebut. Jadi insyaAllah di lain masa ataupun di masa masa yang akan datang, kita tak buat dah secara *differed payment* ini hanya kita akan buat secara Bayaran Berjadual, insyallah, kerana kita memandangkan kita terpaksa bayar secara mahal.

Keduanya daripada Wakil Jerteh, bertanya berkaitan dengan kesesakan lalu lintas. Kita tengok boleh dikatakan tiap-tiap tahunlah jalan terutamanya di Bandar Jerteh dekat dengan jambatan tu dok? Ini jem teruklah sama ada beberapa hari terutama sebelum Raya Puasa dan selepas beberapa Hari Raya Puasa. Memang kita tengok kita nak gi Kota Bharu pun susah, dengan teruknya,

jadi memang ada keperluanlah untuk mengatasi masalah ini, cumanya tidak ada bajet, itu yang jadi masalah. Kerajaan melalui JKR dan sebagainya telah membuat kajian dan telah meneliti untuk membuat beberapa jalan termasuklah jugak jambatan terutamanya jambatan merentasi Sungai Besut ni. Kita pihak Kerajaanlah membuat anggaran sekitar RM440 juta untuk mengatasi masalah ini secara bersepada tetapi malangnya bila bertukar Kerajaan Persekutuan projek ini terpaksa ditangguhkan. Jadi kita insyaAllah akan cuba berikhtiar untuk mendapatkan peruntukan balik untuk mengatasi masalah ini.

Seterusnya daripada Kuala Besut, yang bertanya berkaitan dengan masalah banjir di Kuala Besut. Memang ya sungguh banjir, bukan di Kuala Besut saja, Kuala Berang pun banjir jugak dan tempat-tempat lain pun, memang banjirlah masalah. Jadi untuk mengatasi masalah ini Kerajaan Negeri melalui JPS telah melaksanakan beberapa Projek Tebatan Banjir Untuk Sungai Besut Fasa Pertama, Sungai Nil di Kuala Besut bermula pada tahun 2004 dulu dan telah siapnya pada tahun 2016 bulan 9 dengan kos sebanyak RM12.5 juta. Komponen utama projek tersebut melibatkan pembinaan parit konkrit, *flood wall* dan pembinaan kedua-dua belah tebing untuk kedua-dua belah tebing Sungai Nil. Jajaran sungai yang terlibat adalah sepanjang 3 kilometer bermula daripada muara Sungai Nil dan mengunjur ke Kg. Pacakan di sempadan Kelantan. Hak ni hak kita nak buat. Kemudian kita ada rancangan lain lagi iaitu Tebatan Banjir Besut-Sungai Nil Fasa Kedua yang melibatkan peruntukan sebanyak RM50 juta. Dan ada lagi iaitu menaiktaraf Sistem Saliran di Taman Seri Intan, Kuala Besut melibatkan perbelanjaan sebanyak RM6 juta dan menaiktaraf sistem perparitan di Kg. Beris Pak Abu, Bukit Puteri melibatkan peruntukan RM1 juta. Jadi keseluruhan projek-projek ini, RM57 juta ini tidak berjaya lagi, tidak dapat daripada Kerajaan Pusat. Manakala ada jugak disebut masalah banjir di pulau, hak ni kita akan tengoklah iaitu di Pulau Redang dan Pulau Perhentian. Jadi pihak Kerajaan Negeri melalui JPS lah akan mengadakan lawatan tapak dan akan mengambil tindakan segera, insyaAllah.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Penjelasan Tuan Yang Dipertua, nak tanya sikit, saya ada bangkitkan berkenaan dengan *culvert*, pembetung merentasi jalan utama, tu antara yang kita panggil, *bottleneck* dengan izin, yang menyebabkan berlakunya banjir di Taman Seri Intan dan kampung beloh alek kiri jalan utama tu. Nok tahu tu, status cadangan pembinaan pembetung tu, sikit jer tu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ya, yang ini pun tak dapat jugak, insyaAllah kita akan buat kajian dan kita akan mohon baliklah. Terima kasih, dan berkaitan dengan ADUN Batu Rakit, berkaitan dengan hakisan pantai. Hok ni saya pergi melawat dah, baru-baru ni dan memang agak seriuslah ekoran daripada pembinaan lapangan terbang. Dan saya lihat juga di sana ada Soalan Bertulis daripada Wakil Tepoh, benda yang sama saya

tengok, memang nampak kedua-dua wakil ini pun mengambil tindakan yang berat, tindakan berat, mengambil cakna kepada masyarakat di situ. Dan kita pun dari pihak negeri pun dah pergi tengok memang perlu diperbaiki segera, kalau tidak habislah kawasan tu beberapa meter kawasan pantai yang cantik akan habis termasuk dengan jalan raya sekali. Dan di sana untuk ringkaskan dah ada jawapan dia secara bertulis, kita boleh rujuk di situ untuk makluman kita semua.

Berkaitan dengan satu lagi iaitu hal-hal masjid. Masjid Mengabang Lekar merupakan cadangan projek khas bagi DUN Batu Rakit. Mesyuarat Exco pada terakhir baru ni, pada 27hb Jun baru ni telah memutuskan supaya kaedah perolehan sebelum ini yang dilakukan secara Runding Terus dibatalkan dan dibuat semula secara Tender Terbuka supaya kos dia tu lebih rendah sikit dan mengikut spesifikasi daripada JKR. Yang itu belanja dianggarkan sebanyak RM7.5 juta. Kita lulus tetapi kaedah saja, kaedah tender. Kedua berkaitan dengan masjid di Padang Kemunting, hak ni Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM50,000.00 sebagaimana permohonan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu, hak ni lulus tak ada masalah. Ketiganya, berkaitan dengan di Masjid Maras di Batu Rakit yang memohon peruntukan untuk pengubahsuaian dan nak besor. Jadi hak nak besar ni kita tengok dululah pasal kita pun dok berapa banyak duit, jadi kalau ubahsuai saja tu boleh, insyaAllah tapi hak besar ni kerana peruntukan dia tinggi, kita akan kaji balik.

Seterusnya hak terakhir, daripada Wakil Sura, berkaitan dengan sungai di Dungun, muara sungai di Dungun. Kita dapati bahawa secara umumnya Terengganu ini mempunyai pantai sekitar 244 kilometer daripada hujung Besut ke hujung Kemaman. Pantai yang terdedah kepada Monsun Timur Laut, hak ni bulan 10 dengan 11 kita kena *standby* sehingga bulan 1 dok? Lepas tu kita tengok bahawa banyak pantai-pantai yang terhakis dan sebagainya termasuklah muara-muara sungai yang menyebabkan muara sungai ini semakin *tohor* ataupun cetek dan menjadi halangan kepada nelayan-nelayan. Contohnya di Merang, di Dungun kalau dulu di Marang tempat saya, jadi masalah besar. Begitu jugskalau kita tengok di Merang, kesian kepada pelancong-pelancong ni, terutama pengusaha-pengusaha bot ni, terpaksa tolak terutama waktu air laut ni surut, terpaksa tolak. Dan memanglah bahaya terutama kepada dalam masa bulan Disember, ombak kuat kadang-kadang kalau ada beting di situ bot nak masuk ni dia boleh lekat dekat situ dan menyebabkan bot terbalik. Kalu kita tengok di Dungun baru-baru ni, tahun lepas empat orang meninggal, di Merchang sorang meninggal. Jadi hak ni memang kita kena ambil berat. Sebenarnya di muara Sungai Dungun ni telah ada kajian yang dibuat tahun 2010 lagi dan memang kita dapati ada masalah di sana dan beberapa langkah telah diambil daripada kajian tersebut dia kata dia perlu buat pemecah ombak, buat *groyne*, memperdalamkan ataupun *dredging* sungai tersebut. Selepas pada itu untuk jangka pendek waktu itu, tahun 2012 telah diawardkan untuk memperdalamkan sungai tersebut kepada satu syarikat dengan mengambil

perbelanjaan RM6.7 juta. Kemudian diluluskan kepada satu syarikat untuk mengambil pengambilan pasir untuk dikeluarkan daripada muara sungai tersebut. Untuk jangka panjang selepas kajian tahun 2010 itu, maka dibuatlah anggaran perbelanjaan kira-kira dalam RM250 juta. Memanglah kita kira projek-projek berkaitan dengan pemeliharaan muara sungai ni besar-besar, kalau tengok di Kuala Besut tu RM225 juta, di muara Sungai Terengganu RM500 juta lebih dan hak ni, di Dungun RM250 juta. Dan memanglah pihak JPS mintak peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 yang lalu tapi sehingga hari ni masih belum berjaya. Walau bagaimanapun, kita tak boleh putus asa dengan pertukaran Kerajaan Pusat yang baru ini, dengan kronologi sejarah yang lepas, tahun lepas kita lihat 5 kematian, dan kita haraplah Kerajaan Pusat menimbangkan pada Kerajaan Negeri untuk memperdalamkan muara sungai ini terutama kepada muara Sungai Merang, dan jugak termasuklah hak Yang Berhormat DUN Sura tadi, Sungai Dungun.

Sekian, terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):  
Yang Berhormat Speaker .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dah habis dah, dah habis dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):  
Berkait dengan, berkait dengan DUN Jerteh tadi .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):  
Saya nak tambah, nak kongsi maklumat sikit .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kena bagi salam dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):  
Boleh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat nak bagi laluan lagi?  
Dah bagi salam dah tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):  
Nak bagi maklumat tambahan jer.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Dua puluh minit dah tu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dah cukup dah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Lain kali neh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dah cukup dah. Tak apa ada masa lagi, umur panjang, insyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Ya, terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berusaha Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan semua Pemerhati yang dirahmati Allah sekelian.

Terlebih dahulu untuk permulaan, saya suka untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah pun memberikan kepercayaan kepada saya untuk mengetuai Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO bersama-sama dengan Timbalan saya daripada Tepoh. Portfolio ini sangat penting kepada rakyat dan Negeri Terengganu kerana ia menjadi suatu cerminan kepada gambaran masa depan rakyat dan Negeri Terengganu pada masa yang akan datang.

Saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Telemong, yang telahpun memberikan kesanggupan dalam ucapan beliau semalam untuk terus memberikan kerjasama dan membantu pihak Kerajaan untuk sama-sama memajukan sukan Negeri Terengganu. InsyaAllah, semua agenda-agenda dan perancangan yang baik, yang sedia ada akan kita teruskan, mana-mana yang kurang akan kita lakukan penambahbaikan atau mana-mana yang belum ada akan kita adakan, insyaAllah. Saya berterima kasih juga pada Tepoh, Bukit Besi, Telemong dan Jertih yang telahpun menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan portfolio saya ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, yang pertama berkenaan dengan belia. Belia adalah merupakan anugerah dan aset yang terpenting yang dikurniakan Allah Ta'ala kepada kita. Sayyidina Ali Karamullah Wajha pernah berkara: " Jika kamu mahu melihat masa depan sebuah negara, maka lihatlah belia dan

beliawanisnya pada hari ini". Justeru portfolio saya insyaAllah akan memberikan perhatian dan melaksanakan pelbagai program untuk melahirkan belia dan beliawanis yang akan menjadi kebanggaan kita semua serta menjamin masa depan yang cemerlang untuk rakyat dan Negeri Terengganu yang tercinta ini. Belia yang mahu kita lahirkan adalah belia yang mempunyai 10 sifat utama. Yang pertamanya, akidah yang bersih, dan kepercayaan kepada Tuhan dan kepada yang bukan Islam. Yang keduanya, ibadah yang benar. Yang ketiganya, akhlak yang terpuji. Yang keempat, kekuatan tubuh badan. Yang kelima, intelek dalam berfikir. Yang keenam, mampu untuk melawan unsur negatif. Yang ketujuh, menjaga waktu. Yang kelapan, berdisiplin dalam kehidupan. Yang kesembilan, mampu untuk berusaha sendiri. Dan yang ke sepuluh, memberi manfaat kepada orang lain.

Yang Berhormat Bukit Besi telah menyebut tentang tawaran manifesto PAS berkenaan dengan pemberian Lesen Motorsikal Percuma. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Besi, kami telahpun mengadakan mesyuarat dengan semua agensi-agensi yang terlibat seperti JPJ, Jabatan Pendidikan, pengusaha-pengusaha Institut Memandu Terengganu dan alhamdulillah kita telahpun berada di peringkat akhir, penyediaan kertas untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Pelaksanaan, Jawatankuasa Bertindak Pelaksanaan Manifesto sebelum diangkat kepada Exco untuk kelulusan dan pelaksanaan, insyaAllah.

Yang Berhormat Jertih juga menyebut tentang isu melahirkan usahawan belia dalam industri pertanian, dan ia juga sebenarnya telah berada seperti jawapan yang telah saya nyatakan kepada Seberang Takir rasanya, kepada Bukit Besi ataupun kepada Kuala Besut sebentar tadi, bahawa kita akan mengadakan kerjasama dengan pihak daripada Exco Pertanian dan Usahawan untuk merealisasikan perkara ini, insyaAllah. Yang keduanya, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan sukan pula, Nabi Salallahu Alaihi Wassalam bersabda:

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الْضَّعِيفِ،

"Seorang mukmin yang kuat lebih dikasihi dan disayangi oleh Allah daripada seorang mukmin yang lemah".

Kita akan meneruskan insyaAllah, agenda kecemerlangan Sukan Terengganu ke peringkat nasional dan internasional, insyaAllah. Isu tabung seperti yang telah dibangkitkan, Tabung Pembangunan Sukan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tepoh semalam, insyaAllah akan diuruskan semula dengan kadar yang lebih baik.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, beberapa segmen sukan telahpun meletakkan Terengganu di persada antarabangsa seperti sukan berbasikal melalui Pasukan Terengganu Cycling Team ataupun (TSG). Bulan Jun lalu sahaja

dalam tempoh seminggu pelumba-pelumba kita telah empat kali menaiki podium dan yang terakhirnya ialah di Rusia dan juga Singapura.

Dalam sukan-sukan yang lain juga seperti Sukan Hoki Terengganu menjadi negeri yang membekalkan pemain dalam Pasukan Kebangsaan Negara. InsyaAllah, yang terdekat dalam sukan SUKMA 2018 yang akan berlangsung di Perak, daripada 12 hingga 22 September 2018, Terengganu meletakkan sasaran menjadi Juara Keseluruhan, insyaAllah.

Tuan Yang Dipertua, sedikit demi sedikit dan secara beransur kita akan mengurangkan penglibatan dan juga pergantungan terhadap orang-orang politik dalam persatuan-persatuan sukan di Negeri Terengganu ini, insyaAllah.

Seterusnya berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Telemong tentang pembinaan Kompleks Sukan Hulu Terengganu. Suka saya jelaskan bahawa pembinaan Kompleks Sukan Hulu Terengganu adalah projek yang telahpun diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan terdahulu bersama-sama dengan cadangan pembinaan Veledrom Berbasikal di Dungun. Dan projek ini merupakan projek Kerajaan Pusat dan diuruskan terus oleh JKR Pusat. Projek ini pada dasarnya telah diluluskan oleh EPU dan untuk pembinaan. Proses penendaan telahpun dibuat namun ianya tidak dikeluarkan lagi sebelum PRU-14 yang lalu. Apabila Kerajaan baru mengambil alih pentadbiran Pusat, semua projek-projek yang lalu dikaji semula. Pihak MOF telahpun mengeluarkan surat arahan untuk mentawakufkan projek yang belum dikeluarkan lagi LAnya sebelum PRU yang ke 14 baru ini. Arahan ini juga melibatkan kedua-dua projek untuk Negeri Terengganu iaitu Kompleks Sukan Hulu Terengganu dan juga Veledrom Berbasikal di Dungun.

Kementerian Belia dan Sukan pula mendapat menterinya yang agak lambat apabila perlantikan yang keduanya baru dilakukan pada baru-baru ini pada 2 Julai yang lalu sewaktu Perasmian Sidang Dewan Undangan Negeri kita dan Majlis Sukan Negeri Terengganu menunggu keputusan yang baru daripada Menteri Belia Sukan yang baru, insyaAllah. Kita difahamkan bahawa KSU Kementerian Belia dan Sukan akan membentangkan semula cadangan dan status kedua-dua projek tersebut untuk penilaian dan keputusan semula. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu insyaAllah, akan membuat tindakan susulan dan gesaan semula kepada Kementerian Belia dan Sukan serta Majlis Sukan Negara agar kedua-dua projek ini diteruskan walaupun di bawah pentadbiran Kerajaan baru.

Seterusnya Yang Berhormat Yang Dipertua berkenaan dengan NGO pula, kami bercadang untuk menjadikan Terengganu sebagai Hub NGO yang mengumpulkan semua NGO daripada pelbagai kluster yang menjadi peranan sebagai pihak yang menampung kekurangan yang mungkin terlepas pandang

oleh pihak Kerajaan. InsyaAllah, Kerajaan akan menjalinkan hubungan yang baik dengan semua NGO demi melihat Negeri Terengganu kita menjadi sebuah negeri yang Maju, Berkat dan Sejahtera sepetimana motto Negeri Terengganu Darul Iman.

Tuan Yang Dipertua, sekian sahaja, Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Wakil Kerajaan, daripada Wakaf Mempelam. Sekarang saya jemput Wakil Cukai untuk membuat penggulungan.

**YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai):** Assalamu'alaikkum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahir rabbil'alamin. Assolatu wassalamu 'ala asrofil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajmain.

Yang Berhormat Yang Dipertua, yang pertamanya saya merafak sembah dan menjunjung kasih di atas Titah Baginda Tuanku Al Sultan pada baru-baru ini, yang insyaAllah telah banyak memberi nasihat kepada Kerajaan baru bagi memastikan kesinambungan Kerajaan lama dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Saya juga mengucapkan tahniah kepada pelantikan Yang Berhormat Dato' Speaker yang insyaAllah akan mengemudikan Dewan ini selama 5 tahun dengan sebaik mungkin, insyaAllah.

Ada beberapa soalan yang dikemukakan oleh kawan-kawan saya daripada sebelah sana yang pertama ialah daripada Batu Rakit, Yang Berhormat Haji Bazlan yang menanyakan tentang: Bilakah lagi Kerajaan mahu melaksanakan Program Pemberian Pencen sebanyak RM50 kepada warga emas. Sesungguhnya cadangan pengurniaan pencen kepada warga emas ini selari dengan gagasan Kerajaan kasih sayang yang dilaungkan oleh Kerajaan dan insyaAllah kertas kerjanya ialah di peringkat akhir yang sudahpun kita buat dan akan dicadangkan dalam Exco. Walau macamanapun, ingin saya nyatakan bahawa antara syarat-syarat yang akan kita kemukakan kepada mereka-mereka yang layak untuk mendapatkan peruntukan RM50 sebulan ini ialah yang pertamanya ianya berumur 65 tahun ke atas. Yang kedua, rakyat Negeri Terengganu yang telah bermastautin di Negeri Terengganu melebihi daripada 15 tahun. Dan yang ketiga, keutamaan kepada mereka-mereka yang hidup bersendirian atau mempunyai keluarga tetapi tidak berkemampuan. Yang keempat, tidak mendapat bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, daripada MAIDAM. Yang kelima, tidak ada pencen daripada mana-mana pekerjaan yang lepas. Dan insyaAllah, selepas kertas ini diangkat, saya mengharapkan bahawa mulai tahun depan ini, insyaAllah pembayaran akan dilakukan dengan sebaik mungkin.

Soalan yang kedua, yang juga dikemukakan oleh Batu Rakit, ialah bertanyakan tentang Dana Raya. Berapakah kos pengagihan Dana Raya bagi tahun 2018 baru-baru ini? Pada tahun 2018, semasa Kerajaan lama Dana Raya telah dikeluarkan dan permohonannya telah ditutup sebanyak 259,726 orang memohon dengan kos bantuannya sebanyak RM64,931,500. Apabila Kerajaan PAS mengambil alih Kerajaan, baru-baru ini maka Exco mencadangkan supaya permohonan ini dibuka semula kerana kajian-kajian yang dibuat didapati ramai lagi di kalangan orang-orang yang berkelayakan tidak mendapat bantuan tersebut. Maka Exco telah memutuskan untuk membuka permohonan rayuan dan sebanyak 17,892 orang yang melibatkan RM4,473,000.00 terpaksa ditambah peruntukan yang menyebabkan bantuan diluluskan oleh Kerajaan sebanyak 279,821 orang dengan kos RM69,955,250.00. Tetapi kenapakah bayaran dikurangkan? Dahulunya untuk orang sakit RM400, untuk warga emas dibayar RM300 tetapi Kerajaan telah mengambil suatu keputusan untuk menambahkan lagi peserta jadi Kerajaan untuk masa ini, untuk had ini, untuk tahun ini dengan kewangan yang ada Kerajaan hanya bersetuju untuk membayar RM250 kepada semua kategori. Namun begitu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar amat mengharapkan bahawa jika sekiranya Kerajaan mendapat royalti minyak pada tahun ini dan tahun hadapan maka akan dipertimbangkan semula pembayaran ini sebagaimana pembayaran tahun-tahun yang lepas, insyaAllah.

Yang ketiga soalan yang telah dikemukakan Bukit Besi...

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):  
Laluan .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ada penjelasan daripada Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):  
Boleh? Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat Cukai. Saya berhasrat menarik perhatian berkenaan dengan Dana Raya. Dalam tempoh beberapa tahun sumbangan Dana Raya ni telah diagihkan kepada rakyat, apakah Kerajaan tidak berhasrat untuk membuat satu kajian yang lengkap, positif dan negatif daripada sudut agihan Dana Raya ini supaya *value for money* untuk Kerajaan kita dapat untuk menterjemahkan dengan cara yang lebih baik. Jadi penjelasan saya ada ataupun tidak kajian untuk meneliti perkara ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ada lagi...

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila.

**YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):** Yang Berhormat Yang Dipertua, bila kita dapat Kerajaan ni, kitapun *checklah* senarai-senarai kontraktor, senarai-senarai taukeh kedai makan, dia boleh jugak Dana Raya ni kot mana jadi boleh hak fasa dulu, fasa pertama? Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai):** Terima kasih kepada Tepoh dan juga Manir, insyaAllah Kerajaan sedar perkara ini berlaku dan kita akan mencadangkan supaya kajian dibuat bagi memastikan hanya yang layak saja pada tahun hadapan mendapat Dana Raya. Terima kasih.

Soalan yang dikemukakan oleh Bukit Besi: Sejauh manakah pelaksanaan penubuhan Pusat Nurseri di setiap jabatan Kerajaan Negeri Terengganu sebagaimana yang Kerajaan umumkan dalam manifesto baru-baru ini. Setakat ini agensi yang telah memiliki Pusat Nurseri sendiri ialah hasil kerjasama Yayasan Pembangunan Keluarga yang mana beberapa agensi Kerajaan yang telah menubuhkan pusatnya ialah termasuk Majlis Perbandaran Kemaman, UNISZA, UiTM, UMT dan UTC. Mana-mana yang lain ini kita telah memberi arahan kepada mereka jika sekiranya mereka mempunyai premis mereka bolehlah memohon kepada kita untuk membuka Pusat Nurseri masing-masing di seluruh jabatan-jabatan Kerajaan yang ada sekarang ini. Setakat ini Kerajaan Negeri membelanjakan RM12 juta setahun bagi pengurusan kepada 65 buah Pusat Taska PERMATA yang melibatkan peluang pekerjaan kepada 720 beliawanis di seluruh Negeri Terengganu. Menerusi kerjasama ini YPK menyediakan khidmat guru pengasuh dan juga pengasuh di mana gaji mereka tadi ditanggung oleh Kerajaan Negeri manakala agensi-agensi terbabit bertanggungjawab menyediakan premis bagi dijadikan nurseri lengkap dengan standard keperluan taska. Jadi sekali lagi saya mengharapkan bahawa mana-mana jabatan Kerajaan yang mempunyai premis bolehlah memohon kepada kita untuk dijadikan pusat-pusat taska. Itu sahaja beberapa soalan yang telah dikemukakan kepada portfolio saya. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Wakil Cukai, sekarang saya jemput Wakil Alur Limbat untuk buat penggulungan.

**YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):** Assalamu'alaikum warahmatullahi wabaraktu. Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, seterusnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Pegawai-pejawai Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya dan semua yang hadir pada hari ini termasuk Pemerhati. Saya ada nampaknya menarik minat jugaklah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kepada isu yang berkait dengan pelancongan dan juga IT, ada beberapa soalan. Antaranya soalan daripada Yang Berhormat ADUN Bandar: Perancangan Kerajaan negeri

dalam menjadikan pantai dan sungai di negeri Terengganu sebagai satu tarikan pelancongan di Negeri Terengganu.

Sebagaimana yang kita diketahui bahawa Terengganu di semenanjung mempunyai pantai yang terpanjang dan yang terindah dengan pasir pantai yang putih dan cantik berbanding dengan di pantai barat. Dan insyaAllah dengan kurniaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala walaupun sudah ada usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri yang lalu, kami menyedari tentang kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala ini dan insyaAllah kita akan meneruskan dan memperindahkan lagi, memperbaiki bagi menarik pelancong-pelancong daripada luar. Antaranya kita sekarang ni sudah ada .... Baru nak bercakap, nantilah dulu. Mukaddimah tak habis lagi. Sikit lagi, kejaplah deh. Mukaddimah baru ....(sambil gelak)... Kita ada *river cruise*, kita akan teruskan benda yang baik kita kata baik jugak tapi kita akan cuba perbaiki lagi, insyaAllah. Antaranya .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dengar *river cruise* tu nak tanya tu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Oooo... Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Nak tanya Bas Amphibia tu guaner? Boleh guna ke dok untuk *river cruise* pelancongan tu. Hak *mapuh tengoh* air tu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alor Limbat): Kitapun oleh kerana bas tu untuk pengetahuan Dewan, Bas Amphibia Coach belum ada penyerahan lagi kepada Kerajaan Negeri kerana masalah kerosakan dia. Jadi pihak pembekal masih belum menyerahkan kepada Kerajaan Negeri ....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABD. KARIM (Wakil Tepoh): Rosak dah Y.B.?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Rosak dah. Allahuakhbar...(gelak panjang)... dan syarikat ni kena denda sekarang ni.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dua orang MB buat masa tu orr.....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yalah, jadi soalan dia bila betul Amphibi Coach ni kira baik, elok, kita nak buat *mende*? Kami mencadangkan oleh kerana kos yang tinggi kita telah membelanjakan RM3 juta, kita masih belum bayar RM300,000.00 duit kepada pihak pembekal tapi oleh kerana denda seribu sehari yang dikenakan kepada pihak pembekal, kita

semacam tak perlu bayar dah harga RM300,000.00 tu. Kalau diserahkan, kita akan diserahkan kepada pihak yang berkenaanlah antaranya TTI, Taman Tamadun Islam untuk menjadikan Amphibi Coach ni sebahagian daripada tarikan pelancong. Benda ada doh, kalau *takdok* lagi mungkin kita dok beli. Wallahua'lamlah ni sebab asal tujuan tu kena tengok objektif asal beli tapi oleh kerana kita cadang untuk menyerahkan kepada pihak pelancongan untuk kita meneruskan.....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat, asal beli nak buat selamat orang banjir saya ingat dulu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kena tanya hak sebelah sanalah gitu, saya berasa gitu jugak ....(ambil gelak).... tapi tak apalah. Jadi kita akan meneruskan oleh kerana kita menyedari bahawa pantai dan sungai kita pun yang menarik. Saya buat kajian di seluruh negeri termasuk di Sabah dan Sarawak, sebenarnya kita tak kurang hebat kita dari segi pantai, kita ada kelebihan kitalah termasuk dengan sungai dengan pantai dan jugak pelbagai kelebihan tu. Maka antaranya lagi, kita ada pulau-pulau sebenarnya, pulau-pulau kita jugak antaranya Pulau Redang, Pulau Perhentian antara yang terindah di dunia. Jadi kita menyedari perkara ini dan kita akan majukan pantai dan pulau yang ada. Promosi juga akan dibuat supaya menjadi tarikan pelancong antaranya kita ada pantai di Bukit Keluang yang sudah ada, Rhu Sepuloh, Pulau Kekabu, Pulau Kekabu ni dia ada masalah, saya nak sebut kepada Ahli Dewan kerana Pulau Kekabu ni dia ada jalan masuk, jalan keluar, dia ada jambatan. Pulau Kekabu ni dia bukan pulau, dia pantai tapi dia ada alur yang tak boleh pergi dengan kereta. Jadi kita akan insyaAllah dalam masa yang terdekat, kita akan bina jambatan yang boleh keluar masuk daripada dua arah sebab sekarang ni memang sangat menarik pelancong ataupun penduduk tempatan khususnya hari Jumaat, hari Sabtu penuh tetapi kemudahan yang tidak dari segi fizikalnya lah ada masalah dari segi jambatan tu. InsyaAllah kita akan baiki dalam waktu yang terdekat. Kita akan bina yang lain.

Di Kerteh, Kemasek dan Teluk Mak Nik, masalah di pantai kita adalah yang jadi masalah dia tak sama dengan Pantai Barat Semenanjung, pantai kita tak banyak tempat yang boleh mandi. Kalau di pantai barat tu dia selut terus di Port Dickson, kalau kita pergi Port Dickson dan tengok kat kita jauhlah tapi sohor kat dia. Mintak maaf saya cakap Bahasa Terengganu.

Kemudian, jadi tempat kita pun kita menghadapi masalah tak banyak sepanjang pantai, walaupun sebenarnya sudah ada tempat-tempat yang boleh rakyat mandi, pelancong mandi tetapi kita akan cuba lihatlah macam mana kita nak memastikan keselamatan pengunjung. Penyediaan dan keselesaan infra untuk lokasi baru menerima pengunjung kita akan titik beratkan. Sebagai contoh acara promosi ni kita akan ada dalam bulan 9 ni iaitu Pesta Pantai. Pesta Pantai yang

tradisi yang kita akan buat dan kita akan cuba perbaikilah dengan beberapa pembaikian untuk menjadikan Pesta Pantai mengikut suasana ataupun Kerajaan yang ada pada hari ini.

Begitu juga kita ada Pekan Budaya di Rhu Sepuloh. Itu yang soalan daripada Yang Berhormat ADUN Bandar dan beliau jugak bertanya berkenaan dengan.... Ada lagi? Panjang dah ni Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Boleh?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alor Limbat): Okey boleh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Saya pohon penjelasan daripada pihak Exco Pelancongan, seputrimana yang kita tahu 2017, adalah Tahun Melawat Terengganu. Sasaran yang diletakkan adalah 5.5 juta. Tapi jawapan bertulis yang saya terima sangat mengecewakan kerana pelancong yang mari di Terengganu 4.9 juta sahaja secara gabungan pelancong dalam negara dan juga pelancong luar negara. Kita telah membelanjakan RM8.5 juta untuk mempromosikan Tahun Melawat Terengganu Tahun 2017. Jadi saya nak tanya Yang Berhormat Exco, pihak Kerajaan, apakah punca yang menyebabkan kita tak boleh tarik pelancong walaupun itu adalah Tahun Melawat Terengganu malahan mengatasi tahun 2016, mengatasi pencapaian Tahun Melawat Terengganu Tahun 2017. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih kepada ADUN Tepoh. Saya tak jawablah soalan ni sebab saya tidak jadi Exco kepada hok lama ....(ambil gelak).... Dan Kerajaan lama .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Exco tidak dilaporkan sebab apa tidak boleh gitu?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila teruskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Okey, saya teruskan. Saya anggap sebagai satu fakta apa yang diberitahu oleh ADUN Tepoh. Yang kedua, soalan yang berkait dengan pengusaha tradisional. Oleh kerana dulu dari segi buat tembaga, batik, keris dia banyak sebelah Ladang dan Ladang ni telah diambil oleh Kerajaan di sebelah Chicken Cottage tetapi kita masih ada lagi Ladang Sekolah, Kampung Tanjung, walaupun sebahagiannya telahpun diambil oleh Kerajaan dan masih ada lagi industri tradisional pembuatan tembaga, batik, keris dan lain-lain. Kami insyaAllah akan melihat semula macam mana kita nak memajukan industri ini kerana Kampung Ladang

dan Tanjung dia sebelah dengan Bandar, dia masih *area* Bandar, kita akan lihat macam mana nak memajukannya, insyaAllah. Ini komitmen kamilah Kerajaan baru.

Dan kita akan buat kerjasama dengan Lembaga Muzium Negeri Terengganu, YPU dan juga Kraftangan khususnya macam mana nak promosikan industri tradisional. Kita menghadapi masalah tembaga ni, kalau batik masih ramai pengusaha tapi pengusaha tembaga ni pakar yang buat tembaga tu macam mana nak mencantikkan dia, sebenarnya bila dibakar tu dia jadi tak lawa, lepas tu macam mana proses-proses dia jadi berkilat dan jadi comel. Sebab saya ada beberapa orang kampung saya yang memang dia daripada mula kerja dia sehingga dia mati, dia buat kerja tu tapi tradisi ini tidak disambung. Jadi perkara-perkara ni insyaAllah kita akan lihat.

Yang ketiga, kempen kebersihan. Saya ucap terima kasih kepada Ahli Parlimen, ADUN-ADUN di Kawasan Kuala Terengganu yang mengadakan kempen kebersihan di kawasan pelancongan khususnya di kawasan Kuala Terengganu, di Batu Burok, di Kuala Ibai dan mungkin dibuat di tempat yang lain. InsyaAllah, kami bercadang bersempena dengan bulan kemerdekaan, kita akan adakan Program Kebersihan ini di seluruh Negeri Terengganu, insyaAllah. Jadi Bulan Kemerdekaan ini bermula dari Ogos sehingga kepada pertengahan September kita akan jadualkan untuk mengadakan program yang baik, yang dibuat oleh Parlimen Kuala Terengganu, kita akan buat di seluruh negeri, insyaAllah.

Kemudian daripada ADUN Bukit Besi, Perancangan TD1303. Jadi ramai mungkin yang tahu apa dia TD 1303 dan mungkin sebahagian ADUN ataupun pegawai dan Pemerhati yang tidak jelas apa itu TD 1303 kerana dia sebenarnya adalah sebuah syarikat yang baru. TD 1303 adalah Hub Kreativiti, saya jelaskan sikit jer dan Inovasi. Kreativiti dan inovasi kepada kelompok usahawan muda Terengganu. Seterusnya menggalakkan usahawan menjalin kerjasama dan rangkaian niaga dalam ruang niaga yang kondusif. TD 1303 ni menyediakan prasarana dan ekosistem yang komprehensif dengan kemudahan ruang kerja bersama dengan izin, *co working space*. Pelaksanaan Program Start Up Dan Entrepreneur Grooming. Pelaksanaan TD 1303 ni sebenarnya baru siap dengan kos RM12 juta, RM10 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan RM2 juta daripada Kerajaan Negeri dan mula beroperasi mulai 1 April 2018 di Perkedaian Ladang Tok Pelam. Sapa kenal Chicken Cottage, dia betul betul bersebelahan dengan Chicken Cottage. Tu dari segi sedikit maklumatlah.

Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pelaburan dan seterusnya menjana kepelbagai aktiviti ekonomi di Negeri Terengganu, TD 1303 akan menjadi pusat pemangkin untuk pembangunan berkaitan ICT melalui pembiayaan dan latihan. Hub ini bukan sahaja bakal dijadikan pusat memupuk minat dan pusat latihan kepakaran tenaga kerja dan bakat baru ICT negeri

secara khususnya dan negara secara amnya melalui insentif TEVT Malaysia dan STAMP tetapi juga bakal dijadikan Pusat Incubation dengan izin pengaraman peniagaan baru berasaskan ICT di Malaysia.

Okey, kemudian saya ringkaskanlah, soalan Yang Berhormat Telemong berkait dengan Pembangunan Tasik Kenyir sudah dijawab sebelum ni. Kemudian yang terakhir Yang Berhormat Pengkalan Berangan mencadangkan agar pakej dan aktiviti menyelusuri Sungai Marang diperkenalkan. Buat masa ni tidak ada cadangan agar Kg. Jenang, Marang diperkenalkan sebagai Kampung Tradisional Melayu, boleh dijadikan tarikan terbaru pelancongan. Sebelum daripada ini Kampung Jenang memang terkenal khususnya daripada Barat pun mereka menyusuri Sungai Marang.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Mohon laluan, kita cadang kalau bas hak dua alam tu takdok tempat lagi hantar ke Marang tak apa.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Boleh dipertimbangkan. Marang River Cruise ini pernah kita laksanakan oleh pengendali pelancongan swasta, Kerajaan bersedia untuk menyelaraskan balik program macam ni dan menjadikan Kg. Jenang sebagai satu tarikan utama dalam Program Marang River Cruise. Infra dan kemudahan asas di sana akan diteliti dan akan ditambah baik insyaAllah.

Jadi perkara ni kita akan cuba tengok balik, kalau ada pihak-pihak swasta pelancongan swasta, pengendali dia nak buat balik dan kami jugak akan cuba carilah pengusaha-pengusaha ini untuk membangunkan Jenang dan jugak Marang River Cruise kita akan teruskan sebagaimana dulu. Itulah Yang Berhormat, Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Wakil Alur Limbat. Sekarang saya jemput Wakil Ladang untuk buat penggulungan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmannir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua dan semua yang hadir. Ada beberapa perkara yang telah disebut berkenaan dengan portfolio yang saya pegang ini oleh Wakil Telemong, Tepoh, Rantau Abang, Sura dan beberapa orang yang lain lagi. Khusus tentang Bandar Baru Kuala Ping, *pah mane rasa takdok*. Okey, ada, Telemong ada ari ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kuala Ping duk di mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak nampak Ya Allah. Minta maaf, mintak maaf dik, dok tengok ke sini. Projek ini dia belanja dia RM30 juta, Yang Berhormat tahu kan? Dan projek ini diteruskan. Kita mula 20.2.2017 dan kemajuan fizikal dia agak baik, jadual 20% tapi sekarang ni dah 27%. Kemajuan kewangan dia 20.6%. Jadi kita terus ajelah, ucaplah terima kasih sikit.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Kemudian ada juga yang menyentuh tentang perkara macam mana nak menjana hasil negeri selain daripada hasil daripada petroleum?

Sebenarnya kita ada satu jawatankuasa, satu Jawatankuasa Hasil Negeri, jawatankuasa untuk meningkatkan hasil negeri, untuk merancang langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan hasil. Antara perkara yang kita bincang adalah tentang soal fees yang dikenakan mengenai transaksi tanah, pindah milik, gadaian dan sebagainya. Saya nak sebut sekali lagi bahawa pindah milik yang berlaku sekarang ini di Negeri Terengganu ialah Daftar Pindah Milik RM40 satu *transaction*. Daftar Duti Setem dia banyak tapi boleh ke Federal. Jadi cara mana kita nak meningkatkan hasil melalui pindah milik tanah, gadaian dan sebagainya kalau dulu RM40, ini telah dibincang oleh jawatankuasa ini dan cadangan-cadangan ini sedang, akan kita kemukakan kepada Kerajaan. Dia cadangan baru ni dia boleh sampai RM1,000.00. Melihat kepada jenis *transaction* dan juga jumlah yang terlibat dalam *transaction* ini. Itu adalah satu cara untuk meningkatkan hasil.

Kemudian berkenaan dengan perkara-perkara yang lain lagilah, berkenaan caj air mentah, caj penginapan dan sebagainya itu yang sedang dilaksanakan.

Yang satu lagi ialah tentang pelaburan, kekurangan kakitangan di sektor pelaburan di jabatan Kerajaan. Sekarang ni cuma ada seorang buat kerja ni tapi dia dibantu oleh U-TENT. U-TENT ini adalah satu *creation* yang baru, satu agensi baru yang ditubuhkan melalui syarikat, didaftarkan melalui syarikat, akta-akta syarikat. Tujuannya adalah untuk membantu UPEN untuk merancakkan pelaburan dan insyaAllah kita akan terus mengadakan perbincangan bagaimana nak selaras kedua-dua ini supaya perjalanan proses meluluskan pemohonan-permohonan untuk melabur di sini boleh dipercepatkan, insyaAllah. Saya nak juga sebut di sini ianya pada yang lepas tentang projek-projek *low hanging fruit*, *low hanging fruit*? Benda apa dok tahu tu. *Low hanging fruit*, dia tak terjemah, dia letak begitu aje, projek *low hanging fruit* dia ada 13 projek. 7 projek telah beroperasi dan dalam pelaksanaan, 4 projek masih dalam perbincangan dan ditangguhkan. Dia kalau saya nak, kalau untuk makluman, untuk maklumanlah

kepada kawan-kawan dan juga semua yang hadir ni, antara projek-projek yang dikatakan *low hanging fruit* ini ialah projek tanaman jagung bijian untuk makanan haiwan, ni nak dibuat di Setiu, perlu tanah 2,000 hektar, dibuat oleh swasta tapi tak cukup di sana yang adanya di Merchang 987 hektar saja dulu, Cuma kita sedang berbincang bagaimana kita nak dapatkan tanah 5,000 hektar milik JKPTG, milik Federal di Hulu Terengganu. Kalau berjaya ni, kita tanam jagung ni di Hulu Terengganu pula. Kemudian jika kita tanya tentang MRO, bukan GRO. MRO ni ditanya oleh Tepoh dan dia termasuk dalam *low hanging fruit* ini. MRO ini kita terpaksa batalkan projek ini sebab dia tak boleh bayar apa yang kita mintak. *Dok cukop pitih*, jadi kita batalkan dulu dan kita memang menggalakkan siapa sahaja nak datang balik, silakan, kos dia lebih kurang RM229 juta. Dan kita *terminate* dulu nak buat *maintenance, repair and overhaul* projek ini yang dilaksanakan oleh Adman Sdn. Bhd. dibatalkan sebab gagal mematuhi terma-terma yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Kemudian satu lagi membangun Hub Kargo Udara Serantau di Lapangan Terbang Sultan Mahmud. Projek ini besar jugak RM165 juta dan kalau berjaya boleh mewujudkan 725 pekerjaan. Dan ini juga tak bayar Jadual 5A, tuntutan untuk bayaran tanah telah luput dan tapi dia masih berminat, jadi kita kena bincang semula projek ini tapi tak bayar lagi. Ada masalah lain tu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Yang Berhormat, kalu panjang saya nak, saya benarkan untuk sambung selepas rehat nanti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kita sambunglah. Kita rehat dulu kita sambung lepas ni sebab panjang lagi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, Yang Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pukul 2.30 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN SEMENTARA PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

### PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya persilakan Wakil Ladang mewakili Kerajaan bagi menyambung penggulungan. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, dan semua kawan yang hadir.

Pertamanya nak ucapkan terima kasihlah kerana diberi peluang kedua. Cuma dok berapa sedap sikit nak cakap ni sebab macam takmboh dengar jer belah sana sebab takdok orang, seorang jer, ke kira wakillah tu dok? Okey, okey, tolong khaborlah.

Tadi saya bercakap, berhenti tentang dekat dengan status projek-projek *low hanging fruit*. *Low hanging fruit* ni rupanya macam buah pelam hak rendah-rendah tu boleh ambik *anytime*, jadi maknanya senang *nok wak keje, dok payoh* panjang-panjang, senang boleh hasil. Jadi daripada 13 projek *low hanging fruit* ni, 7 telah dilaksanakan dan 6 masih dalam perbincangan dan juga

ditangguhkan. Saya rasa tak perlulah saya baca projek tu panjang-panjang sebab *nok khabor pun* takut tak ingat sebab seorang jer tu, takut tak catit juga. Doksoh bacalah hak tu.

Cuma saya nak pergi seterusnya ialah kepada projek silika yang disebut oleh sahabat saya daripada Rantau Abang. Saya ni kesian sikit ke dia ni sebab silika ni banyak *dinung*, dia tengok jer lori bawa keluar *sokmo*, angkut bawa keluar. Tanah silika ni sebenarnya milik di Senyamuk, dia panggil? Bukit Senyamuk tu sebenarnya diluluskan kepada PMINT (SEDC). SEDC serah kepada syarikat, syarikat ni nampaknya melombong tu ambik dan hantar ke luar, ambik dan hantar. Jadi saya sedang melihat, mencari tak jumpa lagi apakah sebenarnya Dasar Silika Negeri Terengganu. Bukan kita boleh benarkan *raw material* keluar begitu ataupun macam mana? Tapi setakat ini tak jumpa yang tertulis betul-betul. Nak *check* balik bagaimana dasar sebenarnya. Ada satu lagi yang silika di sebelah Merang sana, hak ni dia proses tapi proses pun basuh, basuh, basuh. Dia ada tiga jenis kasar, sederhana kasar dan refine, very halus, halus sangat. Ini dia buat keluar jugak tapi ini boleh tahan juga tapi hak di Bukit Senyamuk tu pakai hantar gitu jer.

Saya difahamkan begitu. Jadi nak *check* balik tentang dasar dan proses untuk melihat semula dasar-dasar berkenaan dengan silika. Dan untuk menyemarakkan lagi industri silika ini, Kerajaan Negeri telah bercadang untuk membangunkan satu kawasan seluas 7,000 hektar, 7,000 hektar bukan ekar, 7,000 hektar di Jambu Bongkok, Marang dan kita namakan cadangan projek ini Lembah Silika Terengganu. Dan dia bersepadu dan sekarang ni dia bukan hanya untuk silika tapi untuk quartz. Ini untuk makluman Dewan dan ada satu lagi mineral baru yang dijumpai yang bermutu dipanggil quartz. Quartz ni ada di Terengganu dan dia ni akan mewujudkan, kalau lembah ini terjadi akhirnya dia akan, anggaran pelaburan kita jangka lebih kurang RM13 bilion. Dan boleh mewujudkan pekerjaan lebih kurang 7,600 orang. Dan ini bersepadu maksudnya semua gasnya kita nak bawa daripada Kerteh sampai ke situ, TNB akan masuk *electricity* yang banyak di situ dan kemungkinan juga akan ada pelabuhan dan akan ada *conveyor belt* akan membawa barang itu, silika itu ke port untuk dieksport. Dan MIDA sedang berusaha untuk mengadakan satu pakej insentif untuk pelabur-pelabur yang ingin melabur di kawasan itu. Maknanya kita boleh menjangkakan bahawa pelaburan di Jambu Bongkok itu akan besar dan akan membangunkan kawasan berkenaan. InsyaAllah.

Kemudian sikit lagi tentang 20,000 peluang pekerjaan nak cari mana? Tadi kalau duk baca-baca tu banyak dah hampir nak dapat dah kalau jadi semua sekali. Dan insyaAllah, kalau ikut perkiraan baru 2018 ni, projek telah diluluskan oleh MIDA untuk Negeri Terengganu ni ada 3, tahun lepas ada 4. Tahun ini saja dijangkakan pelaburan asing lebih kurang RM4 bilion. Dan semua ni akan mewujudkan pekerjaan yang banyak. Jadi insyaAllah peluang untuk

mendapatkan 20,000 peluang pekerjaan itu akan tercapai dengan baik dan cepat, insyaAllah.

Satu lagi tentang portfolio yang diamanahkan kepada saya ialah tentang Kesejahteraan Pentadbiran. Dulu-dulu *takdok ni, lening* baru ada. Jadi hak saya ni Perdagangan, Perindustrian, Pembangunan Wilayah dan tambah se lagi Kesejahteraan Pentadbiran. Jadi bila Kesejahteraan Pentadbiran ni benda apa *gamok orr?* Maksudnya semua kakitangan di Terengganu ni supaya sejahtera. Bila kita sejahtera tu mari selalu orang mengadu, kata saya dok sejahtera, kami tidak sejahtera kerana kami dinafikan hak kami. Nafi benda, nafinya bahawa mereka ini adalah guru-guru yang dinafikan untuk mendapat mendapat jawatan tetap setelah mengajar lebih daripada 20 tahun. Ada 24 tahun mengajar tetapi tidak diberi, tidak diserap kepada tetap. Dan ada yang 14 tahun juga masih sementara, tidak diberikan jawatan tetap walaupun jawatan kekosongan ni ada di Terengganu lebih daripada 120 jawatan. Tetap tetapi tidak diisi.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA :** Yang Berhormat, ramai ke penjawat awam yang dok sejahtera masa ni?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Hak ada tu lebih kurang 54 orang. Guru saja baru tu, dok cara hak lain lagi, 47 atau 54 orang begitu, dan bagi mereka ini tidak sejahtera. Jadi untuk mensejahterakan mereka insyaAllah, kita telah berusaha dan perjalanan telah diambil dan dalam masa yang terdekat ini insyaAllah yang terlibat ini semuanya akan diserap menjadi tetap, insyaAllah. Mudah-mudahan sejahteralah kita. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada anggota Kerajaan, wakil daripada Ladang. Seterusnya saya nak jemput dan mempersilakan wakil Jabi untuk membuat penggulungan.

**YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat , ketua-ketua jabatan seterusnya Pemerhati yang dihormati sekelian.

Yang pertama saya mengambil kesempatan untuk merafak sembah, menjunjung kasih atas Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin, keprihatinan yang diberikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kepada sektor pertanian dan industri asas tani dalam Titah Ucapan Baginda amat dihargai dan diambil berat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Allah mengurniakan kita di Negeri Terengganu dengan tanah yang luas dan subur, pantai yang terpanjang di Semenanjung Malaysia, kita ada 14 muara sungai, tasik yang luas dan beberapa lagi faktor semulajadi anugerah Allah yang menyediakan bumi Terengganu sebenarnya dalam keadaan terbaik untuk diusahakan. Lalu dituai hasilnya untuk faedah rakyat. Aset semulajadi ini sebenarnya belum lagi di manfaatkan secara optimum.

Yang Berhormat Manir menyentuh mengenai harga ikan yang mahal di Terengganu. Isu sebenar berkaitan dengan infrastruktur di jeti-jeti pendaratan dan masalah muara cetek adalah punca yang kita telah kenalpasti menyebabkan nelayan kita terpaksa mendaratkan hasil tangkapan kalau yang sebelah utara, nelayan Besut di Tok Bali, yang di sebelah selatan di Kemaman, di Kuantan. Ikan yang nak balik semula ke Terengganu memerlukan kos pengangkutan, walaupun ikan ini sebenarnya ditangkap oleh nelayan Terengganu dan hasilnya ikan jadi mahal. Tuan Yang Dipertua, masalah muara cetek dan kekurangan infrastruktur di pelabuhan atau jeti pendaratan ikan adalah isu besar dengan penyelesaiannya memerlukan usahasama antara pelbagai jabatan peringkat negeri dan pusat termasuklah ia melibatkan kos yang sangat besar. Kita dah buat pertemuan dengan masyarakat nelayan yang keluar masuk muara setiap hari mencari rezeki. Kita juga dah mendapat taklimat daripada jabatan bertanggungjawab berkaitan pelan tindakan bagi menangani isu ini, walaupun ini isu besar, tapi tiada yang lebih besar bagi sebuah Kerajaan lebih daripada mengutamakan kepentingan rakyat.

Yang Berhormat Yang Dipertua, isu penguatkuasaan di laut, pencerobohan nelayan asing dan isu pelesenan yang turut disentuh oleh Yang Berhormat Manir adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Tetapi yang bertemu dan mendengar keluhan masyarakat nelayan di lapangan ialah kita. Nelayan kita sampai satu tahap hampir putus asa, letak unjam hari ni, esok hilang, kena kokok dengan bot pukat tunda. Dan komitmen pihak Exco Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil tanggungjawab untuk membincangkan secara serius isu ini bersama pihak Kerajaan Pusat, insyaAllah.

Projek Akuapolitan Kuala Nerus yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Manir, suka saya maklumkan bahawa projek ini di bawah Kerajaan Pusat yang diserahkan kepada ECERDC, bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Jertih menyentuh tentang penglibatan generasi belia dalam sektor pertanian. Saya ucapkan tahniah kepada Jabatan Pertanian dengan Pengarahnya Encik Zulkifli Harun yang akan melalui tempoh persaraan bulan Disember ni. Dengan program SKB, Sumber Kekayaan Baru yang memfokuskan kepada tanaman Durian Musang King, Nenas MD2, Kelapa iaitu Kelapa Mantag dan Kelapa Wangi dan juga Jagung Bijian. Jagung

bijian ni bukan untuk kita makan, ni untuk ternakan, yang kita makan jagung manis.

Bantuan yang disediakan dibawah Program SKB ini termasuklah konsultasi teknikal serta khidmat nasihat, Bantuan Anak Benih dan Bantuan Kewangan. Saya lihat Nenas MD2 dan Jagung Bijian mempunyai potensi yang paling baik untuk golongan belia di negeri kita. Nenas MD2 contohnya kaedah penanaman sangat mudah. Penjagaan yang tidak cerewet dan bantuan sulur benih dibekalkan oleh Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia, dan kawasan Yang Berhormat Langkap adalah kawasan utama sekarang ni di Terengganu yang menghasilkan Nenas MD2. Tempoh penuaian pula hanyalah sekitar 13 bulan dan harga yang stabil dipasaran sekitar RM5 sekilogram, dan permintaan di pasaran adalah tinggi. Orang muda biasa nak hasil cepat, tanam Durian Musang King lambat dapat hasil. Di samping kawasan penanaman yang sedia ada, saya telah duduk bersama dengan Jabatan Pertanian bincang, mengenalpasti kawasan baru yang berpotensi untuk dimajukan, insyaAllah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, walaupun begitu, pemilihan peserta bagi apa juga program asas tani mestilah dari kalangan yang benar-benar berminat, berkemahiran dan ada kesungguhan. Ini adalah kunci utama kejayaan atau kegagalan sesuatu projek atau program asas tani. Ada bidang-bidang asas tani seperti pembentihan ikan kerapu hibrid sangat-sangat teknikal. Dari induk kerapu yang menghasilkan telur, penetasan telur, nak hasilkan plankton untuk makanan anak kerapu, sehingga anak ikan ini membesar menjadi saiz beberapa sentimeter, penuh dengan aspek teknikal dan kemahiran. Dan saya telah melakukan tinjauan kepada beberapa projek pertanian dan penternakan berkelompok, didapati di antara punca utama projek tidak begitu berjaya ialah kerana pemilihan peserta yang tidak tepat. Bila bagi urusan kepada bukan ahli, maka ia akan menghasilkan natijah yang tidak baik. Orang kita suka terima bantuan, tapi ramai yang suka buat kerja suka-suka dan minda ini kita nak ubah kerana kita nak jadikan Terengganu Hub Pengeluaran Makanan Utama Negara. Yang bersungguh dan yang berpotensi wajib dibantu.

**YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):**  
Penjelasan.

**YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):** Sila.

**YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh) :**  
Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat Exco. Soalan sedikit untuk mencelah ini: Apakah kriteria pemilihan peserta yang mendapat bantuan tersebut sehingga menyebabkan banyak gagal daripada berjaya? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih Yang Berhormat Tepoh. Saya ambil satu contoh projek mega yang berkaitan dengan akuakultur, Ternakan Ikan Dalam Sangkar Di Sungai Como, Tasik Kenyir yang bernilai lebih RM19 juta. Asalnya matlamat projek ini diletakkan untuk membasmi kemiskinan di kalangan orang asli. Kita bagi orang asli bela ikan, dengan kos belasan juta ringgit, sedangkan mentaliti orang asli, dia nak ikan yang masak dah kita letak depan dia, menyebabkan projek ini gagal. Diambil alih oleh TADC juga gagal dan sekarang ni Jabatan Perikanan menyewakan sangkar itu kepada pengusaha. Ini contoh bagaimana pemilihan kriteria peserta yang tidak tepat. Terima kasih Yang Berhormat Tepoh.

Yang bersungguh dan berpotensi untuk maju wajib kita bantu, antaranya kita merancang untuk menguruskan pewartaan tapak pembinaan ikan kerapu hibrid di Pantai Air Tawar Besut yang diusahakan oleh orang kampung yang suatu ketika dulu keluar isu nak disodok. Kita nak wartakan kawasan ini sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan Di Bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara, supaya peserta orang kampung yang mengeluarkan modal, bekerja dengan bersungguh-sungguh boleh mencari rezeki dengan tenang, insyaAllah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pertanian adalah perniagaan, inilah industri yang mampu menjana ekonomi dan menyediakan sumber makanan kepada rakyat. Kawasan seperti kawasan saya di Jabi, kawasan Langkap, kawasan Hulu Besut, kawasan Telemong, kita boleh bina kemajuan dengan sektor pertanian dan industri asas tani sebab kemajuan perlu berpijak dibumi nyata. Kawasan saya di Jabi, kalau dibina rumah kedai tiga tingkat, kemungkinan untuk rumah kedai ini terbiar tanpa disewa adalah tinggi. Sebab itu kita sebut kemajuan perlu berpijak dibumi nyata, sesuai dengan realiti setempat. Dan kita kena ubah persepsi bahawa pertanian bermakna kita tak maju, kena ada industri, kena ada bandar baru, baru dikira maju. Ini adalah persepsi yang silap. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita menghargai usaha Kerajaan penggal lepas yang meletakkan beberapa asas perancangan yang baik untuk memajukan sektor pertanian Negeri Terengganu. Melon Manis Terengganu memang terbukti manis, dan kemanisannya kekal manis walaupun teraju Kerajaan berubah. Cuma isu harga Melon Manis yang agak mahal akan diperhalusi supaya orang kampung boleh turut sama menikmati kemanisannya. Kesinambungan usaha yang baik ini kita akan teruskan, insyaAllah. Kita telah teliti, kaji, senaraikan projek-projek pertanian yang dirancang pada penggal lepas untuk kita melihat semula dari segi keutamaan dan keperluannya kepada rakyat termasuklah berapa jumlah bajet yang diperuntukkan. Beberapa kelemahan yang memerlukan penambahbaikan sebahagiannya telah dikenalpasti untuk tindakan pembetulan dan dalam proses kajian semula ini, pandangan dari UPEN serta perincian dan ulasan teknikal dari jabatan-jabatan berkaitan telah dan akan diperhalusi sebaiknya. Kita juga mengambil pendekatan turun padang untuk bertemu sendiri dengan kelompok rakyat yang berkepentingan langsung dengan pelaksanaan sesuatu projek.

Akhirnya keperluan dan faedah kepada rakyat adalah faktor yang akan diambil kira sama ada projek ini wajar diteruskan ataupun dibatalkan. Kerajaan Baru akan meneruskan apa yang baik dan membuat perancangan baru yang lebih baik, insyaAllah..

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, berkaitan dengan Projek Lembah Kaprima, Tanjung Gadong, Marang yang disentuh oleh Yang Berhormat Pengkalan Berangan. Lembah Kaprima Tanjung Gadong, Marang mula beroperasi pada tahun 2013, dioperasikan oleh sebuah syarikat bumiputera anak Terengganu berasal dari Kuala Nerus. Keluasan tanah 50 ekar, dengan kemudahan infrastruktur 5 unit kandang, ada bekalan air, ada bekalan elektrik dan bangunan pejabat. Matlamat asal Projek Lembah Kaprima adalah untuk menjadikan Terengganu pengeluar utama kambing di Semenanjung. Tetapi status ternakan semasa di Lembah Kaprima Tanjung Gadong ialah 0 ekor kambing. Pengeluaran tahunan juga 0 ekor kambing. Kandang, bangunan pejabat dan infrastruktur lain terbiar, rosak dan ditumbuhinya semak-samun. Tiada aktiviti penternakan yang dijalankan oleh pengusaha dari tarikh tandatangan perjanjian pada tahun 2013 sehingga Jun 2018. Kesimpulannya, Projek Lembah Kaprima Tanjung Gadong, gagal.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, antara punca kegagalan ialah: Yang pertama, komitmen pengusaha yang sangat terhad, pengusaha yang dipilih bukanlah operator yang benar-benar berkemampuan dalam bidang ternakan kambing. Ini satu lagi contoh menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tepoh tadi. Yang kedua, Lembah Kaprima Tanjung Gadong, Marang tidak mampu menghasilkan impak dari segi sosio-ekonomi kepada masyarakat setempat, kerana itulah projek ini bagaikan terasing di tengah-tengah masyarakat setempat sehingga tidak wujud rasa kebersamaan di antara pengusaha dan masyarakat sekitar. Dan inilah antara punca kenapa ia terdedah kepada masalah pencerobohan dan kecurian, dan yang ketiga kos penyelenggaraan dan operasi yang tinggi terutamanya kos makanan ternakan yang menyebabkan pengusaha tidak kompetitif dan tidak berdaya saing akhirnya menyerah kalah dengan mudah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Exco Pertanian bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, kita telah bincang dengan teliti isu Lembah Kaprima dan di antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menyelamatkan Lembah Kaprima Tanjung Gadong ialah: Yang pertama, perjanjian dengan syarikat yang didapati gagal akan ditamatkan berdasarkan terma dan syarat. Syarikat ini bukan hanya gagal menternak, malah tidak pernah membayar sewa dari tahun 2013 sehingga 2018. Dua kali surat peringatan telah dihantar oleh Jabatan Veterinar, pada bulan 10, 2017 dan bulan 12, 2017. Dan saya telah memohon Jabatan Veterinar supaya menghantar surat peringatan ketiga beserta dengan notis penamatkan kontrak. Selepas selesai proses

penamatan, kontrak baru pengurusan dan pembangunan Lembah Kaprima Tanjung Gadong akan dibuka kepada pengusaha yang benar-benar berminat dan berkemampuan. Yang Berhormat Kijal takdok dalam Dewan, kot-kot dia berminat. Yang ketiga, konsep Lembah Kaprima lama kelihatan agak rigid, kerana memberi fokus kepada kambing pedaging, baka Boar dan baka Jamnapari sahaja. Kita akan kembangkan kepada konsep baru yang dinamakan Kaprima Unggul dengan pengisiannya 70% penternakan kambing sebagai aktiviti utama serta tambahan lain-lain aktiviti seperti ternakan bebiri, rusa, lembu sado, lembu sado ni lembu besar, tanaman kontan dan kolam ikan. Dan pengusaha juga boleh mendapat hasil tambahan melalui produk susu kambing.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, akhir sekali yang disentuh oleh Yang Berhormat Permaisuri, menyentuh tentang penternakan siakap dan kerabu hibrid di Laguna, Setiu. Kerapu hibrid ni, mungkin nama dia agak asing dan harga dia pun mahal. Harga mentah dia dalam RM45 hingga RM50 sekilo. Kerabu hibrid ni sebenarnya kacukan antara kerapu harimau dan kerapu kertang, kerapu harimau dia tahan tetapi masalah tempoh pembesaran dia lama. Kerapu kertang tempoh pembesaran singkat, tapi daya ketahanan rendah. Lalu dia gabungkan antara kerapu harimau dengan kerapu kertang maka menghasilkan kerapu hibrid.

Penternakan ikan air payau di Laguna, Setiu sebenarnya telah bermula sejak tahun 80an lagi. Dan sekarang terdapat seramai 59 orang pengusaha dengan 1,252 petak sangkar. Spesis utama yang diternak sebagaimana yang saya sebut tadi, siakap dan kerabu hibrid. Dan hasil bagi tahun 2015 saya ambil tiga tahun yang terakhir 92.31 metrik tan bernilai RM1.67 juta. Tahun 2016, 166.57 metrik tan bernilai RM2 juta lebih. Sementara untuk tahun 2017, pengeluarannya 132.84 metrik tan bernilai RM1.95 juta. Dan sehingga bulan Mei 2018, 41 metrik tan bernilai RM0.9 juta telah dihasilkan dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan antaranya bantuan makanan ikan, bantuan penyelenggaraan sangkar dan mesin untuk penghancur makanan ikan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagi menjamin kelestarian Projek Penternakan Ikan Air Payau di Laguna, Setiu, Jabatan Perikanan mencadangkan supaya semua pengusaha dilesenkan dengan Lesen Sistem Kultur Laut (SKL) dan dipersijilkan di bawah Program Bio Sekuriti Perikanan dengan Sijil Malaysia Good Acuaculture Practise atau MYGET. Bagi tujuan eksport, sekiranya ada pasaran eksport pada masa depan, dan hal ini bagi memastikan aktiviti akuakultur dapat dijalankan secara sistematik tanpa memberi kesan buruk kepada perairan semulajadi selaras dengan Rancangan Kawasan Khas Tanah Bencah Setiu atau Setiu Wetland , dengan izin, terima kasih Tuan Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Wakil Jabi, seterusnya saya persilakan Wakil Bukit Tunggal untuk membuat penggulungan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahir Rabbil Alamin. Wabihi nastain. Wassalatu wassalam'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajmain. Rabisy rahli sadri wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafkahu qauli.

Yang Dihormati Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Dihormati dan Dikasihi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Dihormati dan Dikasihi rakan-rakan Ahli Mesyuarat Majlis Meyuarat Kerajaan, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, seterusnya ketua-ketua jabatan, para Pemerhati yang dikasihi sekalian.

Pertamanya saya mengucapkan tahniah, kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terpilih untuk sama-sama berada dalam Dewan ini dan menjalankan perkhidmatan kita kepada rakyat Terengganu seluruhnya. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan kerana memberi keizinan dan peluang kepada saya untuk sama-sama menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dalam Istiadat Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Ke-14, pada hari Isnin, 2 Julai yang lalu.

Alhamdulillah dalam Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menitahkan beberapa perkara berkaitan dengan portfolio yang saya diamanahkan ini iaitu Portfolio Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar. Perkara-perkara yang disentuh ataupun dititah oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku antaranya ialah berkaitan dengan rumah kediaman B40 dan juga berkaitan dengan rumah kediaman untuk setiap rakyat yang layak. Yang kedua berkaitan dengan Kad Sejahtera. Ketiga berkaitan dengan Tabung Pinjaman Perumahan. Dan yang akhirnya berkaitan dengan Bandar Selamat dan Indah.

Juga saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah begitu prihatin sama ada di pihak Kerajaan ataupun di pihak sana tak mahu sebut Pembangkang, saya sebut 'Penegurlah' saya nak sebut 'Pelengkap', 'Penegur' bolehlah yang telah bersedia bersama-sama dengan kita untuk memberi teguran-teguran yang membina, insyaAllah. Pengalaman saya dalam Dewan nampaknya memang telah diamalkan BBMS pada hari ini, bukan UG tu, BBMS. Dan semuanya seolah-olah memberi suatu harapan dan menyokong manifesto yang dikeluarkan oleh PAS dalam Pilihan Raya 14 lah yang baik, cuma tinggal masing-masing tak sabar-sabar bila nak buat. Kita Kerajaan ni baru dua bulan, hampir dua bulan. InsyaAllah, semuanya dalam perangkaan kita dan kita mengambil perjalanan-perjalanan yang sepatutnya tapi sudah semestilah tidak semuanya dapat kita selesaikan dalam masa yang singkat.

Namun begitu, saya sekali lagi lalah untuk mengkredit ataupun terima kasih kepada rakan-rakan terutamanya Bukit Besi, Bandar, Rantau Abang, Kemasek, Kuala Besut yang banyak menyentuh tentang portfolio yang saya pegang dan Seberang Takir sebut sikit-sikit sahaja berkaitan dengan perumahan dan juga peningkatan KDNK, tak ada isu yang besar. Pertamanya suka saya nak mengulas tentang Wad Kelas Ketiga yang memang disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan juga wakil daripada Bukit Besi yang terdapat dalam manifesto PAS Pilhanraya Ke-14, Negeri Terengganu. InsyaAllah perkara ini sekarang dalam proses kita menyiapkan kertas untuk diangkat kepada pihak Kerajaan, kepada Exco khususnya untuk mendapat kelulusan. Kita telah berbincang dengan pihak hospital dan juga jawatankuasa kita untuk pelaksanaannya dan memang janji kita untuk memberi percuma kepada pesakit yang dimasukkan ke Wad Kelas Tiga seluruh hospital di Negeri Terengganu.

Setelah diambil kira, ditolak mereka yang telah dibiayai oleh sama ada oleh majikan masing-masing ataupun Kerajaan, kakitangan Kerajaan dan juga yang mendapat pengecualian daripada Kementerian Kesihatan sendiri bagi golongan-golongan tertentu yang memang sudah ada pengecualianya, dan bakinya itu, bakinya itu akan dilunaskan oleh pihak Kerajaan Negeri kerana kita tidak ada hak dalam Kerajaan Negeri untuk mengecualikan bayaran. Bayaran ini hanyalah boleh dikecualikan oleh Kementerian Kesihatan. Hospital di bawah Kerajaan Pusat. Kita hanya tolong bayar, kita bayar bagi pihak mereka yang duduk di kelas ketiga ni memang rata-rata yang masuk kelas ketiga ni orang-orang yang berpendapatan rendah, ni yang kita nak bantu, orang-orang miskin bagi mereka yang sakit, tidak dibebankan dengan bil-bil yang membebankan mereka.

Kerajaan akan menjelaskan bil in melalui satu kaedah, yang mungkin insyaAllah kita bercadang untuk menggunakan apa yang sudah ada pada hari ini, mungkin Tabung Darul Iman, diperluaskan sedikit lagi dari segi skop fungsinya.

Yang keduanya berkaitan dengan Sejahtera jugalah merupakan... Sila...

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tunggal kerana memberikan ruang. Tadi dalam jawapan yang diberikan berkait dengan perkara-perkara yang mahu disumbangkan oleh pihak Kerajaan kepada rakyat Negeri Terengganu khususnya dari aspek kesihatan. Saya ingin bertanya apakah langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan tahap pusat-pusat kesihatan termasuklah doktor-doktor ke arah yang lebih baik di Negeri Terengganu ini untuk manfaat rakyat walaupun kita tahu ini adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan tapi sudah tentu saya percaya bahawa pihak Kerajaan Negeri ada perancangan untuk memastikan sektor kesihatan ini dipertingkatkan di Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Wakil Batu Burok. Perkara berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan Terengganu sudah lama saya juga bangkit semasa menjadi penegur dulu, Pembangkang Kerajaan Negeri dah bincang dengan bekas Exco dahulu, dah arwah. Memang dari segi statistiknya kita dapat kemudahan kesihatan Terengganu ini memang ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri lain khususnya di Pantai Barat. Walaupun ada kelulusan untuk pembinaan hospital-hospital baru tapi tindakannya begitu lambat sekali, sekarang ni Dungun pun belum siap lagi, Kemaman pun belum, UniSZA masih dalam pembinaan dan yang paling malang sekali ialah post yang ada di hospital-hospital kita ini tidak bertambah. Itu menyebabkan bilangan doktor dan kakitangan seluruhnya tidak dapat ditambah kerana postnya tidak ada, tetapi pesakitnya bertambah hari ke hari. Ini adalah beban tugas yang sangat besar kepada mereka-mereka yang berkhidmat di sektor perubatan khususnya di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan. Maka tidak dinafikanlah bila ianya berlaku, *waiting time*, waktu menunggu yang begitu lama yang dihadapi oleh rakyat Terengganu. Itu sebab sebagai sebuah Kerajaan Negeri apa yang boleh kita bantu, kita akan insyaAllah, Menteri Kesihatan akan datang ke Terengganu 14 haribulan nanti, kita akan bincang, bagaimana supaya kalau hospital tidak boleh dibesarkanpun mungkin postnya boleh ditambah untuk meringankan beban kakitangan hospital yang ada sekarang. Dan supaya projek-projek dalam pembinaan ini dapat dipastikan ianya siap mengikut jadual yang ditetapkan, tidak berlaku lagi kelambatan, kelewatian dan sebagainya menyebabkan kita juga menerima masalah kemudahan kesihatan yang tidak mencukupi.

Kita bantu contoh tadilah, memang nak besar hospital bukan kuasa Kerajaan Negeri, tapi untuk meringankan sebahagian kecil ialah dengan kita menyediakan bantuan kita beri percuma untuk Wad Kelas Tiga.

Dan satu lagi tambahan yang kita berikan ialah disebut juga sebagai Kad Sejahtera. Kad Sejahtera inilah kita akan beri kepada golongan berpendapatan rendah khususnya, warga emas, OKU supaya mereka ini boleh, dengan kad ini nilainya RM500 setahun, mereka boleh mendapat rawatan di klinik swasta, dia klinik Kerajaan dan penuh, tak cukup kakitangan, kita edar mereka kepada klinik swasta yang ada di seluruh pelusuk Negeri Terengganu daripada Kemaman sampai ke Besut. Dan klinik ini semestinya kita akan lantik, kita buka permohonan untuk menjadi panel kepada Kerajaan Negeri dan kita akan bayar, cadangan kita mungkin antaranya menggunakan seperti Kad Touch N Go, dia boleh pergi dan dia potong daripada kad itu setiap kali dia dapat rawatan sehingga habis nilai RM500 setahun. Kalau habis jugak dia kena bayar sendirilah lepas pada tu. Kalau... Sila Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan

berhubungkait dengan Kad Sejahtera ini, sehingga kini berapakah anggaran kos yang dianggarkan oleh pihak Kerajaan untuk merealisasikan Kad Sejahtera? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih. Buat masa sekarang mereka yang layak ini kita akan guna dahulu apa yang berdaftar dalam e-Kasih dan juga PPRT. Mengikut rekod yang kita ada, bilangan golongan ini hanya sekitar 6,000 orang tapi insyaAllah, kita akan buat suatu penilaian baru, dengan syarat-syarat yang baru supaya lebih ramai lagi dapat menikmati kemudahan ini, maka jika 6,00 orang, RM500 sorang setahun, Yang Berhormat Sura boleh kalilah, lebih kurang RM3 juta setahun. Dia tidak banyak yang melibatkan kos sebenarnya tetapi insyaAllah bila kita buka, mungkin bilangan ini, yang layak ini akan meningkat, mungkin dua atau tiga kali ganda lagi. InsyaAllah, saya rasa Kerajaan Negeri bersedia untuk menanggung kos yang disebutkan itu. Semua ini, pesakit kelas tiga dibayar oleh Kerajaan Negeri, Kad Sejahtera sudah dalam siapkan kertas, cuma tunggu untuk kita bawa kepada pihak Kerajaan, Mesyuarat Exco untuk mendapat kelulusan dan tarikh bila kita akan mulakan, kuatkuasakan penggunaan kad dan juga bayaran untuk pesakit-pesakit yang layak, yang disebutkan tadi sama ada di hospital ataupun dapat Kad Sejahtera bernilai RM500 tersebut. Saya harap ia dapat diluluskan dengan cepat dan jangkaan saya mungkin di akhir tahun ini kita dapat beri kemudahan ini kepada rakyat seterusnya.

Yang seterusnya adalah berkaitan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bandar, Yang Berhormat Kuala Besut dan Seberang Takir juga, berkaitan dengan perumahan. Suka saya maklumkan Dewan Undangan Negeri ini memang Kerajaan, mana-mana Kerajaan di dunia pun tak semuanya dia berjaya buat dan tak semuanya dia gagal. Kita akui bidang pendidikan kita berjaya Terengganu, tapi ada tempat-tempat yang kita gagal yang kita perlu buat satu reformasi dan buat penambahbaikan yang bersungguh-sungguh kerana permohonan Rumah Mampu Milik yang dibuka sejak Januari 2014, kita *online* sehingga 3 Julai semalam, 2018, dan rekod kita ada 127,814 pemohon yang sedang *standby*, menunggu untuk dapat rumah sedangkan *track record* pembinaan rumah di Terengganu dari tahun 2008 hingga 2018, tepatnya 19 April 2018, yang siap hanya 7,742 buah rumah sahaja. Bermakna 10 tahun, hitung panjang hanya 774 buah rumah setahun. Jadi yang memohon 127,000 lebih, berapa ratus tahun nak selesai. Kalau kita mengikut cara yang sama ataupun phase yang telah dilakukan sebelum ini. Maka di sinilah suatu reformasi yang sedang kita fikirkan dan sudah ada beberapa idea yang boleh kita buat penambahbaikan dalam menyediakan rumah yang secukupnya insyaAllah dalam tempoh 5 hingga 6 tahun. Ada nak bangun? Sila.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat bolek tak bagi sebab agak-agak dari segi bilangan

yang kita capai 7,000, selama lebih kurang 10 tahun tu, kenapa angka itu terlalu kecil berbanding dengan permintaan?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Y.B. Bandar. Saya pun baru dua bulan, tak tahu ape benda sebenarnya tapi apa yang dapat ialah kebanyakan projek-projek ini lewat disiapkan, terbengkalai, sakit, macam-macam penyakit ada, ingat ke orang aje berpenyakit, rumah pun sakit jugak.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): *Dokdang* habis jawab Bandar, Manir bangun, sila selalu.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, terima kasih. Bagaimana dengan permasalahan Projek Perumahan di Padang Setengir, apakah ia juga termasuk dalam kategori bermasalah? Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih. Memang Padang Setengir antara projek yang sakit, sakit parah jugaklah berkaitan dengan kontraktor yang ditamatkan kontrak, dianugerahkan kepada kontraktor lain, yang ditamat saman Kerajaan, sekarang masih dalam proses mahkamah, saman Kerajaan, RM10 juta rasanya saman. Jadi inilah masalah-masalah sebenarnya kontraktor-kontraktor sebahagiannya tidak menepati terma-terma ataupun syarat-syarat yang telah ditetapkan dengan ada yang terpaksa ditamatkan kontrak dan sebagainya. Dan kemungkinan jugaklah, saya pun tak tahu jugok, ada beberapa pemaju beritahu Terengganu ni memanglah dia kata, kontraktor-kontraktor kita kurang *competence*, teknologinya ke belakang, tidak ada peralatan yang mencukupi menyebabkan inilah berlaku masalah-masalah, ini kita dah kenalpasti. Jadi oleh itu, untuk menjawab soalan yang sama yang dikemukakan oleh Rantau Abang, dia tanya berapa rumah yang ada kosong lagi buat masa ni. Jumlah yang ada hanya 79 buah rumah, ini pun nama sudah ada, cuma belum dipilih sahaja lagi. Yang ditanya Rumah Mampu Milik Batu 7 memang tidak ada kosong, 500 unit, 500 unit juga telah ditawarkan, cuma yang ada di Rumah Mampu Milik Paya Beris, ada kosong 6 daripada 290, ditawarkan 284. Maknanya yang adapun tak banyak dan senarai nama tu dah berjela-jela ada dengan kita untuk dibuat pemilihan dan penawaran.

Kaedah yang telah dibuat sebelum ini ialah, antara kaedah-kaedah kita untuk memastikan rumah ini dapat disediakan dengan bilangan yang lebih baik, antaranya ialah kita menyediakan tabung .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Laluan Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Silalah Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Takmboh* tengok terus. Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, sekejap, sekejap Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, sekejap, sekejap. Saya cuma nak beritahu Peraturan Dewan saja. Setiap pencelahan, mohon penjelasan, tuju pada saya dulu, saya akan tanya pada Yang Berhormat tu nak bagi ruang ke tidak. Biar kita buat cara teratur sikit, beretika.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, boleh? Yang Berhormat Yang Dipertua, sebagaimana yang disebut oleh Rantau Abang, dia kata rumah tu tidak diduduki tetapi mengikut pembahagian telah habis, pada atas kertasnya abis dah pembahagian tersebut. Adakah ia kerana penerima-penerima itu telah mempunyai rumah, dapat rumah pun dia tak duduk, ataupun perlu kepada pihak Kerajaan membuat penelitian semula kepada penerima-penerima yang telah menerima rumah dan ia perlu kepada pemutihan yang secepat mungkin, kerana lambakan orang ramai yang perlukan rumah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Manir. Ya, kita mengharapkan Yang Berhormat-Yang Berhormat kawasan masing-masing jika ada kes kes yang berlaku penyelewengan sebegitu, boleh maklum di pihak perumahan dan kita boleh buat siasatan. Kalau benarlah mereka ini menyewa kepada orang lain, ataupun dia ada rumah yang lain, itu akan diambil tindakan yang sewajarnya. Tapi yang tanpa aduan, maklumat daripada bawah sudah tentu kita tidak dapat mengesahkan andaian ataupun perkara-perkara yang disebutkan itu. Di antaranya ialah untuk memudahkan individu yang ada tanah sendiri untuk buat rumah, itulah kita sediakan Tabung Pinjaman Kerajaan RM50 juta, bagi mereka yang ada tanah sendiri tapi tidak ada pembiaya, tidak layak untuk buat, dengan izin '*bankable*', tidak layak untuk dapat pinjaman bank ataupun pinjaman daripada Kerajaan, maka inilah yang kita sediakan Tabung Pinjaman Perumahan Rakyat RM50 juta ini ialah untuk tujuan seperti itu. Mereka-mereka ni dah ada tanah, cuma tinggalnya mereka tak ada

duit nak bina rumah. Jadi insyaAllah, ini pun sedang kita kaji dan dalam kertas telah kita sediakan kaedah mana yang nak kita gunakan supaya benda ni mudah dan tidak melibatkan riba dan bayarannya juga tidak menyebabkan sekiranya mereka ni terlewat bayar atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, ialah sampai rumah mereka dilelong. Kalau bank, mungkin ada had tertentu rumah dia kena lelong tapi kita cuba cari kaedah dan kaedah sudah ditemui, cuma saya, rasanya tak perlu saya tak boleh nak war-warkan di sini kerana belum mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri supaya ianya tidak berlaku apa-apa masalah yang tidak dapat dielakkan, kita tidaklah sampai tahap rumah dia, tanah dia tu kena lelong. Itu kaedah yang kita gunakan untuk pinjaman bagi individu yang ada tanah sendiri kerana bahagian tanah, kita akan buka permohonan tanah untuk tapak rumah dan insyaAllah selepas itu, dia boleh buat pinjaman bina rumah masing-masing itu usaha individu.

Yang kedua, Bahagian Perumahan, Kerajaan Negeri dan SEDC juga, kita utamakan pembinaan Rumah Jenis A, iaitu rumah yang berkeluasan 800 kaki persegi, minimum tiga bilik yang harganya RM68,000.00 satu unit. Ini adalah rumah yang paling tinggi permintaan dan inilah yang akan kita utamakan. InsyaAllah sekiranya kita mendapatkan peruntukan yang besar daripada Kerajaan Negeri, ini akan lebih banyak dibina sendiri di bawah Bahagian Perumahan, daripada SEDC anak syarikat Kerajaan Negeri. Yang lainnya adalah Tabung Amanah Warisan, di bawah GLC negeri sendiri akan dibina, di bawah Kerajaan Pusat, Projek Perumahan Rakyat, Rumah Mesra Rakyat, Rumah Idaman, Maju Swasta. Satu lagi perkara baru yang akan kita buat ialah berkaitan dengan Bandar Lestari. Dengan Bandar Lestari inilah juga akan kita bina insyaAllah tanah-tanah yang kita akan kita kenal pasti di seluruh Terengganu untuk menempatkan sekitar 2,000 sehingga 2,500 buah rumah di setiap bandar baru ini. Ini sudah tentu dapat menyelesaikan dalam jumlah yang begitu besar dan kita akan buat secara pengswastaan dengan cara tender terbuka kerana antara yang kita dapat yang gagal dahulu adalah kerana *direct nego*. *Direct nego* ni banyak masalah itu yang menyebabkan datang untuk tambah masa, tak siap dan sebagainya, cuba buat yang terbaiklah, insyaAllah, tender terbuka dengan keutamaan kepada rakyat Terengganu supaya ia lebih kompetitif, mereka lebih untuk bersaing dan akan membaiki kaedah dan teknologi pembinaan yang lebih baik supaya lebih cepat dan jugak harganya lebih kompetitif.

Yang seterusnya, kita cuba menyelesaikan masalah projek-projek sakit yang berlaku di seluruh Negeri Terengganu kerana ini pun melibatkan banyak buah rumah yang kalau selesai dapat membantu meningkatkan bilangan rumah yang dapat kita tawarkan kepada rakyat. Antaranya yang berlaku sekarang di Pulau Redang, Pulau Perhentian, Padang Setengir yang disebutkan tadi, Taman Gemilang 2, Kerteh dan beberapa tempat lagi. Ini insyaAllah, saya sendiri sebagai Exco akan melawat sendiri projek-projek yang disebutkan itu untuk

mengenalpasti, berbincang dengan pihak pemaju dan juga pihak jawatankuasa bertindak masing-masing bagaimana untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Ada juga pihak swasta yang ditipu oleh pemaju, buat rumah sekerat jalan, tinggal, datang syarikat nak menyelamatkan, kosnya sudah terpaksa dinaikkan, mengadu dengan kita supaya Kerajaan bantu untuk paling kurang menyediakan infra untuk mereka. InsyaAllah, ini pun dalam pertimbangan kita untuk kita bantu sekadar yang boleh kita bantu yang akhir matlamatnya pasti rumah itu siap dan rakyat dapat guna. Ini usaha-usaha yang dalam tindakan kita sekarang ini. Kita tinggal dulu pasal rumah, rumah ni dah semua orang hendak dan insyaAllah kita juga akan usaha sedaya upaya kita sama ada dari pihak Kerajaan dan juga daripada bantuan, pandangan jugak kita terima daripada sebelah pihak Penegur itu.

Yang disebut oleh seterusnya portfolio saya berkaitan dengan Kempen Terengganu Bersih oleh Yang Berhormat Bandar. Sebenarnya Yang Berhormat Bandar ni bagus. Dia ada buat satu kempen, Kuala Terengganu ni bersih pantai dan sebagainya dan baru-baru ni pun saya dapat maklum kes Denggi yang berlaku di kawasan pembinaan Draw Bridge, biasalah kawasan pembinaan ni dia banyak air bertakung, ada bekas bekas yang kosong, tanah yang digali tak dalam mana, *tohor* jer tapi bila mari hujan air bersih bertakung, dibiarkan begitu dalam dua tiga hari nyamuk Aedes pun mari membiak. Akhirnya boleh menyebabkan berlaku penyebaran demam Denggi. Inilah yang berlaku sebenarnya di tapak Draw Bridge. Kes positif setakat yang saya dapatlah semuanya adalah daripada pekerja asing di tapak pembinaan, tidak melibatkan orang lainlah di situ. Dan satu lagi 10 kes positif dan 1 kes negatif dan apa tindakan yang telah dibuat ialah semburan kabus seperti biasa, pemusnahan tempat pembiakan, *active detection case*, didakwa di mahkamah, dua kes sedang didakwa di mahkamah atas kes pembiakan nyamuk Aedes ini. Dan ditutup tapak pembinaan dari 19.6.2018 selepas lapan tempat pembiakan dijumpai dan dibuka semula setelah *clear* semula pada 28.6.2018. Y.B. Bandar bersama dengan Kesihatan buat bergotong-royong dan Pelancaran Combi, Combi ni apa benda pulak? Combi ke Kombi? *Communication For Behavioural Impact* suatu kerja bermasyarakat untuk membantu masyarakat menghadapi penyakit ataupun menjaga kebersihan di tempat tersebut yang dibuat di Dewan Sivik Kg. Nesan Empat, Kuala Terengganu yang dirasmikan oleh Yang Berhormat ADUN Bandar. Tahniah ADUN Bandar.

Yang seterusnya yang saya sebutkan tadi Rantau Abang sebut pasal Rumah Mampu Milik yang kosong, berapa kosong saya dah jawab. Ini pelancong tapi saya suka juga untuk mengulas tentang Y.B. Pengkalan Berangan yang menyebut cadangannya supaya kampung-kampung tradisi dimajukan tetapi kekal keaslian untuk destinasi pelancongan. Saya sangat setuju dengan cadangan ini dan antara saya rasa tempat yang boleh kita ambil kira ialah dalam DUN saya Pulau Sekati sendiri, satu kawasan kampung yang belum lagi dicemari,

boleh kita *preserved* sebagai Kampung Tradisi Melayu yang cuma perlu diberi suatu, orang panggil suatu peruntukan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang munasabah dengan menjadikan kampung sebagai destinasi pelancongan dan insyaAllah saya akan bincang dengan Pejabat Perancang Bandar dan Desa untuk meneliti cadangan-cadangan seperti ini supaya kita bukan sahaja fokus kepada tasik dan pulau sebagai destinasi pelancongan dan kita ada kampung kampung tradisi yang boleh dijadikan contoh untuk menarik pelancong-pelancong untuk melawat Negeri Terengganu, insyaAllah.

Yang Berhormat Kemasek ada sebut tentang rawatan kesihatan swasta. Dia orang Kemaman ni, orang kaya-kaya, orang minyak dan gas. Dia dapat rawatan hospital tak masuk hospital Kerajaan, dia nak ke hospital swasta tapi kata Kemaman tidak ada hospital swasta terpaksa pergi ke Kuantan yang dekat. Kuantan tak apa Yang Berhormat, kita ada KMC (Kuantan Medical Centre) di bawah Kerajaan Negeri TDM. Swasta dia nak buka hospital dia kena tengok pasaran, dia kira untung rugi dia, kalau tempat tu ada potensi dia buka, tak ada masalah dan kita sebagai Kerajaan sudah tentu bersedia membantu untuk memudahkan dan pihak swasta untuk nak membina hospital di mana-manalah di Negeri Terengganu yang dikira berpotensi untuk mereka menjalankan perniagaan yang boleh menguntungkan mereka di samping masa yang sama kita memajukan Negeri Terengganu Darul Iman ini supaya jadi Negeri Maju, Berkat Dan Sejahtera.

Saya rasa itulah perkara-perkara yang disebut dalam Titah Ucapan Tuanku dan juga rakan-rakan Yang Berhormat sama ada dari pihak Penegur dan pihak Kerajaan tentang portfolio yang diamanahkan kepada saya dan saya rasa semuanya telah saya beri penjelasan dan kalau tak puas hati lagi lepas ni kita jumpalah minum-minum air esok.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih, selamat hari raya, hari raya tak habis lagi. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Wakil Bukit Tunggal atas penggulungan. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Wakil Paka untuk membuat penggulungan.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillahir rabbil 'alamin. Assalatu wassalamu asyrofil anbia iwal mursalin. Wa'ala alih wa ashabihi waman tabi ahum bi ihsani ila yaumiddin. Ammaba'.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan Pemerhati sekelian. Pertamanya, alhamdulillah, saya merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Ta'ala diberi kesempatan ini dan juga sempena majlis merafak sembah ke atas Titah Diraja Tuanku Sultan bagi pembukaan penggal kali ini. Dan dikesempatan ini juga saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Dipertua yang telah dilantik sebagai Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat dan juga seluruh Ahli-ahli Dewan yang dipilih dalam pilihan raya yang lalu.

Alhamdulillah, kali ini merupakan kali yang ketiga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kepada PAS untuk memerintah pada tahun 1959, 1999 dan 2018. Dan sebenarnya dasar dan prinsip adalah sama saja dengan meletakkan Islam sebagai teras dan untuk melihat dan menyaksikan negara kita ini melaksanakan apa yang diredhai oleh Allah Subhanahu Wata'ala bersumberkan Al Quran, Hadis, Ijmak dan Qiyyas Muktabar. Sebab Wakil Seberang Takir pun *takdok*, jadi kerap kali menyebut tentang Kerajaan yang ada hari ni tak sama dengan Kerajaan '99, *saya pun dok tahu dok sama lagu mana?* Sebab dasar dan prinsip kita sama saja. Ada yang meletakkan dasar komunis, jadi dia akan memerintah dengan dasar dan cara komunis, ada yang meletakkan dasar kapitalis, ada yang meletakkan dasar nasionalis, ada yang meletakkan dasar liberal dan sebagainya. Kita dari dulu tegas meletakkan dasar Islam sebagai teras. Walaupun berbagai persepsi yang diwujudkan dalam kekangan media yang kita hadapi, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada rakyat Terengganu yang masih lagi memberi kepercayaan kepada Parti Islam SeMalaysia PAS untuk dipilih memerintah dan menerajui Negeri Terengganu Darul Iman.

Terengganu dan Kelantan, walaupun orang kata Parti Tok Lebai ke apa dan sebagainya tapi setakat ini Negeri Kelantan mengakui, kita sendiri mengakui, masyarakat pun melihat bahawa Menteri Besar yang dilantik bersesuaian dengan Negeri Kelantan dan juga Negeri Terengganu Darul Iman walaupun orang kata Parti Tok Lebai, *takdok* golongan profesional dan sebagainya mengiktiraf Menteri Besar kita juga merupakan daripada kalangan tokoh profesional. Yang penting dasar dan prinsip kita sama, untuk meletakkan Islam sebagai teras dan meletakkan Al Quran, Hadis, Ijmak Ulamak, Qiyyas Muktabar ini sebagai panduan kita. Dan saya cukup yakin dengan saf kepimpinan Exco yang ada dengan fikrah yang ada, dengan kefahaman yang sama walaupun berbeza latar belakang dan sebagainya, insyaAllah kita bergerak ke arah hala tuju yang sama. Kadang-kadang persepsi macam-macam, acapkali hatta di Sidang akhir Dewan, ayat 'Serik Doh Weh', bagaimana menggambarkan bahawa Kerajaan dulu seolah-olahnya ambik kereta tengah jalan, saya *check* jugak kata hak mana gi ambik kereta Exco tengah jalan, tidak ada. Bahkan kereta Speaker kita dulu pernah dimintak pukul 2.00 malam. Tapi kita dok, orang panggil ajelah tapi disenaraikan sebagai contoh seolah PAS seperti itu. PAS dulu memerintah kunci Tadika, baru

ni saya jumpalah orang dia tu, dia kata: Yang Berhormat, sayalah dulu yang tukang kunci. Dah saya kata: Bakpe mu kunci? Masa tu dia jaga Penerangan. Dia kata dia beli kunci, lepas kunci ambik gambo. Sebab masa tu Kerajaan Pusat, Penerangan pun bawah dia jugak. Jadi dia boleh orang panggil manipulasikan benda seperti itu.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Gulung ke ceramah ni?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ni ucapan dasar Titah Tuanku disebut oleh Seberang Takir, nanti giliran tu cakaplah pulak

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat beri ruang Kerajaan gulung dulu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ni giliran saya cakap dulu, kalau nak tanya penjelasan, tanya takdok masalah. Hah, guaner? ... (Sambil gelak) .... Saya sebut *sakni nok kabo dok sama* merupakan apa orang panggil sama saja antara Kerajaan sekarang dengan yang lepas, cuma persepsi yang diwujudkan, gambaran.

Begini juga apa yang disebut oleh ADUN Kijal. Isu tanah tadi, ADUN Kijal pun *takdok*. Dia kata zaman PAS perintah dulu bagi tanah dok ikut Pejabat Tanah, ikut mana pulak dia pakai, tak patut kita pergi rintih bagi tanah macam tu aje. Ada RTB, lalu ikut Pejabat Tanah, dia kata tidak ada isu rampas tanah, macam mana *takdok* isu rampas tanah, bahkan tanah di Kijal sendiri, RTB Bujal sendiri telah dituntut di mahkamah dan mahkamah mengesahkan bahawa tindakan rampasan tanah itu tidak betul. Jangan kira hak lainlah, Paka tu hak kawasan hak saya acap kali sebut, tanah Sekolah Rendah Islam, bangunan *cakkung* depan, 650 orang pelajar, pun UMNO gi rampas, bagi ke JKK 5 orang depan tu, nak masuk ke sekolah pun tidak boleh. Jadi kita *horlah* jadi panaslah kadang-kadang. Apabila *dok* mengaku tapi benda tu berlaku macamtu. Tapi insyaAllah kita kalau nak sebut hal lama ni tak habis-habislah. Jadi insyaAllah kita buka buku baru, tak apalah hak lepas tu. Dia memerintah ke, bangkang ke, serupa je, kita mati ni sama jer, yang penting kita nak menghadap Allah Subhanahu Wata'ala. Masing-masing jawab masing-masing. Kaya miskin sama jer di sisi Allah Ta'ala tapi masa mu kaya, mu buat apa, masa mu miskin mu jadi apa. Begini juga masa kita memerintah kita buat apa, masa kita jadi Penegur kita buat apa. Jadi semua kita akan kembali kepada Allah dan ada mahkamah satu lagi di depan Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang kedua, kita meletakkan tema Maju, Berkat dan Sejahtera. Sebab tu kadang-kadang ditanya bila PAS memerintah ni, semua hak Kerajaan dulu buat, jalan ke sodok belaka jangan pakai. Semuanya ni kita sebagai pengurus sahaja,

milik Kerajaan, milik rakyat dan kita pelaksana dasar dan sampai satu masa orang lain pulak, gilirlah. **ثُوْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَزَرَّعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ** : Allah taala beri kuasa kepada sesiapa yang dia hendak dan boleh tarik daripada sesiapa dia nak. Dulu saya pernah duduk dekat Pengurus Back Benchers 1999, lepas tu duduk kat Pengurus Ketua Penegur, masa ni duduk sini pula. Gilir, takdok masalah. Haa gitu dan ada berapa orang lagi sini.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Bangun, bangun Yang Berhormat, nak bercakap bangun.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Kuala Berang, Bukit Tunggal sini, masuk jugak Yang Dipertua Dewan, bekas Exco. Jadi dalam hal ni dia juga bermaklumat apa yang dilakukan pada tahun 1999 dan sebagainya. Cuma orang kata serupa ye jer, kita kata doh dok sama. Benda tu doh serupa macam Allah Ta'ala sebut dalam Al-Quran:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُولُونَ إِلَّا كَمَا يَئُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ  
ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا

“Orang orang yang makan riba di akhirat kelak dibangkit di Padang Masyar macam orang dirasuk syaitan”. Kerana apa? Kerana mereka kata serupa ya jer, jual beli dengan riba ni sama jer sedangkan ada perbezaan di sana: **وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحْرَمَ الرِّبَا**

“Allah halalkan jual beli tapi Allah Ta'ala haramkan riba”. Jadi ada perbezaan. **فَلَنْ هُنْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ** Adakah sama orang berpengetahuan dengan orang tidak berpengetahuan, nampak macam serupa tapi hakikatnya tidak sama. Apatah lagi orang yang beriman dengan orang yang tidak beriman, tak sama.

Kita meletakkan tema Maju dan juga Berkat, berkat ni mungkin kadang-kadang definisi ni tidak ada di barat tapi keberkatan ini dikaitkan dengan apa yang difirmankan oleh Allah: **وَلُوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرْآنَ ءَامَنُوا وَاتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ** kalaulah sekiranya penduduk bumi itu beriman dan bertakwa, dia beriman dan takut kepada Allah, jalan apa yang diperintahkan oleh Allah, syariat dan sebagainya berjalan dengan baik, meninggalkan maksiat dan sebagainya, insyaAllah Tuhan akan buka pintu rezeki, langit dan bumi. InsyaAllah Allah Ta'ala akan memberi kejayaan dan yang lebih penting kesejahteraan bukan hanya di dunia, tapi 'wasatad-dunnya wal akhirah' keluasan bukan sekadar hanya di dunia tapi juga kita menyelamatkan diri kita, rakyat kita 'ku anfu sakum wa ahlikum naro' iaitu selamat dunia dan juga akhirat.

Saya juga merafakkan ucapan terima kasih kepada Titah Tuanku Al-Sultan yang juga menyebut supaya menjadikan fungsi masjid sebagai tempat yang relevan

untuk penyatuan ummah dan insyaAllah masjid sebagaimana zaman Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam sendiri, apabila baginda berhijrah dia buat Masjid Quba'. Dia masuk ke Madinah, buat masjid Madinah, dan itu menjadi pusat pentadbiran, pusat ilmu pengetahuan dan sebagainya. Dan insyaAllah fungsi masjid ini akan dipertingkatkan. Dan juga kita juga mengharapkan insyaAllah agar kekosongan yang melibatkan Imam, Bilal hampir 800, insyaAllah kita akan cuba penuhkan kerana inilah tenaga-tenaga yang akan memakmurkan masjid supaya berfungsi dengan baik, kuliah-kuliah dan sebagainya insyaAllah akan, kita harapkan terus subur. Dan juga masjid-masjid kita cuba, kita harapkan insyaAllah dapat dimakmurkan secara keseluruhannya tanpa ada apa-apa halangan yang kita rasa yang boleh menghalang fungsi sebenar masjid.

Yang kedua, Tuanku Sultan menyebut tentang Madrasah Moden. Sebagai insyaAllah penyambung tenaga-tenaga yang akan meneruskan pembangunan ummah kita ni sendiri, insyaAllah kita akan cuba untuk memberi ruang, peluang kepada golongan ini, mereka ini menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kerajaan juga insyaAllah akan menjadi payung kepada pondok-pondok, institusi pondok-pondok persendirian di seluruh Negeri Terengganu juga maahad-maahad tahfiz yang kita rasa turut memainkan peranan. Apa yang telah dilalui dahulu, nak daftar Sekolah Rendah Islam melibatkan 10 tahun tunggu nak boleh ke lulus, insyaAllah kita akan permudahkan. Kita akan lebih mesra kepada pihak-pihak swasta dan sebagainya sebab ini merupakan tanggungjawab bersama, pendidikan yang kita merasakan sebagai pelaburan yang penting kepada generasi kita yang akan datang. Dalam masa yang sama pihak Kerajaan juga bercadang untuk menggabungjalinkan ilmu pengetahuan mereka mahir di pondok, dengan ilmu kitab dan sebagainya ukhrawi tetapi juga dengan kemahiran teknikal, kemahiran aktiviti yang kita rasa mempersiapkan mereka untuk mereka mendapat peluang pekerjaan dan sebagainya yang kita rasa kita boleh manfaatkan TESDEC, MARA, Pusat-pusat Kemahiran dan sebagainya beberapa kolej untuk kita menggabungjalinkan tenaga-tenaga ini untuk sokongan, dokongan kepada mereka untuk mereka boleh menggabungjalinkan antara ilmu-ilmu duniawi dan juga ukhrawi.

Dan memang Kerajaan bercadang untuk menambahkan 32 DUN, 1 Sekolah Rendah Islam dan juga 1 Sekolah Menengah Islam di setiap Parlimen sebagaimana yang disebut oleh Wakil Ajil, permintaan yang tinggi dari kalangan masyarakat yang menggabungjalinkan antara ilmu-ilmu Islam dan juga modul konvensional yang ada pada hari ini, insyaAllah.

Dan kita sedia maklum pada tahun, pada era pemerintahan PAS 1999 – 2004, sebenarnya sudah ada sekolah-sekolah ini, yang dikenali sebagai Sekolah Rendah Agama Bersepadu tapi telah ditutup pada tahun 2004. Tinggal lagi

KOSTAT yang jadi IMTIAZ, Kolej Al-Quran Sains Terengganu. Sebab itu banyak persoalan-persoalan termasuk Wakil Seberang Takir tanya, nak tutup ke IMTIAZ ni, jadi KOSTAT ni beranak zaman 2004 dulu, dan insyaAllah kita tidak akan tutup malah akan suburkan. Di zaman tu kita asaskan Kolej Al-Quran Sains Terengganu walaupun tukar nama, tak apa tapi dasar atau prinsip dia, perjalanan dia berjalan sehingga ke hari ini insyaAllah. Dan kita hasratkan apabila Bandar Lestari nanti, sekolah menengah-sekolah menengah ini akan menjadi salah satu, mengisi kepada pusat pusat seperti ini, bukan hanya masjid, tempat tinggal, rumah dan juga bandar-bandar baru termasuk Sekolah Menengah-Sekolah Menengah Islam ini yang akan mengisi komponen dalam Bandar Lestari ini, insyaAllah.

Dalam masa yang sama pihak Kerajaan juga akan sentiasa memberi sokongan dan dokongan bagi meneruskan kecemerlangan pendidikan di Terengganu ini dan banyak cerita-cerita kecemerlangan yang dicapai, insyaAllah kita akan memberi sokongan, dokongan untuk anak-anak Terengganu, pendidikan Terengganu terus maju dan cemerlang.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Menteri Besar dan juga pihak Kerajaan yang bersetuju memberi insentif kepada pelajar-pelajar dan guru Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut yang disebut tadi. Pihak Kerajaan telah bersetuju memberi insentif dalam bentuk sumbangan wang tunai sebanyak RM10,000 kepada pelajar dan pihak sekolah dan insyaAllah anugerah tersebut akan diberi pada hari besok. Jadi *dok* timbul maknanya tadi kita tak mengiktiraf, kita memberi sokongan, dokongan yang berterusan ke arah kecemerlangan itu dan segala kekurangan insyaAllah kita akan berusaha memberi penambahbaikan.

ADUN Batu Rakit juga bertanya tentang biasiswa RM5 juta ni. Apa beza dia kata biasiswa ni dengan Biasiswa Sultan Ismail Nasaruddin Shah, betul ke tu soalannya? Lama dah biasiswa tu zaman saya sekolah dulu, tinggalan zaman dah ni, biasiswa ni.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Mintak laluan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebab saya difahamkan ada biasiswa untuk pelajar-pelajar cemerlang ke luar negeri ni, jadi hak ni hak kata RM5 juta ni hak mana pulok ni?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak mana dia kata biasiswa RM5 juta ni biasiswa zaman Sultan Zainal Abidin, apa Sultan Ismail Nasaruddin Shah, zaman *ambe gi* sekolah dulu, lama dah tu Syeikh. Pahtu dia tukar nama sekarang ni Pinjaman Yayasan Terengganu. Jadi biasiswa ini, yang ada pinjaman, tapi tengoklah tengok kelulusan dia, kemungkinan dia akan tukar kepada biasiswa tapi hak ni RM5 juta ni setiap tahun, kita berikan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang yang dapat menyambung pengajian dan insyaAllah kita bagi biasiswa ini sebanyak RM5 juta. Jadi tak timbul pelajar yang cemerlang sedar-sedar, *bakpe dok gi sambung ngaji, takdok orang panggil takdok apa biasiswa, takdok penajaan* dan sebagainya. Jadi hak ni kita khususkan kepada pelajar-pelajar cemerlang setiap tahun RM5 juta, RM5 juta, itupun berdasarkan kewangan. Dan insyaAllah kalau kewangan kita, Kerajaan negeri agak baik, kita akan perluaskan tanpa mengurangkan peruntukan yang telah diberikan sebelum pada ni, kepada Yayasan Terengganu, yang melibatkan pinjaman apa dan sebagainya ini merupakan sebagai khusus...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Laluan sekali lagi, selama ni ada dah ke, tambahan ke macam mana?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Takdok* lagi ni, hak baru ni.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Hak baru, jadi selama ni hak hantar ke luar negara apa semua tu?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak tu pinjaman Syeikh.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Pinjaman guaner, ada jadi biasiswa macam .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak tu jadi biasiswa bila dia dah dapat keputusan, dia kena mohon, kena apa proses.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Dah hak RM5 juta, hak kata ni *dok payoh doh*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Dok takdok*, pakai biasiswa.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Pakai biasiswa terus?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Biasiswa terus.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Biar kemas gitu....(sambil gelak).... Sebab tu orang sokong PAS tu. Okey, kita ucap terima kasih.

Dan juga berkait dengan beberapa soalan lagi oleh Yang Berhormat daripada Manir. Dia nak tanya penghantaran pelajar ni, sebab apa *kohor* kurang? Antaranya kita mengambil kira kekurangan peruntukan kewanganlah yang lepas. InsyaAllah lepas pada ni kita akan teliti balik, macam mana pendekatan-pendekatan yang kita boleh lakukan dan juga ada beberapa perkara yang melibatkan dasar JPA dan juga MARA khususnya seperti di Mesir dan sebagainya melibatkan berlakunya keselamatan, isu selepas perang dan sebagainya.

Setakat ini pelajar tajaan Yayasan Terengganu ke Mesir 2014 - 2 orang, 2015 - tiada, 2016 - tiada, 2017 - 1 orang sahaja. Jadi insyaAllah selepas pada ni kita akan bincang balik sebagaimana disebutlah Mesir, Jordan dan sebagainya antara pusat-pusat melahirkan kecemerlangan, insyaAllah kita akan bincang balik untuk kita pertingkatkan. Banyak yang pergi Medic tu secara persendirian dan juga ada pelajar Mesir yang apa ambil bidang Pengajian Islam banyak tajaan sendiri. Tapi setakat ni MAIDAM, alhamdulillah memberi bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar ini di Jordan mahupun di Mesir dan di mana-mana, insyaAllah. Jadi untuk perubatan itu kerana faktor-faktor tadilah tapi selepas pada ni kita akan bincang semula.

Jadi saya rasa itu antara beberapa persoalan yang dibangkitkan dalam ucapan. Ahli-ahli Yang Berhormat saya ucapkan Jazakumullah, terima kasih. Dan saya mahu menyokong cadangan, Titah Di Raja Ucapan Tuanku Sultan. Sekadar itu. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Paka, saya nak lewatkan sikit rehat kita, nak menjemput terus Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membuat penggulungan, Dipersilakan.

YANG AMAT BERHORMAT DR. AHMAD SAMSURI BIN MOHKTAR (Wakil Rhu Rendang): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Alhamdulillahir rabbil 'alamin. Wabihi nastain. Wal'aqibatu lil muttaqin wala 'udwana illa 'aladz dzalimin. Asyhadu alla ila ha illallah. Wa asyhadu anna Sayyidina Muhammadan abduhu wa rasuluh. Qalallah bil kitabil karim. Auzubillahi minasyaitanir rajim:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخْوِنُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخْوِنُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya : Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Nabi Muhammad) dan janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan pegawai dari agensi-agensi, Pemerhati dan seluruh yang berada dalam Dewan yang mulia pada hari ini.

Alhamdulillah, pada hari ini saya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita diberikan kesempatan berada dalam Dewan yang mulia ini bagi melaksanakan tanggungjawab membawa suara dan hasrat rakyat yang telah memilih kita dalam PRU Ke-14 yang lalu. Izinkanlah saya untuk mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat khususnya pandangan yang bernalas dan membina, kritikan yang membina sama ada dari pihak Kerajaan mahupun pihak rakan di sebelah sana. Begitu juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al Wathiqu Billah, Sultan Mizan Zainal Abidin. Sesungguhnya semua pandangan, teguran, ulasan akan dinilai dan dipertimbangkan untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu yang kita cintai ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, para Ahli Yang Berhormat, Ahli Majlis Kerajaan Negeri telah melakukan penggulungan masing-masing dan menjawab beberapa persoalan dan pandangan-pandangan yang telah diberikan sepanjang sidang pada kali ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab beberapa persoalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Manir berkenaan dengan kelulusan tanah-tanah untuk dimiliki pada tahun 2014 sehingga Disember 2017 di mana terdapat 8 kategori penerima telah menerima kelulusan tanah seluruh Negeri Terengganu dalam tempoh tersebut. Sebanyak 2,622 kelulusan telah diberikan kepada individu. 168 kelulusan kepada agensi Kerajaan Negeri, 98 kelulusan kepada agensi Kerajaan Persekutuan, 53 kelulusan kepada syarikat-syarikat, manakala 35 kelulusan tanah kepada Pertubuhan UMNO. Manakala Koperasi mendapat 5 kelulusan, Persatuan mendapat 12 kelulusan dan 3 kelulusan tanah telah diberikan kepada IPTA.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Negeri pada pentadbiran kali ini akan mengkaji dan meneliti tanah-tanah yang telah dirampas selepas pemerintahan yang lalu dan mana-mana yang dirampas dan diambil secara tidak sah oleh mana-mana pihak di sepanjang masa yang lalu dan kita akan membuka permohonan tanah baru dengan pemberian geran ataupun hak milik yang sah kepada rakyat yang layak menerimanya.

Yang Berhormat Yang Dipertua, menyentuh berkenaan dengan Majlis Petroleum Terengganu atau Terengganu Petroleum Council dengan izin, sebagaimana yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tepoh dan Kemasek, berkait dengan usaha dan hasil yang dilakukan oleh TPC sepanjang penubuhannya. Sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian, TPC telah mengenalpasti beberapa projek yang melibatkan kerja-kerja dan operasi di perairan Negeri Terengganu yang mampu dilaksanakan oleh syarikat Negeri Terengganu dengan anggaran projek bernilai sekitar RM5 bilion. Melalui rundingan ini juga, sebuah anak syarikat Kerajaan negeri telah dianugerahkan projek oleh Petronas dengan harga sekitar RM30 juta. Ianya adalah sebagai permulaan untuk kerja-kerja berkaitan yang lebih besar nilainya. Manakala berkenaan dengan Telaga Minyak Bertam, Jawatankuasa Bersama Teknikal (JBT) yang akan dipengerusikan bersama oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang dan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Terengganu akan bersidang bagi mendapatkan persetujuan bersama berkaitan dengan beberapa perkara berikut.

Yang pertama, mengkaji titik akhir sempadan darat Negeri Terengganu dan Negeri Pahang. Yang kedua, Kerajaan Negeri Terengganu dan Negeri Pahang boleh memulakan rundingan sempadan maritim antara kedua-dua negeri. Dan yang ketiga menjalankan kerja-kerja penandaan dan pengukuran baki sempadan darat Negeri Terengganu dan Pahang ke titik akhir sempadan darat. Berkait dengan royalti petroleum pula, sebagaimana yang telah sedia maklum, kita berpegang kepada komitmen yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang secara prinsipnya bahawa royalti petroleum akan diberikan secara terus kepada Kerajaan Negeri tanpa melalui jabatan atau agensi yang lain. ....(Tepuk sokongan)....

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian, berkenaan usaha Kerajaan Negeri terhadap mineral atau silika yang ada di Negeri Terengganu. Satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pembangunan Lembah Silika Negeri Terengganu telah dibentuk dan ianya dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri. Antara keputusan yang lepas ialah meminta Pegawai Tanah dan Galian Negeri untuk mengkaji semula Enakmen Mineral Negeri Terengganu supaya memberi lebih keadilan dan perolehan yang lebih kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Kerajaan Negeri juga telah mengenalpasti dan menyedari bahawa bahan mineral atau silika berpotensi besar sebagai penggerak ekonomi Negeri Terengganu dan penjanaan pendapatan Kerajaan Negeri. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri akan mengkaji semula enakmen dengan matlamat-matlamat berikut.

Yang pertama, menggalakkan pembangunan Industri Mineral Silika bagi menjadikan Terengganu sebagai Hub Galian Negara. Kajian ini akan melibatkan perubahan-perubahan polisi dan prosedur untuk menggalakkan pelaburan swasta dan kerjasama dengan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu. Penekanan utama adalah memaksimakan guna tenaga dari anak-anak Negeri

Terengganu sendiri. Yang kedua, mengukuhkan rantaian ekonomi industri mineral atau silika dengan sektor-sektor lain dalam pembangunan ekonomi Negeri Terengganu. Ini termasuklah menggerakkan pemprosesan hiliran dengan izin, downstream produk-produk akhir yang berasaskan mineral silika di Negeri Terengganu. Dan yang ketiga meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri. Ini termasuklah perubahan kepada kadar bayaran Lesen Pajakan dan Royalti Bahan Mineral Silika kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk membangunkan satu kawasan seluas 4,000 hektar di Jambu Bongkok, Marang yang dikenali dengan Lembah Silika Terengganu. Lembah Silika Terengganu ini adalah satu Kawasan Perindustrian Bersepadu khusus untuk industri berasaskan silika dan quartz. Kawasan perindustrian ini adalah tempat pemprosesan produk-produk akhir yang berasaskan silika dan quartz. Lembah Silika Terengganu akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan paip gas dari Kerteh, sebuah bath terminal dan conveyer belt in the power plan dengan izin kawasan perumahan, bangunan komersil dan kemudahan-kemudahan lain dan semua aktiviti ekonomi akan boleh diikuti oleh rakyat Negeri Terengganu, insyaAllah.

Lembah Silika Terengganu akan berjaya menarik pelaburan langsung asing dari pemain-pemain utama dalam industri ini kerana kelebihan kualiti bahan mentah silika, penjimatan kos pengangkutan, ekosistem yang ditawarkan dan pakej insentif yang kompetitif oleh MIDA dengan izin, Malaysia Investment Development Authority atau lain-lain agensi yang akan diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan. Secara keseluruhannya Kerajaan Negeri menjangkakan 7,600 peluang pekerjaan baru dapat diwujudkan dengan nilai anggaran pelaburan sebanyak RM13 bilion melalui industri ini. Perkara ini sekaligus mempermudahkan urusan Kerajaan menunaikan manifesto menyediakan 20,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 4 tahun. Di samping itu, sektor pembuatan minyak dan gas akan terus diberi penekanan bagi menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat. Fokus utama adalah kepada anak Negeri Terengganu. Kerajaan Negeri juga akan mempergiatkan peluang-peluang dalam sektor pertanian, keusahawanan serta potensi industri lain termasuk dalam bidang perkhidmatan, information technology sebagai contoh, sebagai contohnya online bisnes dan digital workers dengan izin, dan Revolusi Industri 4.0.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagi mendepani perjalanan sebagai Kerajaan Negeri, pada awal perlantikan saya sebagai Menteri Besar, kita telah memperkenalkan politik kasih sayang sebagai budaya politik Terengganu, politik yang dinatijahkan daripada pembudayaan politik matang dan sejahtera. Ini merupakan satu anjakan paradigma, memahamkan masyarakat supaya jangan takut melakukan perubahan, jangan takut dengan politik kerana kita muh bahawa politik keharmonian kasih sayang tidak timbul kebencian. Tiada

pendekatan balas dendam, penuh kesederhanaan dan cakna kepada setiap permasalahan. Dalam masa yang sama semua jentera pentadbiran di semua peringkat haruslah melaksanakan tugas dengan penuh amanah, tegas dengan prinsip dan dengan integriti kerja. Sudah lama kita bermain politik sehingga berlaku ketegangan, bergaduh antara keluarga, tidak bertegur sapa, nafsu amarah dan sebagainya. Ini sekali-kali tidak membantu ke arah keharmonian negeri dan tanpa keharmonian maka timbulah masalah sosial yang lain. Kita harus berani, sama-sama melakukan perubahan dengan politik kasih sayang. Dengan politik baru ini, peralihan kuasa yang berlaku di Negeri Terengganu berlangsung dengan tenang dan lancar tanpa sebarang masalah. Dalam hal ini, saya sangat menyanjung tinggi dan amat berterima kasih di atas kesediaan Mantan Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abdul Rahman, ADUN Seberang Takir di atas kesudian menghadiri Majlis Serah Tugas baru-baru ini. Ini juga boleh menjadi contoh kepada mana-mana pihak di peringkat nasional.

Saya mengharapkan budaya ini akan menjadi satu panduan politik kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam memacu pembangunan Negeri Terengganu. Bahkan melalui budaya politik ini, kita tidak mengamalkan politik tergopoh-gapah dalam mengambil setiap keputusan. Bagi menjawab soalan tentang projek-projek yang dirancang dan dilaksanakan oleh pentadbiran terdahulu, Kerajaan akan melakukan kajian terperinci sebelum memutuskan, membuat sesuatu keputusan terhadap projek-projek tersebut, dengan mengambil kira situasi Kerajaan Negeri dan manfaat kepada rakyat Negeri Terengganu. Aspek pelaksanaan projek akan dipastikan berjalan dengan penuh esien, berintegriti tanpa sebarang ketirisan yang boleh membebankan Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagi membangunkan Negeri Terengganu, Kerajaan sedang merangka satu pelan induk yang kita namakan sebagai 'Pelan Induk Terengganu Sejahtera' atau singkatannya PITAS 2030. PITAS 2030 ini merupakan model pembangunan yang dicadangkan oleh Parti Islam Semalaysia (PAS) yang merangkumi 3 Dasar, 7 Prinsip, 9 Strategi, 5 Bidang Utama, 10 Program Induk, 6 Sasaran dan 3 Teras Pelaksanaan. PITAS akan menjadi agenda Pembangunan Negeri Terengganu sesuai dengan tema Maju, Berkat, Sejahtera. Pembangunan pelan ini akan mengambil beberapa fasa penting bermula dari sekarang sehingga tahun 2030. Kerajaan Negeri sangat optimis melalui PITAS 2030, pembangunan insan dan penjanaan ekonomi dapat ditingkatkan sesuai dengan pendapatan dan kuasa beli rakyat.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya saya juga ingin mengambil kesempatan pada hari ini, harapnya masih belum terlambat untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai dan hadirin yang hadir pada hari ini dan Selamat Berangkat Menunaikan Fardhu Haji

kepada mana-mana pegawai dan Yang Berhormat yang akan menunaikan haji pada tahun ini. Semoga mendapat haji yang mabruk.

Akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan sepanjang Sidang DUN ini dijalankan. Sekian, terima kasih.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Wakil Rhu Rendang, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, penggulungan dari pihak Kerajaan telah selesai, sekarang saya buka kepada undian -

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*

**USUL INI DITERIMA.**

**JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN  
DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK** (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli

rakan Yang Berhormat. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

*"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik satu Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri menurut Fasal 103, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada:*

1. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan - Pengerusi
2. Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
3. Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
4. Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamad
5. Yang Berhormat Abdul Razak bin Ibrahim
6. Yang Berhormat Maliaman bin Kassim
7. Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
8. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said
9. Setiausaha Dewan Undangan Negeri - Setiausaha

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadang.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok):  
Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul ini.

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*

## **USULINI DITERIMA.**

### **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

*Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik suatu Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri menurut Fasal 110 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada:*

1. Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim - Pengerusi
2. Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
3. Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
4. Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
5. Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
6. Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
7. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abdul Rahman
8. Setiausaha Dewan Undangan Negeri - Setiausaha

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya mohon menyokong usul tersebut.

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*

### **USULINI DITERIMA.**

### **PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong telah memaklumkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu bahawa terdapat satu kekosongan Ahli Dewan Negara yang telah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu telah berlaku. Kekosongan ini ialah disebabkan tamatnya tempoh perkhidmatan seorang Ahli Dewan Undangan Negara yang lepas dan meminta supaya dipilih seorang Ahli Dewan Undangan Negara yang baru. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah menitahkan supaya diadakan pemilihan seorang Ahli Dewan Undangan Negara dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi memenuhi kekosongan itu.

Oleh itu, Dewan Undangan Negeri Terengganu dikehendaki memilih seorang Ahli Dewan Undangan Negara menurut Perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia Mengikut Jadual Ketujuh. Maka saya dengan segala hormatnya mempersilakan

Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengemukakan cadangan. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DR. AHMAD SAMSURI BIN MOHKTAR (Wakil Rhu Rendang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya ingin mengemukakan cadangan pemilihan seorang calon dan mencadangkan:

*"Bahawa Dewan Undangan Negeri ini bersetuju memilih Dato' Haji Husain bin Awang sebagai Ahli Dewan Negara untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu di dalam Dewan Negara Malaysia menurut Perkara 45 (1A) Perlembagaan Malaysia bagi mengisi kekosongan".*

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya ingin juga menyampaikan sedikit ringkasan dan latar belakang mengenai calon yang saya kemukakan untuk mewakili Dewan Undangan Negeri ini di Dewan Negara.

### **Biodata Calon**

Yang Berbahagia Dato' Haji Husain bin Awang adalah merupakan anak tempatan daerah Besut, Terengganu. Dilahirkan pada tanggal 10 Ogos 1946 dan dikurniakan 10 orang cahayamata bersama isteri, To' Puan Hajah Maliah binti Mohamad.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Padang Luas, Jerteh dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu. Setelah mendapat keputusan yang cemerlang, beliau ditawarkan untuk menyambung pengajian ke Universiti Islam Madinah, Arab Saudi dan mendapat Ijazah Pertama, BA.

Beliau berpengalaman luas sebagai Yang Dipertua di Dewan Undangan Negeri Terengganu di mana beliau telah diberi kepercayaan untuk menerajui Dewan Undangan Negeri dari tahun 1999 hingga 2004. Beliau juga mempunyai pengalaman bidang pendidikan, merupakan seorang mantan Pensyarah dari Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu dan juga Pensyarah Kolej Islam Klang, Selangor.

Bergerak aktif dalam bidang politik di mana beliau merupakan seorang Ahli Majlis Syura Ulama, Ahli Jawatankuasa Dewan Ulamak PAS Pusat yang dilantik sejak dari tahun 2013 hingga sekarang. Terkini beliau telah dilantik pada tahun

2017 sebagai Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya mohon menyokong cadangan ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Cadangan Memilih Seorang Ahli Dewan Negara menurut Perkara 45 (1A) Perlembagaan Malaysia mengikut Jadual Ketujuh bagi mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu telah diterima dan mendapat sokongan. Sekarang saya kemukakan kepada undian.

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*

### **USULINI DITERIMA.**

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini saya mengisyiharkan bahawa **Yang Berbahagia Dato' Haji Husain bin Awang**, telah dipilih menjadi Ahli Dewan Negara mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi mengisi kekosongan yang ada. Saya ucaokan tahniah dan syabas. Selamat bertugas untuk kecemerlangan negeri dan rakyat Terengganu. Bagi menghormati pelantikan beliau sebagai Ahli Dewan Negara ataupun Senator bagi mewakili Dewan Undangan Negeri kita, saya pohon Yang Berhormat Dato' Haji Husain bin Awang berdiri untuk diperkenalkan kepada hadirin.

*[Y.B. Dato' Haji Husain bin Awang berdiri dan diikuti oleh tepukan sokongan dari Dewan]*

Terima kasih.

## **TANGGUHAN**

YANG AMAT BERHORMAT DR. AHMAD SAMSURI BIN MOHKTAR (Wakil Rhu Rendang): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan pada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan Dewan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kerjasama yang diberikan kepada saya, selaku Yang Dipertua Dewan sepanjang Sidang ini berjalan. Saya juga memohon maaf di atas apa-apa kelemahan dan juga kekurangan yang ada.

Saya juga nak menyebutkan sebagai satu peringatan dan tanggungjawab bersama, supaya yang pertamanya, perkara-perkara yang berkait dengan Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan sentiasa dijadikan rujukan oleh Ahli- Yang Berhormat. Begitu juga soal ketepatan menjaga masa untuk kita hadir dalam Dewan yang mulia ini. Begitu juga saya mengharapkan perkara-perkara yang lain yang berkait dengan perjalanan Dewan kita ini dapat diberikan satu perhatian untuk sama-sama kita hayati bersama.

Akhirnya, marilah kita sama-sama tangguhkan Persidangan Dewan ini ke satu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah sama-sama kita membaca Tasbih Kafarah dan Suratul 'Asr.

Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.20 PETANG.

## **MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS  
PADA 1 HINGGA 4 JULAI 2018**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BILANGAN 9.1.1.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH  
Y.B. HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM  
WAKIL TEPOH**

- SOALAN 1 : Apakah perkembangan projek mengawal hakisan pantai di Kg. Tanjung Gelam dan Pantai Kg. Kolam, Mengabang Telipot buat masa ini? Sila nyatakan perkembangan cadangan projek pemecah ombak. Sila nyatakan juga cadangan lanjutan untuk melalui musim tengkujuh sekitar empat bulan lagi.
- JAWAPAN : a) Bagi menangani masalah hakisan pantai di Kg. Tanjung Gelam, Kerajaan Negeri melalui JPS Negeri telah melaksanakan kerja-kerja pembinaan struktur lapis lindung batu (rock revetment) sepanjang 200m bagi mengawal hakisan pantai di Kampung berkenaan. Projek yang menelan kos RM1.15 juta ini telah dimulakan pada Feb 2017 dan siap sepenuhnya pada April tahun yang sama dengan menggunakan peruntukan negeri.
- b) Bagi hakisan di Kg. Kolam, Mengabang Telipot serta kawasan sekitarnya JPS Negeri telah melaksanakan kerja-kerja darurat mengawal hakisan pantai pada Nov 2017, kerja yang menelan kos RM1.7 juta ini telah siap sepenuhnya pada Mac 2018 dan dibayai oleh peruntukan persekutuan. Skop projek ini ialah pembinaan struktur lapis lindung batu (rock revetment) sepanjang 400m.
- c) Untuk mengatasai musim tengkujuh tahun ini, pihak JPS Negeri juga sedang dipeingkat akhir penyediaan

dokumen kerja untuk menyambung pembinaan rock reveltment sepanjang 100m ke utara pantai berkenaan di mana sejumlah RM485,000,00 telah diperuntukan oleh Kerajaan Pusat.

- d) Bagi penyelesaian jangka panjang, Kerajaan Pusat melalui JPS Malaysia sedang diperingkat penyediaan rekabentuk terperinci yang melibatkan cadangan penambakan laut (beach nourishment) dan benteng pemecah ombak (breakwater). Anggaran kos bagi keseluruhan cadangan projek ini ialah RM90 juta. Bengkel Pengurusan Nilai (Value Management) bagi cadangan projek ini juga telah diadakan pada 19-23 Mac 2018 di TH Hotel, Kuala Terengganu. Tender bagi projek ini dijangka pada 2019, tertakluk kepada satu lagi penilaian teknikal melalui Bengkel Kejuruteraan Nilai (Value Engineering).

**SOALAN 2** : Apakah perkembangan projek Tebatan Banjir Baroh Tok Jiring? Bilakah projek ini dijangka siap dan berapakah jumlah perbelanjaan yang telah diperuntukkan untuk projek ini sehingga Jun 2018.

**JAWAPAN** : Status kemajuan kerja sehingga 30 Mei 2018 adalah sebagaimana berikut:-

- Kemajuan mengikut Jadual : 54%
- Kemajuan Sebenar : 54%

Projek berkenaan dijangka siap pada 16 Oktober 2019. Jumlah perbelanjaan yang telah dibayar kepada kontraktor sehingga kini adalah sebanyak RM49,042,600.00 iaitu (56.37%) daripada kos projek RM87,000.000.00.

**SOALAN 3** : Berapakah jumlah pelancong dalam dan luar negara yang telah mengunjungi Negeri Terengganu Darul Iman sempena Tahun Melawat Terengganu 2017?

**JAWAPAN** : Bilangan pelancong yang melawat Terengganu bersempena Tahun Melawat Terengganu 2017 adalah mencatatkan seramai **3,926,140 orang pelancong dalam Negara** dan **981,535 orang pelancong luar Negara** melalui kaedah pengumpulan data daripada hotel, resort, tiket taman laut dan lapangan terbang yang diselaraskan oleh Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu.

**SOALAN 4** : Berapakah jumlah kos yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri dalam mempromosikan TMT 2017 sama ada melalui Pesona Terengganu dan Beautiful Terengganu?

**JAWAPAN** : Kos yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu dalam mempromosikan TMT 2017 RM8.5 Juta.

**SOALAN 5** : Pohon dinyatakan jumlah pelaburan yang berjaya diperolehi oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu sepanjang tahun 2017 dan enam bulan pertama 2018?

**JAWAPAN** : Jumlah pelaburan yang berjaya diperolehi oleh Kerajaan Negeri Terengganu sepanjang tahun 2017 hingga suku tahun pertama 2018 adalah:

Tahun	Jumlah pelaburan	Jumlah pelaburan tempatan (RM)	Jumlah pelaburan asing (RM)	Jumlah keseluruhan (RM)
2017	4	37,508,416	35,615,300	73,123,716
Jan – Mac 2018	3	-	4,163,610,000	4,163,610,000
<b>Keseluruhan</b>	<b>7</b>	<b>37,508,416</b>	<b>4,199,225,300</b>	<b>4,236,733,716</b>

Sumber daripada pihak Malaysia Investment Development Authority (MIDA). Rekod yang diukur adalah berdasarkan kelulusan lesen pengilang yang dikeluarkan oleh pihak MIDA.

## **MESYUARAT PERTAMA** **PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS**  
**PADA 01 HINGGA 04 JULAI 2018**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 9.1.2**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD RAHMAN**  
**WAKIL SEBERANG TAKIR**

SOALAN 1 : Mohon nyatakan bilangan kakitangan yang ditamatkan kontrak di semua Agensi Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2018 dan bilangan kakitangan baharu yang dilantik.

JAWAPAN : A) PEGAWAI DITAMATKAN KONTRAK PERKHIDMATAN

1	Contract Of Services	10 Orang
2	Contract For Services ( Ad – Hoc )	978 Orang
	<b>JUMLAH</b>	988 Orang

B) PEGAWAI YANG BARU DILANTIK

1	Contract Of Services	16 Orang
2	Contract For Services ( Ad – Hoc )	17 Orang
	<b>JUMLAH</b>	33 Orang

SOALAN 2 : Apakah dasar dan perancangan Kerajaan Negeri terhadap Taman Ilmu?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri pada dasarnya bersetuju untuk melaksanakan kerja-kerja baik pulih bangunan dan infrastruktur di Taman Ilmu di Tembila, Besut secara berperingkat mengikut kemampuan kewangan Kerajaan Negeri serta menawarkan penggunaan kemudahan di Taman Ilmu kepada pihak luar yang berminat.

Kerajaan Negeri bercadang melantik kumpulan pakar termasuk dalam bidang pembinaan dan pendidikan untuk memberi nasihat serta panduan dalam merangka strategi pemulihan projek yang terbengkalai itu.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS**  
**PADA 01 JULAI HINGGA 04 JULAI 2018**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 9.1.3**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK**  
**WAKIL SURA**

SOALAN 1 : Pasar Borong di Dungun. Apakah penyelesaian oleh pihak Kerajaan ?

JAWAPAN : Setakat ini tiada Pasar Borong di Daerah Dungun.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Dungun telah menyediakan tapak baru berhampiran dengan terminal bas bersepadu yang tidak berapa jauh dari pasar harian sebagai langkah penyelesaian sementara.

SOALAN 2 : Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh pihak Kerajaan terhadap kawasan industri Batu 7 di Dungun?

JAWAPAN : Tindakan pihak Kerajaan terhadap kawasan perindustrian di Batu 7, Dungun ialah dengan menyediakan infrastruktur asas seperti jalan dan longkang di kawasan berkenaan bagi menarik lebih pelaburan ke kawasan ini. Tindakan ini juga disokong dengan kerja-kerja promosi secara berterusan mengenai peluang pelaburan di kawasan ini kepada pelabur yang berpotensi.

Kerajaan Negeri juga bercadang untuk menguatkuasakan rampasan tanah selaras dengan peraturan yang termaktub di dalam Kanun Tanah Negara bagi mengenalpasti tanah-tanah industri yang telah diluluskan tetapi masih belum dibangunkan untuk tindakan merampas semula tanah tersebut sekiranya pemilik didapati telah melanggar syarat yang ditetapkan.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah lot tanah dan bilangan penerima yang diberikan oleh Kerajaan PAS semasa pemerintahan 1999-2004 yang dibatalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional mengikut pecahan daerah ?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS**  
**PADA 01 HINGGA 04 JULAI 2018**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 9.1.4**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN**  
**WAKIL KUALA BESUT**

SOALAN 1 : Apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil tangkapan nelayan.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu

SOALAN 2 : Apakah strategi dan insentif pihak kerajaan dalam usaha untuk memperkasakan kawasan pelancongan di Terengganu?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu

SOALAN 3 : Dalam usaha meningkatkan hasil tuaian padi, apakah strategi kerajaan untuk meningkatkan infrastruktur di skim pengairan padi sekitar Terengganu.

JAWAPAN : Secara keseluruhannya Kawasan penanaman padi utama di Terengganu terdiri daripada 38 Skim Pengairan. Daerah Besut (8 Skim), Setiu (7 Skim), Dungun (2 Skim), H.Terengganu (11 Skim), Kemaman (3 Skim), Marang (5 Skim) dan Kuala Terengganu (2 Skim).

Kerajaan telah mengatur beberapa strategi dalam usaha untuk meningkatkan infrastruktur utama di Skim Pengairan Padi di Terengganu. Antaranya adalah pembangunan perparitan sawah, Pintu Kawalan Air, Tebatan Banjir (Barrage), pembinaan empangan, tali air, sistem saliran (Parit Ladang dan parit air buang dan pintu air), jaringan perhubungan (lintasan ladang dan Jalan Ladang).

Pembangunan Pengairan di daerah Besut melibatkan (Skim

Pengairan Besut, Pelagat, Pengkalan Nangka, Sri Pinang, Kerandang Timur, Bukit Jerok, Gong Macang dan Telabak) yang merupakan satu-satunya daerah yang mempunyai 5 empangan dan 3 rumah pam yang berfungsi untuk membekalkan air bagi keseluruhan 7,424 ha skim pengairan. Skim Pelagat di Pasir Akar memulakan operasi seawal tahun 1977. Secara keseluruhannya melibatkan petani seramai 2,635 orang yang secara puratanya penanam 2 kali setahun. Kemudahan empangan yang tersedia membolehkan daerah Besut meningkatkan percapaian purata hasil sebanyak 4 – 6 metrik tan/ha dan merupakan daerah yang menyumbang pengeluaran tan/ha yang paling produktif di Negeri Terengganu.

Empangan Paya Peda (KETARA Fasa 2) mampu membekalkan sumber pengairan tambahan kepada 5,046 ha meliputi skim Pelagat, Pengkalan Nangka, Sri Pinang, Kerandang dan Bukit Jeruk di Besut sehingga ke Skim Jelapang, Setiu, Guntung Dalam dan Skim Bahagia Setiu.

Kemudahan pengairan yang tersedia terdiri daripada Tali Air Utama Sepanjang 176 km dan 173.27 km Talair Ke 2, serta parit air utama sepanjang 208.94 km dan 199.8 Parit Kedua di kawasan Skim seluas 21,357ha yang bertanam di Terengganu.

Kemudahan jalan ladang sepanjang 316.6 km yang sedia juga dilihat dapat menyumbang kepada peningkatan hasil tuaian padi secara tidak langsung memandangkan ia memudahkan pengangkutan mekanisasi besar seperti Traktor, combine Harvester ke sawah dan pergerakan keluar masuk lori untuk pengangkutan hasil dan implement.

**SOALAN 4 :** Apakah strategi pihak kerajaan dalam menangani isu pengangguran di Negeri Terengganu.

**JAWAPAN :** Dalam menangani isu pengangguran di Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri telah menyatakan dalam manifesto untuk menyediakan 20 ribu peluang pekerjaan. Kerajaan Negeri sedang berusaha dan mengambil beberapa tindakan sebagaimana di bawah :-

- a. Menambahkan pewujudan peluang-peluang pekerjaan baru. Ini dilakukan melalui perbelanjaan sektor awam dan

sektor swasta.

- b. Mengenalpasti sektor-sektor ekonomi yang mempunyai kesan pengganda pewujudan peluang pekerjaan yang tinggi.
- c. Memberi latihan dan kemahiran kepada rakyat Negeri Terengganu berdasarkan kepada kemahiran yang diperlukan oleh pemain industri.

**SOALAN 5** : Apakah peranan kerajaan dalam usaha memenuhi keperluan perumahan kepada golongan muda dan B40?

**JAWAPAN** : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS**  
**PADA 01 HINGGA 04 JULAI 2018**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 9.1.5**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI RIDZUAN BIN HASHIM**  
**WAKIL BULUH GADING**

**SOALAN 1** : Nyatakan kadar kemiskinan terkini Negeri Terengganu

sehingga April 2018 dan berada pada kedudukan yang keberapa termiskin berbanding negeri-negeri seluruh Malaysia.

- JAWAPAN :
- 1.0 Kemiskinan isi rumah diukur berdasarkan kepada pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang mana secara konsep merujuk kepada jika pendapatan isi rumah kurang daripada nilai PGK maka isi rumah tersebut akan dikategorikan sebagai miskin. Statistik terkini berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) 2016 menunjukkan terdapat 0.4 peratus isi rumah di Negeri Terengganu berpendapatan di bawah pendapatan garis kemiskinan purata iaitu RM960 sebulan.
  - 2.0 Berdasarkan kepada pengukuran kemiskinan yang diguna pakai, Negeri Terengganu berada di kedudukan ke tiga belas dari segi kadar kemiskinan yang rendah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Kadar Kemiskinan Isi Rumah Mengikut Negeri, Malaysia, 2016

Bil	Negeri	Kadar Kemiskinan (%)
1.	Johor	0.0
2.	WP Putrajaya	0.0
3.	WP Kuala Lumpur	0.0
4.	WP Labuan	0.0
5.	Selangor	0.0
6.	Melaka	0.0
7.	Pulau Pinang	0.1
8.	Perlis	0.1
9.	Kedah	0.2
10.	Pahang	0.2

11.	Perak	0.2
12.	Negeri Sembilan	0.2
13.	Terengganu	0.4
14.	Kelantan	0.4
15.	Sarawak	0.6
16.	Sabah	2.9
	<b>Malaysia</b>	<b>0.4</b>

Nota: 0.0 kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan, misalnya kurang daripada 0.05 peratus.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS**  
**PADA 01 JULAI HINGGA 04 JULAI 2018**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 9.1.6**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI HILMI BIN HARUN**  
**WAKIL MANIR**

SOALAN 1 : Apakah status terkini tanah di Bandar Kuala Berang yang sebelum ini telah digazetkan kepada Jabatan Pertanian?

JAWAPAN : Tanah tapak Rumah Pegawai Jabatan Pertanian Negeri Terengganu asalnya Lot 371 seluas 3.406 ekar Mukim Kuala Berang Daerah Hulu Terengganu telah direzabkan menurut

Seksyen 62 Kanun Tanah Negara dengan dijagai oleh Pegawai Pertanian Negeri Terengganu sebagaimana Warta No. 36 bertarikh 4 Januari 1971. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) Cawangan Kampung Rahmat telah memohon keseluruhan tanah tersebut bagi tujuan bangunan aktiviti pertubuhan dengan didaftarkan PT 13135 seluas 1.1757 hektar. Melalui keputusan Mesyuarat Kertas Bil. 456/2015 bertarikh 11 Mac 2015, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju membatalkan Perezabatan tanah tersebut mengikut Seksyen 64 (2) KTN dan seterusnya meluluskannya kepada pemohon dengan premium dikenakan RM49,000.00 satu lot iaitu pada kadar 10% daripada nilai semasa ketika itu. Pembatalan Perezabatan tanah tersebut telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Terengganu No. 315 bertarikh 17 Mac 2016. Tanah tersebut kini menjadi milik Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) Cawangan Kampung Rahmat setelah Hak Milik dikeluarkan dengan memakai keterangan HS(D) 1714 PT 13135.

**SOALAN 2** : Rungutan tentang harga ikan yang tinggi, apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri Terengganu ?

**JAWAPAN** : Perancangan Kerajaan adalah sebagaimana berikut :

1. Mempergiatkan usaha memulihara sumber perikanan di Negeri Terengganu melalui Projek Pembangunan Tukun Tiruan bertujuan memperbanyakkan kawasan pembiakan dan rumah ikan. Peningkatan kawasan pembiakan ikan akan membantu meningkatkan hasil pendaratan ikan seterusnya meningkatkan sosioekonomi nelayan.
2. Meningkatkan pendaratan ikan dalam negeri supaya bekalan bertambah dan harga lebih kompetitif melalui penyediaan infrastruktur dan kemudahan seperti bekalan air batu dan bahan api yang mencukupi serta aktiviti pemasaran yang cekap.
3. Mewujudkan Stok Simpanan Ikan Segar Beku untuk

menyimpan ikan semasa musim lambakan dan dipasarkan sewaktu permintaan tinggi, bekalan berkurangan dan harga ikan tinggi terutamanya semasa musim tengkujuh dan musim perayaan di Persatuan Nelayan Kawasan Besut (PKN Besut) dengan kapasiti Bekalan stok simpanan ikan segar beku sedia ada di PNK Besut adalah sebanyak 10MT merangkumi spesis ikan yang terdapat di stok simpanan adalah kembong, selayang, cencaru, selar dan aya iaitu antara ikan pilihan utama rakyat Terengganu.

4. Mempergiatkan aktiviti akuakultur melalui pembukaan kawasan baru, memperbanyak projek berskala besar dan meningkatkan produktiviti projek sedia ada. Dengan mempelbagaikan sumber protein melalui akuakultur maka pengguna mempunyai pilihan untuk mendapatkan bekalan ikan sebagai tambahan dengan harga yang berpatutan.
5. Bagi rancangan jangka panjang Kerajaan akan memperdalamkan muara-muara sungai yang cetek bagi memudahkan pendaratan hasil dan memudahkan operasi nelayan supaya lebih kerap masa ke laut untuk menangkap ikan.

SOALAN 3 : Sebelum ini pihak Kerajaan telah cuba memajukan industri padi negeri, industri ini memerlukan bantuan peralatan dari pihak Kerajaan, berapakah jumlah jentera-jentera yang berkaitan yang dimiliki oleh agensi-agensi yang berkaitan ?

JAWAPAN : Kerajaan telah mengatur beberapa strategi dalam usaha untuk meningkatkan infrastruktur di Skim Pengairan Padi di Terengganu. Antaranya adalah menyediakan mekanisasi ladang (Jentera, *Implement* Ladang dan peralatan kecil pertanian) yang mencukupi. Sejumlah jentera ladang seperti jentera penuai (*combine Harvester*) dan Traktor. *Implement* Ladang seperti *Transplanter*, Bajak Piring, *Rotorvator*, *Susoiler*, *Lazer Labeller*, *Multipurpose Functioning* dan *Roto Slasher*.

Jabatan Pertanian telah diperuntukkan untuk menyediakan perkhidmatan sewaan mekanisasi mengikut kadar yang ditetapkan berdasarkan kepada jenis kerja. Kerja-kerja membajak putar (*Rotor*) (RM26/jam), Bajak Piring (RM39/jam). Peralatan kecil pertanian yang membantu aktiviti meracun dijalankan dengan lebih efektif seperti *Mist Blower* dan *Knapsack Power Sprayer*.

Selain daripada Jabatan Pertanian, Pertubuhan Peladang Negeri yang dipertanggungjawabkan bagi menyelaras penggunaan sewaan mekanisasi Ladang yang diuruskan oleh Pertubuhan Peladang Negeri Jentera (PPNJ). PPNJ terbahagi kepada 2 Pusat Kawalan mengikut zon. Iaitu di Jerteh sebanyak 23 unit Traktor, *Combine Harvester* 18 unit yang beroperasi bagi zon Besut dan Setiu manakala Manir sebanyak 11 unit Traktor, 6 unit *Combine Harvester* yang beroperasi bagi zon Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman. Jentera (RM110/ekar) dan Jentuai (RM110/tan).

Jentera-jentera tersebut digunakan untuk memberi khidmat kepada kawasan penanaman padi bagi seluruh Terengganu seluas 16,000 ha (che) setahun.

Pertubuhan Ladang peladang turut menyediakan perkhidmatan sewaan lori bagi mengangkut hasil tuaian padi.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS**  
**PADA 1 HINGGA 4 JULAI 2018**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 9.1.7.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI ALIAS BIN HARUN**  
**WAKIL RANTAU ABANG**

- SOALAN 1 : Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur dari dalam dan luar negeri ke negeri Terengganu?
- JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 2 : Terangkan garis panduan dan peraturan yang diguna pakai oleh Kerajaan Tempatan untuk mengawal industri cuci kereta di Terengganu?

- JAWAPAN : Sehingga kini Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu menggunakan syarat-syarat lesen tred, perniagaan dan perindustrian bagi mengawal industri cuci kereta di Terengganu.
- SOALAN 3 : Apakah usaha kerajaan dalam menangani nasib peserta Rimbunan Kasih di Rantau Abang setelah tamat tempoh 5 tahun?
- JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 4 : Mohon kerajaan jelaskan usaha untuk menangani pencerobohan nelayan pukat tunda asing di perairan Terengganu.
- JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 5 : Sejauh manakan kerajaan dapat menyelesaikan masalah isu pemilikan tanah kepada anak tempatan dan juga anak generasi ke-2 mengikut daerah di Terengganu.
- JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS**  
**PADA 1 HINGGA 4 JULAI 2018**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 9.1.8**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. SULAIMAN BIN SULONG**  
**WAKIL PENGKALAN BERANGAN**

SOALAN 1 : Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan industri silika di Terengganu?

JAWAPAN : Usaha Kerajaan Negeri di dalam membangunkan industri silika di Terengganu adalah:

- a. Membangunkan satu kawasan perindustrian bersepadu di atas tanah seluas 4,000 hektar di Kg. Jambu Bongkok yang dikenali sebagai Lembah Silika Terengganu. Lembah Silika Terengganu adalah kawasan perindustrian khusus (dedicated industrial park) bagi pemprosesan produk-produk pertengahan (midstream) dan hiliran (downstream) yang berasaskan kepada silika dan kuartz. Komponen pembangunan bagi Lembah Silika Terengganu merangkumi :-

I Kilang industri

- II Kilang sokongan industri
- III 2 terminal
- IV Terminal gas
- V Indipendent Power Producer (IPP)
- VI Railway, bulk terminal, conveyor
- VII Lain-lain kemudahan infrastruktur asas

Impak ekonomi yang dijangkakan diterima daripada pembangunan Lembah Silika :-

- I Penyediaan lebih kurang 7,000 peluang pekerjaan
- II Pelaburan daripada luar dan dalam negara berjumlah RM13 billion
- b. Mengkaji semula Enakmen Mineral Negeri yang mana enakmen ini perlu disesuaikan bagi pencapaian matlamat-matlamat di bawah :-

  - I Menggalakkan pembangunan industri mineral yang mampan di Negeri Terengganu
  - II Meningkatkan rantai nilai (value chain) di dalam ekonomi Negeri Terengganu ke arah penjanaan pertumbuhan ekonomi negeri
  - III Meningkatkan sumbangan hasil mineral kepada pendapatan Kerajaan Negeri

**SOALAN 2** : Apakah penyelesaian Kerajaan Negeri dalam menghadapi masalah tekanan air yang agak lemah dibebberapa tempat terutamanya di Kg. Pengkalan Berangan, Merchang, Gong Balai serta kawasan sekitar.

**JAWAPAN** :

1. Bagi menyelesaikan masalah tekanan air yang rendah di negeri ini, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah penyelesaian yang terbaik iaitu :-
  - i. Memperuntukkan bajet tahunan untuk membiayai projek penggantian paip dan juga projek-projek

menaiktaraf sistem bekalan air Negeri Terengganu. Pada tahun 2018 sebanyak RM45 juta diluluskan untuk projek-projek menaiktaraf bekalan air Negeri Terengganu.

- ii. Kerajaan Negeri juga sedang melaksanakan projek utama bagi memastikan bekalan air dapat dibekalkan kepada penduduk negeri ini sehingga tahun 2030. Projek ini ialah membina loji rawatan air 148 MLD dan meningkatkan keupayaan loji-loji sedia ada di Kepong dan Pulau Musang serta penukaran paip-paip lama.
2. Masalah tekanan air di kawasan seperti Pengkalan Berangan, Merchang, Gong Balai dan sekitarnya, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan program penukaran paip lama di bawah Peruntukan Wang Dana Khas. Program penukaran paip lama untuk Daerah Marang akan dilaksanakan pada tahun 2019. Di antara projek-projek penukaran paip lama di Daerah Marang ialah :-
  - i. Dari Wakaf Tapai - Simpang Batu Kikir
  - ii. Dari Simpang Batu Kikir - Kg. Tok Muncung
  - iii. Dari Kg. Tok Muncung - Kg. Bukit Perpat
  - iv. Dari Simpang Bukit Perpat - Kg. Bukit Kolam
  - v. Kg. Bukit Kolam - Pengkalan Berangan
  - vi. Kg. Pengkalan Berangan - Kg. Bukit Jejulong
  - vii. Kg. Bukit Jenjulong - Kg. Bukit Parit
  - viii. Kg. Bukit Parit - Kg. Jerung
  - ix. Simpang Pengkalan Berangan - Jambatan Alur Wan Syed

Dengan terlaksananya program-program penukaran paip lama ini, masalah tekanan air rendah di Daerah Marang akan dapat diselesaikan.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 01 HINGGA 04 JULAI 2018**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 9.1.9**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. AHMAD SHAH BIN MOHAMED**  
**WAKIL BANDAR**

**SOALAN 1** : Apakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menjadikan Sungai Kuala Terengganu dan muaranya sebagai salah satu daya tarikan sektor pelancongan?

**JAWAPAN** : Antara rancangan Kerajaan Negeri bagi menjadikan Sungai Kuala Terengganu dan muaranya sebagai salah satu daya tarikan sektor pelancongan adalah:

1. Telah dilaksanakan:-

i). Double Road Frontage fasa 2 dilaksanakan bagi melancarkan aliran trafik sepanjang Jalan Pesisir Payang, serta mewujudkan pusat reakrasi keluarga yang baharu sepanjang pesisir Sungai Terengganu di samping menawarkan kemudahan tempat parking yang luas.

ii). Menaiktaraf kemudahan pengangkutan dan memberi wajah baru kepada bot penambang.

2. Dalam Perancang:-

i). Mewujudkan Payang Water Taxi sebagai produk pelancongan baru bagi memberi nilai tambah dalam sektor pelancongan di Negeri Terengganu.

ii). Pengoperasian Kenderaan Amphibia menyusuri Sungai Terengganu.

**SOALAN 2** : Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk memperkasakan industri-industri tradisional seperti pembuatan barang dari tembaga, perusahaan keris dan sebagainya?

**JAWAPAN** :

1. Kerajaan Negeri berusaha memperkasakan industri-industri tembaga, perusahaan keris dan sebagainya melalui penglibatan sektor tersebut dalam program Kerajaan Negeri dengan melibatkan demonstrasi dan juga jualan bertujuan mempromosikan produk tersebut kepada masyarakat luar serta melalui kerjasama Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu dan juga Kraftangan Malaysia.
2. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) sentiasa memberi sokongan dan galakan serta menjalankan usaha-usaha bagi memperkasakan industri kraf termasuk kraf tradisional dari hasil logam seperti pembuatan tembaga dan keris. Pada tahun 2016, seramai 636 orang usahawan bergiat aktif menjalankan perusahaan kraf di Negeri Terengganu dengan nilai jualan sebanyak RM126.4 juga. Bilangan usahawan dan nilai jualan ini meningkat kepada 659 orang (peningkatan sebanyak 3.6 peratus) dan RM139.7 juta ( peningkatan sebanyak 10.5 peratus) pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, seramai 115 orang merupakan usahawan batik dengan nilai jualan sebanyak RM232.5 juta, 353 orang usahawan songket berserta nilai jualan sebanyak RM21.6 juta dan 18 orang usahawan tembaga dengan nilai jualan sebanyak RM2.5 juta.

- 2.1 Antara inisiatif yang dilaksana bagi membangun dan melestarikan industri kraf di Negeri Terengganu adalah seperti berikut:

#### **2.1.1 Program Pembangunan Kemahiran Kraf**

Dalam memastikan kesenimbungan perusahaan kraf tangan di Negara ini, Institut Kraf Negara telah menyusun latihan kemahiran kraf secara formal di peringkat sijil dan diploma yang ditawarkan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia. Enam bidang kraf yang ditawarkan iaitu Seni Kraf Batik, Kayu, Logam, Seramik, Rotan dan Buluh. Pada tahun 2017 Institut Kraf Negara telah menerima pengiktirafan akreditasi penuh terhadap program kemahiran kraf di peringkat sijil dan diploma daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Pengiktirafan ini telah memperakui kemahiran graduan Institut Kraf Negara bukan sahaja di peringkat negara tetapi juga sehingga ke peringkat antarabangsa dan secara tidak langsung memartabatkan industri kraf negara. Pengambilan pelajar dari seluruh Malaysia termasuk dari Negeri Terengganu dapat memastikan belia-belia di latih secara formal dan dapat kembali ke negeri kelahiran bagi melestarikan industri kraf dalam bidang yang dipelajari.

#### **2.1.2 Program Satu Daerah Satu Industri – Produk Kraf**

Bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran produk kraf yang lebih konsisten dan berdaya saing, pembangunan usahawan kraf turut dilaksanakan menerusi pelaksanaan aktiviti Pemerksaan Kemahiran yang merangkumi kemahiran teknikal, aplikasi teknologi pengeluaran, rangsangan usahawan, projek Kraf KampungKu (KKK) dan Pembangunan

Usahawan Muda merangkumi Pra Inkubator. *Lab Start Up*, Fasiliti Fizikal *Inkubatee* serta Gunasama.

Antara aktiviti pembangunan usahawan yang dilaksanakan adalah Latihan Jangka Pendek Pengeluaran Blok Batik bagi melatih usahawan pelapis dalam bidang tembaga, Makmal Kemahiran Teknikal Perwarnaan dan Kemasan Tikar, Orientasi Pengeluaran Produk Kraf Tekstil (Batik) dan Orientasi Pengeluaran Produk Hasil Rimba (Kayu) sempena Hari Kraf Kebangsaan 2017 dan pemberian insentif bahan mentah tembaga kepada usahawan kraf. Kraftangan Malaysia juga telah menyediakan stok bahan mentah untuk kegunaan usahawan bagi mengatasi kekurangan bahan mentah di pasaran. Pada tahun 2018, Kraftangan Malaysia akan melaksanakan Makmal rekabentuk produk kraf tembaga teknik forming bagi memberi kemahiran dan pendedahan pembuatan tembaga menggunakan teknik pembentukan kepingan. Makmal ini akan dapat menghasilkan produk tembaga yang mampu bersaing di pasaran dan rekabentuk yang lebih terkini mengikut trend semasa. Selain itu, Makmal Anyaman yang memberi penumpuan kepada penghasilan kipas tangan akan turut dilaksanakan bagi melatih generasi muda membuat anyaman kipas dan meningkatkan pengeluaran. Makmal pewarnaan mengkuang juga dilaksanakan bagi menghasilkan sejumlah 1,000 unit beg seminar anyaman yang melibatkan seramai 13 orang penganyam.

### 2.1.3 Program Rekabentuk dan Pembangunan Kraf

Program ini diperkenalkan bagi memastikan produk kraf yang dihasilkan memenuhi cita rasa pasaran terkini menerusi aktiviti pembangunan rekaan produk baru, kajian teknologi, kajian bahan serta pembangunan standard. Bagi pembangunan produk kraf di Negeri Terengganu, Kraftangan Malaysia telah memperkenalkan Sijil Pematuhan Standard MS 692:2007 (Batik Malaysia) pada tahun 2015 dan Sijil Pematuhan Standard MS 1747: Bahagian 1:2007 (Songket Malaysia) pada tahun 2016. Penggunaan standard ini berupaya membangunkan batik dan songket tempatan agar berdaya saing di pasaran domestik dan antarabangsa. Sehingga kini, seramai 9 orang usahawan kraf baik tempatan di Terengganu telah mendapatkan sijil pengiktirafan standard batik manakala seramai 26 orang usahawan kraf telah mendapatkan sijil pengiktirafan standard songket Malaysia. Kerjasama Kraftangan Malaysia dan Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu telah meletakkan Songket Terengganu untuk mendapat Geografical Indicator (GI), ia dapat meningkatkan keyakinan pembeli di samping menjaga industry ini untuk terus kompetitif di pasaran terbuka.

Pembangunan produk tembaga di Negeri Terengganu juga telah dilaksanakan mulai tahun 2013 menerusi penghasilan reka bentuk periuk tembaga yang berinovasi dan berkualiti, mudah digunakan serta merta pengguna.

Produk tembaga ini telah dikomersilkan dan diperkenalkan semasa penganjuran program PREKA tahun 2014 dan Hari Kraf Kebangsaan 2015, 2016 dan 2017. Produk ini juga telah digunakan dan dipromosikan oleh

agensi swasta dan perhotelan iaitu Hotel Primula Beach Resort, Kuala Terengganu, Terengganu; Institut Perhotelan dan Kulinari Johor Bahru, Johor dan Hotel Mutiara Johor Bahru, Johor.

#### 2.1.4 **Program Pemasaran Kraf**

Pengkomersilan produk kraf dilakukan melalui Program Pemasaran Kraf iaitu aktiviti promosi di peringkat domestik dan antarabangsa bagi memperluaskan saiz pasaran kraf tempatan. Pada tahun 2017, sebanyak 33 aktiviti promosi telah disertai oleh usahawan kraf di Negeri Terengganu dengan nilai jualan sebanyak RM3,215,556.92 dan penyertaan usahawan seramai 101 orang. Usahawan kraf di Terengganu juga telah menyertai aktiviti Promosi Bertema anjuran Kraftangan Malaysia iaitu Hari Kraf Kebangsaan 2017, *Kuala Lumpur International Craft Festival (KLICF) 2017* dan Pasareka 2017. Mereka juga berpeluang menyertai aktiviti promosi dan pemasaran yang dianjurkan oleh agensi kerajaan atau swasta seperti Pesta Pantai Beautiful Terengganu Red One 2017 anjuran Persatuan Pelancongan Terengganu, Pasarnita 2017 dan Pekan Budaya Daerah Kuala Nerus/Dungun 2017 anjuran Kerajaan Negeri Terengganu.

Bagi penerusan pengkomersialan produk kraf Negeri Terengganu beberapa siri penerangan, taklimat bersama agensi-agensi kerajaan lain turut diadakan bagi meningkatkan jualan menerusi on-line serta galakan jualan menggunakan medium terkini iaitu *on-line marketing*. Pusat jualan kraf di Kraftangan

Malaysia Terengganu dijadikan sebagai Craft Business Centre bagi kemudahan kepada usahawan untuk berurusniaga serta untuk mendapatkan maklumat pasaran, rekaan dan trend. Kraftangan Malaysia juga dengan kerjasama Yayasan DiRaja Sultan Mizan turut mengadakan inisiatif mewujudkan Persatuan Pengusaha-pengusaha Tembaga atau TEMAGA. Persatuan ini buat pertama kalinya telah menyertai Hari Kraf Kebangsaan 2018 untuk memperkenalkan produk kraf tembaga Terengganu.

3. Melalui Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU), Kerajaan Negeri Terengganu telah mendaftarkan di Perbadanan Harta Intelek (MyIpo) di bawah "Petunjuk Geografi" bagi produk tembaga, ukiran kayu, batik dan songket.
  - 3.1 YPU juga telah mengadakan program kerjasama dengan Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) bagi mencari pelapis pengusaha tembaga.
  - 3.2 YPU juga telah menyerajaikan pengusaha tembaga, ukiran kayu dan pengusaha produk tradisional yang lain melalui E-SDSI di bawah MITI dan ICU Jabatan Perdana Menteri.
- 3.3 Melalui YDSM, juga telah ditubuhkan Persatuan Tembaga Terengganu bagi memudahkan penyelarasan pengusaha tembaga.
- 3.4 Secara umumnya, Pihak Kraftangan Malaysia adalah lebih menumpukan perhatian pada usaha membantu pengusaha produk kraf dan tradisional ini. Kerajaan Negeri terutamanya melalui YPU juga membantu.

4. SIRIM Terengganu sebelum ini ada membuat dan menjual barang cenderamata tembaga di bengkel dan pejabatnya di Chendering. Namun begitu, atas sebab-sebab tertentu pihak pengurusan SIRIM telah memutuskan untuk menutup aktiviti di bengkel dan jualan produk cenderamata sejak tahun 2013.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS**  
**PADA 01 HINGGA 04 JULAI 2018**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 9.1.10.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI**  
**WAKIL KEMASIK**

SOALAN 1 : Apakah pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang

untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah terutamanya dari kalangan belia di Negeri Terengganu?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Berapakah jumlah bilangan pelancong yang melawat Terengganu bersempena Tahun Melawat Terengganu 2017 dan apakah perancangan kerajaan untuk menjadikan Terengganu sebagai destinasi pelancongan setanding Melaka?

JAWAPAN : Bilangan pelancong yang melawat Terengganu bersempena Tahun Melawat Terengganu 2017 adalah seramai 4,907,675 orang.

Kerajaan sedang merangka Pelan Induk Pelancongan Negeri Terengganu (Tourism Terengganu Master Plan) untuk menjadikan Terengganu sebagai sebuah negeri pelancongan berdasarkan lima kluster destinasi pelancongan iaitu:-

- a. Kuala Terengganu
- b. Pulau dan Pantai
- c. Alam Semulajadi
- d. Seni, Budaya dan Warisan
- e. Tasik Kenyir

Kerajaan juga sentiasa menyertai ekspo-ekspo pelancongan diperingkat antarabangsa mahupun kebangsaan seperti:-

- a. World Travel Mart (WTM), London
- b. International Tourism us Bourse (ITB), Berlin
- c. Malaysia Tour & Travel Agency (MATTA) Fair
- d. Malaysia Inbound Travel Agency (MITA) Fair

Pengiklanan untuk mempromosikan pelancongan Negeri Terengganu juga di buat di:

- a. Kuala Lumpur International Airport (KLIA)
- b. Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA2)
- c. Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor
- d. Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu
- e. Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan

- f. Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu
- g. Majalah Gaya Travel
- h. Komuter Electric Train Service (ETS)

SOALAN 3 : Adakah kerajaan mempunyai maklumat berkenaan masalah muara sungai di seluruh Terengganu yang menjelaskan aktiviti dan pendapatan nelayan dan perancangan kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN : 1. Ya. Kerajaan Negeri mempunyai maklumat berkaitan masalah muara sungai di seluruh Negeri Terengganu.

2. Maklumat berkaitan masalah tersebut adalah sebagaimana berikut:-

2.1 Negeri Terengganu mempunyai pantai sepanjang 244 KM dengan 14 muara sungai utama.

2.2 Pecahan muara sungai mengikut daerah adalah:-

i. Besut : Sg. Besut dan Sungai Keluang  
ii. Setiu : Sg. Setiu dan Sungai Merang

iii. K. Terengganu : Sg. Terengganu dan Sg. Ibai

iv. Marang : Sg. Marang dan Sg. Merchang

v. Dungun : Sg. Dungun dan Sg. Paka

vi. Kemaman : Sg. Kerteh, Sg. Kemasik,  
Sg. Kijal dan Sg. Kemaman

2.3 Hampir keseluruhan 14 muara sungai di Terengganu menghadapi masalah yang sama iaitu pemendapan sedimen pasir yang telah menjelaskan aktiviti dan hasil mata pencarian para nelayan.

3. Antara usaha kerajaan dalam menangani masalah-masalah tersebut adalah seperti pelaksanaan projek-projek pemulihan muara yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak JPS Negeri Terengganu sebagaimana berikut:-

### **3.1 BESUT**

Projek	:	Projek Pemulihan Sungai Besut
Status	:	Dalam Perlaksanaan
Kos	:	RM224.6 Juta
Tempoh	:	13.12.2016 – 12.12.2019

### **3.2 SETIU**

a). Projek : Projek Pemulihan Sungai Setiu

Status : Peringkat rekabentuk terperinci.  
Jangka Tender pada Disember 2018

Anggaran Kos : RM150 Juta

b). Projek : Projek Pemulihan Sungai Merang

Status : Dalam proses permohonan RMK-11

Anggaran Kos : RM200 Juta

### **3.3 KUALA TERENGGANU/KUALA NERUS**

a) Projek : Projek Pembangunan Muara Sungai Terengganu

Status : Telah siap pada 2009  
Dilaksanakan dalam 3 Fasa

Anggaran Kos : RM531.7 Juta

b). Projek : Projek Pemuliharaan Sungai

Ibai

Status : Dalam proses permohonan  
RMK-11

Anggaran Kos : RM30 Juta

### 3.4 MARANG

a). Projek : Projek Pemuliharaan Muara Sungai Marang

Status : Dalam proses permohonan  
RMK-11

Anggaran Kos : RM5 Juta

b). Projek : Projek Pemuliharaan Sungai Merchang

Status : Peringkat Rekabentuk  
Terperinci  
Jangka Tender pada  
Disember 2018

Anggaran Kos : RM43 Juta

c). Projek : Projek Penyelenggaraan  
Tahunan Bagi Mendalam  
Sungai Merchang

Status : Peringkat Penyediaan  
Dokumen

Anggaran Kos : RM500,000.00

### 3.5 DUNGUN

a) Projek : Projek Pengorekan Muara  
Sungai Dungun

- Status : Dalam proses permohonan  
RMK-11
- Anggaran Kos : RM250 Juta
- b) Projek : Projek Pemuliharaan Sungai Paka
- Status : Dalam Perlaksanaan
- Anggaran Kos : RM132.25 Juta
- Tempoh : 17.5.2018 – 16.5.2021
- 3.6 KEMAMAN**
- a) Projek : Projek Pemuliharaan Muara Sungai Kemaman
- Status : Telah siap pada 2008
- Kos : RM84.6 Juta
- b) Projek : Projek Penyelenggaraan Sungai Kijal
- Status : Penyelenggaraan berkala tahunan
- Kos : Purata RM60,000 setahun
- c) Projek : Pembinaan Cove bagi perlindungan dan pendaratan nelayan
- Status : Dalam perancangan
- Kos : Anggaran RM7.5 Kita
- d). Projek : Projek Pengorekan Muara Sungai Kerteh
- Status : Dalam proses permohonan

RMK-11

Kos : RM150 Juta

SOALAN 4 : Apakah perancangan kerajaan untuk membantu meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah di dalam situasi harga pasaran getah rendah?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Apakah tahap kebersihan terkini tandas-tandas awam di seluruh negeri berdasarkan rating Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan apakah tindakan-tindakan yang sedang dan akan dilaksanakan untuk memastikan kebersihan tandas dan tempat awam secara umum berada di tahap bersih?

JAWAPAN : Tahap kebersihan bagi tandas-tandas awam di seluruh Negeri Terengganu adalah memuaskan berdasarkan Garis Panduan 'Star Rating' Kebersihan Tandas kegunaan awam di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Tindakan yang diambil bagi memastikan kebersihan tandas awam sentiasa di tahap yang bersih seperti:-

- Membuat pemeriksaan dan pemantauan secara berkala di semua tandas di Negeri Terengganu dengan menggunakan format borang yang dilikeluarkan oleh pihak KPKT.
- Memberikan latihan dan kursus kepada pengusaha tandas berkaitan dengan kaedah pembersihan, pencucian yang betul.
- Mengajurkan pertandingan kebersihan dan keceriaan

tandas di Peringkat Daerah dan Peringkat Negeri.